
**PROSIDING SEMINAR TERJEMAHAN, BAHASA
DAN BUDAYA MELAYU-CHINA 2017**

**INTERAKSI PERADABAN MELAYU-CHINA
MELALUI AKTIVITI TERJEMAHAN, BAHASA DAN
BUDAYA**

Editor

Goh Sang Seong

Tan Xiao

**PROSIDING SEMINAR TERJEMAHAN, BAHASA
DAN BUDAYA MELAYU-CHINA 2017**

**INTERAKSI PERADABAN MELAYU-CHINA
MELALUI AKTIVITI TERJEMAHAN, BAHASA DAN
BUDAYA**

Editor

Goh Sang Seong

Tan Xiao

Diterbitkan oleh:

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM
Pulau Pinang.

Tel : 04 653 3888

Faks : 04 656 3707

Lawan sesawang: <https://humanities.usm.my/>

Hak cipta kompilasi kertas kerja © Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
Hak cipta setiap kertas kerja © penulis kertas kerja
2017

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Interaksi Peradaban Melayu-China melalui Aktiviti Terjemahan, Bahasa dan Budaya / editor Goh Sang
Seong, Tan Xiao

ISBN 978-967-394-282-4

Muka Taip Teks: Times New Roman

Saiz Taip Teks: 12

SENARAI KANDUNGAN

PRAKATA	vii
BAHAGIAN TERJEMAHAN	
1 SEJARAH RINGKAS PENTERJEMAHAN KARYA CERITA POPULAR CINA Ding Choo Ming	2
2 LIKU-LIKU PENTERJEMAHAN MANUSKRIP <i>SULALAT AL-SALATIN</i> KE DALAM BAHASA CHINA Fu Congcong	19
3 PERBANDINGAN PENTERJEMAHAN KARYA SASTERA KANAK-KANAK DI MALAYSIA DAN CHINA Atikah Zabir & Haslina Haroon	24
4 TERJEMAHAN KARYA KLASIK CINA KE DALAM BAHASA MELAYU: KEPERLUAN MEMAHAMI BUDAYA MELAYU Azman Che Mat, Goh Ying Soon, Azarudin Awang & Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar	28
5 PENTERJEMAHAN BAHASA CHINA-BAHASA MELAYU: DAHULU, KINI DAN MASA DEPAN Goh Sang Seong & Boh Phaik Ean	33
6 PRINSIP PENTERJEMAHAN BERDASARKAN <i>ILMU MENGARANG MELAYU</i> (1934/2002) OLEH ZA'BA Haslina Haroon	38
7 ANALISIS PENTERJEMAHAN KATA ABSTRAK 'YUQI ZHUCI TIPIKAL' DALAM <i>DALAM HUJAN RENYAI</i> Jennica Chin Ai Ai & Goh Sang Seong	42
8 STRATEGI PENTERJEMAHAN NILAI FALSAFAH DALAM <i>HIKAYAT TIGA NEGARA</i> Oo Jiu Bell & Goh Sang Seong	47
9 MEMAHAMI PERTEMBUNGAN BUDAYA CINA-MELAYU MELALUI PENTERJEMAHAN AUDIOVISUAL Hasuria Che Omar	52
10 MANIFESTASI FANTASI DALAM SASTERA RAKYAT TERJEMAHAN CHINA-MELAYU Madiawati Mamat@Mustaffa & Rohaya Md Ali	60
11 关于中国传统文化典籍马来语译介的几个问题 谈笑	65
12 《聊斋志异》马来文译本赏析 邵颖	70
13 浅析马来语翻译与文学选读课程融合式教学模式 王荷蓬	76

BAHAGIAN BAHASA

14	PENGARUH KOSA KATA BAHASA CINA DALAM PANTUN MELAYU: SATU ANALISIS HUBUNGAN MAKNA DAN SIMBOL DARI SUDUT SEMIOTIK Eizah Mat Hussain & Nur Hamizah Hashim	82
15	PENGGUNAAN BAHASA MELAYU STANDARD PENUTUR KEDUA: SATU ANALISIS PERSPEKTIF PSIKOLINGUISTIK OLEH PENUTUR IBAN DAN MELAYU SARAWAK Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek	87
16	SENI BAHASA SASTERA MELAYU UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN SISWA PENDIDIK (SJKC) DI IPG Rashinawati Abd Rashid, Noor Azzam Abdul Rahim, Shasitharan Raman Kutty & Zakri Abdullah	91
17	SUMBANGAN BAHASA ARAB KEPADA BAHASA MELAYU DARIPADA ASPEK PENYERAPAN BAHASA DAN BUDAYA Musliha Ismail & Nik Zul Azhar Nik Hassan	96
18	PENGETAHUAN BERSAMA TENTANG UNSUR TABU DALAM BUDAYA MELAYU DAN BUDAYA CHINA BAGI MENJAMIN KECEKAPAN PRAGMATIK DALAM BERBAHASA Hasmidar Hassan	100
19	ANALISIS KESILAPAN ASPEK MORFOLOGI DALAM PENULISAN PELAJAR CHINA Rohaidah Haron	106
20	KATA PINJAMAN BAHASA HAN DALAM BAHASA MELAYU Zhao Dan	112
21	颜色在汉语与马来语中的运用及联想 李冰玲 & 曹文富	118
22	汉马习语文化内涵对比 刘佳荣	122

BAHAGIAN BUDAYA

23	NARATIF SAKRAL IBADAH HAJI DARIPADA PERSPEKTIF ORANG MELAYU Aiza Maslan @ Baharudin	128
24	MALAYSIA DAN CHINA: KAITAN POPULASI MASYARAKAT ISLAM DENGAN FIQH KONTEMPORARI Mohd Akram Dahaman@Dahlan, Mohd Nizho Abdul Rahman, Solahuddin Abdul Hamid, Muhamad Khadafi Hj. Rofie & Syukri Ahmad	133
25	TAHAP KESEPADUAN BUDAYA MELAYU DALAM KEHIDUPAN KOMUNITI CINA MUSLIM DI NEGERI TERENGGANU Azarudin Awang, Azman Che Mat, Wahairi Mahmud & Muallim Al-Bakri	139
26	FENOMENA PERTUKARAN IDENTITI MELANAU: SUATU HIPOTESIS DAN FAKTA Chong Shin	144
27	AMALAN MASYARAKAT MELAYU DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA WANITA: ANTARA SUNNAH DAN AMALAN KEBIASAAN Roshimah Shamsudin	151
28	ASPEK KOMITMEN: SATU ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA BUDAYA KERJA ISLAM DAN CINA Mohamad Khadafi Hj Rofie, Shukri Ahmad, Akram Dahaman & Zainal Md Zan	155
29	DARIPADA PEMBINAAN MASJID SENI BINA CINA (MASJID BEIJING) KEPADA PENGANJURAN EKSPLO PERDAGANGAN CHENG HO : LAMBANG INTERAKSI TAMADUN CINA DALAM MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN, MALAYSIA. Norazlan Hadi Yaacob	160
30	PERBANDINGAN BUDAYA MALAYU DAN CINA DI MALAYSIA Hajah Siti Khariah Mohd Zubir, Mohd Ra'in Shaari & Zarima Mohd Zakaria	167
31	多重身份与文化跨越——以杨贵谊为个案 吴小保	173
32	马来诺族祭海咒语研究及分析 潘慧 & 张胜	176
33	试论马来群岛的村社文化 韦祎	184

BAHAGIAN SEJARAH, SASTERA DAN KEMASYARAKATAN

34	SURAT MELAYU DAN HUBUNGAN CHINA-MELAKA PADA ABAD KE-15 Nik Haslinda Nik Hussain	192
35	SEJARAH INTERAKSI DALAM HUBUNGAN SOSIOBUDAYA CHINA SELATAN DENGAN ALAM MELAYU: KAJIAN KES CINA PERANAKAN KELANTAN, MALAYSIA Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah	200
36	DRAMA MELAYU SEBAGAI SARANA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNSUR IRONI DALAM BAHASA MELAYU Maizira Abdul Majid & Hasmidar Hassan	204
37	PEMIKIRAN PATRIOTISME DAN NASIONALISME DALAM KARYA LIM LIAN GEOK DAN USMAN AWANG Chong Fah Hing	210
38	BUDAYA PERANCANGAN DALAM CERITA PENGLIPUR LARA: ANALISIS BERDASARKAN <i>HIKAYAT KHOJA MAIMUN</i> Sara Beden	214
39	HUBUNGAN ANTARABANGSA DALAM NOVEL-NOVEL FAISAL TEHRANI DAN SEJARAH MELAYU Wan Zaliha Wan Othman & Hjh. Amanah Mohd Noor	219
40	BERBICARA MENGENAI PUISI MELAYU DAN CIRI-CIRI CIPTAANNYA Bai Danni	223
41	中马联合军演与中马关系 刘勇	227
42	1990年以来中马防务合作的发展——回顾与展望 文一杰	232
43	马来西亚华人与国家文化塑造：以马来西亚华人文化节为中心的探讨 施雪琴	237
44	中国语言文化在马来西亚的传播——以马来亚大学孔子学院为例 岑雨洋	244

Prakata

Prosiding berjudul **Interaksi Peradaban Melayu-China Melalui Aktiviti Terjemahan, Bahasa dan Budaya** ini ialah prosiding yang diterbitkan sempena penganjuran bersama *Seminar Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu-China (STBBMC) 2017* oleh Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dengan Guangdong University of Foreign Studies.

Prosiding ini menghimpunkan kertas kerja berdasarkan bidang disiplin, iaitu terjemahan, bahasa, budaya serta sejarah, sastera dan kemasyarakatan. Kertas kerja-kertas kerja ini meneroka dan membincangkan isu-isu dalam aktiviti terjemahan, bahasa dan budaya Melayu-China daripada sudut pandangan yang pelbagai. Beberapa cadangan dan saranan yang dapat membantu mempergiat aktiviti interaksi peradaban Melayu-China turut diusulkan.

Diharapkan prosiding ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan ilmiah kepada pelajar, penyelidik dan penggubal dasar malahan turut menjadi sumber inspirasi kepada semua pihak dalam pelestarian keharmonian antara dunia Melayu dan dunia China.

Goh Sang Seong
Tan Xiao
Editor

序言

本论文集是由马来西亚理科大学人文学院翻译研究中心及广东外语外贸大学共同主办的“2017中国-马来西亚翻译、语言和文化研讨会”的会议论文集，本论文集的主旨是通过翻译、语言和文化活动来实现中马两种文化之间的互动和交流。

本论文集汇集了涉及翻译、语言、文化以及历史、文学、社会等诸学科领域的多篇论文。这些论文从不同的角度对中马两国之间的翻译、语言和文化活动进行了深入的探讨。其中的许多论述和观点有助于推动中马两国之间的文化互动向更深层次发展。

衷心期待本论文集不仅能够成为广大学习者、研究者和政策制定者的学术参考资料，而且能够成为致力于永葆中马两国人民友谊万古长青各方之灵感源泉。

吴尚雄
谈笑
主编

BAHAGIAN TERJEMAHAN

SEJARAH RINGKAS PENTERJEMAHAN KARYA CERITA POPULAR CINA

Ding Choo Ming¹
70, Jalan Jade Hills 1/1
Jade Hills
43000 Kajang
Malaysia
dingukm@gmail.ukm.my

ABSTRAK

Sejarah perkembangan penerbitan karya terjemahan orang Cina di Alam Melayu sekitar 100 tahun dahulu itu perlu dikaji berlatarbelakangkan kedudukan sosiobudaya dan ekonomi orang Cina generasi baharu di kota-kota besar. Kegiatan itu adalah sebahagian daripada mozek kebudayaan Cina hasil daripada interaksi kebudayaan Cina di rantau ini dengan memanfaatkan teknologi percetakan dan kemudahan awam yang lain dari Barat. Peluang baharu itu tidak wujud sebelum itu. Dalam tempoh sekitar seabad sejak 1880-an sehingga Perang Dunia II, ribuan buku terjemahan cerita popular Cina daripada dinasti Cing dan Ming sudah diterbitkan untuk memenuhi kehendak khalayak orang Cina yang tahu berbahasa Melayu, tetapi tidak semestinya bahasa Cina. Dalam tempoh itu penerbitan buku terjemahan itu menguntungkan semua pihak dengan ratusan penterjemah dan penerbit. Akan tetapi, kegiatan itu terhenti akibat pendudukan Jepun, kemelesetan ekonomi dunia dan pergolakan politik di Alam Melayu. Kegiatan itu sudah dihidupkan balik oleh sekumpulan pelajar Nantah. Namun, kegiatan baharu itu tidaklah serancak dan sehebat seperti masa dahulu. Yang menarik ialah buku terjemahan selepas Perang Dunia II adalah dua hala (daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya) dan bukannya sehala (daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu) lagi walaupun karya yang diterjemahkan pada dua peringkat masa itu adalah yang popular dan terkenal. Pada akhir kertas kerja ini, diberikan cadangan untuk memperbaiki keadaan yang lesu itu.

PENGENALAN: TITIK PERMULAAN SEJARAH PENTERJEMAHAN

Tidak ada orang tahu dengan pasti bila dan bagaimana orang Cina mula-mula sekali mendarat dan hidup di Alam Melayu yang meliputi Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura, Selatan Filipina dan Selatan Thailand. Daripada kajian Claudine Salmon (1977, 1987 & 2013), kita tahu suatu proses interaksi budaya yang hebat sudah berlaku dalam kalangan orang Cina, tidak kira sama ada peranakan Tionghua/ baba atau totok. Antara yang dimaksudkan itu ialah orang Cina di Indonesia (dikenali sebagai Dutch East Indies) dan Malaysia (yang disebut sebagai Tanah Melayu, terutamanya Negeri-Negeri Selat) sudah menggunakan bahasa Melayu Rumi (belum ada perbezaan antara bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia) untuk menterjemahkan cerita popular daripada sastera China sejak Dinasti Cing dan Ming. Hal ini menunjukkan kebanyakan orang Cina di Alam Melayu sejak dahulu lagi sudah menggunakan bahasa Melayu, semacam bahasa pasar, iaitu *colloquial Malay*, yang sudah digunakan umum sebagai bahasa perdagangan dan komunikasi atau *lingua franca* di Alam Melayu. Hal ini bererti juga bahawa sebahagian besar orang Cina pada masa itu adalah buta huruf bahasa Cina. Daripada karya terjemahan yang besar bilangannya itu dapatlah dibayangkan betapa kuatnya kuasa bahasa Melayu selain tarikan mereka kepada cerita popular dahulukala Cina dalam kalangan orang Cina pada masa itu⁴. Kesemua ini juga bermakna bahawa

¹Terima kasih saya ucapkan kepada Fu Congcong, Pan Hui, Zhang Yu-an dan Xu You-nian di China; Chan Maw Woh di Singapura; Chan Yong Sin, M. C. Cheah, Chew Fong Peng, Norhayati Mohamed, Chong Ton Sin dan Goh Sang Seong di Malaysia dan C. W. Watson dan Soeria Disastra dari Indonesia kerana kerjasama memberi maklumat sehingga tersusunnya bibliografi buku dalam lampiran.

²Dutch East Indies (Indonesia) Belanda (1820-1940s) and Tanah Melayu di bawah penjajahan Inggeris (1771-1957).

³Bahasa Melayu Rumi, menurut definisi Siow Hay Yam, dalam pantunnya *Sam Pek Eng Tai* yang dipetik di siarkan dalam *Kabar Slalu* (17 Januari 1924) adalah dia bache oleh malam pukul tuju, kanak-kanak datang berdebu-debu, apa Incek main-bacha itu, huruf Ingris bahasa Melayu'

⁴Bahasa Melayu sudah diketahui dengan meluas. Hal ini ditunjukkan juga dalam petikan yang berikut: 'Menurut khandak istri kekaseh sahya, ini puji-pujian sudah di-salinkan dalam bhasa Melayu yang orang pranakan kita dan nyonya-nyonya disini boleh mgerti (*Preface buku Wee Chin Kam – Shair Puji-Pujian. Singapore: Sing Brothers, 1938*).

hubungan antara *huachiao* di Alam Melayu dengan kebudayaan induk mereka di China bukan sahaja tidak pernah terputus, malah sudah dikembangkan kepada keturunan orang Cina sendiri dan juga orang bukan Cina yang berminat melalui kerja terjemahan ke dalam bahasa Melayu.

Kerja terjemahan cerita dahulukala Cina ke dalam bahasa Melayu dan penerbitannya yang bermula pada 1850-an di Indonesia dan beberapa tahun kemudian di Tanah Melayu itu dimulakan oleh orang Cina generasi baharu setelah mereka tahu menulis bahasa Melayu Rumi dan bahasa Cina. Inilah titik permulaan sejarah penterjemahan yang dilakukan orang Cina, atau *huachiao*, kira-kira 100 tahun dahulu. Yang mereka lakukan itu juga bukan sahaja kemuncak kegemilangan mereka berinteraksi dengan kebudayaan Melayu, tetapi juga kemuncak kegemilangan sosioekonomi orang Cina yang tidak pernah tercapai sebelum itu. Oleh sebab keterbatasan ruang dan masa, lebih-lebih lagi banyak lagi maklumat penting tentang kegiatan penterjemahan itu belum diketahui, maka yang dapat dibentangkan dalam kertas pendek sekarang cumalah sejarah ringkas perkembangannya sejak karya terjemahan cerita popular dahulu termasuk *Shuihu zhuan* (水浒传), *Xue Rengui zheng dong* (薛仁贵东征), *Yizhimei* (一枝梅), *Bamei tu* (八美图) dan *Zhengde jun you jiangnan* (正德君遊江南) sejak 1882 di Indonesia dan *Heng Guan Seo Chia*, *Hong Keow*, *Kim Ko Kee Quan* dan *Lwee Hong Thak* sejak 1889 di Malaysia.

Yang tercapai itu bukan sahaja suatu yang baharu yang tidak mungkin dilakukan orang Cina di Alam Melayu sebelumnya, malahan sukar ditandingi orang Cina yang akan datang untuk selama-lamanya, maka menyebabkan kegigihan mereka itu sukar dikekalkan sehingga sekarang dan menyebabkan kegiatan penterjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya lesu. Daripada segi jumlah karya, bilangan penterjemah, kepelbagaian topik dan permintaan khalayak yang membolehkan sebahagian besar karya terjemahan itu diterbitkan berjilid-jilid, maka gerakan penterjemahan yang bertahan kira-kira tempoh 100 tahun itu boleh disifatkan sebagai the 'golden age' karya terjemahan dalam kalangan orang Cina. Kepelbagaian tema dalam ribuan buah karya dengan ciri dan sifat yang berbeza daripada karya terjemahan masa sekarang itu telah membuatkan karya itu mempunyai nilai kajian yang tersendiri. Namun kegiatan penerbitan dan penterjemahan itu tidak diberikan tempat dalam buku sejarah perkembangan sastera Indonesia dan Malaysia, termasuk *Modern Indonesian Literature* (1967) oleh A. Teeuw, *Pengantar Sejarah Sastera Indonesia* (2007) oleh Yudiono KS, dan *Sejarah Kesusasteraan Melayu* (2006) editor Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad & Johan Jaafar, walaupun banyak daripada karya itu sudah terbukti mempengaruhi sastera Indonesia pada peringkat awal dahulu. Antara sebabnya ialah kebanyakan bahan yang diingini itu sukar didapati, karya itu susah difahami selain karya terjemahan kurang menarik perhatian pegawai pentadbir Belanda dan Inggeris abad ke-19 dahulu selain sarjana sastera Melayu di Indonesia dan Malaysia sekarang. Ini menyebabkan karya terjemahan orang Cina dalam bahasa Melayu yang lahir di Alam Melayu itu masih mencari-cari rumahnya dalam buku sejarah sastera Indonesia dan Malaysia (Ding, 2010).

KARYA TERJEMAHAN CERITA POPULAR CHINA DAHULUKALA

Sejarah penterjemahan dan penerbitan itu bermula daripada orang Cina generasi baharu yang sudah berbeza daripada pendatang Cina yang lebih awal. Mereka sudah tidak lagi buta huruf seperti datuk mereka kerana sudah tahu bahasa Cina yang sama ada diajarkan di **rumah** (seperti Chan Kim Boon (曾锦文, 1851-1920) di Pulau Pinang⁵, sementara mempelajari huruf rumi di sekolah kerajaan penjajah Belanda dan Inggeris, iaitu sekolah mubaligh seperti *Penang Free School* yang ditubuhkan pada 1816, *Singapore Free School* pada 1823 dan *Malacca High School* pada 1826.

Seterusnya ada setegah orang yang tahu menulis dan membaca telah menjadi penulis, wartawan dan penterjemah. Sehubungan itu, Salmon (2013: 255) mendapati antara 1884 dan 1886 lebih kurang 14

⁵Liem Kheng Yong (林慶容, 1873-c.1938) dari Makassar dan Tjie Tjin Koeij (c. 1890-c. 1978) dari Sukabumi, Java Barat, atau sekolah swasta, atau rumah berhala Buddha, malah ada yang telah dihantar ke China untuk mempelajari bahasa Cina Go Tiauwoan (吴兆元) (1890-1956) dan Tan Tek Ho (陈泽和) (1894-1948) mempelajari Bahasa Cina di Jinan xuetang (暨南学堂) yang ditubuhkan khas untuk huachiao (Salmon 2013: 261) sementara *Liem Thian Joe* (林天佑) (c. 1895 - 1963) mengatakan ramai peranakan Tionghou pada awal abad ke 20 mendapat pendidikan di sekolah yang diusahakan orang Jawa (Salmon 2013: 235-6) dan Tjoa Tjoe Koan (蔡珠贵) (1861 - 1905) di Solo mengatakan dia boleh membaca akhbar Cina dan dalam Bahasa Jawa, selain huruf Rumi dan Jawi (Salmon 2013: 235).

orang penterjemah sudah lahir di beberapa buah kota besar yang akan disebut nanti. Sebelum itu, pada tahun 1619 ketika Dutch East India Company ditubuhkan di Batavia (kini Jakarta), sudah ada 400 orang Cina di kota itu. Bilangan mereka meningkat kepada 3,451 orang pada tahun 1742 dan seterusnya 10,000 orang pada tahun 1725 (Ding 2008 memetik Dobbin 1996:48-50). Daripada jumlah itu, 1,441 orang adalah pedagang dan peniaga, 935 orang petani dan tukang kebun, 728 pemilik atau pekerja kilang gula, pelombong bijih atau peniaga kayu balak, 326 orang tukang rumah, tukang besi, tukang emas dan lain-lain.

Sudah dibayangkan tadi bahawa sejarah penterjemahan dalam kalangan orang Cina di Alam Melayu pada masa dahulu itu perlu dikaji berlatarbelakangkan kedudukan ekonomi orang Cina yang kukuh di kota-kota besar seperti Bandung, Batavia, Bekasi, Bogor, Cirebon, Kediri, Malang, Semarang, Singapura, Surabaya dan Surakarta (Solo)⁶. Tempoh antara tahun 1850-an hingga Perang Dunia II adalah juga zaman kegemilangan bahasa, sastera dan budaya orang Cina di Indonesia dan Malaysia. Tempoh itu boleh juga dikatakan sebagai *post-literate period* masyarakat Cina di kedua-dua tempat itu berbanding dengan tempoh sebelumnya yang boleh dikenali sebagai *pre-literate period*. Perbezaannya yang utama ialah orang Cina daripada *post-literate period* telah menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan, dan bukan lagi sebagai bahasa pertuturan. Prasyarat lain kepada wujudnya perkembangan baharu itu ialah semakin ramai orang Cina di kota sudah mempunyai *disposable income*, selain masa lapang yang lebih banyak, maka mempunyai keperluan rohani yang baharu, termasuk suka membaca untuk ilmu, pengetahuan selain hiburan. Segala-gala yang baharu itu tidak mungkin wujud sebelumnya, iaitu sebelum adanya alat cetak, kenderaan moden, jalan raya, telefon dan lain-lain, sebelum adanya Terusan Suez (dibuka pada tahun 1869), lebih-lebih lagi Revolusi Industri di Barat. Dengan kata lain, generasi baharu itu adalah generasi orang Cina yang bertuah yang telah dibesarkan sebagai orang Cina menurut ajaran Konfusianisme, Taois dan Buddha di Alam Melayu yang terdedah kepada pengaruh pemodenan dari barat.

Dengan munculnya generasi baharu orang Cina, maka sudah lahirnya karya terjemahan berdasarkan cerita popular Cina masa dahulu dalam bahasa Melayu dengan banyak kata pinjaman dari dialek Hokkien dan Teochew. Sudah disebutkan tadi bahawa kegiatan penterjemahan cerita popular Cina pada masa dahulu dalam bahasa Melayu adalah antara aspek interaksi budaya Cina-Melayu yang teristimewa yang dialami orang Cina 100 tahun dahulu. Interaksi budaya Cina-Melayu yang hebat yang lain coraknya ialah lahirnya masyarakat dan kebudayaan peranakan Tionghua di Indonesia dan baba di Negeri-Negeri Selat di Malaka, Singapura dan Pulau Pinang. Antara perkara yang menarik dalam interaksi budaya sehingga lahirnya karya terjemahan cerita popular Cina pada masa dahulu dalam bahasa Melayu tidak lain daripada 'bahasa Melayu pasar' lisan itu sudah berubah statusnya menjadi bahasa tulis, media utama karya terjemahan di Indonesia dan Malaysia⁷.

Penerbitan karya terjemahan yang boleh bertahan kira-kira 100 tahun itu menyatakan adanya permintaan yang bukan sahaja tetap, tetapi juga yang semakin lama semakin besar terhadap bahan bacaan itu dalam kalangan orang Cina. Yang lebih menarik lagi ialah kepopularan karya tersebut untuk tempoh yang panjang itu sudah menjadi asas terbina ekonomi penerbitan dan perbukuan baharu dengan terbukanya peluang pekerjaan dan bisnes baharu kepada ramainya orang yang khusus bidang kerja masing-masing. Antara yang dimaksudkan adalah penterjemah, editor, pembaca (*reader*), ilustrator, penerbit (buku dan akhbar), pencetak, pengedar dan khalayak pembaca, antara yang lain. Antara perbezaan bidang kerja yang dimaksudkan itu sudah dinyatakan oleh Baba Kim Teck dalam karyanya, *Pantun-Pantun Dondang Sayang* (1916): "*Apa yang dikarangnya itu ditulis cucunya Chia Chui Li*". Sehubungan itu, dalam buku *Malay Pantun Book* yang dikarang oleh Lim Hock Choon, Malaka, 'diturunkan' oleh T. T. Wee di Singapura pada 1929 juga itu menyatakan '*Orang yang mengarang dihormati dan bukan orang yang menulis*'. Ini bermakna pengarang yang meliputi penterjemah sudah dihormati masyarakat dan bukannya orang yang menyalin (*copying*).

⁶Penerbitan tertumpu di kota-kota besar kerana di situlah pemusatan kegiatan ekonomi orang Cina. Dari situlah juga terentangnya jaringan perniagaan dan komers mereka ke tempat-tempat lain di Alam Melayu. Perkembangan itu tidak menghairankan memikirkan kota-kota besar itulah juga adalah yang paling 'modern' masa itu kerana sudah mempunyai teknologi percetakan, kemudahan pengangkutan dan prasarana komunikasi yang tercanggih masa itu, lebih-lebih lagi adanya agen pemasaran, maka membolehkan buku dan akhbar yang diterbitkan dapat disebarkan dengan cepat dan meluas ke tempat-tempat lain di Alam Melayu.

⁷Salmon (2013: 4-5) mengatakan ada karya terjemahan orang Cina di Indonesia dalam Bahasa Jawa, Sunda, Makasar dan lain-lain. Beliau menambah "*The first known translation of a Chinese novel was published in Batavia in 1882. Between 1883 and 1886 no less than forty works were printed which suggests that they may have been circulated earlier in manuscript form. Only one text in Javanese was published in 1873. The last one dates from 1913*".

Untuk memenuhi permintaan yang meningkat dari masa ke masa, lebih banyak cerita popular Cina masa dahulu sudah diterbitkan sejak karya terjemahan yang pertama yang sudah diterbitkan pada 1882 oleh syarikat Belanda H.M. van Dorp di Batavia, yang juga menerbitkan akhbar Melayu *Selompret Melajoe* (Salmon 2013: 253). Antara karya terjemahan cerita dahulukala yang popluar dari China sejak itu adalah *Sanguo Yanyi* (三国演义), *Honglou Meng* (红楼梦), *Xiyou Ji* (西游记), *Shuihu Zhuan* (水浒传), *Lieguo Zhi* (列国志), *Wumei Yuan* (五美缘), *Fenzhuang Lou Quanzhuan* (粉妆楼全传), *Qianlongjun You Jiangnan* (乾隆君游江南), *Luo Tong Sao Bei* (罗通扫北), *Jingu Qiguan* (今古奇观), *Charita Gak Wee* (岳飞) *Di Zaman Song Teow* (宋朝), *Sanhe Mingzhu Baojian* (三合明珠宝剑), *Liu Dajiangjun Ping Wo Zhanji* (刘大将军平倭战记), *Wanhua Lou* (万花楼), *Chrita Dahulu-Kala nama-nya Gnoh Bee Yean* (五美缘) di jaman Beng Teow (明朝), *Baishejing ji* (白蛇精记), *Zhong jie yi* (忠节义), *Sha zi bao* (杀子报) dan *Xu Hanwen* (许汉文)⁸.

Menurut Salmon (2013: 248), tidak kurang daripada 759 buah karya terjemahan seumpama itu di Indonesia dan lebih kurang 70 buah di Malaysia dari sekitar 1889 hingga 1950an. Ini menunjukkan *huachiao* di Alam Melayu pada pinggir abad ke-19 itu mempunyai minat yang sangat mendalam terhadap cerita dahulukala di China mengenai segala aspek hidup, maka sangat berminat terhadap kisah sejarah, cereka (*fiction*), legenda, keadilan dan pengadilan, keperwiraan, keagamaan, falsafah, antara yang lain. Sebahagian besar daripada cerita itu sudah diedarkan secara lisan oleh tukang cerita, atau pernah dipentaskan dalam bentuk wayang sebelum dituliskan, iatu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang diketahui oleh mereka untuk kali pertamanya.

Antara ciri utama karya terjemahan sebelum Perang Dunia II adalah nama buku yang panjang kerana dalam nama buku sudah terbayang isi kandungannya, watak-watak utama, tempat dan masa kejadian. Misalnya, *Chrita dulu-kala Chit-Sih Pat-Meng-Su* (七屍八命事) atau *Tuju Mayat Lapan Jiwa punya pasal*, *Neo Thian Lye* (梁天来) dan *Leng Kwi Hin* (凌贵兴) *punya Perkara-besar di negri Canton*, *Hong-tay Yong Cheng Koon* (皇帝雍正君) *punya tempo di zaman Cheng Teow* (清朝), (1934-38, 3 jilid) dan *Chrita dulu-kala bernama "Siang-Ha Ngo-Liong-Huay"* (上下五龙会) (*sambongan deri chrita Wakang* (瓦岗) *di zaman Tong Tiow* (唐朝), *Tong-Koh-Cho Lee Yan* (唐高祖李渊) jadi *Hongtay* (1932, 2 jilid). Masalah teknikal lain yang terlibat dalam kerja terjemahan sudah diberikan dalam buku Claudine (2013).

Sampai di sini ingin diyatakan bahawa kerja terjemahan yang dilakukan itu bukanlah terjemahan dalam erti kata yang kita fahami sekarang, tetapi lebih banyak berupa semacam *free translation* dengan si penterjemah yang berkenaan bebas memberikan penafsirannya, membuat adaptasi, menokok tambah dan sebagainya, maka menunjukkan unsur kreativiti mereka yang mereka fikirkan adalah perlu untuk membuatkan pembaca dapat memahami cerita itu dengan lebih baik. Contohnya ialah Chan Kim Boon telah memberikan glosari, menambah peta, selain penerangan lain dalam *Sam Kok* dan karya yang lain. Demikian juga dilakukan Wan Boon Seng.

Selain itu, amatlah sukar untuk kita memastikan sama ada karya itu terjemahan atau edisi baharu. Misalnya, *Lu Mudan* (绿牡丹) dan *Liang Tianlai* (梁天来) yang juga disebut dengan nama *Jiuming Qiyuan* (九命奇冤). Kesemuanya itu dikatakan sudah diterjemahkan oleh Lie Kim Hok pada 1886 dan sudah diterbitkan semula pada 1913 and 1919. Tetapi, Tjan Tjing Tjong mendakwa dialah yang menerbitkan edisi baharu *Lu Mudan*.

Yang menarik ialah hampir kesemua buku terjemahan itu berukuran antara 19cm x 14cm hingga 16cm x 10cm, mungkin untuk mudah dibawa.

⁸Anotasi dalam Bahasa Cina untuk judul buku dalam kertas kerja ini dipetik daripada buku Claudine (2013).

BEBERAPA TOKOH PENTERJEMAH MASA DAHULU DAN SEKARANG

Sampai di sini ingin ditanya: adakah terdapatnya penterjemah profesional dan sepenuh masa? Walaupun dikatakan kegiatan penterjemahan pada masa itu menguntungkan semua pihak, tetapi sampai hari ini belum ada penulis atau penterjemah di Alam Melayu boleh hidup dengan menulis atau menterjemah yang hanya dilakukan untuk menokok pendapatan mereka, baik sebagai guru, kakitangan di syarikat swasta dan jabatan kerajaan, peniaga, wartawan, penerbit dan lain-lain. Sehubungan itu, Salmon (2013: 255) mendapati Tan Tjin Hoa (陈振华) adalah juga pemilik kedai buku di Semarang, sementara Tjiong Hok Long (钟福龍) (1847- 1917) dari Batavia juga pemilik kedai Bo Seng (茂盛) dan Lie Kim Hok (李锦福) (1853-1912) yang lahir di Bogor dan bergiat di Batavia, dan mendapat pendidikan di sekolah mubligh dan tidak tahu bahasa Cina, Lie membuat terjemahan dengan bantuan Tan Kie Lam and Tee Pek Thay sebagai tukang cerita atau *Chinese readers*. Selepas kematian D.J. van der Linden pada 1885, Lie membeli syarikatnya yang dia sendiri pernah bekerja beberapa tahun sebelum itu dan menukar namanya kepada Lie Kim Hok Co. Setahun kemudian, beliau menubuhkan akhbar harian *Pemberita Betawi*. Disebabkan sukar bersaing dengan penerbit yang lebih besar di Batavia, beliau telah menjual mesen percetakannya kepada syarikat Belanda Albrecht and Co. sementara stok kedainya kepada syarikat Cina Tjoe Toei Yang (1849-91) di Batavia.

Untuk mengetahui kisah hidup penterjemah Indonesia yang lain pada masa dahulu, termasuk kaum wanita seperti Thio Tjio Nio yang menterjemahkan fiksi untuk akhbar *Tiong Hoa Wi Sien Po* (中华维新报) di Bogor pada 1906 dan lain-lain yang berwarna-warni latar belakang sosial, pendidikan dan kerjaya mereka, rujuklah buku Salmon yang sudah diterbitkan semula di Singapura pada 2013. Dengan berbuat demikian, barulah dapat kita memberikan ruang untuk memperkenalkan serba ringkas sejarah pendek kisah penterjemahan dan beberapa orang penterjemah di Indonesia dan Malaysia. Antara penterjemah Indonesia selepas Perang Dunia II yang ingin diketengahkan ialah Wilson Tjandinegara (陈冬龙) yang lahir di Makassar pada 1946 dan sudah meninggal dunia pada Februari 2017. Tjandinegara adalah sasterawan, budayawan, wartawan dan fotografer selain telah menterjemahkan *55 Puisi Cinta Mandarin* (1998), *Lelaki Adalah Sebingkai Lukisan* (男人是一幅画) (2001) dan *Menyangga Dunia di Atas Bulu Mata - karya 40 penyair keturunan Tionghoa* (1998), antara yang lain. Selain itu, ingin diketengahkan Soeria Disastra (卜汝亮) yang lahir 1943 di Bandung. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Chiao Chung dan mengajar di sekolah yang sama. Antara karya terjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Indonesia dan sebaliknya adalah *Senja di Nusantara* (?), *Tirai Bambu* (2006), *Salju dan Nyanyian Bunga Mei* (2010), *Tak Pernah Aku Melihat Bulan Tiongkok*, *Putra Putri Tionghoa Nusantara*.

Sekarang inzinkan saya menengahkan beberapa orang penterjemah di Malaysia selepas Perang Dunia II. Oleh sebab maklumat bibliografi untuk Chan Kim Boon sudah banyak⁹, eloklah kita alih perhatian kepada Wan Boon Seng (袁文成), Tan Beng Teck (陈明德) dan Siow Hay Yam (肖海炎) kerana kelebihan mereka. Wan Boon Seng yang juga menggunakan nama samaran Panah Pranakan adalah penterjemah yang paling prolifik dalam erti kata sudah menterjemahkan 21 buah buku. Antaranya *Chrita dulu-kala Ang-bin Sio-chia noo* (红面小姐) tempo Hongtay Song Seng Chong (宋成宗) di zaman Song Tiow (宋朝) (1931; Lek Bohtan (绿牡丹) atau Pau Choo Ann Tah lui-ta (鲍自安打擂台) di zaman Tong Tiow (唐朝) tempu Boo Chek Tian (武则天) jadi Hongtay (1935, 11 jilid) dengan dibantu Tan Yew Aik; L. Seng Poh (李成宝) *Chrita dulu-kala bernama "Hoon Chong Lau"* (粉妆楼) di zaman Ow Tong Tiow (后唐朝) tempu Khian Tek (乾德) jadi Hongtay (1934, 20 jilid) dengan bantuan N. M. Seng; *Chrita dulu-kala bernama "Sam Hup Beng-Choo Pohkiam"* (三合明珠宝剑) (Sambongan Sam-hap Pohkiam (三合宝剑)) di zaman Han Tiow (汉朝) Tempu Hongtay Han Boo Tay (汉武帝), Singapore (1935) dengan bantuan L.S. Poh dan N.M. Seng; *Chrita dulu-kala Nah-Kong* (蓝光) *Tong Pak Han di zaman Liat Kok* (1935, 4 jilid); *Chrita dulu-kala bernama Lam Koon Ong Soon Pin* (南极翁孙贻) atau *Chau Mah Choon Chu* (走马春秋) di zaman Liat Kok (列国) tempu Choon Ong jadi raja di Chay Kok

⁹Chan menjadi terkenal setelah menterjemahkan *Sam Kok* (1892-1896, 30 jilid), *Song Kang* (1899-1902, 19 jilid) dan *Kou Chey Thian* 1911-1913, (9 jilid).

(齐国) (1936-38, 6 jilid) dengan bantuan Tan Yew Aik dan *Chrita dulu-kala bernama "Sam Ha Lam Ton (三下南唐) di zaman Song Tiow (Song-Tye-cho Tio Kong In (宋太祖赵匡胤) (1931-32, 3 jilid). Beliau juga taukeh Pranakan Book Co. serta menerbitkan akhbar dan majalah *Bintang Pranakan, Sri Pranakan dan Story Teller*, selain akhbar, *Kabar Slalu dan Kabar Ucapan Baru*. Selain itu, beliau juga menerbitkan buku pantun *Dondang Sayang & Nyanyi-an lain-lain* (Singapore, Chew Yow Press, 1931).*

Seterusnya, Siow Hay Yam (萧海炎) sudah menerbitkan *Ini Chrita dulu Kala dari zaman Tong Teow bernama See Jin Quee Cheng Tang (薛仁贵征东) (1922, 7 jilid), Ini Chrita dulu kala dad zaman Tong Teow bernama Seeh Jin Quee Cheng Say (薛仁贵征西) (1921, 10 jilid). Pada mula-mulanya, beliau adalah pemangku setiausaha di Chinese Directory and Press Ltd. yang menerbitkan kedua-dua buah bukunya tadi. Beliau juga didapati telah berkongsi dengan peranakan baba yang lain bagi menubuhkan akhbar Baba seperti *Kabar Ucapan Baru* (1926) dan *Kabar Bintang Timor News* (1930). Beliau juga banyak mengarang pantun dan syair. Sementara itu, *Kabar Slalu*, sudah menyiarkan *Sam Pek Ing Tai* yang telah digubahnya semula ke dalam bentuk syair secara bersiri/ bersambung-sambung, hampir setiap hari atau berselang dua hari, mulai 17 Januari 1924 hingga mungkin 14 April 1924. Selain itu, *Cherita Ular Putay Sama Ular Itam* oleh Siow Hay Yam telah disiarkan dalam *Kabar Slalu* (Ding, 2008: 140-172).*

Seterusnya, Tan Beng Teck adalah penterjemah cerita popular Cina dahulukala yang pertama di Malaysia kerana sudah menerbitkan, *Heng Guan Seo Chia* (1889), *Hong Keow* (1889), *Kim Ko Kee Quan* (1889) dan *Lwee Hong Thak* (1889). Selepas 1889, beliau tidak meneruskan kerja terjemahan kerana sudah bertolak ke Jepun. Menurut Salmon (1987: 445), beliau meminta Chan Kim Boon untuk meneruskan terjemahan *Hong Keow* (jilid 4-8) dan lain-lain. Tan Beng Teck adalah seorang peniaga dan pengarah Chip Hock Co yang khusus memperdagangkan minuman keras dan makanan. Sekembalinya dari Jepun, dia menjadi peniaga yang pertama di Singapura untuk mengimport barangan dari Jepun. Tetapi, bisnesnya tidak berjaya.

Semasa memperkenalkan Wilson Tjandinegara dan Soeria Disastra, kita dapati kerja terjemahan yang dilakukan selepas Perang Dunia II adalah dua hala (dalam erti kata terjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Indonesia/Melayu dan sebaliknya) dan bukanlah sehala (daripada bahasa Cina kepada bahasa Indonesia/Melayu) yang dilakukan sebelum itu. Perbezaan lain antara penterjemahan sebelum dan selepas Perang Dunia II adalah antaranya:

1. Penterjemah dahulu tidak semesti tahu bahasa Cina, misalnya Lie Kom Hock, maka membuat terjemahan dengan kerjasama pembaca yang mahir dalam bahasa Cina.
2. Kebanyakan teks sumber masa dahulu tidak atau susah dipastikan lagi, sedangkan teks asal terjemahan itu dinyatakan dalam buku terjemahan masa sekarang.
3. Terjemahan lebih banyak berupa 'free translation' yang juga melibatkan transliterasi, adaptasi, penafsiran, menokok tambah maklumat yang lain, seperti yang dilakukan oleh Chan Kim Boon dan Wan Boon Seng, sedangkan terjemahan masa sekarang adalah 'faithful translation'.
4. Sekiranya buku terjemahan cerita popular masa dahulu sebelum perang itu berdasarkan permintaan orang ramai, tetapi ada sesetengah buku terjemahan selepas Perang Dunia II, lebih-lebih lagi masa sekarang, diusahakan dahulu adalah semacam yang ditauliahkan (*commissioned*). Contohnya buku terjemahan yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama PERPEKSTIF.
5. Dalam tempoh 1985-2013, tujuh buah karya Melayu pelbagai genre sastera telah diterjemahkan dan diterbitkan di China. Walaupun bilangan judulnya tidak banyak, namun jumlah cetakannya mencecah 20 ribu naskhah (Goh Sang Seong 2015).

Perbezaan antara penterjemah sebelum dan selepas Perang Dunia II adalah hasil pembentukan dua masyarakat dan masyarakat yang berbeza. Sila rujuk buku Salmon (1977, 1987 & 2013) dan Yang Quee Yee (2014 & 2014b) untuk mengetahui kisah yang lain tentang penterjemah seperti Seow Chin San, Lee Seng Poh dan Seow Phee Tor, antara 103 orang yang sudah menerbitkan 68 buku terjemahan daripada cerita dahulukala di Malaysia. Sementara itu, sila rujuk makalah S. K. Yong dan A. N Zainab (2002) untuk maklumat tentang 31 buah penerbit dan 21 buah pencetak buku terjemahan, seperti Poo Wah Hean (保华轩) Press, Koh Yew Hean (古友轩) Press, Kim Sek Chye Press dan the Mercantile Press yang menerbitkan 9 buah buku terjemahan pada 1889. Bukankah ini suatu yang luar biasa, malah yang

menggemparkan? Bolehkah, di manakah dan bilakah perkara yang menggemparkan itu akan berulang di dunia terjemahan bahasa Cina-Melayu? Biarlah kita tunggu dan lihat.

Kalau ketiga-tiga buah kajian Salmon (1977, 1987 & 2013) boleh dirujuk untuk mengetahui sejarah perkembangan penterjemahan orang Cina sebelum Perang Dunia II di Alam Melayu, maka kedua-dua buah buku Yang Quee Yee (2014a & 2014b) wajib dirujuk untuk mengetahui sejarah penterjemahan seumpama itu sebelum dan selepas Perang Dunia II. Yang ingin ditambah di sini ialah ada sekumpulan pelajar di Nanyang University (南洋大学) di Singapura telah berusaha untuk membangkitkan semula minat orang ramai terhadap bahasa, budaya dan sastera Melayu (Yang Quee Yee 2014a & 2014b). Antara kejayaan yang dibanggakan ialah terbitnya karya terjemahan novel *Nyawa Di Hujung Pedang*, karya Ahmad Murad Nasaruddin diusahakan Tinoh 丁娜, nama samaran Chan Mow Wah, dengan nama *刀尖下的生命* (1959). Ini disusuli karya terjemahan *Hidup Bagai Mimpi* (1961) daripada *浮生六记* karya Shen Fu (沈復), hasil terjemahan Li Chuan Siu (李全寿). Setahun kemudian, diterbitkan *Riwayat Ah Que* karya Luxun (鲁迅), hasil terjemahan Yang Gieun (杨君). Ini disusuli buku *Ah So Hasing Lin dan Cerpen lain* (1963) karya Luxun yang diterjemahkan Li Chuan Siu. Pada tahun yang sama, *Liang Shanbo & Zhu Yingtai* (祝英台&梁山伯) diusahakan oleh Wee Hock Keng dan disusuli *Chu Ying Tai atau Cerita Kupu-Kupu* oleh Y. W. Kwok diterbitkan pada 1964. Pada 1966, Chan Tat Cheong menterjemahkan kumpulan cerpen dari China, *Hidup dengan Mati* (生与死—中国短篇小说集). Pada 1966, *Sejarah Melayu* versi bahasa Cina yang diusahakan许云樵 sudah diterbitkan. Sampai di sini, perlu ditunjukkan pentingnya buku Yang Quee Yee (2014a & 2014b) untuk mendapatkan maklumat lain tentang karya bahasa Cina dan Melayu yang diterjemahkan selepas Perang Dunia II sehingga 1990an. Ini membolehkan saya menyebut karya-karya lain seumpama itu. Antaranya ialah cerita yang dianggap penting dan popular pada masa itu, termasuk karya Luzun yang lain, seperti *Lampu Yang Tak Kunjung Padam* (长明灯) diusahakan oleh Li Chuan Siu, *Doa Restu* (祝福) diusahakan oleh Lai Choy; Kitab Klasik Konfusianisme (大学中庸) dan Kitab Falsafah dan Moral Taoisme (道德经) diusahakan oleh Yup Sin Tian (叶新田); cerita daripada *聊斋* termasuk *Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka* (聊斋故事选) diusahakan Xue Liang Hong (薛俩鸿) dan *Cerita Cinta Pilihan Liao Zai* (聊斋爱情故事选) diusahakan oleh Pu Songling (蒲松龄) dan Xue Liang Hong, dan *Hikayat Abdullah* (阿都拉传) diusahakanoleh 马岂, dan *Kisah Pelayaran Abdullah* (吉兰丹游记) diusahakan oleh柳萝. Selain itu, kita dapati ada orang Melayu terlibat sama: iaitu Obaidillah Haji Mohamad menterjemahkan *Lun Yu* (论语), *Meng Zi* (孟子) dan *Bicara Puisi dan Bicara Penyair Ai Qing* (艾青论诗及谈诗人) pada tahun 1990an.

Seterusnya ingin diperkatakan beberapa perkara dalam senarai buku terjemahan terbaharu dalam Lampiran. Antaranya ialah:

1. Penulis yang terkenal, misalnya A. Samad Said, A. Wahab Ali, Anwar Ridhwan, Arifin C. Noer, Ba Jin, Baha Zain, Bing Xin, Fang Xiu, Jin Yong, Khadijah Hashim, Lat, Latiff Mohidin, Lim Swee Tin, Mao Ze Tung, Pramoedya Ananta Toer, Usman Awang dan Yang Quee Yee;
2. Karya klasik, seperti *Buku Tiga Karakter*, *Cerita Ketaatan Anak*, *Daxue*, *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, [Syair] *Ken Tambuhan*, *Konfucus*, *Samkok: Riwayat Tiga Negara*, *Moral Tradisional Tionghua 100 Ayat*, *Puisi Dinasti Tang*, *Sam Pek Eng Tay*, *Sejarah Melayu*, *Seni Ketenteraan Sun Zi*, *Syai'r Kompeni Welanda Berperang Dengan Tjina*, *Ayat Mutiara Keluar-ga Zhuzi*;
3. Isu sosiopolitik semasa, seperti *Berani Berjuang*, *Berani Menang*, karya Lee Ban Chen, *Meniti Lautan Gelora*, karya Said Zahari, *Dalam Ribuan Memoi Gelisah*, karya Said Zahari, *Hubungan Etnik di Malaysia*, *Raja-Raja Melayu* dan *Dua Wajah Tahanan Tanpa Bicara*, karya Syed Husin Ali, dan *Rawa: Tragedi Pulau Batu Putih*, karya Isa Kamari;
4. Puisi, seperti *Bebas*, karya Chan Yong Sin, *Bulan Muda Puncak Si Guntang*, karya Latiff Mohidin, *Lima Puluh Puisi Cinta Manadrin*, *Puisi Dinasti Tang*, *Resonansi Indonesia*, *Rhythms*, *Rindu Satu Abad*, karya Said Zahari, *Tirai Bambu*, *Pilihan Puisi* Usman Awang dan *Gelombang Rejang*, karya Wu An.

Sementara itu, antara penterjemah pada masa kini yang ingin diketengahkan adalah Huang Yuan-huan (黄元换) yang lahir di Indonesia pada 1931 dan pernah menyelenggarakan kerja penyuntingan di Bahagian Bahasa Cina syarikat akhar SinPo (新报) di Jakarta dari tahun 1952 hingga 1960. Selepas itu, beliau mengajarkan bahasa Indonesia dan menterjemahkan karya sastera di Fakulti Bahasa & Budaya Asia, Guangdong University of Foreign Studies, China, sebelum bersara pada tahun 1993. Sehingga kini, beliau sudah menterjemahkan *Sejarah Melayu* (马来纪年) (2004), *Hikayat Hang Tuah* (杭 杜阿传奇) (2006), *Sja'ir Kompeni Welanda Berperang Dengan Tjina* (荷兰公司与唐人之战: 长篇叙事诗), selain menterjemahkan *Syair Ken Tambuhan* (庚 坦布罕) (2008), *勇敢的年代*, *阿塔古纳诗集*, *1926年的火炬*, *大都会的阴谋* dan *波子小姐*.

Seterusnya, Chan Yong Sin (曾荣盛) yang pernah ditahan di bawah akta ISA (Malaysia) pada tahun 1967 dan dbebaskan pada tahun 1978 telah menterjemahkan karya-karya Usman Awang ke dalam bahasa Cina, termasuk muzika *Uda dan dara* (1988) dan antologi puisi *Salam Benua* (2002) dan karya A. Samad Said, seperti *Catatan Lawatan Pak Samad ke China* (2016) dan A. Samad Said: *Sasterawan Negara Malaysia* (2016), selain menterjemahkan sastera *Mahua* ke dalam bahasa Melayu, antaranya *Evolusi Aliran Pemikiran Kesusasteraan Mahua* (1979) karya Fang Xiu, dan *Gelombang Rejang* (1986), karya Wu An. Sebahagian sajak yang ditulisnya semasa dalam tahanan telah hilang. Antara yang dapat diterbitkan ialah seperti dalam kumpulan sajaknya *Bebas* (2015).

Penterjemah yang kedua ialah Chan Maw Who (陈妙华) yang pernah menggunakan nama pena Tinoh. Beliau adalah antara penggiat sastera Melayu dan Mahua di Singapura. Selain pernah bertugas di 星洲日报 dan 联合早报 sejak 1987, beliau giat membuat kerja terjemahan, berkarya dan membantu suaminya, Yang Quee Yee, menyusun kamus. Setelah menterjemah karya Ahmad Murad Nasaruddin, *Nyawa di Hujung Pedang* pada 1959, tidak kurang 26 buah buku terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Cina ada namanya sama ada sebagai penterjemah tunggal atau bersama. Beliau juga adalah ketua editor 马来语月刊 (*Majalah Bahasa Kebangsaan*) selama 8 tahun (1962-1970). Beliau telah dianugerahi Literature Award daripada Singapore Literature Society (1999), Sahabat Persuratan, Anugerah Persuratan (2001), Majlis Bahasa Melayu Singapura, Anugerah Penghargaan, Angkatan Sasterawan '50 (2005) dan Anugerah Sastera Cina Asean (2016). Beliau juga adalah satu-satunya orang bukan Melayu sebagai Anggota Jawatankuasa ASAS '50 (2000 - 2003). Karya terjemahan beliau yang terbaharu ialah *Rawa: Tragedi Pulau Batu Putih*, karya Isa Kamari pada 2016.

Chew Fong Peng (周芳萃) adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Selain menerbitkan makalah dan buku ilmiah, beliau sudah menerbitkan 16 buah buku terjemahan, termasuk *Bebas*, karya Chan Yong Sin; *Lukisan Nanyang*, karya Cheah Thien Soon; *Hati Yang Tulis Ikhlas* dan *Yakin Berucap Di atas Pentas*, karya He Jia li dan Liu Tian-ji.

Setelah direnung kembali apa yang diperkatakan itu, kita dapati bahawa kelahiran budaya penterjemahan dalam kalangan orang Cina di Alam Melayu selama ini adalah hasil gabungan banyak faktor sosiobudaya, ekonomi dan politik dari pinggir abad ke-19 sehinggalah kini. Kesemua faktor itu lengkap-melengkapi sekali gus menyebabkan kegiatan budaya itu tenggelam timbul dengan begitu cepatnya. Sebaik sahaja salah satu faktor itu berubah, berubahlah faktor yang lain. Dalam konteks itu, kemunculan, perkembangan, kemekaran dan akhirnya kemerosotan kegiatan penterjemahan seratus tahun dahulu itu adalah selari dengan pembangunan kota-kota di Indonesia dan Malaysia sebagai pusat kebudayaan, selain pusat ekonomi dengan segala macam kemudahan awam yang moden. Gerakan penterjemahan yang raksasa itu terhenti kerana penjajahan Jepun di Alam Melayu pada 1942, yang juga mendapat pukulan kuat daripada kemelesetan ekonomi dunia, selain pergolakan politik di Indonesia dan pengunduran penjajah Inggeris di Malaysia.

Sekarang, kegiatan itu turun naik, tidak konsisten, malahan boleh dikatakan lesu berbanding dengan zaman kegemilangannya lebih kurang 100 tahun lalu. Yang disaksikan sekarang ialah terbit sebuah dua karya terjemahan yang baharu dari masa ke masa dan tidak lagi 9 buah karya setahun, tertakluk kepada minat beberapa orang penterjemah, dengan kerjasama penerbit seperti Gerakbudaya atau Strategic Information and Research Development Centre, Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia, Intelligentsia Book Station Sdn Bhd, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia,

Guangxi Normal University Press, Pustaka Internasional (Bandung), Yayasan Obor (Jakarta) dan 新加坡艺术理事会, misalnya.

PENUTUP: ANTARA LEMBAYUNG SENJA DAN FAJAR BAHARU KEGIATAN PENTERJEMAHAN

Memang tidak dinafikan pentingnya penterjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya sama ada di Alam Melayu atau tempat lain dari segi penyebaran ilmu dan pertukaran kebudayaan. Cabaran sekarang ialah bagaimana menggalakkan lebih ramai orang untuk melibatkan diri dengan kerja itu yang tidak mendatangkan keuntungan dari segi kewangan. Sehubungan itu, perancangan kerja terjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya dari segi jangka masa yang panjang dan yang bersifat proaktif perlu dibuat dan seterusnya dilaksanakan dengan mengatur langkah yang berikut:

1. Memandangkan sudah ada lebih daripada tujuh buah institusi pengajian tinggi di China yang menawarkan program ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Melayu, semestinya lebih banyak penterjemah muda yang berkemahiran dapat dilahirkan di China. Sebahagian daripada pelajar ini perlu diasuh ke arah profesion penterjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina untuk memperkukuhkan hubungan antarbahasa dan antarbudaya antara Malaysia dengan China (Goh Sang Seong 2015).
2. Cadangan di atas mungkin dapat dilaksanakan dengan institusi pengajian yang berkenaan mewajibkan semua pelajar tahun akhir membuat terjemahan sama ada individu atau berkumpulan untuk projek tahun akhir.
3. Institusi pengajian yang ada program bahasa Melayu di China wajar membeli kesemua karya terjemahan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran tambahan.
4. Juga dicadangkan disusun bibliografi induk semua karya terjemahan. Dokumentasi ini penting bukan sahaja untuk mengisi banyak tempat kosong dalam sejarah perkembangan terjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya, dan juga untuk mengetahui latar belakang semua karya terjemahan dan riwayat hidup setiap penterjemah.
5. Patut difikirkan untuk menubuhkan pangkalan data karya terjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya dengan mencontohi *Malay Concordance Project* di Australian National University yang boleh dianggap yang paling baik, berwibawa dan mandiri (*sustainable*) di Internet. Geran penyelidikan tadi dan dana pembangunan pangkalan data ini mungkin boleh dipohon daripada Inisiatif Obor (*One Belt, One Road* atau 一□□路), memandangkan Malaysia dan Indonesia telah dimasukkan ke dalam inisiatif Obor itu yang diilhamkan oleh Presiden China, Xi Jinping pada tahun 2013.
6. Sehubungan itu, perancangan yang teratur dan usahasama antara Malaysia-Indonesia-China perlu diterokai untuk menghasilkan sinergi yang lebih berkesan dalam pelan pengantarabangsaan bahasa dan budaya Melayu melalui perterjemahan di Alam Melayu dan China¹⁰.

RUJUKAN

- Ding Choo Ming. (1980). An introduction to the Indonesian Peranakan literature in the library of the Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 61 (1), 54-61.
- Ding Choo Ming. (2008). *Pantun Peranakan Baba: Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ding, Choo Ming. (2010). Sastera Peranakan Baba Mencari Rumahnya dalam Buku Sejarah Sastera Melayu. Prosiding Dwibahasa Persidangan Kebangsaan Pengajian Melayu- Pengajian Cina di Universiti Tunku Abdul Rahman, Petaling Jaya, pada 25 September 2010.

¹⁰Bawah inisiatif Obor itu, China telah menggalakkan pelabur untuk menerokai peluang baharu kerjasama pada peringkat global. Semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak ke China pada November 2016, delegasi Malaysia telah memeterai 14 urus niaga bernilai kira-kira RM144 bilion. Biarlah kita berfikir bersama-sama bagaimana membuat permohonan itu. Adakah ia perlu disalurkan melalui Kementerian Perdagangan dan Industri Antarabangsa (MITI) atau terus kepada pihak yang berkenaan di Kedutaan China di Malaysia?

- Goh Sang Seong. (2015). *Sejarah Terjemahan Karya Melayu Di China*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(1), 121-136.
- 林远辉、张应龙编. 中文古籍中的马来西亚资料汇编. Kuala Lumpur: 马来西亚中华大会堂总会出版.
- S. K. Yoong & A.N. Zainab. (2002). Chinese Literary Works Translated Into Baba Malay: A Bibliometric Study. *Malaysian Journal of Library & Information Science*. 7 (2), 1-23
- Salmon, C. (1987). Writing in romanised Malay by the Chinese of Malaya: a preliminary inquiry, In: *Literary Migrations: Traditional Chinese Fiction In Asia, 17th-20th Century*. Beijing: International Cultural Publishing
- Salmon, C. (2013). (Ed.). *Literary Migrations: Traditional Chinese Fiction in Asia (17th-20th Centuries)*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Shellabear, W. G. (1913). Baba Malay: an introduction to the language of the Straits-born Chinese. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 65, 50-63.
- Yang Quee Yee. (2014a). *Himpunan Makalah Kebudayaan Cina-Melayu*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Yang Quee Yee. (2014b). Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies
- Yoong, S. K. dan Zainab, A.N. (2002). Chinese literary works translated into Baba Malay: a bibliographical study. *Malaysian Journal of Library & Information Science*. 7, 1-23.

LAMPIRAN

Senarai Karya Terjemahan (daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu dan sebaliknya) Terbaru Yang Diterbitkan di China, Indonesia, Malaysia & Singapura

- 100 Puisi Dinasti Tang dalam dwibahasa Tionghua-Indonesia* (唐诗一百首). Diterjemahkan Liang Liji. Jakarta: Restu Agung, 2005.
- A. Samad Said. *Catatan Lawatan Pak Samad ke China*. (访华记). Diterjemah dan diselenggarakan Yang Wen Fei & Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Xin Art Space, 2016.
- A. Samad Said: *Sasterawan Negara Malaysia* (沙末赛益: 马来西亚文学大师) (Diselenggara dan diterjemahkan oleh Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Xin Art Space, 2016.
- Wahab Ali. *Antologi Puisi Orang Berdosa* (罪人的诗歌). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: ITNM, 2010.
- Abdul Ghani Hamid. *Delima Merah Di Jari Manis* (红宝石戒指). Diiterjemahkan oleh Chan Maw Woh. 新加坡文艺协会出版, 2005。
- Adab untuk Kanak-Kanak* (弟子规) Diterjemahkan oleh Hou Yan-ni. Guilin: Guangxi Normal University Press, 2016.
- Agnes Khoo. *Hidup Bagaikan Sungai Mengalir* (Sheng Ming Ru He Liu). Diterjemahkan oleh Indrajaya (Anas). Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2007.
- Ai Wei (爱薇). *Kampung Halaman Datuk* (爷爷的故乡). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.

Angkatan Ini (这一代: 马华短篇小说集). Editer Yang Quee Yee. Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh dll. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Arifin C. Noer. Kapai-kapai (意为挣扎). Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh Singapura: 新华文化事业 (新) 有限公司, 1997年.

Arifin Nur. Kapai-kapai (喀湃 喀湃). Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh. Singapura: Xinxua Cultural Enterprise (S) Bhd, 1997.

Ba Jin. *Keluarga* (家). Diiterjemahkan oleh Choo Puay Hin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Baha Zain. *Menangguhkan Kebenaran dan Sajak-sajak Lain* (延缓的事实以及其他的诗歌). Diterjemahkan oleh Fong Wai Suat. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2010.

Bing Xin. *Air Musim Bunga* (春水). Diterjemahkan oleh E. T. Tang. Kuala Lumpur: Pustaka Pujangga, 1980.

Buku Tiga Karakter (三字经). 王专 (作者), 侯燕妮 (译者). Guilin: Guangxi Normal University Press, 2016.

Bunga Rampai Sastra Yin Hua (Tionghoa-Indonesia): Kumpulan puisi, prosa dan cerpen penulis Tionghoa Indonesia. Diterjemahkan oleh Wilson Tjandinegara, Soeria Disastra dan beberapa penulis Tionghoa Indonesia lainnya. Diterbitkan oleh Perhimpunan Penulis Yin Hua bekerjasama dengan PDS. HB. YASSIN, Jakarta.

Cerita Ketaatan Anak (二十四孝的故事). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Persatuan Hainan Selangor dan Wilayah Persekutuan, 2016.

Cerpen Pilihan Mahua. Diterjemahkan oleh Lim Chuan Boon dll. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan & Penulisan Kreatif Malaysia, 1988.

Cerpen Pilihan Pengarang Wanita Malaysia (马来西亚女作家短篇小说选). Diterjemahkan oleh Zheng Shu Xuan Dll. 北京现代出版社, 1993.

Cerpen Pilihan Taiwan dan Malaysia (台湾与马来西亚短篇小说选). Diterjemahkan oleh Ma Yao Ming Dll. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014.

Chan Maw Woh. *Antologi Cerpen Xinhua* (新华短篇小说集). Penulis dan penterjemah. Singapura: Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Melayu, 1999.

Chan Yong Sin. *Bebas: antoloji sajak* (释放). Diterjemahkan Chew Fong Peng. Petaling Jaya: Gerak-budaya Enterprise, 2015.

Cheah Thien Soong. *Lukisan Nanyang* (谢忝宋之水墨境界). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara, 2015.

Chen Wei (陈伟). *Jack Ma: Ketua Pengarah Eksekutif Alibaba*. (这就是马云). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara Malaysia, 2017.

Chew Fong Peng. *Budaya dan Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia* (马来西亚多元种族与文化). Kuala Lumpur: KEPKKWA, (2011).

- Dalam Hujan Renyai: Cerpen Pilihan Mahua III. Diterjemahkan oleh Lim Chuan Boon et al. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan & Penulisan Kreatif Malaysia, 2000.
- Daxue. Terjemahan pilihan kitab Daxue dan Zhongyong (大学中庸选译). 张葆全 (作者), 谈笑 (译者). Guilin: Guangxi Normal University Press, 2016.
- Di Dada Sungai Kelawang: antoloji Cerpen Melayu (河上风云. 马来短篇小说集). Diterjemahkan oleh Chan Meow Wah. Singapura: 最爱出版发行服务社, 1995.
- Fang Xiu. *Evolusi Aliran Pemikiran Kesuasteraan Mahua*. Diterjemahkan oleh C. Y. Sin. Kluang: C. Y. Sin, 1979.
- Goh Then Chye. *Himpunan Esei Kritikan Pertembungan Kebudayaan Cina-Melayu*. Diselenggarakan Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah dan Penulisan Kreatif Malaysia, 2016.
- Goh Yong Chuan. *Terokai kehijauan Selangor*. Shah Alam: Tourism Selangor Sdn Bhd, 2016.
- Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia*. Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: KEKWA, 2008.
- Hati yang Tulus Ikhlas (真心诚意) Asas Melahirkan Golongan Pengedar Terus yang Holistik*. Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Shah Alam: Yayasan CNI, 2007.
- He Jia-li & Liu Tian-ji. Yakin Berucap di Atas Pentas (勇敢站上台)*. Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Persatuan Pengucapan Awam Malaysia, 2007.
- Hikayat Awang Sulung Merah Muda oleh Pawang Ana Raja Haji Yahya (亚旺苏隆美拉慕达传奇)*. Diterjemahkan oleh Ang. Lay Hong. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2013.
- Hikayat Hang Tuah (杭 杜阿传奇)*. Diterjemahkan oleh Huang Yuan Huan & Yi-Ming. Kuala Lumpur: Inteligentsia Book Station Sdn Bhd, 2006.
- Huang, S. F. *Legal Dual Translation. Loncat Terjemahan Dwibahasa* oleh S. F. Huang (跃双译). Singapore: Tropical Publishing House, 2005.
- Ibrahim Ghaffar. *Antologi Puisi Kembali Dari Dalam Diri (回归真我)* Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Klang: Warisan Wong Kampung, 2008.
- Impian Di Pelabuhan: antoloji cerpen Mahua (黄金群岛的自白)*. Diterjemahkan oleh Yuen Boon Chan & Choo Puay Hin. Kuala Lumpur: Dawana Sendirian Bhd, 2004.
- Isa Kamari. Satu Bumi (一片热土)*. Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh. Singapura: 健龙科技传播贸易公司, 1999.
- Isa Kamari. *RAWA Tragedi Pulau Batu Putih (喇哇 白礁岛悲剧)*. Diterjemahkan Chan Maw Woh. Singapore: Traveler Palm Creations, 2016.
- Jeanne L Yap (袁霓) *Lelaki Adalah Sebingkai Lukisan (男人是一幅画)*. Diterjemahkan oleh Wilson Tjandinegara (陈冬龙). Jakarta: Komunitas Sastra Indonesia, 2001.

- Jejak ToKoh* (程途): Kisah Perjuangan Pengasas Kumpulan CNI – Dr. P. C. Koh. Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Shah Alam: Yayasan CNI., 2005
- Jin Yong (金庸). *Pedang Gadis Yue* (越女剑). Diterjemahkan oleh Chou Fuyuan (周福源). Jakarta: Majalah Cerita Silat 2006.
- Ken Tambuhan* (庚 坦布罕). Diterjemahkan Huang Yuan Huan & Yi Ming. Kuala Lumpur: Intelligentsia Book Station Sdn Bhd, 2008.
- Khadijah Hashim. *Merpati Putih Lagi* (让白鸽再次飞翔). Diterjemahkan oleh Yong Yoke Fong. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, Malaysia Bhd, 2010.
- Khadijah Hashim. *Seroja Masih di Kolam*. (池塘荷花依旧). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: ITBM, 2014.
- Koleksi Rencana Muzium Cina Malaysia* (马来西亚华人博物馆文汇). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Seri Kembangan: Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong), 2017.
- Konfucius. *Penterjemahan Kutipan Pembicaraan Konfucius* (论语选). Diterjemahkan oleh Xu Mingyue. Guilin: Guangxi Normal University Press, 2016.
- Kong Yuanzhi. *Salina dan Bulan Sabit: Perbandingan Permulaan Gaya A. Samad Said (Malaysia) dan Gaya Lao She (China)* (孔远志. 莎丽娜 和 月牙儿 比较研究: 沙末赛益 (马来西亚) 和老舍 (中国) 在写作风格上的比较). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng Dlm Chan Yong Sin (pngr.) *Antologi Puisi A. Samad Said* (hlm 100-118). Kuala Lumpur: Xin Art Space & Gerak Budaya Enterprise, 2016.
- Kuda Emas*: Siri Antoloji Cerpen Kanak-Kanak Mahu.. Diselenggara dan diterjemahkan oleh Woo Tack Lok dan Teo Huat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Kumpulan Cerpen Mini Yin Hua* (印华微型小说选, 50 cerpen mini Tionghoa Indonesia). Diterjemahkan oleh Wilson Tjandinegara. Jakarta: Komunitas Sastra Indonesia.
- Lat. *The Kampung Boy* (甘榜小子). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: ITNM, 2011.
- Latiff Mohidin. *Bulan Muda Puncak Siguntang: Antologi Pilihan Puisi Baru Melayu* (西崑山月: 马来新诗选). Diterjemahkan oleh Chong Fah Hing. Kajang: Dream Eater Publishing, 2016.
- Lay Choy (碧澄). *踏影&古诗十九首*. Kuala Lumpur: United Publishing House (M) Sdn Bhd, 2009.
- Lee Ban Chen. *Berani Berjuang Berani Menang* (敢于斗争, 敢于胜利: 亚沙汉与直凉园工潮回忆录). Diterjemahkan oleh Yang Kai Ping, Chua Song Khoon & Lee Khai Loon. Penyunting: Fathi Aris Omar. Kuala Lumpur: Wasasa Enterprise, 2003.
- Liaw Yock Fang. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* (马来古典文学史). 译者张玉安、唐慧等. 昆仑出版社, 2011.
- Lim Swee Tin. *Nyanyian Sepi: Puisi Pilihan* (寂寞求音: 林天英诗选). Diterjemahkan Chong Fah Hing. Kuala Lumpur: Alumni Siswazah Pengajian Tionghoa Universiti Malaya, 2000.
- Lima puluh lima (55 Puisi Cinta Mandarin)*. Diterjemahkan oleh Wilson Tjandinegara. Jakarta: CV Gitakara, 1998.

- Luo Guan Zhong. *Samkok. Riwayat Tiga Negara*. Disusun dan diterjemahkan oleh C. C. Low dll. Singapore: Canfonian Pte Ltd.1992 (3 jilid)
- Luo Guan Zhong. *Hikayat Tiga Negara*. Diterjemahkan oleh Yuen Boon Chan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
- Mala Adan. *Cerpen Pilihan Mahua*. Diterjemahkan oleh Lim Chuan Boon. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia, 1988.
- Mao Tje Tung. *Pilihan karya*. Peking: Pustaka Bahasa Asing, 1987 (jilid. 1-4).
- Mao Ze Dong. *Salju & Nyanyian Bunga Mei: Kumpulan Sajak* (雪、咏梅). Diterjemahkan oleh Soeria Disastra (卜汝亮). Bandung: TIKAR Publishing, 2010.
- Mengenal Strok* (解脑中风). Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Petaling Jaya: National Stroke Association Malaysia (NASAM), 2007.
- Menyangga Dunia di Atas Bulu Mata - karya 40 penyair keturunan Tionghoa*. Diterjemahkan oleh Wilson Tjandinegara. Jakarta: CV GITAKARA 1998.
- Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan Kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan* (马来左翼运动史). Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2007.
- Moral Tradisional Tionghua 100 Ayat* (中华传统美德壹百句). 国务院参事室^中央文史研究馆. (作者), 赵丹 (译者). Guilin: Guanxi Normal University Press, 2016.
- Musimgrafik. *Di Mana Bumi Dipijak: sejarah rakyat Malaya* (季候风相会的土地上: 马来亚人民历史). Diterjemahkan oleh Gu Ruirong & Lai Shunji. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2008.
- Nur Safura Abdullah @ Soo Cham. *Air Mata Ibu*. Diterjemahkan oleh Yap Sing May. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2013.
- Patah Tumbuh* (綿延). Diselenggara & diterjemahkan oleh Chong Fah Hing. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia, 2006.
- Pramoedya Ananta Toer. *Bumi Manusia* (人世间). Beijing: Beijing University Press, 1982.
- Puisi Dinasti Tang* (唐诗). Diterjemahkan Suparto & Tan Hui Wen. Beijing: Beijing Institute of Technology Press, 2009.
- Purnama di Bukit Langit – Antologi Puisi Tiongkok Klasik* (明月出天山-中国古代诗歌选集与翻译 (双语) 包涵560首从战国时代到清朝的诗词曲. Diterjemahkan oleh Zhou Fuyuan (周福源). Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2007.
- Resonansi Indonesia: Terdiri dari 50 puisi asli Indonesia dan 50 puisi asli bahasa Tionghoa*. (印度尼西亚的轰鸣: 印华印尼双语诗集). Diterjemahkan dari bahasa Tionghoa ke dalam bahasa Indonesia oleh Wilson Tjandinegara dan Soeria Disastra (卜汝亮). Jakarta: Komunitas Sastra Indonesia 2000.
- Ringkasan Sejarah Tentera anti Jepun Rakyat Malaya* (马来亚人民抗日军). Diterjemah dan diadaptasi oleh Indrajaya Abdullah. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2014.

- Roda Ajaib*: Siri Antoloji Cerpen Kanak-Kanak Mahu. Diselenggara dan diterjemahkan oleh Woo Tack Lok dan Teo Huat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Rhythms: a Singapore Millennial Antology of Poetry* (律动: 新加坡千禧年诗选). Diterjemahkan oleh Chan Maw Wow dll. 新加坡艺术理事会, 2000.
- Said Zahari. *Rindu Satu Abad: Antoloji Sajak* (百年思念: 赛扎哈利诗集). Diterjemahkan Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Xin Art Press, 2016.
- Said Zahari. *Meniti Lautan Gelora: sebuah Memoir Politik* (人间正道: 赛扎哈利政治回忆录). Diterjemahkan oleh Lai Shun Ji. Kuala Lumpur: Wasasa Enterprise, 2001.
- Said Zahari. *Dalam Ribuan Mimoi Gelisah: Memor* (万千梦魇). Kuala Lumpur: Wasasa Enterprise, 2007.
- Said Zahari. *Puisi dari Penjara* (囚歌). Kuala Lumpur: Setia Murni, 1973.
- Salam Malaysia: antoloji terjemahan puisi Mahua* (问候马来西亚). Diselenggarakan dan diterjemahkan Chong Fah Hing & Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Sam Pek Eng Tay: Romantika Emansipasi Seorang Perempuan*. Diceritakan kembali oleh Oey Kim Tiang. Direaksi dan diberi kata pengantar oleh Achmad Setiawan Abadi. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2004.
- Sari kata Filem China, Thailand dan Berambus, Tumor!* (泰迺), Februari-Mac, 2016. Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Beijing, China, 2016.
- Segelas Arak Secawan Susu* (一杯酒一碗牛奶: 马来短篇小说集). Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh. 新加坡文艺协会, 2001.
- Sejarah Melayu* (马来纪年). Diterjemahkan oleh Huang Yuan Huan. Kuala Lumpur: Intelligentsia Book Station Sdn Bhd, 2004.
- Seni Ketenteraan Sun Zi* (孙子兵法). Diterjemahkan Yap Sin Tian. Kuala Lumpur: The Association of Sun Tzi Knowledge Malaysia, 1986.
- Senja di Nusastra: Antologi puisi dan prosa Soeria Disastra dan penulis-penulis Yin Hua*). Diterjemahkan oleh Soeria Disastra.
- Shamsiah Fakeh. *The memoir of Sahmsih Fakeh from Awas to 10th regiment* (珊西娅 法姬回忆录). Translated by Ben Fajar Hu & Chuah Siew Eng. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2009.
- Shi Nai-an, *Hikayat Pinggir Air* (水滸傳). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Singa: Literature in Singapore* (狮城文学). Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh dll. 新加坡: 国立大学艺术中心, 1999.
- Sja'ir Kompeni Welanda Berperang Dengan Tjina* (荷兰公司与唐人之战: 长篇叙事诗). Diterjemahkan oleh Huang Yuan Huan. Kuala Lumpur: Intelligentsia Book Station Sdn Bhd, 2008
- Soo Cham. *Air Mata Ibu* (母亲的眼泪). Diterjemahkan oleh Yap Sing May. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, 2013.

- Sprout* (端倪): Anthology. Diselenggara dan diterjemahkan oleh Chong Fah Hing Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia, 1998.
- Sun Tzu. The Art of War; Seni Perang Dunia Bisnis*. Diterjemahkan oleh Ditha Widaya Tan. Yogyakarta: Immortal Publisher, 2011.
- Sun Zi. Seni peperangan Sunzi. (孙子兵法). 黎金飞 (作者), 尹红 (插图作者), 吕鹏 (插图作者), 卫阳虹 (插图作者), 谈笑 (译者). Guilin: Guangxi Normal University Press, 2016.
- Syed Husin Ali. *Hubungan Etnik di Malaysia: Harmoni dan Konflik* (马来西亚族群关系). Diterjemahkan oleh B. K. Yeow. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2015.
- Syed Husin Ali. *Raja-Raja Melayu: kemajuan atau kemunduran* (探讨马来统治者存废问题) Diterjemahkan oleh Liu Wu Qiu. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2015.
- Syed Husin Ali. *The Malays: their problems and future* (马来人的问题与未来) Diterjemahkan oleh Lai Shun Ji. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2008.
- Syed Husin Ali: *Dua Wajah tahanan tanpa bicara* (未经审讯的扣留). Diterjemahkan oleh Lai Shun Ji. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2008.
- Tai Chin Sew. *Oh Sungai Perak, Sungai Ibu*. Diterjemahkan oleh Goh Then Chye. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya, 1950.
- Teo Cheng Hai. *Perjuangan Kaum Pekerja Ladang* (战斗在阿沙汗: 忆圆丘工人血泪沧桑). Diterjemahkan oleh Wong Yao Lin. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2015.
- TIRAI BAMBU: Kumpulan Puisi Baru Tiongkok dari awal abad ke 20 sampai tahun 40-an*. Diterjemahkan oleh Soeria Disastra. Bandung: Penebit Titian, 2006.
- Titik Nuansa: Antoloji Puisi Mahua*. Kuala Lumpur: Dewan Perhimpunan China Selangor. 1988.
- Tongkat Bambu* (竹棍子). Diterjemahkan oleh Chan Maw Woh. Singapura: 上海书局, 1962.
- Usman Awang. Pilihan Puisi Usman Awang* (乌士曼 阿旺诗选). Diterjemahkan Guyi. Kuala Lumpur: 1990.
- Usman Awang. *Uda dan Dara* (乌达与达拉). Diterjemahkan oleh Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah dan Penulisan Kreatif Malaysia, 1988.
- Usman Awang. *Koleksi Karya Malam Salam Benua Ulang Tahun ke 30* (问候大地). Diselenggarakan Chan Yong Sin, editor. Kuala Lumpur: Malaysia-China Friendship Association, Persatuan Penterjemah dan Penulisan Kreatif Malaysia & Strategic Information and Research Development Center, 2014.
- Usman Awang. Sahabatku: puisi-puisi 5 bahasa* [Inggeris, terjemahan ke dalam Bahasa Cina oleh Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: UA Enterprise Sdn Bhd, 2009.
- Usman Awang. Salam Benua: antoloji puisi*. Diterjemahkan oleh Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia, 2002.

- Wajah Sasterawan Melayu* (马来文坛群英). Diselenggara & diterjemahkan oleh Chan Maw Woh. Kuala Lumpur: 学林书局出版, 1994.
- Wan Hamidi Hamid (editor). *Tokoh jatuh bangun veteran DAP* (号角响起: 唤起一代人的抗争) Kuala Lumpur: DAP, 19??
- Wu An. *Gelombang Rejang: [antoloji puisi]*. Diterjemahkan oleh Chan Yong Sin. Kuala Lumpur: Pustaka Selatan, 1986.
- Wu Cheng-en. *Hikayat Jelajah ke Barat* (西游记). Diterjemahkan oleh Woo Tack Lok. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Xu You Nian. *Kajian Perbandingan Pantun Melayu dnegan Nyanyian Rakyat Cina*. Diterjemahkan oleh Ding Choo Ming & Goh Sang Seong. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Center, 2015.
- Yang Quee Yee. *Anak Penoreh Getah* (杨贵谊回忆录 胶童与词典). Kuala Lumpur: Nantah Education and Research Foundation, 2006.
- Yuen Boon Chan. *Antologi Cerpen Mahua V*. Diterjemahkan oleh Chew Fong Peng. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Zaid Ibrahim. *Saya pun Melayu* (我也是马来人). Petaling Jaya: Zi Publications Sdn Bhd, 2010.
- Zhao Qing Ge. *Liang Sang Bo dan Zhu Ying Tai* (梁山伯与祝英台). Diterjemahkan oleh Tan Lai Peng. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Zhu zi. *Ayat Mutiara Keluarga Zhuzi* (朱子治家格言). 樊华杰 (作者), 侯燕妮 (译者). Guilin: Guangxi Normal University Press, 2016.

LIKU-LIKU PENTERJEMAHAN MANUSKRIP *SULALAT AL-SALATIN* KE DALAM BAHASA CHINA

Fu Cong Cong
Department of Malay Studies
School of Asian and African Studies
Beijing Foreign Studies University (BFSU)
Johanikhwan@msn.com

ABSTRAK

Kemajuan sesuatu bangsa tidak terpisah daripada khasiat dan pengaruh budaya dan ilmu asing, begitu juga pembangunan dan kemajuan sesuatu negara. Sebagai jambatan yang menghubungkan pertukaran dalam dan luar negeri, pertukaran dan komunikasi budaya antara mana-mana negara, bangsa atau wilayah tidak dapat dipisahkan daripada penterjemahan. Dengan menceritakan liku-liku penterjemahan manuskrip *Sulalat al-Salatin* versi selenggaraan Muhammad Haji Salleh, penulis cuba menceritakan usaha orang China mengkaji dan menterjemahkan *Sejarah Melayu*, di samping menghujahkan proses penterjemahan karya Melayu klasik termasuk persediaan, pemilihan manuskrip, cara dan kaedah yang diguna pakai, kesukaran dan halangan dalam penterjemahan serta penyelesaiannya.

Kata kunci: *Sulalat al-Salatin*, teori penterjemahan China, karya klasik Melayu

PENGENALAN

Kemajuan dan perkembangan sesuatu bangsa tidak terpisah daripada khasiat dan pengaruh budaya dan ilmu asing, begitu juga pembangunan dan kemajuan sesuatu negara. Sebagai jambatan yang menghubungkan pertukaran dalam dan luar negeri, pertukaran dan komunikasi budaya antara mana-mana negara, bangsa dan wilayah tidak dapat dipisahkan daripada penterjemahan, termasuklah negara China.

Sulalat al-Salatin (سلالة السلاطين), yang sejak awal kurun ke-19 dikenali sebagai *Sejarah Melayu*, adalah antara khazanah bertulis Melayu yang paling kerap diulang salin, paling luas diperkenalkan dan paling banyak diterjemahkan ke bahasa lain; yang boleh diangkat untuk mewakili sastera klasik Nusantara bukan sahaja merupakan karya klasik bangsa Melayu yang paling penting dan berpengaruh luas di rantau Asia, bahkan dengan cerita yang mengisahkan inti sari sastera rakyat Melayu dan bahasa yang halus, ia telah memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan sastera Melayu klasik.

Dengan menceritakan liku-liku penterjemahan manuskrip *Sulalat al-Salatin* versi selenggaraan Muhammad Haji Salleh, penulis cuba menceritakan usaha orang China mengkaji dan menterjemahkan *Sejarah Melayu*, di samping menghujahkan proses penterjemahan karya Melayu klasik termasuk persediaan, pemilihan manuskrip, cara dan kaedah yang diguna pakai, kesukaran dan halangan dalam penterjemahan serta penyelesaiannya.

LATAR BELAKANG PROJEK PENTERJEMAHAN *SULALAT AL-SALATIN*

Pada hujung tahun 2006, Pusat Penyelidikan Kesusasteraan Timur¹, Peking University telah berjaya memperoleh satu Projek Utama Sains Sosial dan Kemanusiaan di bawah Kementerian Pendidikan yang bertajuk “Penterjemahan dan Kajian Kesusasteraan Klasik Asia Tenggara” yang dipengerusikan oleh Prof. Zhang Yu’an, profesor bahasa dan kebudayaan Indonesia-Malaysia selaku Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Kesusasteraan Timur, dan juga Prof. Pei Xiaorui, professor bahasa Thai dan pakar dalam bidang kesusasteraan Asia Tenggara khususnya sastera Thailand. Tujuan utama projek penterjemahan ini adalah untuk memperkenalkan karya-karya klasik kepada para pembaca di China yang tidak tahu bahasa-bahasa Asia-Tenggara. Sudah lama dalam bidang pengajian Kesusasteraan Timur di China, biasanya sastera India, Jepun, Arab lebih dikenali dan diberi perhatian.

Projek ini dibahagi kepada lima projek kecil yang mana masing-masing diusahakan oleh lima kumpulan yakni kumpulan program bahasa Thai, program bahasa Myanmar, program bahasa Vietnam, program bahasa Indonesia-Malaysia dan program bahasa Filipina dari Fakulti Pengajian Asia Tenggara,

Sekolah Bahasa Asing, Peking University. Lima karya klasik Asia Tenggara yang terpilih termasuklah *Lilit Phralo* dari Thailand, *Kim Vân Kiều Truyện* dari Vietnam, Lima epik dari Filipina iaitu *Ti Biag ni Lam-ang*, *Hudbud hi Aliguyon*, *Labaw Donggon*, *Darangen*, *Agyo*, dua cerita lama dari Myanmar, serta karya klasik Melayu *Sulalat al-Salatin* atau lebih dikenali dengan judul *Sejarah Melayu*.

Kesemua karya pilihan dengan gaya puisi panjang, sastera sejarah, epik atau novel merupakan karya klasik yang boleh mewakili sastera lama negara masing-masing yang terhasil pada abad ke-12 hingga pertengahan abad ke-19. Dan keunikan projek tersebut berbanding dengan projek penterjemahan lain ialah penterjemahannya langsung dari bahasa asal iaitu bahasa Thai, bahasa Vietnam, bahasa Filipina, bahasa Myanmar dan bahasa Melayu.

Memandangkan kekurangan hasil terjemahan karya klasik Melayu, maka tertubuhnya kumpulan penterjemahan dan projek penterjemahan karya klasik Melayu dipengerusikan oleh Prof. Zhang Yu'an selaku penasihat, dan kumpul terjemahan terdiri daripada enam orang termasuk Prof. Madya Dr. Luo Jie, pensyarah bahasa Indonesia-Malaysia dari Peking University, penulis dan lain-lain.

SEJARAH PENTERJEMAHAN SULALAT AL-SALATIN KE DALAM BAHASA CHINA

Terjemahan dan pengenalan sastera Melayu/Indonesia yang paling awal diusahakan oleh Prof. Zhong Jingwen (钟敬文), seorang *folklorist* China yang ternama dengan terbitnya *Ma Lai Qing Ge* (《马来情歌》, *Lagu/Pantun Kasih Sayang*) oleh Shanghai Far East Book Company(上海远东图书公司). Manakala pada 1930, Nan Yang Lian Ge (《南洋恋歌》, *Lagu Kasih Sayang Nusantara*) terjemahan Wen Zichua (温梓川), Chen Yutai(陈毓泰) diterbitkan oleh Shanghai Huatong Bookstore (上海华通书局). Ini merupakan usaha terawal penterjemahan sastera Melayu di China. (Meng Zhaoyi, 2014).

Terjemahan versi bahasa China pertama dihasilkan oleh Prof. Xu Yunqiao (许云樵) dan diterbitkan oleh Penerbit Nanyang Siang Pau pada tahun 1954². Buku yang bertajuk *Sejarah Melayu* atau *Ma Lai Ji Nian* (《马来纪年》) merupakan salinan Sejarah Melayu dalam bahasa China yang paling awal. Walau bagaimanapun, buku ini bukan diterbitkan di China tetapi di Singapura.

Salinan terjemahan pertama yang diterbitkan di tanah besar China ialah *Legenda Melayu* atau *Ma Lai Chuan Qi* (《马来传奇》) terjemahan Huang Yuan Huan (黄元焕) pada tahun 1999³, versi ini kemudiannya diulang cetak dengan mengubah tajuk buku kepada *Sejarah Melayu* atau *Ma Lai Ji Nian* (《马来纪年》) oleh Intelligentsia Book Station di Kuala Lumpur pada tahun 2004.

Memandangkan terjemahan versi Xu menggunakan bahasa China lama yang bercirikan bahasa Cina yang dituturkan di Nusantara (Nanyang), yang mana sukar untuk difahami oleh para pembaca paza zaman ini, dan isinya juga tidak lengkap menurut *Sulalat al-Salatin* versi selenggaraan Haji Muhammad Salleh; manakala versi terjemahan Huang pula sungguhpun terjemahannya menggunakan bahasa China moden dan lebih senang difahami, namun maklumat tentang sumber teks asal tidak diketahui, maka tidak dapat dianggap sebagai buku terjemahan ilmiah yang boleh diambil untuk menjalankan penyelidikan kesusasteraan Timur, usaha untuk menterjemahkan semula *Sejarah Melayu* amat diperlukan.

APAKAH ITU PENTERJEMAHAN? SATU PERSPEKTIF DARI CHINA

China mempunyai sejarah penterjemahan yang lama, dan boleh dikatakan penterjemahan bermula seiring dengan sejarah bermulanya pertukaran budaya dan komunikasi antara China dengan bangsa-bangsa lain.

Jikalau disusuri sejarah penterjemahan di China, telah dicatatkan dalam kitab-kitab pada zaman sebelum Dinasti Qin (abad ke 21 SM hingga tahun 221 SM) dan zaman Dinasti Han (tahun 202 SM – tahun 220 masihi) menyatakan jurubahasa digelar *Xiang Xu* yang mana boleh bertutur bahasa orang yang tidak bertamadun (merujuk kepada orang asing).

Zhou Li Yi Shu (《周礼义疏》) yang dikarang oleh Jia Gongyan pada Dinasti Tang menyatakan bahawa, “Penterjemahan ialah pertukaran, yakni menukar bahasa asing kepada bahasa sendiri supaya boleh berkomunikasi dan memahami antara satu sama lain.” Petikan tersebut membuktikan bahawa sejak zaman kuno/zaman Dinasti Zhou, orang China telah mempunyai perspektif tersendiri terhadap amalan penterjemahan. Tetapi kali pertama China secara besar-besaran, dengan adanya rancangan dan penganjur menjalankan penterjemahan berlaku pada Dinasti Han seiring dengan keperluan penyebaran agama, yakni agama Buddha.

Pada zaman moden, disebabkan kedatangan penceroboh dan penjajah barat sejak tahun 1840 iaitu teretusnya Perang Candu, tujuan atau motivasi orang China menyerjakan penterjemahan kerana *Xi Xue* atau pengajian barat (*western learning*), serta penterjemahan kitab barat merupakan salah satu kaedah pembaharuan untuk menguatkan negara.

Dalam makalah Liang Qichao yang bertajuk *On Translation* yang diterbitkan dalam *Shi Wu Bao* (《时务报》 Akhbar Hal-Ehwal Semasa) pada 1897, Liang secara sistematik dan mendalam mengemukakan dan menghujahkan pendapatnya tentang penterjemahan, iaitu:

“故今日而言译书，当首立三义：一曰，择当译之本；二曰，定公译之例；三曰，养能译之才。”

[Maka dikatakan penterjemahan buku pada hari ini, tiga prinsip patut didirikan: Yang pertama, memilih buku yang perlu diterjemahkan; Yang kedua, menentukan prinsip dan penyeragaman istilah umum dalam penterjemahan; Yang ketiga, memupuk tenaga penterjemah.]

Sesungguhnya Liang Qichao banyak mendakwah kepentingan usaha penterjemahan dalam pembangunan bangsa dan negara, beliau belum menyentuh prinsip atau teori penterjemahan.

Pada masa yang sama, Yan Fu, seorang penterjemah telah muncul dengan mengemukakan teori penterjemahan China moden yang mewarisi prinsip penterjemahan lama dalam penterjemahan kitab Buddha dari zaman kuno, di samping mengembangkan prinsip kesetiaan ini dan mengusulkan pandangan baharu dalam *Nota Keterangan* bagi buku terjemahan beliau yang berjudul *Tian Yan Lun (Evolution and Ethics)*:

“一、译事三难：信、达、雅。求其信，已大难矣！顾信矣不达，虽译犹不译也，则达尚焉。海通以来，象寄之才，随地多有，而任取一书，责其能与于斯二者，则已寡矣！其故在浅尝，一也；偏至，二也；辨之者少，三也。”

[Ada tiga kesukaran dalam kerja penterjemahan: *Xin* (kesetiaan), *Da* (kelancaran) dan *Ya* (keindahan). Amat susah sekali untuk menjamin kesetiaan dalam penterjemahan! Jikalau terjemahan hanya mementingkan kesetiaan tanpa memperhatikan kelancaran, hasilnya sama seperti tidak diterjemahkan. Maka kelancaran lebih tinggi kriterianya dan diberikan keutamaan. Sejak pelabuhan dibuka, terdapat banyak tenaga penterjemah yang mengenali bahasa asing dalam negeri. Akan tetapi, apabila kita memilih sesebuah buku dan meminta mereka menterjemah dengan memenuhi kedua-dua kriteria tersebut, maka kuranglah antara mereka yang dapat mencapainya. Hal ini disebabkan oleh perkara pertama, para penterjemah tidak menguasai ilmu pengetahuan yang secukupnya; kedua, ilmu yang diketahui oleh penterjemah selalunya terhad pada satu bidang sahaja; dan ketiga, penterjemah yang dapat membezakan ketiga-tiga kriteria, iaitu kesetiaan, kelancaran dan keindahan amatlah kurang.]

Nota keterangan tersebut ditulis pada tahun 1898 dan Yan Fu merupakan ahli penterjemahan China yang pertama mengutarakan kriteria dan tiga prinsip dalam penterjemahan. Malah ada yang berpendapat bahawa beliau telah membangunkan satu ilmu baharu, iaitu ilmu penterjemahan China pada zaman moden. Padahal, kebanyakan perbincangan, perbahasan dan penerangan tentang kriteria dan prinsip penterjemahan di China pada setengah abad kemudian sehingga hari ini masih tidak terlepas daripada lingkungan teori Yan Fu, yakni *Xin*, *Da* dan *Ya*.

PERSIAPAN UNTUK PENTERJEMAHAN KARYA KLASIK MELAYU

Proses persiapan untuk menterjemahkan karya klasik Melayu iaitu *Sulalat al-Salatin* boleh disifatkan sebagai satu proses “*kenal – jatuh cinta – berkahwin – beranak*”. Tak kenal maka tak cinta, sesungguhnya cerita-cerita dalam *Sejarah Melayu* seperti penganugerahan Puteri Hang Li Po kepada Sultan Mansur Shah, Sultan Melaka oleh Maharaja Dinasti Ming telah masyhur dalam kalangan sarjana pengajian Melayu, bahagian lain masih asing kepada para penterjemah dalam kumpulan Peking University.

Pemilihan manuskrip

Banyak manuskrip Sejarah Melayu diterbitkan di Kuala Lumpur, Singapura malah disimpan dalam perpustakaan-perpustakaan negara Barat, antara manuskrip yang wujud hari ini, buku *Sulalat al-Salatin: ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)* yang berdasarkan naskhah (manuskrip) *Raffles Malay 18* telah dipilih sebagai manuskrip utama dalam projek penterjemahan kali ini. Pemilihan buku ini sebagai teks sumber adalah kerana salinan ini dikaji dan diperkenalkan oleh sarjana Melayu berdasarkan naskhah (manuskrip) *Raffles Malay 18* dan mempunyai catatan teks yang lengkap lagi terperinci, malahan versi ini belum pernah diterjemahkan ke dalam bahasa China moden lagi.

Kajian tentang Latar Belakang Sejarah Melayu

Latar belakang karya asal *Sejarah Melayu* termasuk pengarang atau penyusun, sejarah, latar belakang zaman pengolahan, serta gaya bahasa. Usaha ini untuk memudahkan para ahli kumpulan dalam memahami karya ini khususnya bahagian yang ada kaitan dengan sejarah pencerobohan portugis.

Penterjemahan cubaan juga diperlukan yang mana akan meminta para penterjemah cuba membaca dan memahami salah satu bahagian dalam manuskrip dan menterjemahkannya ke dalam bahasa China moden supaya boleh disemak dan diketahui taraf bahasa dan pemahamannya.

Penyediaan bahan rujukan dan penyeragaman istilah

Dalam langkah ini, buku rujukan termasuk kamus bahasa Melayu-bahasa China perlu disediakan, manakala kitab sejarah rasmi seperti *Ming Shi* (Sejarah Ming), nota sejarah, serta artikel kajian sejarah Melaka serta hubungan Melaka-Dinasti Ming juga diperlukan.

Berdasarkan buku terjemahan sejarah Malaya, Asia Tenggara yang dihasilkan oleh sarjana-sarjana China sebelum ini, misalnya *A History of Malaya, The Cambridge History of Southeast Asia*, satu indeks istilah yang mengandungi nama-nama orang, tempat, gelaran dapatlah disusun untuk memudahkan dan menyeragamkan istilah-istilah dalam manuskrip, misalnya, Sultan, Raja, Temenggong, Palembang, Jawa dan sebagainya.

KESUKARAN DALAM PENTERJEMAHAN *SULALAT AL-SALATIN* KE DALAM BAHASA CHINA

Penterjemahan karya kesusasteraan Melayu klasik seperti *Sulalat al-Salatin* bukan satu perkara yang mudah. Ada tiga kesukaran yang perlu ditangani jikalau hendak menterjemahkan karya agung ini ke dalam bahasa China moden.

Pertama, bahasa Melayu klasik. Sesungguhnya bahasa Melayu dalam *Sejarah Melayu* ialah bahasa Melayu klasik; perkataan dan istilah, struktur ayat dan gaya bahasa berlainan dengan bahasa Melayu moden. Malahan, apabila kita cuba menterjemahkan karya ini, kita sering menjumpai bahasa Sankrit, Arab, Parsi, Jawa malah Portugis. Oleh hal yang demikian, mustahil bagi penterjemah China yang hanya mahir berbahasa Melayu, misalnya jurubahasa yang memang mempunyai kepakaran dalam bidang penterjemahan, tetapi bahasa yang dikuasai hanya terhad pada bahasa Melayu moden sahaja.

Kedua, budaya. Karya *Sejarah Melayu* bukan sahaja mengandungi teras budaya Melayu bahkan mencerminkan budaya dan agama Islam, Hindu, Parsi, China dan sebagainya. Kekurangan ilmu pengetahuan dalam bidang budaya merupakan rintangan terbesar dan para penterjemah sering terperangkap atau terhalang oleh adat dan kiasan yang asing bagi mereka.

Ketiga, gaya dan teknik. Meskipun penterjemah menguasai bahasa Melayu klasik yang berbaur dengan bahasa Arab, Sanskrit dan sebagainya, dan mengetahui budaya dan latar belakang yang berkenaan, kaedah untuk menterjemahkan perkara tersebut ke dalam bahasa China supaya dapat difahami oleh pembaca dalam konteks budaya China juga merupakan cabaran yang besar.

KESIMPULAN

Dengan pengisahan liku-liku dalam penterjemahan sastera Melayu klasik, Penulis berharap dapat membantu para pengkaji, penyelidik dan penterjemah dalam usaha pengajian serta penterjemahan yang sedang atau bakal dijalankan. Di samping itu, penulis juga menyeru supaya lebih banyak karya agung seperti *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Aceh*, *Bustan al-Salatin*, dan sebagainya dapat diterjemahkan dan diterbitkan di China daripada versi bahasa Melayu bukannya versi bahasa Inggeris supaya ketulenan dan intipati budaya Melayu dapat dikekalkan dan ditampilkan kepada para pembaca China, dan juga tersebarnya kegemilangan tamadun Melayu yang tersohor di kalangan masyarakat China.

RUJUKAN

Abdul Rahman Haji Ismail, Haron Daud. (2012). *Sulalat-us-Salatin(Sejarah Melayu) : cerakinan sejarah, budaya dan bahasa*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Luo Jie, Fu Congcong *et al.* (2013). *Sejarah Melayu: Terjemahan dan hasil kajian*. Beijing: Peking University Press. (罗杰、傅聪聪等译/著, 2013年, 《〈马来纪年〉翻译与研究》, 北京: 北京大学出版社。)

Tun Seri Lanang (Karangan), dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. (1997). *Sulalat al-Salatin ya'ni perteturan segala raja-raja(Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Xu Yunqiao. (2004). *Sejarah Melayu*. Singapore: The Youth Book Co.. (许云樵译注, 2004年, 《马来纪年》, 新加坡: 青年书局。)

Meng Zhaoyi, *et al.* (2014). *Sejarah Penterjemahan Kesusasteraan Timur di China*. Beijing: Kunlun Press. (孟昭毅等著, 2014年, 《中国东方文学翻译史》, 北京: 昆仑出版社。)

¹Pusat Penyelidikan Kesusasteraan Timur (Research Center for Eastern Literature) di Peking University yang ditubuhkan pada tahun 2000 merupakan Pangkalan Kajian Sains Sosial dan Kemanusiaan Utama pada peringkat nasional China. Objektif utama pangkalan tersebut termasuk mengumpul dan menyusun warisan budaya Timur melalui kajian kesusasteraan Timur, menerokai tradisi ulung tamadun Timur dan menyelidik hubungan antara sastera Timur dengan sastera Barat khususnya hubungan dalaman antara sastera Timur dan pengaruh sastera Timur terhadap sastera Barat.

²Xu Yunqiao(2004), *Sejarah Melayu*. Second Edition. Singapore: The Youth Book Co.. (许云樵译注, 2004年, 《马来纪年》, 新加坡: 青年书局。) Dalam pengenalan buku ini, Xu Yunqiao menerangkan terjemahannya berdasarkan manuskrip *Raffles Malay 18* di samping merujuk kepada *Malay Annals* (1821) terjemahan John Leyden dan *Sejarah Melayu* (1909) terjemahan Shellabear.

³Tun Seri Lanang (Karangan), Huang Yuanhuan(Penterjemah) (1999). *Legenda Melayu*. Taiyuan: Beiyue Literature & Art Publishing House. ([马来亚]敦·斯利·拉南著, 黄元焕译, 1999年, 《马来传奇》, 太原: 北岳文艺出版社。) Dalam buku ini tidak disebut terjemahannya berdasarkan manuskrip *Sejarah Melayu* yang mana.

PERBANDINGAN PENTERJEMAHAN KARYA SASTERA KANAK-KANAK DI MALAYSIA DAN CHINA SEJARAH DAN PROSES PERKEMBANGAN

Atikah Zabir
Universiti Sains Malaysia
atikahzabir@gmail.com

Haslina Haroon
Universiti Sains Malaysia
haslina@usm.my

ABSTRAK

Sastera kanak-kanak adalah antara instrumen terpenting dalam pendidikan dan pembentukan karakter generasi pelapis negara. Perkembangan dan kemajuan sastera kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti polisi pendidikan sesebuah negara. Pada masa yang sama, kemajuan sastera kanak-kanak juga memberikan gambaran tentang tahap ketamadunan negara tersebut. Sejarah perkembangan sastera kanak-kanak telah menunjukkan penterjemahan memainkan peranan penting dalam kemajuan sastera kanak-kanak. Bagi memahami situasi semasa dan meramal pencapaian sastera kanak-kanak pada masa hadapan, kita perlu terlebih dahulu meneliti dan memahami sejarah perkembangan sastera kanak-kanak di sesebuah negara sejak peringkat awal, termasuklah dalam aspek penterjemahan. Sehubungan itu, dengan menggunakan kaedah tinjauan kepustakaan, kajian ini akan meneliti dan membandingkan sejarah dan perkembangan penterjemahan kanak-kanak di Malaysia dan China. Tumpuan kajian diberikan pada aspek penterjemahan dan bagaimana ia menyumbang kepada perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia dan China. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang maklumat tentang persamaan dan perbezaan antara industri penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia dan China, dan seterusnya mencadangkan bagaimana kedua-dua negara ini boleh saling menyumbang kepada kemajuan dalam industri penterjemahan sastera kanak-kanak.

Kata kunci: sastera kanak-kanak, sejarah, penterjemahan, China, Malaysia

PENGENALAN

Sejarah perkembangan sastera kanak-kanak telah menunjukkan penterjemahan memainkan peranan penting dalam kemajuan sastera kanak-kanak. Bagi memahami situasi semasa dan meramal pencapaian sastera kanak-kanak pada masa hadapan, kita perlu terlebih dahulu meneliti dan memahami sejarah perkembangan sastera kanak-kanak di sesebuah negara sejak peringkat awal, termasuklah dalam aspek penterjemahan.

PERMULAAN PENTERJEMAHAN KARYA SASTERA KANAK-KANAK

Penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia dan China bermula pada sekitar waktu yang sama, iaitu pada lewat abad ke-19. Di Malaysia, penterjemahan karya sastera kanak-kanak telah dimulakan oleh pengembang agama Kristian yang mula membuka syarikat percetakan di negeri-negeri Selat sejak tahun 1816. Selain bahan-bahan bacaan berunsur keagamaan, syarikat percetakan ini juga menghasilkan buku-buku cerita termasuklah terjemahan karya luar untuk bacaan kanak-kanak (Md. Sidin, 2005). Kemudian, melalui penubuhan Pejabat Karang Mengarang (asalnya Biro Terjemahan) pada tahun 1924 bawah pemerintahan kerajaan British, Pendeta Zaaba dan sarjana-sarjana Melayu lain turut menyumbang kepada penterjemahan dan seterusnya penghasilan karya asal sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu. Di China pula, penterjemahan karya sastera kanak-kanak bermula pada penghujung Dinasti Qing. Secara lebih tepat, penterjemahan karya sastera kanak-kanak di China bermula pada tahun 1898 (Li, 2006). Sama seperti di Tanah Melayu, pengembang agama Kristian turut terlibat dalam permulaan penterjemahan karya sastera kanak-kanak di China, tetapi pada masa yang sama, sarjana-sarjana China sendiri turut memainkan peranan besar dalam menghasilkan terjemahan karya-karya sastera kanak-kanak (Li, 2006).

Menurut Shavit (1995), antara tahap awal dalam perkembangan karya sastera kanak-kanak ialah pembentukan konsep dan pemahaman tentang kanak-kanak. Walau bagaimanapun, konsep ini tidak mempunyai perkembangan yang kukuh dalam sejarah karya sastera kanak-kanak di Malaysia (Sharifah Fadzliyatun, 2007: 61). Di China pula, terdapat beberapa sarjana yang telah menyumbang kepada pemahaman tentang kanak-kanak. Zhou Zuoren (1885-1967), seorang penterjemah dan penulis tersohor di China telah mengungkapkan tiga prinsip berkaitan kanak-kanak seperti berikut: 1) memenuhi keperluan kanak-kanak; 2) dunia kanak-kanak adalah berbeza daripada dunia orang dewasa; dan 3) kanak-kanak melalui proses perkembangan yang menuntut keperluan dan keupayaan kognitif yang khusus untuk setiap peringkat (Findeisen, 2013). Bing Xin, juga seorang penterjemah dan penulis memberikan gambaran yang sangat positif tentang kanak-kanak dalam karya-karyanya sehingga berjaya mengubah kepercayaan dari zaman feudal China bahawa kanak-kanak adalah hak milik ibu bapa semata-mata dan dianggap sama seperti orang dewasa, cuma kecil daripada segi saiz (Li, 2006). Pandangan sarjana seperti Zhou Zuoren dan Bing Xin sebenarnya banyak dipengaruhi oleh karya sastera kanak-kanak asing yang diterjemahkan ke dalam bahasa China.

TERJEMAHAN KARYA SASTERA KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN BANGSA

Malaysia dan China telah melalui zaman penjajahan. Penterjemahan karya sastera kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membangunkan bangsa (*nation building*). Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kerajaan perlu berusaha keras untuk menyatukan kaum, terutamanya selepas berlaku rusuhan perkauman pada tahun 1969. Bahasa Melayu diisytihar sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan menggantikan bahasa Inggeris dan terdapat permintaan yang tinggi untuk bahan bacaan dalam bahasa Melayu untuk kegunaan di sekolah. Peruntukan yang besar juga diberikan kepada perpustakaan untuk menambah koleksi bacaan kanak-kanak dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penulisan untuk kanak-kanak dalam bahasa Melayu masih sedikit pada waktu ini dan karya sastera dari luar telah diterjemah bagi memenuhi kekosongan ini. Oleh sebab itu, bermula 1974 sehingga 1985, penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia telah melalui waktu kemuncak. Kajian oleh Sharifah Fadzliyatun (2007) dan Zalina (2007) menunjukkan strategi penterjemahan berorientasikan sasaran banyak digunakan pada waktu ini. Nama-nama watak dan konteks dalam karya asal ditukar supaya karya terjemahan yang dihasilkan berlatarbelakangkan suasana majmuk rakyat berbilang kaum di Malaysia, selaras dengan matlamat kerajaan untuk menyatupadukan rakyat dan membangkitkan semangat kebangsaan. Dalam terjemahan siri *Nancy Drew* karya Carolyn Keene misalnya, nama *Nancy* menjadi *Salma Abdul Hamid*, *Bess* menjadi *Zarina* dan *George* menjadi *Mei Lin* (Zalina, 2006:347). Dalam terjemahan siri *St Clare's* karya Enid Blyton, nama sekolah *St Clare's* menjadi *Sekolah Tengku Asikin*, *Mirabel* menjadi *Shida* (nama Melayu), *Jane Teal* menjadi *Kalvita Kaur* (nama Punjabi), dan *Molly William* menjadi *Molly Wong* (nama Cina).

Di China, sarjana-sarjana dan penterjemah karya sastera kanak-kanak juga memilih karya sastera yang dapat menyumbang kepada pembangunan bangsa untuk diterjemah. *Cuore*, sebuah karya terkenal dari Itali menggambarkan kehidupan seorang budak lelaki di sekolah rendah. Antara matlamat utama penulis asal *Cuore* adalah untuk menyatukan wilayah-wilayah di Itali yang baru disatukan bawah satu pemerintahan pada waktu itu. Menurut Findeisen (2013), karya ini ialah satu contoh tipikal untuk ideologi pembangunan bangsa. Karya ini kali pertama diterjemah di China dengan tajuk *Xin'er jixue ji (Notes of Xin'er about his Learning Experience)* pada tahun 1909. Bao Tianxiao, sarjana dan penterjemah tersohor di China telah menggunakan strategi berorientasikan sasaran untuk menterjemah karya ini. Dalam buku memoirnya, beliau menyatakan (seperti yang dipetik daripada Findeisen (2013: 193):

"I have translated Notes about his Learning Experience by Xin'er from Japanese. At that time, Japanese translators of European novels without any exception 'Nipponicized' characters' homes, behaviours, cultural contexts and places. In turn, I 'Sincized' everything. A number of passages are fully my own and deal with events in my own family."

TERJEMAHAN KARYA SASTERA KANAK-KANAK MODEN

Siri Harry Potter dipilih bagi menjelaskan penterjemahan karya sastera kanak-kanak moden di Malaysia dan China. Siri ini dipilih kerana popularitinya di seluruh dunia dan menjadi antara fenomena terbaharu dan terbesar dalam sejarah sastera kanak-kanak. Setakat pertengahan tahun 2013, 450 juta buah buku Harry Potter telah dijual di seluruh dunia, dalam lebih 70 bahasa (Calio, Frohlich dan Hess, 2014), termasuklah di Malaysia dan China. Tidak lengkap perbincangan tentang penterjemahan karya sastera kanak-kanak moden tanpa menyentuh tentang penterjemahan siri Harry Potter.

Berbeza dengan penterjemahan karya sastera kanak-kanak di Malaysia sekitar tahun 1970-an hingga 1980-an yang cenderung kepada strategi berorientasikan sasaran, penterjemahan buku Harry Potter telah diterjemah dengan menggunakan strategi berorientasikan sumber (Atikah, 2015). Nama-nama watak daripada novel asal dikekalkan. Tiada sebarang pengguguran atau penambahan besar-besaran. Pembaca boleh melihat dengan jelas bahawa teks terjemahan Harry Potter berasal daripada teks asing. Antara faktor utama yang menyebabkan penggunaan strategi berorientasikan sumber ini ialah hak cipta siri ini (Atikah, 2015). Walau bagaimanapun, di Malaysia, siri Harry Potter dalam versi asal, iaitu dalam bahasa Inggeris mendapat sambutan yang jauh lebih tinggi dibandingkan dengan versi terjemahan. Pada waktu pelancaran buku dalam siri Harry Potter versi asal, peminat siri ini telah menunjukkan sambutan hangat sehingga banyak yang terpaksa beratur di luar kedai untuk mendapatkan novel ini (Sharmila, 2016). Versi terjemahan di Malaysia hanya dikeluarkan beberapa tahun selepas penerbitan versi asal; terjemahan bagi buku pertama dan kedua dikeluarkan pada tahun 2002 (buku asal tahun 1997 dan 1998), buku ketiga pada tahun 2004 (buku asal tahun 1999), keempat dan kelima diterbitkan pada tahun 2005 (buku asal masing-masing pada tahun 2000 dan 2003), buku keenam pada tahun 2006 (buku asal tahun 2005) dan buku ketujuh pada tahun 2008 (buku asal tahun 2007).

Hal ini berbeza di China. Terjemahan Harry Potter mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Menurut statistik yang diperolehi daripada Suman (2009: 200-201), tiga judul pertama dalam siri ini yang mula-mula diterbitkan serentak pada tahun 2000 telah dicetak masing-masing sebanyak 200,000 naskhah, sedangkan cetakan buku kanak-kanak di China secara puratanya dicetak sebanyak 10,000 naskhah. Terjemahan buku keempat dicetak sebanyak 400,000 naskhah, buku kelima dan keenam 800,000 naskhah dan buku terakhir dicetak sebanyak sejuta naskhah. Terjemahan untuk tiga siri pertama telah disiapkan dalam tempoh tiga bulan, dan bermula daripada buku keempat, setiap terjemahan telah dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan selepas versi asal dikeluarkan. Siri Harry Potter di China sememangnya lebih terkenal dalam versi terjemahan dibandingkan dengan versi asal (Suman, 2009: 207). Sama seperti di Malaysia, strategi penterjemahan yang digunakan juga cenderung pada yang berorientasikan sumber; kebanyakan nama dalam versi bahasa China adalah dalam bentuk transliterasi daripada teks asal. Fenomena Harry Potter di China juga menjadi sumber inspirasi bagi penulis buku kanak-kanak di China sehingga hari ini (Emia, 2015).

KESIMPULAN

Penterjemahan sastera kanak-kanak memainkan peranan penting dalam menghidupkan industri buku kanak-kanak di Malaysia dan China. Pengeluaran buku untuk kanak-kanak di Malaysia telah dimulakan oleh pengembang agama Kristian yang menterjemah buku kanak-kanak dari Britain. Li (2006: 101) juga menyatakan "*it is unlikely that without the introduction of foreign children's works there would have been no such Chinese children's works.*"

Walaupun bagaimanapun, trend terbaharu di Malaysia menunjukkan buku Harry Potter dalam versi asal lebih popular dalam kalangan pembaca tempatan; tinjauan ringkas di kedai-kedai buku juga menunjukkan versi bahasa Inggeris mudah didapati dibandingkan dengan versi bahasa Melayu, sedangkan di China versi terjemahan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Penerbit di China juga lebih cepat menghasilkan terjemahan Harry Potter dibandingkan dengan penerbit di Malaysia, walaupun didapati bahawa terjemahan ke dalam bahasa Melayu buku Harry Potter semakin cepat diterbitkan terutamanya bagi buku keenam dan ketujuh, iaitu dua buah buku terakhir dalam siri ini. Perkara yang merisaukan ialah trend ini mungkin sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran tentang status bahan bacaan serta kualiti terjemahan ke dalam bahasa Melayu di Malaysia. Kajian berkenaan terjemahan sastera kanak-kanak di Malaysia juga masih terhad, sehubungan dengan itu, diharapkan lebih banyak kajian dalam bidang ini dapat dijalankan. Antara lain, statistik yang terperinci diperlukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan tepat berkenaan sambutan terhadap terjemahan buku kanak-kanak ke dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Atikah Zabir. (2015). *Prosedur Penterjemahan Kata Nama Khas dalam Novel Harry Potter and The Goblet of Fire ke dalam Bahasa Melayu* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Calio, V., Frohlich, T. & Hess, A. E.M. (18 May 2014). 10 best-selling products of all time. *USA Today*. Dicapai pada 3 Jun 2015 daripada <http://www.usatoday.com/story/money/business/2014/05/18/24-7-wall-st-the-best-selling-products-of-all-time/9223465/>
- Emia, V. (10 September 2015). The Ups and Downs of Children's Literature in China. *YIBADA*. Dicapai pada 27 Februari 2017 daripada <http://en.yibada.com/articles/62423/20150910/ups-downs-childrens-literature-china.htm>
- Findeisen, R.D. (2013). The Role of (Mediated) Translation in Chinese Children's Literature. *Studia Orientalia Slovaca*. 12 (2), 175-205.
- Li, Li. (2006). Influences of Translated Children's Texts upon Chinese Children's Translation. *Papers: Explorations into Children's Literature*. 16 (2), 101-106.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia: buku Melayu mencari nafas baru*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Shavit, Z. (1995). The Historical Model of the Development of Children's Literature. Dlm. Maria Nikolajeva (Ed.). *Aspects and Issues in the History of Children's Literature* (hlm. 27-38). Connecticut: Greenwood Press.
- Sharifah Fadzliyatun Shaik Ismail. (2007). *The publishing phenomenon of Enid Blyton in Malay Language in the 1970s: Socio-cultural context and strategies employed* (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). University of Manchester, Manchester, United Kingdom
- Sharmila Ganesan. (2 Ogos 2016). Brisk Sales for latest 'Harry Potter' book. The Star Online. Dicapai pada 27 Februari 2017 daripada <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/08/02/pottermania-returns-brisk-sales-for-latest-harry-potter-book/>
- Suman Gupta. (2009). *Re-reading Harry Potter* (2nd ed.). Palgrave Macmillan: New York
- Zalina Mohd Lazim. (2006). Adapting culture in the translations of children's literature books. Dlm. Shanta Nair-Venugopal, Khazriyati Salehuddin, Shantini Pillai & Vanjuree Sriadulpan (Eds.). *Writing the past into the present: Reflections of 35 years of scholarship in language and literary studies* (hlm. 343-354) Bangi: Penerbit UKM.

TERJEMAHAN KARYA KLASIK CINA KE BAHASA MELAYU: KEPERLUAN MEMAHAMI BUDAYA MELAYU

Azman Che Mat,

Goh Ying Soon

Azarudin Awang

UiTM Terengganu, Kampus Dungun

azman531@tganu.uitm.edu.my

Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar

UiTM Terengganu, Kampus Kuala Terengganu

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan keperluan terjemahan sumber klasik berbahasa Cina ke dalam bahasa Melayu sebagai satu tanggungjawab sosial dan pengukuhan hubungan antara kaum di Malaysia. Karya klasik seperti yang difahami umum mempunyai nilai tinggi dari aspek rekod sejarah, budaya dan pemikiran. Sebagai sebuah tamadun yang tinggi dan lama, bahasa Cina mempunyai koleksi karya klasik yang berbaloi untuk dibincangkan apatah lagi untuk diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa dunia yang lain. Secara umumnya, kajian ini dikategorikan sebagai kajian teks, iaitu melakukan analisis secara deskriptif naratif. Tulisan ini pertamanya membuat sorotan terhadap latar belakang kaum Cina di Malaysia, keduanya pula ialah latar belakang kaum Melayu yang diterangkan untuk mendapatkan nilai-nilai persamaan dan perbezaan. Sebagai data kajian, dua karya penulis dipersembahkan untuk menjelaskan pengalaman terjemahan dan juga kandungan buku ini serta pertimbangan yang diambil ketika proses penulisan ini dilakukan. Judul buku yang pertama ialah '29 Cerita-Cerita Teladan Cina' dan yang keduanya ialah '46 Cerita-Cerita Teladan Cina'. Perbincangan kajian ini memfokuskan elemen-elemen terjemahan pemikiran yang merungkaikan nilai-nilai persamaan yang terdapat dalam budaya Cina dan budaya Melayu. Terjemahan cerita pendek daripada karya klasik Cina dikutip berdasarkan tema tertentu untuk menggambarkan nilai yang terdapat dalam bahasa Cina. Manakala huraian terhadap cerita tersebut pula dijelaskan selari dengan nilai-nilai budaya Melayu khususnya yang bersandarkan ajaran Islam yang merujuk al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Kajian ini merumuskan bahawa dalam terjemahan Melayu, nilai-nilai Islam perlu diberikan perhatian khususnya apabila adanya unsur-unsur yang tidak sepadan daripada karya klasik tersebut.

Kata kunci: Cina, Melayu, terjemahan, budaya, karya klasik

PENDAHULUAN

Menurut takrifan, klasik ialah sesuatu yang "mempunyai nilai atau mutu yang diakui dan menjadi tolok ukur kesempurnaan yang abadi; tertinggi" [kamus besar Indonesia]/ mempunyai sifat-sifat yang lama dan tidak dipakai lagi; mempunyai nilai yang tinggi atau taraf (kedudukan) yang diakui [Kamus Melayu Dewan].

Karya klasik China meliputi cerita rakyat zaman dahulu, mitos purbakala, alegori klasik, cerita dewa-dewi, kisah ajaib, kisah fantasi, hikayat tokoh dan sejarah dari negara China. Hasil-hasil kesusasteraan karya klasik ini adalah hasil daya cipta khalayak ramai zaman dahulu yang menggambarkan falsafah, pandangan hidup, adat istiadat, nilai kebudayaan dan estetik yang halus serta nilai hidup masyarakat (Ooi, 2013).

Dalam konteks Malaysia, terjemahan teks klasik Cina amat penting kerana kebanyakan teks terjemahan yang dipilih merupakan teks kesusasteraan klasik Cina yang bukan mudah difahami oleh golongan pembaca yang kurang berpengetahuan tentang kesusasteraan Cina dan sejarah China (Goh, 2007).

Oleh itu, artikel ini meninjau terjemahan dua karya saduran cerita klasik Cina yang pernah diterbitkan kepada umum. Dalam tulisan ini, perbincangan tentang cabaran penterjemahan teks bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dilakukan oleh Goh Ying Soon dan pendekatan yang digunakan oleh penulis untuk menghuraikan mesej daripada teks tersebut dilakukan oleh Azman Che Mat dari perspektif budaya bahasa sasaran.

LATAR BELAKANG KAUM CINA DAN MELAYU DI MALAYSIA

Kaum Cina merupakan antara etnik yang kedua terbesar di Malaysia dan terdiri daripada pelbagai subetnik seperti Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew, Foochow, Hainan, Henghua, dan sebagainya. Berdasarkan bancian penduduk 2016 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015), jumlah penduduk Cina adalah seramai 6.6 juta (23.4%). Sejarah telah merekodkan bahawa terdapat dua kelompok utama kaum Cina di Malaysia, iaitu komuniti Cina yang bersifat pluralistik dan masyarakat Cina yang bersifat pluraliti. Komuniti Cina yang bersifat pluralistik ialah kaum Cina yang dibawa masuk oleh Inggeris dengan mengekalkan agama, budaya dan adat resam dalam kehidupan sehari-hari. Bahkan mereka juga tetap menghidupkan warisan yang dimiliki oleh nenek moyang mereka dari Tanah Besar China lagi. Hubungan dengan masyarakat tempatan menyebabkan komuniti ini sedikit sebanyak telah mengalami akomodasi budaya hidup (Gill, Sarjit Singh, Ahmad Tarmizi Talib, dan Ruslan Zainuddin, 2013).

Manakala Cina yang bersifat pluraliti ialah komuniti Cina yang tiba lebih awal daripada kelompok yang pertama. Kelompok ini juga dikenali sebagai Cina Peranakan, iaitu kaum Cina yang telah berakulturasi dengan budaya penduduk tempatan, iaitu kaum Melayu. Kebanyakan mereka mengamalkan budaya Melayu seperti dalam pertuturan, makanan, pakaian dan seumpamanya. Sekali imbas mereka seperti orang Melayu kerana cara berpakaian dan bertutur dengan fasih dalam bahasa Melayu. Kelompok Cina Peranakan dikenali sebagai Cina Baba di Melaka, iaitu negeri yang penuh dengan warisan sejarah, Cina Melayu atau Cina Kampung di Kelantan dan Terengganu (Tan Yao Sua, 2011).

Walaupun berada di perantauan, kaum Cina terkenal dengan kecintaan mereka terhadap khazanah budaya bangsa yang diwarisi sejak turun-temurun. Tidak kira di mana mereka berada, jati diri mereka tetap dikekalkan dan diwarisi kepada generasi muda. Oleh itu, bahasa Mandarin menjadi medium penyatuan komuniti Cina. Bahasa Cina dialek Mandarin dipelajari dan dipertuturkan dengan baik dalam kalangan Cina di Malaysia dengan wujudnya aliran sekolah vernakular.

Dalam tradisi ini, tidak dapat dinafikan bahawa akal budi kaum Cina mempunyai nilai-nilai yang boleh dipelajari oleh kaum lain. Bahkan banyak juga nilai-nilai yang bersifat universal yang pada hakikatnya disepakati oleh semua masyarakat dunia (Wan Norhasniah Hj Wan Husin, 2012).

Kaum Melayu pula adalah peribumi di Malaysia (Srikandi, 2015). Mereka dikenali sebagai bumiputera. Majoriti kaum Melayu beragama Islam dan kebanyakan mereka mengamalkan adat dan budaya Melayu dalam kehidupan seharian. Selain itu, kaum Melayu juga mengamalkan ajaran Islam dalam segenap aspek kehidupan mereka, sejak lahir sehingga liang lahad.

Dari aspek pemikiran dan akal budi Melayu, nilai-nilai yang luhur berpaksikan sumber utama agama Islam, iaitu al-Quran dan Hadis. Kedua-dua sumber ini menjadi rujukan utama karya ulamak yang muktabar mencakupi segenap aspek kehidupan (Wan Norhasniah Hj Wan Husin, 2012). Oleh sebab ajaran Islam itu bersifat semasa dan sesuai sepanjang zaman, maka premis untuk menghujahkan bahawa nilai-nilai sejagat yang datang daripada pelbagai sumber boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seorang muslim. Hal ini bersandarkan sepotong Hadis yang masyhur mafhumnya: 'Hikmah itu adalah warisan muslim yang hilang, seandainya kamu menemuinya, maka kutiplah'.

Ringkasnya, sebarang nilai yang terdapat dalam kaum Cina khususnya yang bersumberkan teks-teks klasik wajar dikupas dan disampaikan kepada kaum Melayu di Malaysia. Hal ini dapat dilaksanakan melalui jalan terjemahan bahasa Cina-bahasa Melayu. Makalah tidak membincangkan teori terjemahan secara khusus, tetapi lebih pada perkongsian pengalaman terjemahan teks klasik Cina ke dalam bahasa Melayu dan amalan yang dilakukan sebelum karya terjemahan dan saduran ini dipersembahkan kepada umum.

PENGALAMAN PENTERJEMAH CINA-MELAYU

Tema

Tema-tema ini dipilih daripada cerita klasik Cina dalam buku 世说新语 (*Shì Shuō Xīn Yǔ*), iaitu karya dan pengkritikan yang ditulis oleh 刘义庆 (*Liú Yìqìng*) pada zaman dinasti 魏晋 (*Wèi Jìn*). Tema utama buku tersebut adalah untuk mengupas perbuatan dan perlakuan sarjana-sarjana yang tersohor (名士, *Míngshì*) pada zaman tersebut.

Proses Penterjemahan

Proses penterjemahan merangkumi tiga langkah. Langkah pertama memaparkan kefahaman tentang cerita klasik tersebut dari sudut pembaca yang bukan Cina. Langkah kedua adalah menyemak penyampaian. Fungsi utama adalah untuk memastikan maksud utama atau pengajaran utama cerita tersebut telah disampaikan. Dalam langkah ini, budaya antara bahasa perlu diutamakan. Langkah yang terakhirnya adalah menjalankan penyuntingan. Suntingan adalah pada kosa kata yang melibatkan lintasan budaya serta konsep yang melangkahi dua budaya, iaitu budaya Melayu dan budaya Cina. Dalam proses ini, cerita yang mana konsepnya adalah agak sukar disampaikan dalam budaya Melayu ataupun tiada terdapat kesamaan pemikiran dalam kedua-dua budaya telah diketepikan.

Cabaran Penterjemahan

Cabaran utama yang dihadapi oleh penterjemah Cina-Melayu dalam setiap cerita terpilih ini adalah pada gaya penulisan. 世说新语(*Shì Shuō Xīn Yǔ*) merupakan sebuah novel nota (笔记小说, *Bìjì xiǎoshuō*) dengan gaya penulisan yang istimewa. Untuk menjaga gaya penulisan yang khusus pada penulisan klasik pada zaman dinasti 魏晋(*Wèi Jìn*) adalah tidak mudah. Penulisannya menggunakan kata-kata yang pendek namun membawa maksud yang mendalam. Dengan ini, untuk menterjemahkan cerita tersebut agar dapat memastikan pemahaman pembaca, hasil penterjemahan perlu menjaga isu utama iaitu pemahaman.



KARYA TERJEMAHAN ADAPTASI

Buku pertama bersaiz 15cm x 20cm dan mengandungi 39 halaman. Judul yang diberikan ialah “29 Cerita-Cerita Teladan Cina.” Ia diterbitkan pada tahun 2008 sebagai cetakan pertama oleh Penerbit Yayasan Islam Terengganu. Dalam pengantar buku ini, pengarah Yayasan Islam Terengganu menyebut: “Buku ini membolehkan kita [masyarakat Islam-Melayu] menambahkan lagi pengetahuan tentang budaya kaum Cina dan mempelajari peradaban dalam kalangan mereka yang sesuai dengan ajaran Islam.’

Buku ini mengandungi 29 cerita pendek yang telah diterjemahkan dan diberikan huraian sesuai dengan konsep dan tujuan buku ini diterbitkan kepada umum. Buku kedua bersaiz 15cm x 20cm dan mengandungi 90 halaman dan mengandungi 46 cerita. Pengantar dalam buku ini menyebut: “Buku ini walaupun nipis tetapi banyak pengajaran yang boleh diambil. Sesuai dengan sabda baginda s.a.w. dalam satu Hadis yang masyhur, menyarankan agar kita terus mempelajari ilmu walaupun terpaksa ke Negeri China.”

Rajah 1: Buku Pertama “29 Cerita-Cerita Teladan Cina”

Rajah 2: Buku Pertama “46 Cerita-Cerita Teladan Cina”



Contoh Terjemahan:

1. Persahabatan

Guan Ning (管宁) dan Hua Xin (华歆) bercucuk tanam di kebun. Mereka telah menemui seketul emas di atas tanah. Guan tidak menghiraukan ketulan emas seakan ia hanyalah batuan biasa. Hua melemparkan ketulan emas tersebut ke tempat yang jauh. Apabila mereka belajar bersama-sama, lalulah sebuah kereta kuda yang mewah. Hua terpicat dengan kemewahan kereta kuda tersebut. Dengan ini, Guan telah membuat keputusan tidak ingin menjadi rakan sepelajar Hua.

Dalam bahasa Melayu, nilai emas juga adalah amat berharga. Perbandingan yang digunakan bukan kepada nilai persahabatan, tetapi kepada ‘masa’. Begitu juga dengan kereta kuda. Ia adalah barangan mewah yang setanding dengan pemikiran dan budaya Melayu. Jika pada

zaman dahulu, orang Melayu lebih terkenal dengan kereta lembu sebagai pengangkutan utama, maka penggunaan kereta kuda sudah tentu menjadi kenderaan mewah bagi golongan bangsawan. Penterjemah berjaya memberikan gambaran perbandingan antara nilai persahabatan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu.

2. Kepercayaan

Ruanxiu (阮修) membincangkan kewujudan hantu dengan kawannya. Seseorang kawan mengatakan bahawa orang yang pernah nampak hantu mendapati bahawa hantu itu memakai baju yang sama semasa dia hidup di dunia ini. Ruan berdebat dengan menyatakan bahawa manusia ada roh dan roh tersebut menjelma menjadi hantu; tetapi adakah baju mempunyai roh dan menjelma menjadi hantu bersama-sama?

Mesej dalam cerita ini ialah kepercayaan terhadap kewujudan hantu. Hal ini hampir sama dengan kepercayaan orang Melayu yang mengatakan adanya hantu dan jembalang di dunia ini dengan pelbagai nama dan gelaran. Kepercayaan ini adalah sebahagian khurafat yang terdapat dalam kepercayaan sesetengah orang Melayu (Aidil Akhyar, 2010). Begitu juga dengan kepercayaan terhadap wujudnya roh dalam jasad manusia. Namun perbezaannya ialah orang Melayu mempercayai hantu adalah jelmaan jin dan syaitan dan bukannya roh. Sebaliknya roh adalah ciptaan Allah dan berbeza dengan hantu dan jembalang. Oleh itu, penterjemah telah memberikan maklumat baharu kepada pembaca Melayu bahawa orang Cina juga mempunyai kepercayaan alam ghaib dan makhluk halus.

3. Akhlak

Mahajara Jin Wudi (晋武帝) dijemput ke rumah Wangji (王济) yang mewah. Baginda telah dijamu dengan makanan masakan daging khinzir yang dibela dengan susu manusia. Kerja pemborosan yang dilakukan setanding apa yang dilakukan oleh si boros yang terkenal seperti Wangkai (王恺) dan Shichong (石崇) yang sewaktu dengannya.

Dalam terjemahan ini, penterjemah cuba mengekalkan budaya dan maklumat bahasa Cina yang pelik dalam bahasa sasaran. Khinzir adalah haiwan yang tidak boleh dimakan dagingnya (rujuk: al-Baqarah, 2: 173; al-Ma'idah, 3: 3 & al-Nahl, 15:115) apatah lagi dibela dan diberikan susu manusia. Namun penterjemah mengekalkan maklumat ini dengan pertimbangan bahawa bagi masyarakat Cina, khinzir adalah makanan yang biasa. Perbezaan ini perlu dijelaskan agar masing-masing dapat memahami dan menghormati sensitiviti budaya hidup.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan ini, pihak pengkaji merumuskan penemuan penting yang dapat dijadikan landasan dalam usaha memartabatkan terjemahan Cina-Melayu dan integrasi budaya antara kaum Cina dan Melayu:

1. Karya-karya terjemahan Cina-Melayu harus dipergiatkan penghasilannya. Namun dalam masa yang sama, pemilihan bahan yang bermutu mestilah diberikan keutamaan.
2. Aspek budaya dan agama pembaca bahasa sasaran mestilah sesuai, iaitu dengan mengambil kira keperluan dan kesan yang positif pada pemikiran dan percambahan minda.
3. Penterjemah digalakkan bekerjasama dengan pakar dalam bidang kebudayaan atau agama Islam untuk menghasilkan karya terjemahan Cina-Melayu agar karya terjemahan yang dihasilkan tidak bercanggah dengan norma masyarakat pembaca sasaran. Hal ini selari dengan pandangan Ainon Mohd (2008) yang menekankan perlunya sebarang karya terjemahan itu memberikan kesan yang positif kepada pembaca bermula daripada pemilihan bahan yang hendak diterjemahkan lagi.
4. Kreativiti penterjemah untuk menghasilkan karya terjemahan yang bermutu diperlukan agar khalayak pembaca tertarik untuk memiliki karya terjemahan dan seterusnya berminat untuk membaca dan mendalami budaya Cina secara lebih mendalam.

5. Usaha kecil ini perlu diteruskan agar momentum aktiviti terjemahan Cina-Melayu disemarakkan dengan mempelbagaikan media dan persembahan karya itu sesuai dengan khalayak pembaca Melayu.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai penuh oleh UiTM. Pihak penyelidik amat berterima kasih kepada UiTM kerana membiayai penyelidikan ini. Geran penyelidikan ini berdaftar di bawah: 600-IRMI/DANA 5/3ARAS (0105/2016).

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim. (1987). Damsyik: Dar al-Fajr al-Islami.

Aidil Akhyar. (2010). *Khurafat Alam Melayu*. Johor: Pustaka Azhar

Ainon Mohd. (2008). Membangunkan Teori, Prinsip, Dan Teknik-Teknik Terjemahan Mazhab Qurani. *Pemikir*, 51(Jan-Mac), 29-42.

Gill, Sarjit Singh, Ahmad Tarmizi Talib, dan Ruslan Zainuddin. (2013). *Latar belakang pluraliti masyarakat Alam Melayu*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.

Goh Sang Seong. (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-Aspek Budaya Dalam Terjemahan "Shui Hu Zhuan" [PL1891. A6 G614 2007 frb]* Tesis Kedoktoran Universiti Sains Malaysia.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). Penduduk Malaysia Mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik.

Kamus Besar Bahasa Indonesia. (2017). Dimuat turun daripada: <http://kbbi.web.id/klasik>

Ooi, H. B. (2013). *Strategi Penterjemahan Kata Nama Khas Dalam Teks Kesusasteraan Klasik Negara China Ke Bahasa Melayu*. Tesis Ph.D. Tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Pue Giuk Hun dan Charanjit Kaur. (2014). Identiti etnik minoriti di Malaysia: antara realiti sosial tafsiran autoriti dan tafsiran harian. *Akademika* 84(1&2), 57-70.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2017). Dimuat turun daripada: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=klasik>

Srikandi, al-Semantani Ibnu Rusydi. (2015). *Membongkar Rahsia Dunia Melayu: Pribumi Asia Tenggara. Menjawab Kekeliruan Sejarah*. Kuala Lumpur: Hijaz Rekord Publishing.

Tan Yao Sua. (2011). Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2 (2), 151-162.

Wan Norhasniah Hj Wan Husin. (2012). *Pembinaan Negara Bangsa Dan Hubungan Etnik Di antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Cina di Malaysia: Perspektif Peradaban*. Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

PENTERJEMAHAN BAHASA CHINA-BAHASA MELAYU: DAHULU, KINI DAN MASA DEPAN

Goh Sang Seong
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
gohss@usm.my

Boh Phaik Ean
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
bpephaik@hotmai.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini menelusuri sejarah terjemahan karya susastera China ke dalam bahasa Melayu di Malaysia sejak lebih seabad yang lalu. Sehingga kini, terdapat 115 karya susastera China yang berjaya diterjemah dan diterbitkan dalam pasaran buku di Malaysia. Hala tuju pengembangan karya susastera China tampak lebih jelas dan meyakinkan apabila DBP mengambil langkah proaktif untuk menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat penerbitan China, iaitu Zhejiang Publishing United Group dan menyatakan hasratnya untuk menterjemah dan menerbitkan semula sekurang-kurangnya enam buah buku keluaran Zhejiang menerusi kerjasama dengan Pusat Kebudayaan Han Malaysia. Usaha sedemikian perlu digiatkan kerana aktiviti terjemahan ternyata bukan semata-mata berfungsi untuk menyampaikan maklumat, malah memainkan peranan yang amat signifikan dalam usaha memindahkan ilmu, konsep, falsafah dan budaya. Interaksi dwihala dapat ditingkatkan bagi memupuk persefahaman antara dua bangsa dan negara secara berkesan.

Kata kunci: sejarah terjemahan, terjemahan China-Melayu, terjemahan susastera

PENGENALAN

Menurut Rao Peng Zi (1999: 128-129), kesenian dan kesusasteraan China mula tersebar di Tanah Melayu sejak dua abad yang lalu berikutan perpindahan rakyat China ke luar negara. Hasil catatan orang British menunjukkan bahawa sudah bertapaknya aktiviti kesenian rakyat China di sekitar kawasan negeri Johor pada awal abad ke-18 dan terdapat lima orang British dari Pulau Condore yang terdampar di persisiran pantai negeri Johor akibat kapal yang dinaiki mereka terbalik pada 2 Mac sekitar tahun 1702 atau 1703 telah menyaksikan pertunjukan drama China dan tarian pedang dalam beberapa aktiviti persembahan nyanyian dan tarian yang diadakan secara besar-besaran oleh seramai 600 orang *Huaciao*. Karya kesusasteraan China mula tersebar pada awal abad ke-19 apabila rakyat China melimpah masuk setelah Pulau Pinang dan Singapura dibuka oleh penjajah British. Penubuhan sekolah Cina secara meluas selepas pelabuhan didirikan di koloni tersebut turut mendorong penyebaran karya kesusasteraan China menjadi semakin rancak sehingga disebarluaskan di seluruh Tanah Melayu. Kebanyakan karya kesusasteraan yang dibawa masuk oleh warga China terdiri daripada puisi klasik, novel, cerita, dendang rakyat, prosa dan sebagainya. Antara lima medium utama yang mempromosikannya ialah sekolah swasta, tenaga buruh Cina, perhimpunan cendekiawan, aktiviti persatuan dan kaum Baba (Rao, 1999: 129-150).

Dari sudut asal-usul terjemahan karya kesusasteraan China ke dalam bahasa Melayu, Rao Peng Zi (1999) memberikan maklumat penting dengan menerangkan bahawa kaum Baba merupakan perintis yang menggerakkan usaha ini (Rao, 1999: 145) dan versi terjemahan yang terawal berjaya diterbitkan pada tahun 1889 (Rao, 1999: 140). Pernyataan ini turut disokong oleh dua kajian terhadap penterjemahan karya susastera China oleh kaum Baba yang masing-masing dijalankan oleh Yoong S.K. & Zainab A.N. (2002) dan Ng Fooi Beng (2003). Kedua-dua kajian tersebut menyimpulkan trend terjemahan kaum Baba kepada tiga tempoh utama, iaitu permulaan (1889-1929), kegemilangan (1930-1939) dan kemerosotan (1940-1950). Selain menyumbang tenaga dalam aktiviti menterjemah, kaum Baba juga terlibat secara aktif dalam aktiviti menerbitkan surat khabar, majalah dan buku (Yoong S.K. & Zainab A.N., 2002: 2). Usaha kaum Baba

telah memacak asas yang kukuh dalam penterjemahan karya susastera China ke dalam bahasa Melayu, namun peranan ini tidak lagi terletak pada bahu kaum Baba sahaja selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua (Rao, 1999: 145). Mulai tahun 1960-an, kerja-kerja menterjemah beralih tangan dan diusahakan oleh kumpulan orang Cina berpendidikan BC dan BM yang dilahirkan di Malaysia (Goh, 2012: 3). Situasi ini berlaku kerana terjemahan antarbahasa (*interlingual translation*) sememangnya hanya dapat dijalankan oleh orang yang menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa dan kaum Baba merupakan satu-satunya kelompok minoriti yang memiliki kelebihan tersebut pada ketika itu menerusi perkahwinan antara orang China yang berhijrah ke Tanah Melayu dengan gadis tempatan. Berikutan sistem politik dan ekonomi negara memasuki era baharu selepas Perang Dunia Kedua serta penawaran pendidikan yang lebih mantap, banyak orang tempatan berpeluang menguasai lebih daripada satu bahasa sehingga mampu mengambil alih kerja menterjemah yang sebelumnya hanya dijalankan oleh kaum Baba.

TERJEMAHAN KARYA SUSASTERA CHINA KE DALAM BAHASA MELAYU

Tinjauan terhadap peredaran dan perkembangan aktiviti terjemahan, ataupun istilah “sejarah terjemahan” ditakrifkan oleh Pym (1998: 5-6) sebagai perbincangan yang melibatkan pernyataan terhadap perubahan yang berlaku atau dikekang dalam bidang terjemahan yang merangkumi aspek tindakan dan agen yang menjurus kepada penghasilan terjemahan, kesan terjemahan, teori tentang terjemahan serta fenomena-fenomena lain yang bersangkutan paut dengan sebab dan akibat. Beliau seterusnya membahagikan sejarah terjemahan kepada tiga bahagian, iaitu arkeologi terjemahan, kritikan sejarah dan penerangan. Arkeologi terjemahan ialah perbincangan yang menjawab soalan “siapa menterjemahkan apa, bagaimana, di mana, bila, untuk siapa dan apa kesannya?” (Goh: 2015: 124-125). Kritikal sejarah ialah perbincangan tentang cara terjemahan membantu atau menghalang kemajuan, manakala penerangan ialah sebahagian sejarah terjemahan yang mengulas tentang penghasilan artifaks arkeologi dan hubung kaitnya dengan perubahan. Perbincangan dalam kertas kerja ini memfokuskan penelitian terhadap arkeologi terjemahan karya susastera China ke dalam bahasa Melayu melalui lima aspek, iaitu bilangan judul karya terjemahan, tahun penerbitan, penerbit, tempat penerbitan dan bentuk penerbitan. Kupasan dibuat berdasarkan pemerhatian terhadap data yang dikumpulkan dan disusuli dengan cadangan bagi mengembangkan aktiviti penterjemahan BC-BM.


Koleksi karya susastera China dalam bahasa Melayu dikumpulkan daripada Yoong S.K. & Zainab A.N. (2002), Ng Fooi Beng (2003), Chong Fah Hing (2006 & 2009) dan carian dalam katolog akses awam dalam talian (OPAC). Judul terjemahan karya susastera China dalam BM yang dihasilkan dari tahun 1889-2017 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut.

JADUAL 1 Terjemahan Karya Susastera China dalam Bahasa Melayu dari tahun 1889-2017

Tahun	Terjemahan karya susastera China dalam BM
1889-1929	(1) Heng Guan Seo Chia, (2) Gong Kiah Sie, (3) Teong Chiat Ghee & Mai Yeu Long, (4) Kasatu Bijak Lahsana, (5) Lwee Hong Thak, (6) Kim Ko Kee Quan, (7) Hong Keou sama Lee Tan, (8) Ban Wah Lau, (9) Gnoh Bee Yean, (10) Charita Gak Wee, (11) Hong Keow sama Lee Tan, (12) SamKok, (13) Seeh Jin Quee Cheng Say, (14) Seeh Jin Quee Cheng Tang, (15) Chin Suat Buay, (16) Chin See Bee, (17) Lip Guan Poh Kuan, (18) Song Kang, (19) Soon Bang Yan Chee, (20) (liyuan baojuan), (21) Loh Thong Sau Pak, (22) Ban Wha Law, (23) Lwee Hong Thak, (24) Kou Chey Thian, (25) Sum Hup Poh Kiam, (26) Pho Kiu Si, (27) Mai Yew Long, (28) Tiong Chiat Ghee, (29) Sum Hup Poh Kiam, (30) Seeh Jin Quee Cheng Say, (31) Seeh Jin Quee Cheng Tang, (32) Teck Cheng Ngo Ho Peng Lam, (33) (leifeng ta), (34) Sam Pek Eng Tai
1930-1939	(35) Ow Liat Kok Chee, (36) Say Han, (37) Tang-Chay Liat Kok, (38) Wakang, (39) Ang Bin Sio Chia, (40) Pat Bee Tor, (41) Sam Ha Lam Tong, (42) Hong Sin, (43) Hong Sin Ban Sian, (44) SamKok (edisi kedua), (45) Ngo Chu Low Tang Kia, (46) Raja Lee Tan, (47) Siang HaNgo Liang Huay, (48) (xiyou-edisi kedua), (49) Cheng Teck Koon Yew Kang Nam, (50) Kek Hua Siochia, (51) Lee Lo-Chia, (52) Heng Guan Seo-Chia sama Mwee Liang Giok, (53) Chit Sih Pat Meng Su, (54) Yeo Boon Kong Cheng Lam Ban atau Yeo Boon Kong pukol 18 tong, (55) Song Kang (edisi kedua), (56) Hoon Chong Lau, (57) Khiang Tai Kong, (58) Beng Leh Koon atau Cha Boh Chai Siang, (59) Cheng Tiong Suat Gak atau Gak Hwee, (60) Chay Kong Wak Hood, (61) Lek Bohtan atau Pau Choo Ann Tah Lu-Tai, (62) Nah Kong Tong Pak Han, (63) Sam Hap Beng-Choo Poh-kiam, (64) Tek Cheng Cheng Pak, (65) Tian Pah Tor, (66) Khian Leong Koon Yew Kang Nam, (67) Ong Cheow Koon Hoe Huan, (68) Beng Leh Koon, (69) Ang Siew Chuan, (70) Chow Thau Hong Boo Koon, (71) flying swords, (72) Tio Kong Inn, (73) It Ki Mui atau Chit Kiam Chapsahn Kiap; (74) It Ki Mui atau Chit Chu Chapsahn Seng; (75) Lam Ong Soon Pin atau Chau Mah Choon Chiu; (76) It Ki Mui Peng Suanh Chat; (77) Sam Kok Inn atau Su Ma Tiong Siong, (78) Cheong Moh Inn, (79) Tai Lau Sam Boon Quay

1940-1949	Tiada terbitan
1950-1969	(80) <i>Botan Kiongchoo atau Sam Pokiam</i> , (81) <i>Ngo Ho Peng She</i> , (82) <i>Sam Pek Eng Tai</i> , (83) <i>Tang Sah Ngo Neo</i> , (84) <i>Yeo Chian</i> , (85) <i>Komik Kanak-Kanak Feng Zikai</i> , (86) <i>Wang Kui dan Li Siang-Siang</i> , (87) <i>Sadjak-Sadjak Li Ju-tjai</i> , (88) <i>Pilehan Tjerita Dongeng Tiongkok Kuno</i> , (89) <i>Tjerita Rakyat Tiongkok (Siri I)</i> , (90) <i>Hidup Bagaikan Mimpai</i> , (91) <i>Riwayat Asli Ah Q</i> , (92) <i>Ah So Hsiang Lin dan Cherpen-Cherpen Lain</i> , (93) <i>Sha'er San Pek Eng Tai</i> , (94) <i>Liang San-Poh dan Chu Ying-Tai atau Cerita Kupu-kupu</i> , (95) <i>Antologi Cherpen Hidup dengan Mati</i>
1970-1989	(96) <i>Puisi Baru Tiongkok Jilid I</i> , (97) <i>Air Musim Bunga</i> , (98) <i>Puisi dan Lirik Tiongkok Klasik</i> , (99) <i>Ibuku Sang Bumi: Antologi Sajak Guo Moruo</i> , (100) <i>Pemberitahuan Subuh: Antologi Sajak Pilihan Ai Qing</i> , (101) <i>Lampu yang Tak Kunjung Padam</i> , (102) <i>Sam Pek Eng Tai</i>
1990-2009	(103) <i>Bintang-bintang</i> , (104) <i>Komik Riwayat Tiga Kerajaan (Samkok) I-III</i> , (105) <i>Rakyat Sahni: Antologi 20 Cerpen Wanita R.R. China</i> , (106) <i>LiangShan-Bo dan Zhu YingTai</i> , (107) <i>Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai</i> , (108) <i>Keluarga</i> , (109) <i>Liang Shanbo dan Zhu Yingtai</i> , (110) <i>Doa Restu</i> , (111) <i>Ular Dewi Putih</i> , (112) <i>Hikayat Pinggir Air, Jilid I-IV</i> , (113) <i>Lagu Per-sahabatan Malaysia-China: Antologi Puisi Usman Awang-Chen Haosu</i>
2010-2017	(114) <i>Hikayat Tiga Negara</i> ; (115) <i>Hikayat Jelajah ke Barat</i>

RAJAH 1 Aktiviti terjemahan karya susastera China dari tahun 1889-2017



Rajah 1 menunjukkan sejumlah 115 terjemahan karya susastera China dalam bahasa Melayu dari tahun 1889 sehingga kini, termasuklah beberapa judul yang diterbitkan semula seperti 《三国》 *sanguo*, 《西游》 *xiyou* dan 《宋江》 *songjiang*. Aktiviti terjemahan karya susastera China didapati mula berkembang pesat pada awal abad ke-19 sehingga sebelum teretusnya Perang Dunia Kedua. Dalam tempoh setengah abad ini (1889-1939), sebanyak 79 buah (68.70%) terjemahan telah dihasilkan. Bilangan ini lebih tinggi dibandingkan dengan hanya 36 buah (31.30%) terjemahan yang dihasilkan pada tahun berikutnya yang hampir mencecah 80 tahun. Aktiviti terjemahan karya susastera China yang sesungguhnya mempunyai nilai yang tinggi ternyata kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan yang dahulu. Sekiranya fenomena ini berterusan, dikhuatiri perkembangan penterjemahan BC-BM akan terhambat sekali gus mendatangkan kesan yang signifikan dalam agenda interaksi sosiobudaya, ekonomi dan politik antara Malaysia (dan Nusantara) dan China.

Daripada data yang dikumpulkan, didapati bahawa aktiviti penterjemahan karya susastera China diusahakan oleh kaum Baba pada peringkat awal, kemudian diambil alih oleh orang Cina tempatan yang tahu berbahasa Melayu. Antara penterjemah Baba yang aktif pada ketika itu, termasuklah Wan Boon Seng, Seow Chin San, Lee Seng Poh dan Chan Kim Boon. Penterjemah yang muncul pada penghujung abad ke-19 dan selepas itu terdiri daripada Goh Thean Chye, Tan Lai Peng, Woo Tack Lok dan lain-lain. Didapati

amat menarik sekali penterjemah yang mengambil inisiatif untuk menerbitkan terjemahan sendiri pada peringkat awal, seperti Wan Boon Seng, Chan Kim Boon, Tan Beng Teck dan penerbit lain ialah Peng Swee & Co., Kim Sek Chye Press, Sing Seng Book Co., Chinese Directory & Press dan sebagainya. Hampir semua terjemahan diterbitkan di Singapura pada masa itu, kecuali terdapat dua terjemahan yang juga diterbitkan di Pulau Pinang. Keadaan ini tidak lagi berlaku pada zaman ini dengan adanya penerbit yang lebih mantap seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dari sudut bentuk cetakan pula, sehingga kini semua terjemahan dihasilkan dalam bentuk cetakan.

PROSPEK MASA DEPAN

Untuk memastikan kelestarian penterjemahan BC-BM, serta kualiti terjemahan yang dihasilkan, beberapa perkara yang melibatkan penjenamaan semula, pelatihan, pembinaan korpus selari, dan penyelidikan tentang pendekatan penterjemahan perlu digerakkan secara usahasama antara Malaysia dan China dengan lebih agresif dan sistematik.

Terjemahan teks susastera klasik China oleh penterjemah Baba disampaikan dalam bahasa Melayu pasar atau bahasa Melayu Baba. Bahasa yang digunakan adalah kurang sesuai dengan keperluan zaman kontemporari. Oleh hal yang demikian, penjenamaan semula adalah perlu. Karya-karya klasik China tersebut perlu diterjemahkan semula ke dalam BM moden. Perancangan pelan tindakan strategik adalah perlu bagi memastikan hasrat ini menjadi kenyataan. Penyelidikan pada peringkat praterjemahan perlu dijalankan agar latar belakang sejarah dan sosiobudaya China yang mendasari penceritaan teks-teks klasik ini dapat difahami sepenuhnya. Dalam hal ini, penterjemahan tidak wajar dipandang sebagai aktiviti pemindahan pasif semata-mata.

Selain penjenamaan semula terjemahan BC-BM, rancangan pelatihan penterjemah BC-BM secara khusus hendaklah disusun dan dilaksanakan mengikut taksonomi Pengajian Penterjemahan. Sehingga hari ini, belum ada program penterjemahan BC-BM berpakej yang menyeluruh ditawarkan oleh mana-mana institusi baik di Malaysia mahupun di China. Yang ada cuma kursus atau kursus-kursus yang menjadi penyeri dalam pakej program terjemahan atau program bahasa. Penterjemahan masih dilihat sebagai parasit yang tidak perlu berdiri sendiri sebagai satu disiplin pengajian. Persepsi ini sesungguhnya kolot dan tidak wajar.

Penyelidikan penterjemahan BC-BM yang bersifat *fundamental* sangat penting. Terlalu sedikit bilangan kajian yang meneliti pendekatan dan kaedah penterjemahan BC-BM dengan berpanduan lunas-lunas penyelidikan ilmiah. Keadaan ini ternyata apabila belum ada sebuah buku ilmiah yang menceritakan pendekatan dan kaedah penterjemahan BC-BM secara khusus. Kebanyakan penterjemah BC-BM yang ada dalam pasaran lebih kepada penterjemah tanpa latihan atau penterjemah yang menterjemah mengikut kemahuan naluri. Aspek keilmiah amat kurang sekali. Dan, sudah tentunya kekurangan ini akhirnya sedikit-sebanyak memberikan kesan terhadap mutu terjemahan yang dihasilkan.

Dalam dunia dwibahasa seperti penterjemahan, kebergunaan dan kepentingan korpus selari sudah lama diperkatakan oleh para sarjana. Oleh itu, terjemahan BC-BM yang sedia ada harus dikumpulkan dan dibina sebuah korpus selari. Korpus selari ini amat bermanfaat dalam pelatihan dan penyelidikan penterjemahan. Pada masa yang sama, korpus selari BC-BM boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BC-BM secara berkesan.

Tamsilnya, usahasama antara pihak berkepentingan dan pemegang taruh di Malaysia dan China amatlah mustahak. Institusi pengajian, badan berkanun, penerbit dan penterjemah perlu mengadakan randau bagi merangka satu pelan tindakan strategik yang memihak kepada kedua-dua belah pihak. Penggabungan dana pelbagai pihak, dan tenaga antara penyelidik, penterjemah dan penerbit semestinya menjana sinergi positif yang menjurus ke arah transformasi dunia penterjemahan BC-BM sekali gus menjamin kelestarian dan keberkesanan penterjemahan BC-BM.

RUJUKAN

- Chong Fah Hing, 2006. *Mianyan: Dama Yichuanghui Huiyuan Wenji (Zhongwen Er) (Lanjutan: Koleksi Karya Ahli PERSPEKTIF. Edisi bahasa Cina kedua.)*. Selangor: Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF).
- Chong Fah Hing (2009). Kelewatan Kehadiran Sastera Taiwan di Malaysia: Rujukan kepada Penterjemahan Novel *Bunuh Suami*. Dlm Radiah Yusoff & Goh Sang Seong (Ed.). *Penterjemahan Bahasa Cina <> Bahasa Melayu* (hl. 145-156). Kuala Lumpur: USM dan Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Goh Sang Seong (2012). *Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Kebolehterjemahan Budaya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Goh Sang Seong (2015). Sejarah Terjemahan Karya Melayu di China. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(1), 121-136.
- Ng Fook Beng (2003). *Xinma Baba Wenxue de Yanjiu [Kajian Kesusasteraan Baba di Singapura dan Malaysia]*. Tesis Sarjana. Taipei: National Chengchi University.
- Pym, A. (1998). *Method in Translation History*. Manchester: St. Jerome Publishing Ltd.
- Rao Peng Zi (1999). *Zhongguo Wenxue zai Dongnanya [Susastera China di Asia Tenggara]*. Guangzhou: Jinan daxue chubanshe.
- S.K. Yoong & A.N. Zainab (2002). Chinese Literary Works Translated into Baba Malay: A Bibliometric Study. *Malaysian Journal of Library & Information Science*. 7(2), 1-23.

PRINSIP PENTERJEMAHAN BERDASARKAN *ILMU MENGARANG MELAYU* (1934/2002) OLEH ZA'BA

Haslina Haroon
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang.
haslina@usm.my

ABSTRAK

Aktiviti penterjemahan di Malaysia mula dilakukan secara sistematik sejak penubuhan Pejabat Karang-Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak pada tahun 1924. Pejabat ini ditubuhkan untuk menghasilkan buku untuk sekolah-sekolah Melayu dan juga bahan bacaan untuk masyarakat umum. Disebabkan hal ini, aktiviti pejabat ini pada peringkat awalnya tertumpu pada aktiviti menulis dan menterjemah. Pejabat ini diketuai oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) sebagai Ketua Pengarang dan Penterjemah Kanan, manakala R.O. Winstedt dan O.T Dussek bertindak sebagai Penasihat. Za'ba bukan sahaja memantau aktiviti penulisan dan penterjemahan di Pejabat Karang-Mengarang malah turut menghasilkan panduan tentang penggunaan bahasa Melayu. Salah satu buku yang penting yang ditulis oleh Za'ba ialah *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), yang menghuraikan tatacara penghasilan penulisan yang baik dan berkesan dalam bahasa Melayu. Buku ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama, iaitu 'Pokok-pokok Besar dalam Latihan Mengarang', memberikan fokus pada perkara yang perlu diketahui oleh pengarang untuk menghasilkan karangan yang baik, manakala bahagian kedua, 'Cabang-cabang yang Tinggi', tertumpu pada unsur-unsur penting dalam bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh pengarang. Kertas kerja ini meneliti salah satu bab dalam bahagian pertama, iaitu 'Memindahkan Bahasa'. Walaupun bab ini secara khususnya membincangkan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi dalam aktiviti penterjemahan intralingual, iaitu penterjemahan yang melibatkan satu bahasa, kertas kerja ini akan membincangkan prinsip-prinsip ini dari segi aplikasinya dalam melakukan terjemahan yang melibatkan dua bahasa yang berbeza. Kertas kerja ini diharapkan dapat menyumbang kepada perbincangan tentang prinsip penterjemahan dalam konteks Malaysia dan bahasa Melayu.

Kata kunci: Za'ba, prinsip penterjemahan, *Ilmu Mengarang Melayu*

PENGENALAN

Penterjemahan secara umumnya ditakrifkan sebagai pemindahan makna daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain. Di Tanah Melayu, aktiviti penterjemahan dipercayai mula dilakukan secara sistematik sejak penubuhan Pejabat Karang-Mengarang di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak pada tahun 1924.

Walaupun aktiviti penterjemahan di Malaysia kini merangkumi pelbagai bidang yang berlainan, dari segi sejarah tidak ada banyak perbincangan tentang prinsip-prinsip penting yang perlu dipatuhi dalam melakukan terjemahan, kecuali pandangan umum yang dikemukakan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi dalam *Hikayat Abdullah* (Haslina Haroon, 2011) dan juga prinsip penterjemahan yang dikemukakan oleh Charles Cuthbert Brown dalam bukunya, *A Guide to English-Malay Translation* (Haslina Haroon, 2009). Dengan mengambil kira hal ini, kertas kerja ini membincangkan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Za'ba dalam bab bertajuk 'Memindahkan Bahasa' yang terdapat dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu* (1934/2002). Kertas kerja ini terdiri daripada dua bahagian utama. Bahagian pertama memberikan maklumat tentang latar belakang Za'ba manakala bahagian kedua pula membincangkan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh beliau.

ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (ZA'BA)

Zainal Abidin bin Ahmad, atau Za'ba, dilahirkan di Negeri Sembilan pada 16 September 1895. Beliau menerima pendidikan awal di St. Paul's Institution di Negeri Sembilan dan menerima sijil Senior Cambridge pada tahun 1915. Za'ba kemudian menjadi guru di Johor Government English College di Johor

Bahru (Jun 1916-September 1918) dan kemudian di Kolej Melayu Kuala Kangsar (Oktober 1918-April 1923). Pada bulan Mei 1923, Za'ba dipindahkan ke Kuala Lumpur untuk bekerja sebagai penterjemah dan penulis di Pejabat Penolong Pengarah Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu (Norhalim Hj. Ibrahim, 2001; Rosnani Hashim 2010).

Pada 1 April 1924, Za'ba dipindahkan pula ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim, Perak. Di sana, Za'ba diberi tugas untuk menubuhkan sebuah pusat terjemahan. Tujuan utama penubuhan pusat ini adalah untuk menterjemah dokumen penting daripada kerajaan dan menyediakan buku teks untuk kegunaan sekolah-sekolah Melayu. Pusat yang ditubuhkan ini dikenali sebagai Pejabat Karang-Mengarang, dengan O.T. Dussek sebagai Ketua Editor dan Za'ba sebagai Penterjemah Kanan.

Pejabat Karang-Mengarang ini berjaya menghasilkan beberapa buah terjemahan dengan *Malay School Series* dan *Malay Home Library Series* (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2005). Za'ba juga berjaya menghasilkan beberapa buah buku tentang bahasa Melayu, misalnya, *Ilmu Bahasa Melayu I*, *Ilmu Bahasa Melayu II* (1927), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929) dan *Ilmu Mengarang Melayu* (1934). Walaupun Za'ba merupakan Penterjemah Kanan di Pejabat Karang-Mengarang, tidak ada bahan yang dengan jelas menunjukkan pandangan dan pendapat beliau tentang penterjemahan. Walau bagaimanapun, bab bertajuk 'Memindahkan Bahasa' dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu*, yang menggariskan prinsip utama dalam penterjemahan intralingual, dianggap sebagai bab yang relevan dalam perbincangan tentang penterjemahan. Bahagian yang seterusnya akan membincangkan prinsip-prinsip ini.

PRINSIP MEMINDAHKAN BAHASA DALAM ILMU MENGARANG MELAYU (1934/2002)

Ilmu Mengarang Melayu kali pertama diterbitkan pada tahun 1934, iaitu dalam tulisan Jawi. Buku ini kemudiannya diterbitkan dalam tulisan Rumi pada tahun 1962. Buku ini memberikan fokus pada tatacara penghasilan penulisan yang baik dalam bahasa Melayu dan terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu (1) 'Pokok-pokok Besar dalam Latihan Mengarang', dan (2) 'Cabang-cabang yang Tinggi'. Bab 7 bertajuk 'Memindahkan Bahasa' yang terdapat dalam bahagian pertama menekankan kepentingan untuk memahami dan menghasilkan semula satu penulisan dalam bahasa yang sama sebagai satu bentuk latihan dalam penggunaan bahasa. Walaupun bab ini secara khususnya membincangkan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi dalam aktiviti penterjemahan intralingual atau penterjemahan yang melibatkan satu bahasa yang sama, makalah ini akan meneliti prinsip yang diutarakan dalam konteks penterjemahan yang melibatkan dua bahasa yang berbeza atau penterjemahan interlingual.

Pada bahagian awal bab ini, Za'ba menjelaskan maksud 'memindahkan bahasa', iaitu "suatu jenis menterjemah jua sesuatu karangan diubah perkataannya dikarangkan dengan perkataan lain tetapi mengandungi maksud sama seperti yang asal itu juga" (Zainal Abidin Ahmad, 1934/2002: 91). Walaupun Za'ba memberikan takrifan ini dalam konteks terjemahan intralingual, takrifan yang sama juga dapat digunakan untuk merujuk terjemahan interlingual. Za'ba turut menjelaskan bahawa pemindahan bahasa ini dilakukan "supaya jadi suatu latihan pada mengarang dan memahamkan karangan. Demikian pula supaya membiasakan pengarang itu memakai berjenis-jenis rupa bahasa dan ikatan kata bagi menyebutkan maksud yang sama" (1934/2002: 91). Dalam hal ini, terjemahan interlingual juga mungkin mempunyai tujuan yang sama, iaitu untuk memastikan penulis/penterjemah benar-benar memahami teks asal dan untuk melatih penulis/penterjemah untuk mengungkapkan perkara yang sama dengan menggunakan bentuk bahasa yang berbeza.

Dalam membincangkan prinsip dalam pemindahan bahasa, Za'ba mencadangkan bahawa "sebelum apa-apa hendaklah difahamkan dahulu betul-betul sebenar-benar maksud yang dikehendaki dalam karangan yang akan dipindahkan bahasanya itu" (1934/2002: 91). Prinsip ini sememangnya dapat diaplikasikan dalam penterjemahan interlingual. Dalam membincangkan prinsip penterjemahan dalam konteks penterjemahan kitab *Bible*, seorang sarjana dalam bidang penterjemahan, Nida (1964) mengkhususkan tiga bab untuk membincangkan makna dan kepentingan memahami makna dalam melakukan terjemahan. Za'ba mencadangkan dua jenis pembacaan untuk memahami teks dengan jelas. Pertama, teks harus dibaca sepenuhnya dengan lengkap dan maknanya difahami secara keseluruhan. Kemudian, setiap bahagian kecil teks yang sama harus dibaca dengan teliti dan difahami makna setiap bahagian kecil ini dengan jelas dan terang. Proses pemindahan bahasa hanya boleh dilakukan setelah dua perkara ini dilakukan dan makna sebenar difahami dengan jelas.

Za'ba menjelaskan bahawa setelah makna teks asal difahami dengan jelas dan tepat, pemindahan boleh dilakukan, asalkan makna teks dikekalkan tanpa sebarang perubahan. Za'ba menekankan bahawa "perkara yang besar sekali hendak dijaga apabila memindahkan bahasa ialah jangan terubah atau tersimpang maksud yang asal itu" (1934/2002: 92). Za'ba menjelaskan bahawa tidak ada apa-apa pun yang boleh digugurkan daripada teks asal, dan tidak ada apa-apa pun yang seharusnya ditambah kepada teks asal yang mungkin dapat mengubah makna asal yang ingin disampaikan.

Dalam melakukan pemindahan, Za'ba juga menyarankan supaya penterjemah tidak menterjemah perkataan demi perkataan. Menurut beliau, "memindahkan itu janganlah sekali-kali ditukarkan ikut sepatah-sepatah perkataannya. Pindahkanlah jumlah maksud karangan asal itu kesemua sekali" (1934/2002: 92). Perkara ini selaras dengan pandangan kebanyakan sarjana dalam bidang penterjemahan yang menolak terjemahan perkataan demi perkataan atau yang bersifat terlalu literal. Hal ini demikian kerana jenis terjemahan sebegini akan mempengaruhi makna yang ingin disampaikan. Dengan kata lain, makna asal yang ingin disampaikan tidak akan dapat dihasilkan dengan tepat jika terjemahan yang terlalu literal dilakukan.

Semasa melakukan pemindahan, Za'ba turut menekankan kepentingan memilih perkataan yang dapat menyampaikan maksud perkataan asal dengan tepat. Menurut Za'ba, "memindahkan ini tidaklah memadai diambil sebarang perkataan atau susunan kata yang terlintas di hati pada ketika itu sahaja" (1934/2002: 92). Penterjemah mestilah mengambil masa untuk memikirkan sebanyak mungkin perkataan yang dapat mengungkapkan makna yang sama. Setelah semua pilihan diteliti dengan sempurna, penterjemah bolehlah memilih perkataan yang paling sesuai yang dapat menyampaikan makna seperti yang terdapat dalam teks asal. Za'ba juga mencadangkan supaya diabaikan perkataan yang susah untuk difahami maksudnya jika sudah ada perkataan yang lebih mudah yang dapat mengungkapkan makna yang sama.

Satu perkara lagi yang harus diberikan perhatian dalam proses pemindahan ialah penggunaan gaya dalam sesuatu penulisan. Menurut Za'ba, "gaya karangan dan lagang bahasa dalam asalnya itu hendaklah dikekalkan seboleh-bolehnya" (1934/2002: 93). Oleh itu, jika teks asal bersifat serius dan formal, maka ciri-ciri ini harus dikekalkan dalam teks terjemahan. Jika teks asal bersifat lucu dan ditulis dengan nada yang berjenaka, maka teks terjemahan juga harus ditulis dengan cara yang sama. Pengekalan gaya amat penting supaya maksud dalam teks asal dapat disampaikan dengan tepat.

Akhir sekali, Za'ba juga mencadangkan perubahan yang dapat dilakukan dalam proses pemindahan ini. Menurut Za'ba, "susuk cakap dalam karangan asal itu tidaklah termesti sahaja diikuti" (1934/2002: 93). Dengan kata lain, perubahan dari segi cara makna diungkapkan dapat dilakukan oleh penterjemah asalkan ia tidak terpesong daripada makna yang asal. Hal ini bermaksud bahawa ayat-ayat yang terlalu panjang boleh dipendekkan manakala ayat-ayat yang dirasakan terlalu pendek boleh disambung-sambungkan. Za'ba juga menjelaskan bahawa "bahasa kiasan dan tamsil ibarat biasanya tiadalah boleh diubah" (1934/2002: 93). Walau bagaimanapun, Za'ba agak fleksibel dalam hal ini. Walaupun beliau menyatakan bahawa perkara ini tidak harus diubah, beliau turut mencadangkan bahawa sekiranya bahasa kiasan perlu diubah, makna zahirnya atau gambaran asal harus dikekalkan dalam proses pemindahan ini.

KESIMPULAN

Bab bertajuk 'Memindahkan Bahasa' dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu* (1934) sebenarnya membincangkan prinsip-prinsip penting dalam penterjemahan intralingual. Walau bagaimanapun, prinsip yang sama didapati dapat diaplikasikan dalam aktiviti penterjemahan yang melibatkan dua bahasa yang berbeza. Dengan mengambil kira bahawa tidak ada banyak bahan yang mendokumentasikan prinsip penterjemahan dalam konteks bahasa Melayu dan Malaysia, prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh Za'ba diharapkan dapat menyumbang kepada pendokumentasian dan perbincangan tentang prinsip-prinsip penterjemahan dalam konteks bahasa Melayu dan Malaysia.

RUJUKAN

- Haslina Haroon (2009). C.C. Brown and his Principles of Translating. Dlm. Hasuria Che Omar, Haslina Haroon & Aniswal Abd. Ghani (Ed). *The Sustainability of the Translation Field* (hlm. 190-197). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Haslina Haroon (2011). Early Discourse on Translation in Malay: The Views of Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. Dlm. R. Ricci & J. van der Putten (Ed.). *Translation in Asia: Theories, Practices, Histories* (hlm. 73-87). Manchester: St. Jerome.
- Md. Sidin Ahmad Ishak (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia: Buku Melayu Mencari Nafas Baru*. Shah Alam: Cerdik Publications.
- Nida, E.A. (1964). *Toward a Science of Translating: With Special Reference to principles and Procedures Involved in Bible Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Norhalim Hj. Ibrahim (2001). Za'a (1895-1973): Satu Pengenalan. *Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan*. 24, 8-33.
- Rosnani Hashim (2010). Pendeta Za'ba: Education for the Upliftment of the Malays. Dlm. Rosnani Hashim (Ed.). *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago* (hlm. 115-142). Kuala Lumpur: The Other Press.
- Zainal Abidin Ahmad (1934/2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ANALISIS PENTERJEMAHAN KATA ABSTRAK ‘YUQI ZHUCI TIPIKAL’ DALAM DALAM HUJAN RENYAI

Jennica Chin Ai Ai
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
jennica_luvc@yahoo.com

Goh Sang Seong
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
gohss@usm.my

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan mencerahkan fungsi “*yuqi zhuci* tipikal” dalam bahasa Cina dan meneliti keadaan terjemahan fungsi tersebut dalam terjemahan teks bahasa Melayu. Kajian ini memanfaatkan definisi *yuqi zhuci* oleh Zhang Bin (2010), pengkategorian *yuqi zhuci* oleh Shao Jingmin (2007) serta fungsi dan pengkategorian *yuqi zhuci* tipikal dalam ayat bahasa Cina oleh Zhang Bin (2010). Data dianalisis secara deskriptif dan berdasarkan konteks ayat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat enam jenis “*yuqi zhuci* tipikal” iaitu ‘a’ (啊), ‘ma’ (吗), ‘ba’ (吧), ‘ne’ (呢), ‘le’ (了) dan ‘de’ (的). Turut dipaparkan ialah fungsi setiap “*yuqi zhuci* tipikal” secara spesifik berdasarkan cara penggunaannya dalam pelbagai jenis ayat bahasa Cina. Kajian juga mendapati bahawa fungsi *yuqi zhuci* tipikal daripada teks sumber dapat disampaikan kembali kepada teks bahasa Melayu melalui kaedah penterjemahan yang rencam. Disebabkan “*yuqi zhuci* tipikal” ini tidak wujud dalam tatabahasa bahasa Melayu, fungsinya tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu melalui padanan sedia ada. Penyalinan semula fungsi kata abstrak ‘*yuqi zhuci* tipikal’ ini hanya dapat dilakukan dengan berpandukan terjemahan keseluruhan ayat dalam teks sasaran, dan bukannya terjemahan mengikut unit leksikal kata abstrak itu.

Kata kunci: *yuqi zhuci* tipikal, kata abstrak, fungsi tatabahasa, cerpen *Mahua*, terjemahan Cina – Melayu

PENGENALAN

Terjemahan *Cerpen Pilihan Mahua 3: Dalam Hujan Renyai* (DHR) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2000 mengandungi 14 buah cerpen kontemporari yang menceritakan pelbagai jenis latar belakang kehidupan dan kerjaya. Pemerhatian awal ke atas cerpen sastera tersebut menunjukkan salah satu aspek yang menjadi cabaran kepada para penterjemah ialah unit tatabahasa BC yang dikenali sebagai *yuqi zhuci*.

Yuqi zhuci ialah kata transliterasi yang terbentuk daripada kata 语气 [*yuqi*] yang bermaksud nada dan 助词 [*zhuci*] yang bermakna kata bantu. Menurut Zhang Bin (2010:860), *yuqi zhuci* merupakan penghubung antara bahasa sebagai alat komunikasi, dan sikap atau emosi penutur yang diberikan penegasan dalam penyampaian mesej. Di samping menyampaikan mesej dalam komunikasi lisan seharian, *yuqi zhuci* digunakan bersama dalam ayat untuk merealisasikan fungsi tertentu dalam penyampaian sikap dan emosi penutur dalam ujaran. Menurut Fu You (1997:1), *yuqi zhuci* merupakan sejenis fenomena linguistik yang khusus dalam BC kerana makna yang disampaikan melalui *yuqi zhuci* adalah amat halus dan tidak mudah untuk dijelaskan.

Pemerhatian awal menunjukkan bahawa sebenarnya masalah yang wujud ialah kesukaran menterjemah fungsi *yuqi zhuci* kerana fungsi tatabahasa tersebut jarang-jarang digunakan dalam bahasa sasaran, iaitu BM. Memandangkan *yuqi zhuci* merupakan komponen tatabahasa yang tidak mempunyai makna leksikal, masalah yang ingin dilihat adalah sama ada terjemahan yang dilakukan berjaya atau tidak memelihara fungsi *yuqi zhuci* yang terkandung dalam teks sumber.

KERANGKA TEORI

Kajian ini memanfaatkan himpunan teori seperti yang berikut:

- i. Definisi *yuqi zhuci* oleh Zhang Bin (2010);
- ii. Pengkategorian *yuqi zhuci* oleh Shao Jingmin (2007);
- iii. Fungsi *yuqi zhuci* tipikal oleh Zhang Bin (2010); dan
- iv. Pengkategorian *yuqi zhuci* tipikal dalam ayat bahasa Cina oleh Zhang Bin (2010).

KEADAAN TERJEMAHAN FUNGSI *YUQI ZHUCI* TIPIKAL DALAM DHR

Analisis menunjukkan bahawa keadaan terjemahan fungsi *yuqi zhuci* tipikal dalam terjemahan DHR terbahagi kepada dua kategori, iaitu 1. fungsi tatabahasa *yuqi zhuci* dapat disampaikan ke dalam bahasa Melayu, dan 2. fungsi tatabahasa *yuqi zhuci* tidak dapat disampaikan ke dalam bahasa Melayu.

Fungsi tatabahasa *yuqi zhuci* yang dapat disampaikan ke dalam bahasa Melayu adalah kerana konteks dalam bahasa sasaran memberikan ruang untuk penyampaian semula fungsi tersebut.

Mengikut definisi Zhang Bin (2010), *yuqi zhuci* ‘de’ digunakan dalam ayat kepastian untuk mengukuhkan nada keyakinan penutur terhadap perihal yang dibincangkan. Lihat Contoh 1.

Contoh 1:

Teks sumber: 我又放声大笑，安慰他说：“是的”。

Transliterasi: [Wǒ] [yòu] [fàngshēng] [dà-xiào] [ānwèi] [tā] [shuō] [shì de]

Glos: [Saya] [lagi] [keluarkan suara] [tertawa kuat-kuat], [memujuk] [dia] [berkata] [ya *yuqi zhuci de*]

Teks sasaran: Aku ketawa kuat sekali lagi, lalu menahankan perasaannya. “Ya! (DHR 24)

Dalam contoh 1, jawapan ringkas “是的” (*shide*) merupakan kombinasi respon pendengar, iaitu perkataan “shi” dengan *yuqi zhuci* ‘de’. Apabila penutur menambah *yuqi zhuci* ‘de’ pada perkataan yang menandakan persetujuan seperti “shi”, ia adalah mengesahkan pernyataan/pertanyaan yang ditujukan kepada pendengar, dengan nada penuh kepastian. Untuk menyampaikan fungsi *yuqi zhuci* ‘de’ dalam kes ini, penterjemah telah menukarkan ayat kepastian kepada ayat interjektif untuk menyampaikan nada kepastian penutur kerana konteks ayat memfokus pada nada penutur yang kedengaran sangat yakin dan pasti dengan pernyataan yang dibuat.

Fungsi *yuqi zhuci* tipikal yang tidak kesampaian pula adalah berpunca daripada masalah salah terjemah. Fungsi asas *yuqi zhuci* ‘ma’ dalam ayat pertanyaan adalah untuk mengetengahkan fokus soalan bagi menegaskan keinginan penutur untuk mendapatkan jawapan. Ayat pertanyaan jenis begini biasanya dalam bentuk kepastian. Teliti Contoh 2 berikut.

Contoh 2:

Teks sumber: 我有这个荣幸请你一道去观赏吗？

Transliterasi: [Wǒ] [yǒu] [zhège] [róngxìng] [qǐng] [nǐ] [yīdào] [qù] [guānshǎng ma]

Glos: [Saya] [ada] [yang ini] [penghormatan] [mempelawa] [awak] [sama- sama] [pergi] [menonton *yuqi zhuci ma*]

Teks sasaran: Bertuahlah saya jika awak dapat pergi menonton bersama- sama!”
(BD, BN&P 305)

Fungsi *yuqi zhuci* ‘ma’ dalam ayat ini adalah untuk mengajak pendengar menghadiri sebuah persembahan dan keinginan penutur direalisasikan apabila penutur cuba mendapatkan jawapan daripada pendengar. Jika diteliti, terjemahan ayat ini adalah berbeza dengan ayat dalam teks sumber kerana penterjemah menukarkan ayat pertanyaan kepada ayat interjektif.

Berdasarkan konteks yang dijelaskan dalam teks sumber, penutur berniat untuk mengajak dan seterusnya mendapatkan persetujuan pendengar untuk menghadiri sebuah persembahan bersama-sama dengannya. Akan tetapi, ayat terjemahan yang menjadi ayat interjektif memberikan kesan yang berbeza pula. Dalam teks terjemahan, penutur bagaikan sengaja membuat andaian di depan pendengar untuk memberikan isyarat atau cadangan dan bukannya kedengaran seperti mempelawa pendengar. Terjemahan

ini adalah tidak tepat dan terjemahan yang lebih sesuai adalah dengan mengekalkan soalan pertanyaan tersebut dengan menggunakan perkataan seperti “sudikah” pada permulaan ayat untuk menyalin fungsi *yuqi zhuci* ‘ma’ yang berfungsi mempelawa pendengar.

Selain itu, emik bahasa Melayu tidak memerlukan padanan fungsi *yuqi zhuci*. Teliti Contoh 3 berikut:

Contoh 3:

Teks sumber: 「火，救火啊！」驚惶的嘶喊聲震撼了整個「樂園」。

Transliterasi: [Huǒ] [jiùhuǒ **a**] [Jīnghuáng] [de] [sī-hǎn] [shēng] [zhènghànle] [zhěnggè] [lè-yuán]

Glos: [Api] [padamkan api *yuqi zhuci a*]! [panik] [punya] [jeritan] [bunyi] [telah menggegarkan] [seluruh] [taman]

Teks sasaran: “Api! Api!” Jeritan dan pekikan menggemparkan seluruh Kayangan. (IN 199)

Contoh 3 merupakan situasi yang menampakkan fungsi *yuqi zhuci* ‘a’ yang digunakan oleh penutur untuk menarik perhatian dalam ayat interjektif. Memandangkan fungsi *yuqi zhuci* ‘a’ adalah untuk menarik perhatian orang lain mengenai isu kebakaran yang berlaku pada masa itu, maka terjemahan ayat interjektif kepada ayat interjektif yang memfokus pada subjek api adalah memadai. Dalam hal ini, penterjemah menggugurkan *yuqi zhuci* ‘a’ dalam ayat ini kerana emik bahasa Melayu tidak memerlukannya.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa *yuqi zhuci* tipikal yang digunakan dalam teks sumber, iaitu antologi cerpen DHR mempunyai fungsi tertentu berdasarkan jenis ayat yang digunakan, sepertimana yang disenaraikan oleh Zhang Bin (2010) dalam kajian beliau mengenai pengkategorian *yuqi zhuci* tipikal dalam ayat BC. Kajian Zhang Bin (2010) menyatakan bahawa bukan semua jenis *yuqi zhuci* tipikal dapat digunakan dalam keempat-empat ayat BC yang meliputi ayat pertanyaan, imperatif, kepastian dan interjektif. Sebagai contoh, Zhang Bin menyenaraikan ‘a’ sebagai *yuqi zhuci* yang boleh digunakan dalam keempat-empat ayat BC tersebut tetapi ‘ba’ pula hanya digunakan dalam ayat pertanyaan, imperatif dan kepastian. Dalam aspek ini, dapatan kajian adalah sejajar dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Zhang Bin (2010).

Dari sudut lain, kajian ini mendapati bahawa penterjemahan *yuqi zhuci* tipikal adalah rumit kerana ia bersifat tersirat dan tidak mudah untuk disalin fungsinya secara langsung. Antara faktor yang perlu diberikan perhatian adalah fungsi *yuqi zhuci* tipikal yang hadir dalam teks sumber, konteks cerita, niat penutur dan ketepatan nada penutur. Dengan kata lain, fungsi kata abstrak *yuqi zhuci* tipikal BC tidak dapat diterjemahkan dengan padanan leksikal dalam BM, sebaliknya diterjemahkan fungsinya melalui konteks ayat dalam BM. Tambahan pula, penguasaan konteks ayat dalam teks sasaran juga adalah penting bagi mengelakkan salah terjemah berlaku.

Selain itu, pengguguran *yuqi zhuci* tipikal dilakukan sekiranya terdapat perbezaan hukum tatabahasa. *Yuqi zhuci* tipikal tidak ada padanan sejadi dalam BM kerana emik BM tidak memerlukannya. Oleh hal yang demikian, untuk menghasilkan terjemahan sejadi, pengguguran perlu dilakukan, dan fungsi *yuqi zhuci* tipikal yang terlibat dapat ditimbal balik melalui leksikal lain dalam ayat BM atau melalui konteks keseluruhan ayat tersebut dalam teks sasaran.

PENGHARGAAN

Geran FRGS (203/PHUMANITI/6711442) dan Universiti Sains Malaysia

RUJUKAN

- Boh Phaik Ean & Goh Sang Seong. (2013). Kehilangan makna dalam penterjemahan *chengyu* ke dalam bahasa melayu. *Kajian Malaysia*. Jld 31, No.1, 79–96.
- Chew Fong Peng. (2009). *Kesalahan dalam Terjemahan Bahasa Melayu- Bahasa Mandarin di kalangan Penuntut Uitm*. Shah Alam.
- Chong Fah Hing. (2006). *Cerpen Mahua dan Cerpen Melayu: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Fah Hing. (2011). Pengajian Sastera Mahua dalam Konteks Globalisasi: Pembentukan Institusi Keilmiahan dan Permulaan Kesedaran Jati Diri. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*. 2(2), 39- 52.
- Fu You. (1997). *Xiao Yi Yuqi Zhuci 'ma'*. (Perbincangan *yuqi zhuci 'ma'*). *Laporan Renmin University of China*. Jld 6, 93-95.
- Goh Hin San & Yang Quee Yee. (1987). *Sumbangan Keturunan Tionghoa terhadap Bahasa dan Sastera Melayu*. Dlm. *Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Sang Seong & Mashudi Kader. (2004). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Mandarin kepada Bahasa Melayu: 说 (shuo 'berkata'). *Jurnal Bahasa*. 4(2), 225-256.
- Goh Sang Seong. (2010). Persamaan lambang dalam terjemahan peribahasa bahasa Melayu-bahasa Mandarin. Dlm. Looi Siew Teip et al. (ed.). *Found in Translation*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Goh Sang Seong. (2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Jld 11(1), 35-56.
- Goh Sang Seong. (2012). *Bahasa Cina-bahasa Melayu: Kebolehterjemahan budaya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Goh Sang Seong. (2013). Penterjemahan Nama Perniagaan Bahasa Cina ke dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Bil 27, 170-185.
- Goh Sang Seong. (2014). Kaedah Penterjemahan Kata Sendi Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 134, 246-248.
- Jais Sahok. (1999). *Penulisan Cereka Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lau Yoke Lian. (2009). Kajian metafora kata nama dan *kata sifat* dalam cerpen Bahasa Mandarin. Tesis Sarjana Tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ooi Hoey Boey. (2013). Strategi penterjemahan *kata nama* khas dalam teks kesusasteraan klasik negara China ke bahasa Melayu. Tesis Sarjana Tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Shao Jingmin. (2007). *Xiandai hanyu tonglun* (Bahasa Cina Moden). Shanghai: Education Publishing House.
- Tan Tiam Lai & Norul Haida Reduzan. (2013). *Analisis Kontrastif Kata Ganti Nama Diri dalam Bahasa Cina dan Bahasa Melayu*. *Pendeta Jurnal Bahasa Dan Sastera Melayu*. Jld 4, 162-179.

- Wong Seng Tong. (1990). *Perhubungan Kaum dalam Sastera Mahua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yang Quee Yee. (2009). Perkamusan Melayu Susunan Masyarakat Cina di Malaysia. *Dokumentasi/Documentation. Sari 18*, 151- 175.
- Zhang Bin. (2010). *Xiandai Hanyu Miaoxie Yufa*. (Deskripsi tatabahasa moden bahasa Cina). Beijing: Commercial Press.

STRATEGI PENTERJEMAHAN NILAI FALSAFAH DALAM *HIKAYAT TIGA NEGARA*

Oo Jiu Bell
Jabatan Pengajian Inggeris
Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial
Kolej Universiti Selatan, Johor
oojiubell@yahoo.com

Goh Sang Seong
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi (UniTI)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
gohss@usm.my

ABSTRAK

Hikayat Tiga Negara, atau tajuk asalnya *San Guo Yan Yi* merupakan karya kesusasteraan klasik China yang kaya dengan nilai-nilai falsafah kemoralan. Pengolahan ceritanya berorientasikan penghidupan falsafah oleh watak-watak terkenal dalam hikayat. Falsafah ini merangkumi prinsip atau moral kehidupan dan dipengaruhi oleh pemikiran Konfusianisme. Falsafah yang diteliti dapat dikesan dalam wacana dialog secara eksplisit kerana ujaran watak dapat mencerminkan falsafah tertentu. Ujaran-ujaran dalam karya ini dikarang dalam bahasa vernakular China kuno yang singkat leksikalnya tetapi padat dengan makna yang mendalam. Penterjemahan makna leksikal pula berdasarkan pemahaman terhadap konteks falsafah. Hal ini menyukarkan kerja penterjemahan bagi menjaga kohesi dan koheran mesej falsafah. Masalah kohesi banyak berpunca daripada kekurangan maklumat pada leksikal yang digunakan, manakala masalah koheran melibatkan penyusunan frasa-frasa dalam ujaran untuk menerbitkan mesej falsafah yang diutarakan. Dengan memanfaatkan kerangka teori Hipotesis Eksplisitasi oleh Blum-Kulka (1986) dan aplikasi Eksplisitasi oleh Séguinot (1988), kepadanan struktur falsafah dalam wacana dialog dapat dikaji dari segi penghubung kohesi yang digunakan dalam terjemahan serta pengaruhnya terhadap mesej falsafah yang ingin disampaikan kepada pembaca sasaran. Didapati penghubung kohesi yang terdiri daripada leksikal yang berkolokasi dengan leksikal kepala (*head word*) serta kata penghubung amat penting bagi mengungkapkan kembali mesej falsafah daripada teks sumber kepada teks sasaran. Seterusnya, koheran falsafah dipengaruhi oleh penghubung kohesi di samping anjakan koheran yang dilakukan dalam proses penterjemahan.

Kata kunci: Falsafah kemoralan, kohesi, koheran, eksplisitasi, penghubung kohesi

PENGENALAN

Hikayat Tiga Negara atau tajuk asalnya *San Guo Yan Yi* merupakan sebuah karya kesusasteraan klasik China yang dikarang oleh Luo Guan Zong (1330-1440). Hikayat ini diklasifikasikan sebagai sebuah fiksyen novel panjang yang berunsurkan sejarah tiga negara, iaitu, negara Wei, Wu dan Shu. Novel mencakupi deskripsi tentang lebih daripada 40 peperangan, watak-watak agung yang dicirikan oleh perwatakan yang berbeza, peristiwa yang berlatarbelakangkan kisah urusan ketenteraan, pemerintahan dan pengurusan negara, taktik peperangan, tatalaku dan tatamoral individu watak.

Pengolahan kisah hikayat ini berpaksi pada taktik peperangan dan keperibadian watak-watak yang terkemuka. Keagungannya banyak dipengaruhi oleh nilai falsafah budaya tradisi China iaitu Konfusianisme yang masih dipelajari, diteladani dan dicontohi oleh khalayak pembaca sehingga hari ini. Falsafah Konfusianisme merangkumi nilai-nilai ketaatsetiaan, kemurahan hati, kewajaran moral, kebijaksanaan dan sebagainya. Kajian ini bertujuan meninjau strategi penterjemahan nilai falsafah dalam wacana dialog *Hikayat Tiga Negara* bagi mengenal pasti pemikiran berfalsafah dalam sesuatu konteks peristiwa.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Mengikut kajian lepas, dialog memainkan peranan yang penting untuk mengukir keperibadian watak, membentuk naratif serta menambah nilai estetik karya. (Li Zhihan: 2001). Terdapat juga kajian yang

meneliti bahasa yang digunakan oleh watak-watak utama dalam dialog untuk meneroka gaya bahasa ujaran, makna ujaran, kesan pragmatik dan kesan komunikatif dialog. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa bahasa ujaran dapat melambangkan keperibadian dan pemikiran kognitif watak. Bahasa ujaran juga dapat memaparkan nilai falsafah yang dianuti dengan falsafah Konfusianime sebagai pengaruh utama (Liu Bo-cang, 2004).

Li Penghui (2013) mengkaji cara pengungkapan semula nilai tradisional dan budaya China dalam dialog *Hikayat Tiga Negara* untuk tujuan pemahaman pembaca barat dan penyebaran budaya China. Teori Lakuan Bahasa (Austin, 1962) dimanfaatkan untuk mengkaji kandungan pragmatik dalam dialog melalui strategi terjemahan literal lokusionari, terjemahan ilokusionari bebas dan penambahan pelokusionari, anotasi dan pengguguran; manakala teori kesan kepadanan pragmatik (Nida, 1964; Jindi, 1988) dimanfaatkan untuk mengklasifikasikan kepadanan dialog kepada kepadanan pragmatik lengkap, kepadanan pragmatik separa dan kepadanan pragmatik kosong. Aspek-aspek kajian terjemahan Li Penghui terhad pada dua bahagian utama, iaitu kajian gambaran sifat watak yang menunjukkan kesetiaan, kemanusiaan, sikap terhadap pelajaran, prinsip peperangan dan penggunaan bahasa kasar oleh watak-watak; dan lambang bahasa yang mengandungi budaya China dalam dialog.

Wei Lianzhi (2014) membandingkan terjemahan sifat-sifat peribadi watak dalam dialog *Hikayat Tiga Negara* dalam dua versi terjemahan bahasa Inggeris dengan pendekatan deskriptif oleh Toury (2001). Beliau juga mengklasifikasikan nilai-nilai falsafah China seperti ‘义’(‘yi’) (ketaatsetiaan), ‘勇’(‘yong’) (keberanian) dan sebagainya sebagai nilai-nilai budaya tradisional China atau leksikal budaya. Terjemahan leksikal-leksikal tersebut dikaji dengan padanan kamus dijadikan panduan untuk menilai kepadanan terjemahan. Kaedah-kaedah terjemahan yang dikenal pasti termasuklah penambahan, pengguguran serta penerangan dengan kata-kata deskriptif.

Sorotan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penterjemahan nilai-nilai budaya tradisional yang berbentuk nilai-nilai moral dan leksikal khusus falsafah dalam dialog telah dianalisis. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak nilai falsafah yang belum diterokai terjemahannya pada peringkat wacana. Maka, kertas kerja ini bertujuan mengkaji strategi penterjemahan nilai falsafah kemoralan dalam wacana dialog untuk merangkumkan konteks dialog bagi analisis wacana dialog terpilih dan interpretasi mesej falsafah secara menyeluruh.

KERANGKA TEORI

Blum-Kulka (1986) berpendapat bahawa koheran merupakan prinsip utama untuk menginterpretasi wacana. Koheran dapat dianggap sebagai hubungan makna terselindung antara bahagian-bahagian dalam teks dan difahami oleh pembaca atau pendengar melalui proses interpretasi. Kohesi pula dianggap sebagai hubungan nyata antara bahagian-bahagian dalam teks yang dihubungkan oleh penanda-penanda bahasa tertentu. Beliau mengutarakan anjakan kohesi dan koheran dalam terjemahan dari segi tekstual dan hubungan wacana.

Dari segi kohesi, anjakan penghubung kohesi dalam terjemahan dianggap dapat mempengaruhi terjemahan dari segi tahap eksplisit dan makna teks. Bagi tahap eksplisit, bahasa sasaran mungkin lebih eksplisit atau kurang eksplisit daripada bahasa sumber, manakala makna eksplisit atau implisit mungkin berubah dalam proses penterjemahan.

Blum-Kulka (1986) mengemukakan “Hipotesis Eksplisitasi” yang menyatakan bahawa teks sasaran adalah lebih eksplisit daripada teks sumber. Eksplisitasi merupakan proses semula jadi dalam proses penterjemahan. Hal ini berlaku kerana penterjemahan melibatkan proses menginterpretasi teks dan wacana oleh penterjemah yang mungkin membawa pada teks terjemahan yang berlebihan. Keberlebihan ini dapat ditunjukkan pada eksplisitasi kohesi dalam teks sasaran.

Blum-Kulka merujuk koheran sebagai realisasi makna teks. Beliau membincangkan koheran dari dua aspek, iaitu anjakan koheran yang berfokuskan pembaca dan anjakan koheran yang berfokuskan teks:

- a. Anjakan koheran yang berfokuskan pembaca mengambil kira faktor-faktor seperti pandangan dunia, pengetahuan tentang perkara subjek, kebiasaan dengan konvensi genre pembaca sasaran. Penterjemah perlu mahir menginterpretasi budaya teks sumber dan memindahkan budaya tersebut ke dalam teks sasaran untuk pemahaman pembaca baharu. Hal ini melibatkan interpretasi budaya penyampaian mesej dalam bahasa sumber.

- b. Anjakan koheran yang berfokuskan teks pula bertujuan merealisasikan fungsi teks. Anjakan jenis ini berlaku disebabkan oleh perbezaan antara dua jenis sistem linguistik. Sesuatu makna implisit mungkin membawa implikasi yang berlainan. Maka pilihan unsur bahasa tertentu mungkin menyebabkan perubahan makna teks sumber dalam proses penterjemahan dan membawa kepada anjakan koheran makna.

Mengikut Séguinot (1988) pula, penggunaan bahasa secara eksplisit atau implisit adalah bergantung pada jenis maklumat dan cara penyampaiannya yang sejadi. Maklumat dapat disampaikan melalui ciri-ciri bentuk bahasa formal, dan juga melalui perubahan gaya dan penggunaan retorik.

Eksplisitasi dapat diaplikasikan dalam tiga bentuk, iaitu (i) sesuatu yang tidak terdapat dalam teks sumber tetapi disampaikan dalam terjemahan; (ii) sesuatu yang implisit atau yang difahami melalui andaian dalam teks sumber disampaikan secara tersurat dalam terjemahan; atau (iii) sesuatu elemen dalam teks sumber dipentingkan melalui pemfokusan, penekanan atau pilihan leksikal dalam terjemahan.

Hipotesis Eksplisitasi dan aplikasi eksplisitasi dimanfaatkan untuk mengkaji jenis penghubung kohesi yang digunakan dalam terjemahan, serta anjakan koheran yang dilakukan dalam proses penterjemahan untuk mengeksplisitasikan mesej nilai falsafah kemoralan.

METODOLOGI KAJIAN DAN ANALISIS DATA

Kajian meninjau strategi penterjemahan nilai falsafah melalui kohesi dan koheran struktur falsafah dalam wacana dialog. Nilai falsafah yang dipersembahkan secara eksplisit melalui bahasa retorik berserta dengan ayat-ayat penerangan atau penjelasan dalam naratif wacana dialog akan dikaji terjemahannya. Seterusnya, aspek kohesi diteliti dari segi jenis penghubung kohesi yang diaplikasikan dalam terjemahan manakala aspek koheran pula ditentukan melalui makna yang disampaikan dalam terjemahan mesej falsafah.

Data kajian dipetik dari Bab 11 dalam teks sumber, dengan terjemahan dari halaman 192-193. Bahagian yang mengandungi falsafah kemoralan ditebalkan.

Data kajian 1:

Teks sumber:

玄德曰：“陶恭祖乃仁人君子，不意受此无辜之冤。”

Transliterasi: [Xuande] [yue]: “[Tao Gongzu] [nai] [renren] [junzi], [buyi] [shou] [ci] [wugu] [zhi] [yuan].

Glos: [Xuande] [berkata]: “[Tao Gongzu] [ialah] [pemurah hati] [orang mulia], [tidak sangka] [menerima] [ini] [tidak semena-mena] [yang] [ketidakadilan].”

Teks sasaran:

Liu Xuande mengeluh, “**Tao Qian sebenarnya seorang yang budiman, tak sangka dia difitnah dan dianiayai dengan tidak semena-mena.**”

Analisis terjemahan:

Nilai falsafah ‘仁’(‘ren’) (maksud literal: kemurahan hati) diterjemahkan kepada ‘budiman’ dan penerangannya ‘不意受此无辜之冤’ (maksud literal: tidak disangka menerima balasan ketidakadilan) diterjemahkan kepada ‘tak sangka difitnah dan dianiayai dengan tidak semena-mena’. ‘仁人’ dianjurkan maknanya kepada ‘seorang yang budiman’ untuk dihubungkan dengan ketidakadilan yang tidak patut diterima, iaitu fitnah dan penganiayaan. Didapati kedua-dua penghujung kohesi leksikal penerangan ‘seorang yang budiman’ dan ‘difitnah dan dianiayai’—digunakan untuk menghubungkan maksud ‘仁’ dengan ‘不意受此无辜之冤’ Anjakan makna ‘仁’ dapat menjaga koheran makna teks di samping menyerlahkan salah satu ciri nilai falsafah ‘仁’ yang pelbagai. Strategi anjakan makna nilai falsafah dan eksplisitasi makna ketidakadilan diaplikasikan untuk pemahaman wacana yang berleksikal singkat lagi padat dengan makna.

Data kajian 2:

Teks sumber:

孔融曰：“融之欲救陶恭祖，虽因旧谊，亦为大义。公岂独无仗义之心耶？”

Transliterasi: [Kong Rong] [yue]: “[Rong] [zhi] [yu] [jiu] [Tao Gongzu], [sui] [yin] [jiu] [yi], [yi] [wei] [da] [yi]. [gong] [qi] [du] [wu] [zhang] [yi] [zhi] [xin] [ye]?”

Glos: [Kong Rong] [berkata]: “[Rong] [yang] [hendak] [menyelamatkan] [Tao Gongzu], [walaupun] [kerana] [lama] [persahabatan], [juga] [untuk] [besar] [kesaksamaan]. [Tuan] [kenapa] [sendiri] [tiada] [bersandarkan] [kesaksamaan] [yang] [hati] [kah]?”

Teks sasaran:

Kong Rong terus menggesa, “**Tujuan saya hendak menyelamatkan Tao Qian, atas sebab persahabatan lama, juga kerana hendak menegakkan keadilan. Adakah tuan orang yang langsung tiada sifat keadilan?**”

Analisis terjemahan:

Nilai falsafah ‘义’ (‘yi’) (maksud literal: kesaksamaan) diterjemahkan dengan penghubung kohesi leksikal yang berkolokasi dengannya iaitu ‘menegakkan’ keadilan. Pertanyaan lanjutan ‘公岂独无仗义之心耶?’ (maksud literal: kenapa tuan seorang yang tiada niat kesaksamaan?) diterjemahkan kepada ‘adakah tuan orang yang langsung tiada sifat keadilan’. Terjemahan ‘义’ dalam ayat ini juga dipadankan dengan penghubung kohesi yang berkolokasi dengannya iaitu ‘sifat’ keadilan. Nilai falsafah ‘义’ dipelihara koheran maknanya melalui kolokasi leksikal. Penggunaan strategi eksplisitasi melalui kolokasi leksikal serta kata penghubung kohesi ‘atas sebab’ dan ‘juga kerana’ dapat menyerlahkan makna nilai falsafah ini.

Data kajian 3:

Teks sumber:

融曰：“公切勿失信。”玄德曰：“公以备为何如人也？圣人云：自古皆有死，人无信不立。刘备借得军、或借不得军，必然亲至。”

Transliterasi: [Rong] [yue]: “[gong] [qie] [wu] [shi] [xin].” [Xuande] [yue]: “[gong] [yi] [Bei] [weihe] [ru] [ren] [ye]? [shengren] [yun]: [zi] [gu] [jie] [you] [si], [ren] [wu] [xin] [bu] [li]. [Liu Bei] [jie] [de] [jun], [huo] [jie] [bude] [jun], [biran] [qin] [zhi].”

Glos: [Rong] [berkata]: “[Tuan] [mesti] [jangan] [hilang] [amanah].” [Xuande] [berkata], “[Tuan] [anggap] [Bei] [bagaimana] [jadi] [orang] [kah]? [Pendeta mulia] [berkata], “[Sejak] [silam] [turut] [ada] [maut], [orang] [tiada] [amanah] [tidak] [berdiri]. [Liu Bei] [pinjam] [dapat] [tentera], [atau] [pinjam] [tidak] [dapat] [tentera], [mesti] [sendiri] [datang].”

Teks sasaran:

Kong Rong menegaskan, “**Mudah-mudahan tuan tidak mungkir janji.**”

Liu Xuande membidas, “Tuan anggap saya ini siapa? Pendeta mulia ada mengatakan bahawa ‘**Maut adalah perkara biasa bagi manusia sejak zaman silam, tapi orang yang mungkir janji tidak dapat bertahan**’. Bagi saya, sama ada berjaya ataupun gagal meminjam tentera, saya tetap akan datang.”

Analisis terjemahan:

Mengikut konteks, nilai falsafah ‘信’ (‘xin’) (amanah) diterjemahkan kepada janji; ‘失信’ (‘shi xin’) (hilang amanah) diterjemahkan kepada ‘mungkir janji’ dan leksikal-leksikalnya adalah berkolokasi. Ujaran ini diikuti oleh kata hikmah Konfusianisme beranalogi ‘自古皆有死，人无信不立’ (maksud literal: Memang ada orang yang meninggal dunia sejak zaman silam, orang yang tidak beramanah tidak dapat berdiri teguh) yang tersirat makna ‘orang boleh mati kerana kelaparan makanan, tetapi negara akan runtuh kerana kehilangan amanah’. Diperhatikan bahawa subjek ‘maut’ dijadikan topik utama dalam ayat dan dibandingkan dengan orang yang mungkir janji akan mengalami nasib yang serupa. Anjakan frasa ‘maut

adalah perkara biasa bagi manusia' ke frasa depan ayat menyerlahkan mesej falsafah 'orang yang mungkir janji tidak dapat bertahan' dalam perbandingan topik perbincangan serta menjaga koheran makna falsafah. Penterjemahan nilai falsafah dalam konteks ini memanfaatkan strategi kohesi leksikal berkolokasi dan penyusunan frasa bagi menerbitkan nilai '信'. Selain itu, hanya salah satu ciri '信' yang dieksplisitkan iaitu 'janji'.

KESIMPULAN

Kajian terhadap strategi penterjemahan nilai falsafah ini menunjukkan bahawa penghubung kohesi yang terdiri daripada leksikal yang berkolokasi dengan leksikal kepala (*head word*), iaitu leksikal utama yang mengandungi mesej falsafah, serta kata-kata penghubung yang lain diperlukan bagi mengungkapkan kembali mesej falsafah secara koheran daripada teks sumber kepada teks sasaran. Penggunaan penghubung kohesi dipengaruhi oleh ciri-ciri falsafah yang ingin disampaikan dalam sesuatu konteks peristiwa, manakala kata penghubung pula berfungsi sebagai penghubung wacana untuk menghubungkan klausa subordinat. Kajian juga menggambarkan pemeliharaan dan anjakan makna falsafah dipengaruhi oleh koheran makna falsafah dalam sesuatu wacana dialog.

Kesimpulannya, strategi kohesi dan koheran dapat menyerlahkan nilai falsafah secara eksplisit dengan menyampaikan ciri-ciri falsafah mengikut konteks peristiwa dalam hikayat yang dikaji ini.

RUJUKAN

- Blum-Kulka, S. (1986). Shifts of Cohesion and Coherence in Translation. Dlm. Venuti. L. *The Translation Studies Reader* (hlm. 298-313). London: Routledge.
- Haslina, H, & Noraini Ibrahim-González (Ed.). Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Kebangsaan: Pengajaran dan Pembelajaran Terjemahan dan Interpretasi, 15-16 Oktober, ISBN: 978-967-461-100-2 (2016).
- Jiu Bell, O. & Sang Seong, G. (2016). Tinjauan Awal Terjemahan Wacana Dialog dalam Hikayat Tiga Negara. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Kebangsaan 2016: Pengajaran dan Pembelajaran Terjemahan dan Interpretasi. Malaysia: Universiti Sains Malaysia, Oktober.
- Kamus atas talian *Han Dian* (漢典). <http://www.zdic.net/z/15/js/4E49.htm>
- Li Penghui (2013). On Pragmatic Equivalence Revealed in Translation of Dialogues in Roberts' Version of Three Kingdoms. Tesis Sarjana. University of South China, Heng Yang, Hunan.
- Li Zhihan. (2001). Analysis of Characters' Dialogic Language in Hou Lou Meng. China Academic Journal Publishing House, 2001 (1), 142-160.
- Liu Bo-cang. (2004). An Aesthetic World Composed of Multi Part "Concerted Music"- The Conversational Art in the Romance of the Three Kingdoms. *Journal of Shenzhen University (Humanities and Social Sciences)*, 21(2), 94-98.
- Luo Guanzhong. (1992). *San Guo Yan Yi*. Guangzhou: Huacheng Publication House.
- Séguinot, C. (1988). Pragmatics and the explicitation hypothesis. *TTR: traduction, terminologie, rédaction*, 1(2), 106-113.
- Yuen Boon Chan & Woo Tack Lok (Penterjemah). (2012). *Hikayat Tiga Negara (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: DBP.
- Wei Lianzhi (2014). A Study on Character Remolding in Two English Versions of Sanguo Yanyi: from the Perspective of Descriptive Translation. Tesis Sarjana. Foreign Linguistics and Applied Linguistics, Xi'an, China.

MEMAHAMI PERTEMBUGAN BUDAYA CINA-MELAYU MELALUI PENTERJEMAHAN AUDIOVISUAL

Hasuria Che Omar
Unit Penyelidikan Terjemahan dan Interpretasi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
hasuria@usm.my

ABSTRAK

Era digital dan perkembangan mod audiovisual telah membolehkan kepelbagaian budaya dinikmati dan dikongsi pelbagai budaya yang berbeza, khususnya di Malaysia. Perbezaan bahasa bukan lagi merupakan kekangan kepada penonton untuk memahami mesej yang ingin disampaikan dalam audiovisual. Mesej verbal-visual yang mendahului mesej audio-verbal membolehkan mesej digarap dengan lebih pantas dibandingkan dengan mesej audio-verbal, yang sering kali perlu disarikatakan atau dialih bahasa sebelum sesuatu program ditayangkan sama ada di panggung wayang, DVD, dalam talian atau di televisyen. Makalah ini cuba berkongsi idea tentang peranan penterjemahan dalam menguruskan pertembungan budaya Cina-Melayu dalam paparan audiovisual, sama ada menerusi filem yang mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan penonton ataupun menerusi pertunjukan pentas yang menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat di Malaysia. Antara kajian yang telah dijalankan ialah penterjemahan nama khas budaya dalam filem Hong Kong yang berlatarkan masyarakat China, iaitu *Shaolin Soccer*, 2001 (2009) dan pertunjukan pentas (opera) China di Pulau Pinang, Malaysia (2008). Dalam kes ini, perbincangan adalah berkisar pada sari kata atau *surttitle* dan cadangan sari kata/*surttitle* yang dikupas atau dicadangkan oleh pengkaji asal. Selain itu, sifat budaya pelbagai bahasa dan bangsa di Malaysia turut menghasilkan ruang yang menarik untuk penelitian dijalankan, khususnya untuk pendekatan terjemahan yang boleh menghasilkan pemahaman yang baik kepada penonton luar yang tidak fasih dengan kebiasaan berbahasa dan kurang biasa dengan budaya kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam kes ini beberapa contoh pertembungan budaya dalam masyarakat Malaysia, seperti yang dipaparkan dalam filem *Mukhsin* (2007) dan *Talentime* (2009) akan dibincangkan. Pelbagai pendekatan terjemahan, khususnya yang disarankan oleh Newmark (1998/2000), dan Gambier (2006) yang membantu ketersampaian mesej dalam konteks pertembungan budaya ini turut dijelaskan.

Kata kunci: pertembungan budaya, silang budaya, pendekatan terjemahan, asimilasi, adaptasi

PENGENALAN

Terjemahan memainkan peranan yang penting dalam membentuk budaya, identiti nasional dan merupakan satu wadah untuk memperkasakan identiti kumpulan masyarakat. Hasilnya, pengetahuan tentang budaya kita dapat dikongsi oleh budaya lain, manakala budaya lain dapat diakses oleh audiens antarabangsa dalam bahasa-bahasa mereka sendiri (dalam Munoz-Calvo, 2010:5). Penterjemahan seringkali juga didefinisi sebagai tindakan antara budaya atau komunikasi silang budaya (e.g. Vermeer 1986)¹. Pandangan ini adalah berasaskan pemahaman bahawa terjemahan membolehkan ahli dalam budaya yang berbeza, yang menggunakan bahasa yang berbeza-beza memahami satu dengan lain. Oleh itu, menerusi terjemahan, kalangan pembaca yang baru dilibatkan dalam 'tindakan komunikasi yang pada mulanya terhad kepada komuniti bahasa sumber sahaja'. (Reiss 1989:109, dalam Schaffner, 2010:107). Penterjemahan, dengan kata lain membolehkan pertembungan budaya ditangani.

Kontak budaya atau pertembungan budaya (*cultural contact*) dapat dijelaskan secara umum sebagai pertemuan dua atau lebih budaya yang tidak sama dan apabila pertembungan ini berlaku maka kedua-dua pihak yang berkenaan perlulah bertolak ansur². Pertembungan ini juga boleh berlaku apabila dua atau lebih budaya bertemu menerusi penjajahan, imej dalam media massa, perdagangan atau imigrasi atau

¹Dalam Schaffner, C (2001)

²<https://www.merriam-webster.com/dictionary/acculturation> (Diakses 22 Mac 2017)

pengembaraan yang memberi kesan ke atas satu sama lain³. Konsep pertembungan budaya ini juga boleh dijelaskan menerusi istilah akulturasi (*acculturation*), iaitu modifikasi budaya oleh seseorang, iaitu sekumpulan ahli mengadaptasi atau meminjam ciri-ciri daripada budaya lain, lalu menghasilkan penggabungan budaya sebagai kesan daripada perhubungan yang lama⁴. Akulturasi ini juga merupakan proses memperoleh budaya sesebuah masyarakat yang dilalui oleh manusia sejak mereka kecil.

Pertembungan budaya ini secara langsung akan memberi kesan terhadap pertembungan bahasa, iaitu satu fenomena linguistik dan sosial, yang penutur pelbagai bahasa (atau dialek yang berbeza dalam bahasa yang sama) berinteraksi antara satu dengan lain, seterusnya ciri-ciri linguistik dapat dipindahkan. Pertembungan ini merupakan faktor utama perubahan bahasa boleh berlaku, dan kemudiannya menjadi sumber kepada pilihan sebutan, struktur bahasa dan kosa kata.⁵ Pakar sosiologi turut mengkaji bagaimana inovasi membawa kepada penerimaan sosial dalam dimensi silang budaya, contohnya bagaimana masyarakat yang berbeza menunjukkan reaksi mereka dengan kemunculan internet, atau dalam konteks yang umum, audiovisual. Keadaan ini juga turut dikenali sebagai akomodasi budaya (*cultural accommodation*). Oleh itu, untuk memahami budaya, seseorang perlu memahami pengalaman yang memandu individu dalam hidup, dan ini termasuklah bahasa dan gerak isyarat, penampilan peribadi dan hubungan sosial; agama, falsafah, dan nilai; perhubungan, perkahwinan, dan adat keluarga; makanan dan rekreasi; pekerjaan dan kerajaan; sistem pendidikan dan komunikasi; kesihatan, pengangkutan, dan sistem kerajaan; dan sistem ekonomi.⁶

Setelah memahami sedikit sebanyak tentang fenomena pertembungan budaya, serta kesan secara langsung yang dibawakan oleh pertembungan ini dalam hubungan silang budaya masyarakat, maka dua premis cuba dikemukakan dalam penulisan ini, iaitu, a) apakah bentuk pertembungan budaya yang digambarkan melalui paparan audiovisual? dan b) bagaimanakah pertembungan budaya ini memberi kesan terhadap proses penterjemahan, lalu menghasilkan produk yang dapat diterima oleh masyarakat di dalamnya?

PERTEMBUNGAN BUDAYA DAN PENTERJEMAHAN AUDIOVISUAL

Gottlieb (1998), Zabalbascoa (dalam Diaz-cintas, 2008), Delabastita, 1989 (dlm Chiaro, Heiss & Bucaria, 2000) telah mengemukakan idea tentang komunikasi media, dan merumuskan bahawa empat elemen asas yang dicirikan teks audiovisual. Asas struktur teksturnya terdiri daripada teks verbal-audio atau akustik verbal (perkataan yang boleh didengari seperti dialog, monolog, lagu, penyuaran), verbal-visual (perkataan yang boleh dibaca, sisipan, kain rentang, mesej pada tajuk berita, skrin komputer), nonverbal-audio atau akustik-bukan verbal (skor muzik, kesan bunyi dan kesan khas) dan visual bukan verbal (gambar dan piktografi, imej, gerak isyarat).

Secara umumnya prosedur penterjemahan budaya yang dicadangkan oleh Newmark (1988)⁷ boleh digunakan untuk menangani penterjemahan elemen berunsurkan budaya dalam filem, seperti pemindahan, kesamaan budaya, peneutralan (kesamaan fungsional atau kesamaan deskriptif), penterjemahan literal, label, naturalisasi, analisis komponen, pengguguran, terjemahan serangkai (*couplet*), terjemahan yang diterima, parafrasa, glos dan nota serta pengklasifian. Namun begitu untuk membolehkan pemindahan yang lebih praktis dan sesuai dengan mesej yang bermultimod, maka disarankan juga pendekatan oleh Gottlieb (1994) dan Gottlieb dan Gambier (2001) diaplikasikan.

³Richard Nordquist di <https://www.thoughtco.com/cultural-contact-definition-3026166> (tarikh akses 22 Mac 2017); <http://sociologydictionary.org/cultural-contact/>

⁴<https://www.merriam-webster.com/dictionary/acculturation> (Diakses 22 Mac 2017)

⁵Stephan Gramley *The History of English: An Introduction*, (2012) dalam http://www.thoughtco.com_What_are_linguistics_1691241.

⁶http://www.sagepub.com/sites/default/files/upm-binaries/45974_Chapter_1.pdf. (Diakses 22 Mac 2017).

⁷Newmark (1988: 98-103) mengkategorikan budaya dan manifestasinya kepada sesebuah komuniti pertuturan sebagai: (a) Ekologi (haiwan, tumbuhan, persekitaran, dll); (b) budaya material (artifak – makanan, pakaian, housing, pengangkutan dan komunikasi); (c) budaya sosial (pekerjaan, rekreasi); (d) organisasi, adat dan pemikiran (politik, sosial, undang-undang, agama dan artistik) dan (e) gerak isyarat dan tabiat (bahasa ‘bukan budaya’).

Pada tahun-tahun 1990an, beberapa kajian yang memberikan sumbangan penting kepada bidang penterjemahan audiovisual telah dilakukan, misalnya oleh Delabastita (1990), Chen (2004) dan banyak lagi. Dalam konteks Malaysia, oleh Hasuria (2004), Ng Wai Queen (2008) manakala kajian yang lebih baru Ho Chew Ngan (2013), Imran Sadiq Imran (2014), Hanim Hafiza (2014) dan Liew Zhe Rong (2015). Bagi kajian yang lebih awal, cadangan diutarakan agar penterjemahan filem menumpukan perhatian kepada perkara asas seperti penterjemahan dialek, laras, jargon; cara penterjemahan alusi dan elemen budaya; mainan kata; elemen tabu; prosodi; penterjemahan kata pinjaman dan simpulan bahasa asing. Menurut Delabastita (2004), pertimbangan perlu diberikan kepada perkara yang agak signifikan dalam konteks perhubungan dan pertembungan budaya, iaitu dengan mengambil kira kedudukan budaya sasaran dan budaya sumber dalam konteks antarabangsa; sama ada penterjemah menghadapi sebarang kekangan dari segi kebolehan membaca audiens sasaran, jenis teks filem sumber; kewujudan genre filem sumber dalam budaya sasaran, status filem sumber dalam budaya sasaran dan status filem sumber dalam genrenya sendiri. Dalam pengungkapan mesej yang bersifat multimod ini, pandangan Gambier dan Gottlieb turut diberikan perhatian '*...the electronic media with their polysemiotic codes somehow disturb the established world of translation and the discipline of Translation Studies (2001: p.xii), forcing us to reformulate and to redefine concepts of 'text' and 'meaning'*'. Kesannya, paradigma pemerhatian terhadap penterjemahan teks dalam latar media elektronik perlu beranjak daripada hanya mempertimbangkan aspek bahasa sahaja tetapi perlu melihat keseluruhan genre multimod teks sumber.

Hasuria (2006, 2009), Liew (2015) dan Imran (2014) telah mengkaji penyarikataan beberapa program TV bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu, bahasa Jepun-bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris dari segi pemahaman dan penerimaan penonton, Kajian Liew (2015) agak segar kerana menggunakan platform *fansub* dalam kajian beliau. Ho (2013), Hanim (2014), dan Imran (2014) telah mengkaji program yang berbentuk humor dan kesan genre ini dalam penterjemahan audiovisual dan juga komik. Dengan mengambil kira aspek bahasa dan parabahasa, kajian-kajian ini mendapati terdapat lebih daripada satu strategi yang digunakan dalam penyarikataan atau penterjemahan teks pelbagai mod, antaranya penterjemahan kurang paling kerap berlaku sementara pendekatan komunikatif atau praktis merupakan pendekatan yang paling dominan dalam menangani penterjemahan budaya dalam terjemahan audiovisual. Selain aspek verbal dan bukan verbal, kajian-kajian ini turut juga melihat kepada penterjemahan intralingual dan interlingual, yang secara tidak langsung melibatkan pertembungan budaya dalam pelbagai pasangan bahasa.

FENOMENA PERTEMBUNGAN BUDAYA DAN PENTERJEMAHAN

Fenomena pertembungan budaya ini lebih mudah dipaparkan menerusi mesej multimod. Menerusi filem, misalnya, selain mesej verbal (dialog), elemen visual yang hadir bersama-samanya akan memberi kesan yang lebih mendalam terhadap pemahaman penonton. Contoh-contoh yang dipaparkan dalam audiovisual adalah dekat dengan kehidupan sebenar audiens, oleh itu pertembungan budaya sebegini lebih mudah difahami. Beberapa fenomena dapat diringkaskan dalam penulisan ini untuk menggambarkan bagaimana pertembungan budaya dalam ditangani dalam konteks penterjemahan audiovisual. Antaranya, kata panggilan, elemen budaya dalam kehidupan, dan perlakuan masyarakat berdasarkan domain kehidupan. Dalam penulisan ini, bentuk pertembungan dalam budaya lain, selain budaya Cina juga turut diselitkan secara ringkas.

Kata Panggilan dalam Filem

Dalam Ng dan Hasuria (2006), dibincangkan bahawa filem Kantonis Hong Kong (HK) yang ditayangkan di pawagam dan di televisyen di Malaysia disediakan dengan sari kata dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Filem HK ini mempunyai ramai peminat, yang bukan sahaja terdiri daripada penonton Cina, tetapi turut dianggap sebagai satu genre yang tersendiri dan harus dikenali kerana kualiti dan inovasinya (Ng & Hasuria, 2006). Tinjauan terhadap filem Shaolin Soccer (di NTV7), memberikan perhatian kepada tiga jenis kata nama utama yang mengandungi unsur budaya elemen verbal dalam filem, iaitu panggilan pangkat, gelaran dan nama jenis kungfu.

Kajian oleh Norhashimah et.al (2005:1-2) dan Radiah dan Noraini (2007:109-216) menunjukkan bahasa Melayu mempunyai sistem panggilan yang rencam, dan seringkali mengelirukan pengguna bahasa, tambahan lagi apabila ia melibatkan penutur bukan Melayu dengan latar belakang bahasa dan budaya yang agak berlainan. Kajian ini memaparkan bahawa selain ganti nama, bahasa Melayu juga mempunyai sejenis

lagi ganti nama, iaitu kata panggilan. Kata panggilan bermaksud bentuk yang digunakan semasa berkomunikasi dengan orang lain (a) untuk menyapa atau memanggil orang yang dilawan bercakap dan (b) bentuk yang digunakan untuk membahaskan diri sendiri oleh orang yang sedang bercakap (Radiah dan Noraini, 2007) Yang membezakan antara kata panggilan ini dengan ganti nama ialah penggunaannya yang berbeza mengikut konteks dan latar belakang sosial penuturnya. Suasana formal dan tidak formal, status dan usia adalah antara faktor penentu penggunaan kata panggilan ini.

Orang Cina misalnya, mempunyai sistem panggilan pangkat yang sangat terperinci dan dengan penggunaan sistem ini semasa berkomunikasi, dan orang yang mengambil bahagian atau pihak ketiga yang mendengar akan dapat mengesan bentuk perhubungan setiap orang terlibat yang dalam komunikasi tersebut. Misalnya, panggilan pangkat yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1 Panggilan Pangkat, Gelaran dalam bahasa Kantonis dan Sari kata Melayu

Nama Panggilan	Maksud Literal*	Sari kata BM
Pangkat	<i>Elder Brother Fung</i>	Abang Fung
	<i>Big Brother Hung</i>	Tuan Hung
	<i>Eldest Fellow Student</i>	Pendekar Kepala Besi
	<i>Third Elder Fellow</i>	Pendekar Baju Besi
Sifat Orang	<i>Gold Right Leg</i>	Kaki Kanan Emas/Kaki Emas
	<i>Light Skills Floats On Water</i>	Si Ringan
	<i>Demon Team</i>	Pasukan Syaitan
Kung Fu	<i>Mantis Fist</i>	Kung Fu Tong Long/Genggam Cengkadak
	<i>Iron Head Skills</i>	Kepala Besi

*Teks sumber asal dalam bahasa Kantonis

(Sumber: Ng, 2008, 2009)

Dalam konteks penterjemahan ini, pelbagai prosedur terjemahan boleh digunakan seperti terjemahan literal, modulasi, dan pengguguran. Pendekatan yang berbentuk komunikatif dan praktikal, misalnya (Hasuria, 2006). Walau bagaimanapun, bagi membolehkan elemen budaya ini dipindahkan dan dikongsi bersama, maka beberapa syarat dicadangkan perlu dipenuhi, antaranya, mesti memberikan maklumat tentang cerita dan aksi pada skrin, mesti diungkapkan dalam BM yang senang difahami oleh penonton pelbagai lapisan masyarakat, mengambil kira latar belakang dan pengetahuan dunia penonton di Malaysia.

Pelbagai Budaya dalam Filem

Jadual 2 pula memaparkan beberapa kategori budaya yang dapat dikesan melalui filem kajian Ng (2008), dengan sedikit tambahan untuk elemen yang bertanda *.

JADUAL 2 Pelbagai Kategori Budaya dalam Filem

Kategori Budaya	Maksud Literal	Sari kata BM
Benda	Mantou	Roti Kukus
	Dim Sum	Dim Sum
	Yee Sang*	Yee Sang
	Wan Tan Mee*	Wan Tan Mee
Rujukan Personaliti Tempatan HK	<i>Sing: Waist horse combine one, is in my heart eye imperishable noble spirit the late great Mr. Lee Siu-Lung has already explained.</i>	Konsep menggunakan tenaga pinggang dengan tenaga kaki pernah dijelaskan oleh idolaku Bruce Lee (atau pakar pakar kungfu, Bruce Lee (terjemahan serangkai, <i>couplet</i>)
	Second Brother : <i>Why is my father not Li Ka-Shing</i>	Kenapa ayahku bukan <u>Li Ka Shing</u> ? (bukan orang kaya? (peneutralan)

 纵海有千珠，不足抵换

地有万金，无可取代
尔父虽祥，尊为天子
以尔交托，结婚卫国
怜吾等女子，何计可施
遑论尔父，哀乐为国
政重于家，权高于情

这段翻译成果，首先完整的翻译了马来语全诗的每一句，没有遗漏或删改，在完全翻译的基础上又做到了词句通顺优美，更是通过文言文式的表达，与原作描述的古历史相契合，在情感表达上流畅自然。作为只学习了三年马来语的学生，能将一首颇具难度的马来诗翻译到这个程度，实在令人赞叹。可以看出，通过在课堂上的鉴赏与讨论，学生不仅对Datuk Zurinah Hassan有了认识，对她的作品也有深刻的体会，能够体会诗人在诗歌中注入的深刻感情与意义。同时通过互动翻译，学生也掌握了基本的诗歌翻译方法，首先要了解作者的身份、创作背景与风格，然后查生词，做到通读全诗理解含义，再根据诗歌的体裁、结构选取适合的翻译结构，最后再追求翻译的“信达雅”——先做到忠实翻译、再达到流畅翻译、最后追求文采优雅有内涵。

除了马来诗歌，其他文学体裁也在这种课程融合式教学中得到翻译与赏析。比如马来现代戏剧。Usman Awang是马来西亚最著名的戏剧大师之一，他的戏剧《乌达和达拉（Uda dan Dara）》、《肯尼山的访客（Tamu di Bukit Kenny）》、《夜笛（Serunai Malam）》等都被多次搬上戏剧舞台。对《肯尼山的访客》这部戏剧剧本的学习过程是个学生参与度非常高的过程。依据戏剧内容采取分段赏析的方式。每一段会让学生提前预习，查生词理顺内容。由于是现代戏剧，剧本文本内容大多数是比较生活化的词句，因此在课堂上采取了即兴翻译的方式，请不同的学生上台扮演不同的内容，根据文本直接将剧本翻译出来，并且要加入剧本中设定的动作。即兴翻译非常考验学生的语言水平，因为在迅速理解语句的同时，还需要用中文的习惯说法表达出来，因为戏剧是表演给观众看的，翻译的不通俗不顺畅会直接影响观众的理解。因此在实际操作中，基础知识牢固、语言功底好的学生会很快用最合适的表达翻译出台词，而对于语言掌握水平一般的学生，即兴翻译也是一次很大的锻炼和考验。而通过整个剧本的即兴翻译+表演，所有学生参与其中，并很细致的了解了剧本内容，收获很大。甚至有多名学生被Usman Awang的剧本魅力所征服，在文学选读课的结课论文中，以《肯尼山的访客》为对象，深入分析文本并表达了自己对剧本独特的观点。因此通过对剧本的翻译学习，学生们对这部文学作品有了思考与感悟。

四. 结语

如此，将翻译与文学选读课融合，不刻意区分哪节为文学哪节为翻译，通过四节课的整体学习，学生一能通过自主学习，总结出翻译经验和方法，二能赏析到著名的马来文学作品。在课程融合的同时多提供给学生自主讨论学习的机会，让学生充分发挥主观能动性，形成教师与学生、学生与学生之间的多向互动，从而使翻译知识通过丰富的形式，深刻的留在学生的自我知识体系中。

参考文献

- [1]常俊跃. 英语专业“内容·语言”融合教学整体课程体系改革的教学效果分析[J]. 语言教育, 2013(1):13-18.
- [2]马建丽, 欧梨成. 英语本科专业翻译课程的教学改革——论翻译理论在翻译课堂教学中的重要性[J]. 大学英语(学术版), 2015, 02:31-34.
- [3]孙一博. 翻译课程教学改革的探索与研究[J]. 考试与评价:大学英语教研版, 2015(5):45-47.
- [4]周朝伟. 英语专业本科生“翻译理论与实践”课程教学模式探索[J]. 疯狂英语:教师版, 2009(4).

BAHAGIAN BAHASA

PENGARUH KOSA KATA BAHASA CINA DALAM PANTUN MELAYU: SATU ANALISIS

*Eizah Mat Hussain
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya
izah_0286@yahoo.com*

*Nur Hamizah Hashim
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya
aeee@um.edu.mu*

ABSTRAK

Pantun merupakan gambaran pemikiran yang amat kreatif dan akal budi yang sangat tinggi masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Penghasilan pantun berdasarkan pengamatan penciptanya yang tajam terhadap latar dan peristiwa yang wujud pada ketika itu. Pemilihan kata yang membentuk pembayang dan maksud pantun ternyata menggambarkan kebijaksanaan dan keteraturan fikiran penciptanya untuk menghubungkan simbol dengan makna yang didukungnya. Penciptaan pantun ini ternyata bukanlah hanya sebagai unsur estetika atau hiburan semata-mata tetapi tercipta atas sebab dan tujuan yang tertentu. Dalam konteks pemilihan kosa kata dalam penghasilan pantun, pantun Melayu didapati turut dipengaruhi oleh kosa kata bahasa Cina. Penggunaan kosa kata ini pastinya didorong oleh sebab dan maksud yang tertentu pencipta pantun tersebut pada waktu itu. Makalah ini mengetengahkan pantun yang dipengaruhi elemen dan kosa kata bahasa Cina dan memperlihatkan hubungan kosa kata bahasa Cina dengan maksudnya pantun. Analisis yang dilakukan juga menjelaskan sebab kosa kata tersebut dipilih dan digunakan dalam pantun pada zaman tersebut dan hubungan kosa kata tersebut dengan makna yang didasarkan oleh pencipta pantun pada zaman tersebut.

Kata kunci: kosa kata pinjaman, bahasa Cina, pantun Melayu

PENGENALAN

Pantun merupakan gambaran pemikiran yang amat kreatif dan akal budi yang sangat tinggi masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Penghasilan pantun berdasarkan pengamatan penciptanya yang tajam terhadap latar dan peristiwa yang wujud pada ketika itu. Pemilihan kata yang membentuk pembayang dan maksud pantun ternyata menggambarkan kebijaksanaan dan keteraturan fikiran penciptanya untuk menghubungkan simbol dengan makna yang didukungnya. Penciptaan pantun ini ternyata bukanlah hanya sebagai unsur estetika atau hiburan semata-mata tetapi tercipta atas sebab dan tujuan yang tertentu. Dalam konteks pemilihan kosa kata dalam penghasilan pantun, pantun Melayu didapati turut dipengaruhi oleh kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina.

Proses peminjaman kosa kata berlaku kerana pertembungan antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain. Menurut Langacker (1968), peminjaman kosa kata didorong oleh keperluan masyarakat untuk memberikan nama kepada benda dan konsep baharu yang belum terdapat dalam masyarakat penutur bahasa berkenaan. Contohnya, pinjaman kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu berlaku kesan kedatangan pendakwah dan pedagang Arab ke Tanah Melayu pada abad ke-15. Kebanyakan pinjaman kosa kata ini berkaitan dengan hal-hal keagamaan yang terdapat dalam agama Islam.

Selain pedagang Arab, pelbagai bangsa lain juga datang ke Tanah Melayu dengan pelbagai tujuan seperti berniaga, menyebarkan agama, bekerja dan menjajah negeri. Oleh yang demikian, pelbagai bangsa yang telah tiba di Tanah Melayu seperti Portugis, Belanda, Jepun, Inggeris, China dan India telah memberikan kesan pinjaman kosa kata ke dalam bahasa Melayu terutamanya bahasa Cina. Pinjaman kosa kata bahasa Cina yang terdapat dalam bahasa Melayu turut diungkapkan oleh masyarakat ke dalam pantun Melayu. Hal ini kerana pantun adalah satu bentuk pengucapan istimewa bangsa Melayu.

KATA PINJAMAN BAHASA CINA DALAM BAHASA MELAYU

Setiap bahasa di dunia ini mempunyai khazanah kosa katanya sendiri, sama ada yang bersifat asli ataupun pinjaman. Untuk mengetahui kosa kata sesuatu bahasa itu sama ada telah didokumentasikan atau belum, kamus menjadi rujukan utama. Dalam konteks kajian ini, untuk mendapatkan jumlah kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, kamus utama yang menjadi pegangan dan rujukan berkaitan bahasa Melayu ialah *Kamus Dewan*. *Kamus Dewan* merupakan kamus bahasa Melayu yang menjadi rujukan utama berkaitan dengan pengertian kosa kata bahasa Melayu. *Kamus Dewan* sentiasa dikemas kini untuk memantapkan kosa kata bahasa Melayu.

Dalam *Kamus Dewan*, kata pinjaman diberikan label tertentu bagi memudahkan pembaca mengenal pasti sesuatu kosa kata itu. Kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina telah dilabelkan dengan “C” yang bermaksud dari segi etimologinya ialah kata pinjaman daripada bahasa Cina. Walau bagaimanapun, terdapat juga kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina yang tidak dilabelkan dengan “C” dalam kamus tersebut. Hal ini berlaku kerana terdapat kosa kata yang telah diserap dan digunakan dengan meluas dalam bahasa Melayu.

Kajian kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu telah dilakukan beberapa penelitian oleh sarjana terdahulu. Antaranya ialah Kong (1993), yang telah membuat kajian berdasarkan data yang diperolehi daripada *Kamus Dewan* (1970) dengan menyenaraikan kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina. Hasil kajian beliau mendapati terdapat 261 kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dan kosa kata tersebut dinyatakan satu per satu. Selain itu, Kong (1993) juga membahagikan kosa kata pinjaman bahasa Cina kepada 10 jenis, iaitu sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan, barang kegunaan seharian, adat istiadat, kata ganti nama dan panggilan untuk keluarga, kata bilangan, bangunan dan tempat, permainan perjudian dan kepercayaan, jabatan, kerjaya dan posisi sosial, kenderaan dan alat pengangkutan dan perkataan-perkataan lain.

Selain itu, Mashudi dan Yeong (1989) turut membuat kajian tentang penggunaan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam masyarakat Melayu. Penemuan sebanyak 341 kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu telah disenaraikan. Kajian Mashudi dan Yeong (1989) juga mendapati tidak kesemua kosa kata yang ditemui digunakan secara aktif dalam bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati hanya 90 kosa kata sahaja yang aktif digunakan, manakala selebihnya, iaitu 251 tidak digunakan lagi. Selain itu, Mashudi dan Yeong (1989) juga mengkategorikan kosa kata pinjaman bahasa Cina kepada 10 jenis. Kategori tersebut ialah kata-kata penggunaan harian, alat-alat di rumah, panggilan dan gelaran, makanan dan minuman, ubat dan haiwan, adat dan agama, pakaian dan persolekan, perjudian, pentadbiran dan perniagaan.

Kajian kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu turut dilakukan oleh Zaharani Ahmad (2004). Kajian beliau meneliti dan menghuraikan perilaku fonologi kata pinjaman bahasa Cina yang telah lama terserap dan menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu. Hasil kajian beliau menyentuh aspek fonologi, iaitu harmoni vokal, rangkap nasal homorgan, reduksi vokal dan nasalisasi vokal dalam kata pinjaman bahasa Cina.

Di samping itu, kajian kosa kata turut dilakukan oleh Goh (2011) yang membincangkan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dalam perdagangan. Kajian beliau mendapatkan data daripada *Kamus Dewan*, dengan tumpuan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bidang perdagangan. Hasil kajian beliau menemui sebanyak 25 kosa kata pinjaman bahasa Cina yang mempengaruhi bidang perdagangan masyarakat Melayu. Kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang ditemui, iaitu teko, kuaci, lai, laici, tocang, tongset, cincai, tapau, ebi, cincai, koetiau, pau, suun, tauge, tauhu, taucu, tangkua, ceongsam, apek, cengkau, amoi, tauke, anglo, kopitiam dan koyok 1.

Kesimpulannya, kajian berkaitan dengan jumlah bilangan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu telah dilakukan sebelum ini. Namun, kajian yang melihat kosa kata pinjaman bahasa Cina yang terdapat dalam pantun Melayu belum dilakukan lagi. Huraian berkaitan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam pantun Melayu ini penting untuk memperlihatkan pengaruh atau penggunaan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam pantun Melayu.

OBJEKTIF DAN DATA

Makalah ini membincangkan pengaruh kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu dengan memberikan tumpuan pada ungkapan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam pantun Melayu. Data kajian menggunakan koleksi pantun dalam *Buku Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2007) oleh Harun Mat Piah. Terdapat sebanyak 4,000 rangkap pantun dalam buku ini yang meliputi pantun lama dan baharu. Untuk mengenal pasti kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, pengkaji merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Goh (2011) menyatakan terdapat 136 kosa kata pinjaman bahasa Cina yang telah dilabelkan “C” dalam kamus tersebut. Namun, terdapat juga kosa kata pinjaman bahasa Cina yang tidak dilabelkan “C”. Hal ini disebabkan kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina yang telah diserap dan digunakan secara meluas tidak lagi dilabelkan sebagai bahasa pinjaman. Dalam konteks kajian ini, kosa kata yang tidak dilabelkan “C” turut dijadikan data kajian ini.

PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 10 kosa kata pinjaman bahasa Cina yang telah ditemui diungkapkan dalam pantun Melayu.

JADUAL 1 Kosa Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Pantun Melayu

Bil.	Kosa Kata	Jumlah Rangkap
1	Angki	1
2	Bangsal	4
3	Cawan	14
4	Congkak	1
5	Dacing	1
6	Kuih	1
7	Loceng	1
8	Lonteng	2
9	Sampan	22
10	Tongkang	1
	Jumlah	48

Kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu terjadi disebabkan kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu yang berasal dari daerah selatan (Hokkien dan Kanton), maka kebanyakan kosa kata yang dipinjam berasal daripada dialek bahasa daerah tersebut. Hal ini berlaku dengan adanya hubungan Nusantara dengan Negara China yang telah wujud sebelum zaman kerajaan Melaka lagi. Kemuncak kedatangan orang China ke Tanah Melayu, apabila pihak Inggeris membawa masuk orang China secara beramai-ramai sebagai buruh di lombong-lombing di Semenjung Tanah Melayu. Kemasukan orang China mencetuskan fenomena silang budaya dengan masyarakat Melayu yang menyebabkan berlakunya pinjaman kosa kata untuk memudahkan komunikasi.

Kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu turut diungkapkan dalam pantun Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam pantun Melayu yang banyak ditemui ialah kosa kata pinjaman “sampan”. Kosa kata pinjaman “sampan” merujuk sejenis perahu China yang rata belakangnya. Kosa kata pinjaman “sampan” diungkapkan dalam pantun oleh masyarakat Melayu. Contohnya:

Terbang kayu buatkan *sampan*,
Sampan dibuat siap kemudi;
 Ikan mati kerana umpan,
 Manusia mati kerana budi.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001: 129)

Pantun tersebut membawa maksud bahawa manusia sanggup mati kerana budi. Pembayang pantun berbentuk perumpamaan yang digambarkan melalui kosa kata “sampan” yang perlu dikorbankan pokok kayu untuk menghasilkan sebuah sampan. Begitulah yang hendak disampaikan dalam maksud pantun, iaitu manusia yang sanggup mati kerana budi. Dalam masyarakat Melayu, dalam menjalani kehidupan jika tidak berbudi adalah satu penghinaan, penghinaan kepada diri sendiri, penghinaan kepada keluarga dan akan dihina oleh masyarakat.

Seterusnya, kosa kata pinjaman bahasa Cina “cawan” ditemui dalam 14 rangkap pantun. Cawan yang merupakan bekas bulat yang kecil dan biasanya bertangkai dijadikan bekas untuk mengisi air minuman. Dalam pantun, kosa kata pinjaman “cawan” digunakan seperti berikut:

Pecah cangkir, *cawan*, pinggan,
Emas urai dalam geleta;
Sejak anak bonda tinggalkan,
Gila berurai air mata.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001: 42)

Pantun tersebut menggambarkan kesedihan seorang ibu yang telah meninggalkan anaknya. Kosa kata pinjaman “cawan” dalam rangkap pembayang pantun ‘pecah cangkir, cawan, pinggan’ memberikan gambaran awal perpisahan awal antara ibu dan anak dengan perumpamaan pecahannya cawan. Bagaimana pecahnya cawan yang tidak dapat disatukan kembali, begitulah perpisahan yang tidak dapat bersama antara seorang ibu dan anaknya. Kesedihan yang dialaminya digambarkan dalam rangkap akhir ‘gila berurai air mata’, menunjukkan ibu tersebut menangis mengingati anaknya disebabkan perpisahan yang berlaku.

Selain itu, kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang turut ditemui dalam pantun ialah kosa kata “bangsal”. Kosa kata pinjaman bahasa Cina “bangsal” membawa maksud rumah di atas tanah yang biasanya tidak berding, dan digunakan untuk sementara sahaja. Pembinaan bangsal bertujuan sementara untuk menyimpan barang atau sebagai tempat singgahan sahaja. Kosa kata “bangsal” diungkapkan dalam pantun berikut:

Buat *bangsal* di Pulau Daik,
Menahan taut sambal mengilau;
Kalau asal benih yang baik,
Jatuh ke laut menjadi pulau.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001: 194)

Pantun tersebut bermaksud sesuatu yang baik walau ada di mana-mana pun tetap menjadi baik. Pantun ini merupakan kiasan kepada manusia yang baik yang akan sentiasa bersikap baik di mana sahaja orang tersebut pergi. Hal ini digambarkan dalam rangkap maksud pantun ‘kalau asal benih yang baik’ merujuk keturunan yang baik-baik dan ‘jatuh ke laut menjadi pulau’ menunjukkan bagaimana manusia yang baik dapat menyesuaikan diri di mana-mana sahaja. Oleh itu, pantun tersebut menyarankan supaya setiap orang perlu memiliki sifat yang baik walaupun di mana ataupun tempat yang dikunjungi.

Kosa kata pinjaman bahasa Cina “tongkang” ditemui dalam tiga rangkap pantun. Kosa kata pinjaman “tongkang” merujuk sejenis perahu yang agak besar dan berdasar rata, digunakan untuk mengangkut barang-barang. Contohnya dalam pantun berikut:

Baju perai, kain perai,
Buat atap kelasi *tongkang*;
Nyawa di badan lagi bercerai,
Inikan pula kasih menumpang.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001: 460)

Pantun tersebut merupakan gambaran seseorang yang menumpang kasih orang lain yang akan hilang atau berpisah. Hal ini digambarkan dalam rangkap maksud ‘nyawa di badan lagi bercerai’ menunjukkan bahawa nyawa yang bersatu dengan badan akan berpisah juga pada suatu hari nanti. Seterusnya, rangkap maksud ‘inikan pula kasih menumpang’ yang menggambarkan seseorang yang hanya menumpang kasih pasti akan berpisah juga suatu hari nanti. Kosa kata “tongkang” dalam pantun bertujuan menyamakan rima pantun sahaja.

Selain itu, kosa kata pinjaman bahasa Cina yang terdapat dalam pantun ialah lonteng. Contohnya:

Anak beruk mahu terjun,
Mati terjun di atas *lonteng*;
Bukan kumabuk terminum racun,
Mabuk kerana rambut keriting.

(*Pantun Melayu Bingkisan Permata*, 2001: 280)

Pantun tersebut merupakan luahan hati pemantun terhadap seseorang yang menjadi pilihan hatinya. Pemantun menyatakan bahawa pilihan hatinya disukai kerana berambut keriting yang menjadi kesukaan atau diminatnya. Kosa kata pinjaman “lonteng” dalam rangkap pantun menunjukkan sesuatu yang berada di tempat tinggi. Hal ini kerana kosa kata “lonteng” membawa makna bahagian rumah yang berada di tingkat atas atau dikenali sebagai langit-langit rumah. Perumpaan lonteng ini sama dengan penggunaan kata “rambut keriting” yang berada di tempat paling tinggi pada badan manusia. Oleh yang demikian, pemilihan kosa kata “lonteng” dalam pantun menyampaikan pembayang awal tentang sesuatu yang berada di tempat yang tinggi sama dengan rambut yang menunjukkan satu tarikan yang menjadi pilihan pemantun.

Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah dirumuskan bahawa kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu turut digunakan dalam penciptaan pantun. Penggunaan kosa kata ini menunjukkan kosa kata pinjaman bahasa Cina telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu dalam menerangkan sesuatu perkara dengan lebih jelas lagi.

KESIMPULAN

Secara umumnya, kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang diungkapkan dalam pantun menunjukkan masyarakat Melayu menggunakan kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam kehidupan seharian. Terdapat kosa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu yang telah diserapkan dan digunakan secara meluas sebagai bahasa Melayu seperti yang digambarkan dalam pantun. Oleh yang demikian, berlakunya pinjaman kosa kata daripada bahasa lain bukan menunjukkan kekurangan atau kelemahan sesuatu bahasa, sebaliknya menunjukkan bahawa setiap bahasa saling melengkapi. Dalam konteks ini, hubungan yang rapat antara masyarakat Melayu dan Cina telah menyebabkan kosa kata pinjaman bahasa Cina meresap ke dalam bahasa Melayu hasil komunikasi kedua-dua pihak.

RUJUKAN

- Goh, S. S. (2011). An Analysis of Borrowed Chinese Trade Words in the Malay Language. *Sino-US English Teaching*. 8(8), 526-531.
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kong, Y. Z. (1993). Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Sastera*. 37(9), 702-795.
- Langacker R. W. (1986). *Language and Its Structure: Some Fundamental Linguistic Concepts*. New York: Harcourt, Brace & World, Inc.
- Mashudi Kader & Yeong, A. L. (1989). Pengaruh Bahasa Cina dalam Pembendaharaan Kata Bahasa Malaysia. *Dewan Sastera*. 33(4), 236-237.
- Zaharani Ahmad. (2004). Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian Fonologi. *Jurnal Bahasa*. 4(4), 705-723.

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU STANDARD PENUTUR KEDUA: SATU ANALISIS PERSPEKTIF PSIKOLINGUISTIK OLEH PENUTUR IBAN DAN MELAYU SARAWAK

*Radna Wismawati Muhibah Yahya Sawek
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
Kota Samarahan Sarawak
radna.yahya@ipgmkta.edu.my*

ABSTRAK

Kontak bahasa sering dihubungkan dengan gangguan bahasa. Perkaitan sedemikian rupa menyerlahkan resapan bahasa yang dianggap negatif. Sebaliknya, penyelidik berpendapat bahawa resapan bahasa adalah sebahagian daripada proses integrasi bahasa. Bertitik tolak daripada permasalahan kajian ini, penyelidik menjalankan satu kajian dengan tujuan faktor psikolinguistik, faktor sosiolinguistik serta tahap integrasi bahasa Melayu sebagai bahasa sumber dalam bahasa Iban (BIb) dan bahasa dialek Melayu Sarawak (DMS). Populasi guru pelatih dari kawasan Kuching, Kota Samarahan, Rajang dan Miri di Sarawak telah menjawab soal selidik. Selain tinjauan, penyelidik turut melaksanakan temu bual dan pemerhatian. Data daripada faktor psikolinguistik menunjukkan responden ialah penutur yang bersikap positif terhadap bahasa Melayu dan menunjukkan motivasi integratif. Data faktor sosiolinguistik lebih tinggi, iaitu semua (100%) responden bersetuju bahawa jika ada bahasa dan idiolek yang bertindak sebagai simbol kepunyaan disusuli pengiktirafan masyarakat, hal ini akan menggalakkan minat yang kuat dalam kalangan pendatang untuk memperoleh bahasa Melayu. Data ini ditafsirkan sebagai semakin banyak penutur bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak menerima kata serapan bahasa Melayu semakin berkurangan kosa kata asli bahasa ibunda mereka. Kesedaran tentang kebaikan integrasi bahasa untuk membina negara bangsa perlu dipupuk dengan mengadakan bengkel dan seminar kerana sikap responden yang mewakili masyarakat peribumi di Sarawak adalah positif terhadap bahasa Melayu.

Kata kunci: kontak bahasa, sosiolinguistik, integrasi, bahasa Iban, psikolinguistik

PENGENALAN

Integrasi ialah satu proses yang cuba menyatupadukan dan mewujudkan pembentukan kebudayaan kebangsaan yang tersendiri dalam masyarakat majmuk (Mohd Salleh Lebar, 1998). Dalam proses integrasi bahasa pula, unsur bahasa sumber diserap ke dalam sistem bahasa penerima sehinggakan sifat kata bahasa sumber yang asli sukar untuk dikesan. Jendra (1991) menerangkan jika sesuatu unsur bahasa sumber telah diterima masuk ke dalam kamus bahasa penerima, dapat dikatakan bahawa integrasi sudah berlaku. Ekoran daripada itu, unsur bahasa sumber yang digunakan dalam bahasa penerima dianggap menjadi sebahagian daripada bahasa penerima, bukan lagi sebagai unsur pinjaman (Chaer & Agustina, 1995).

Dalam penyelidikan ini, integrasi bahasa merujuk penggunaan unsur bahasa Melayu Standard (selepas ini dikenali sebagai BMSt) secara sistematik seolah-olah merupakan sebahagian daripada bahasa penutur kaum Iban dan penutur kaum Melayu Sarawak tanpa disedari oleh mereka. Dengan kata lain, unsur BMSt sudah diterima sebagai sebahagian daripada bahasa Iban (selepas ini dikenali sebagai BIb) dan dialek Melayu Sarawak (selepas ini dikenali sebagai DMS). Penyesuaian unsur bahasa Melayu (bahasa sumber) yang diserap masuk ke dalam BIb dan DMS (bahasa penerima) telah melalui proses integrasi dalam jangka masa yang panjang. Weinreich (1953) menegaskan bahawa jangka masa penyesuaian unsur integrasi bergantung pada tiga faktor, iaitu perbezaan dan persamaan sistem bahasa sumber dengan bahasa penerima, keperluan unsur serapan, dan sikap penutur bahasa penerima terhadap bahasa sumber. Antara tiga faktor tersebut, sikap penutur bahasa penerima merupakan faktor terpenting dalam penyesuaian unsur integrasi bahasa. Kajian ini bertujuan menganalisis sikap dan motivasi penggunaan Bahasa Melayu Standard oleh penutur Iban dan Melayu Sarawak.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Selain gangguan dalam bentuk fonik dan leksikal, Gardner (1980) turut menamakan gangguan faktor psikolinguistik yang terdiri daripada sikap, motivasi integratif dan motivasi instrumental. Penyelidik menerangkan hasil kajian kepada tiga bahagian, iaitu sikap, motivasi integratif dan motivasi instrumental. Sikap dan motivasi penggunaan Bahasa Melayu Standard oleh penutur BIB dan DMS dihuraikan sebagaimana berikut.

Sikap

Dalam kajian ini, sikap dilihat sebagai tingkatan kecenderungan yang bersifat positif mahupun negatif, yang berhubungan dengan bahasa Melayu. Sikap terhadap bahasa Melayu (BMSt) mempengaruhi sikap penutur bahasa penerima, yakni BIB dan DMS. Sekiranya mereka bersikap positif terhadap BMSt, maka motivasi untuk mempelajari BMSt juga tinggi. Penyelidik mendapati bahawa kajian sikap terhadap pembelajaran dan pencapaian guru pelatih mempunyai kaitan yang rapat dengan setiap individu. Sampel kajian mendapati bahawa pembelajaran secara am ialah satu proses individu mendapatkan informasi, tingkah laku atau kebolehan yang baharu. Konsep yang boleh diaplikasikan bagi menerangkan bagaimana sikap dipelajari ialah pelaziman klasik, pelaziman operan dan peniruan.

Begitu juga perihalnya dengan sikap dan motivasi merupakan dua faktor yang saling berhubung rapat antara satu sama lain. Penyelidik mendapati bahawa motivasi dalam pembelajaran bahasa sampel kajian akan menentukan sikap terhadap pembelajaran bahasa mereka. Hal ini turut berkaitan dengan teori pembelajaran yang menunjukkan bahawa motivasi diperlukan dalam proses pembelajaran dan pergaulan. Teori pembelajaran behaviorisme, teori pembelajaran sosial menganggap ganjaran sebagai dorongan kepada individu untuk mengulangi sesuatu tingkah laku. Sementara itu, teori pembelajaran kognitif menekankan kepentingan kecerdasan dalam proses pembelajaran. Justeru, bagi penyelidik, garapan daripada teori ini turut menyokong dapatan kajian dengan mengaitkan sikap dan motivasi dalam integrasi BIB dan BMS dengan BMSt. Oleh yang demikian, sebanyak 170 bersamaan 72% sampel bersetuju bahawa rakyat Malaysia yang tidak menggunakan BMST amat rugi kerana sikap yang tidak mementingkan bahasa kebangsaan akan merugikan negara sendiri. Hal ini pernah diutarakan oleh Gardner (1985) bahawa sikap positif terhadap kumpulan yang menggunakan bahasa sumber dan motivasi yang tinggi membawa kepada kejayaan menguasai bahasa kedua.

Kebanyakan penutur jati BMST peramah dan mudah untuk didekati dan penyelidik mendapati sampel kajian berasa amat bertuah mengenali penutur jati BMSt. Sebanyak 220 sampel bersamaan 94% bersetuju bahawa mereka berasa bertuah dapat mengenali penutur jati BMSt. Daripada respons sedemikian, sebilangan sampel bersikap positif terhadap BMSt kerana percaya akan penutur jati BMSt. Respons yang diperoleh daripada soalan 2 diperkukuhkan oleh 218 sampel (93%) yang menjawab soalan 3 dengan bersetuju jika mereka mempunyai kawan yang banyak daripada kalangan penutur BMSt mereka boleh meningkatkan penguasaan bahasa Melayu. Secara langsung, dapatan ini menunjukkan adanya sikap positif terhadap BMSt mempengaruhi pencapaian mereka dalam mata pelajaran BMSt. Sekiranya mereka bersikap positif dan bertutur dalam BMST serta banyak mempunyai kawan yang bertutur BMSt, maka penguasaan terhadap bahasa sumber itu juga semakin baik. Seterusnya, untuk soalan 4, sebanyak 220 sampel (94%) bersetuju bahawa penutur jati BMSt harus berbangga kerana telah memberikan sumbangan kepada dunia dalam pengetahuan BMSt. Jawapan ini dikemukakan oleh penutur yang mempunyai pencapaian yang tinggi dalam mata pelajaran BMSt. Mereka ialah penutur yang bersikap positif terhadap BMSt.

Di samping itu, penyelidik turut mendapati sikap dan minat seseorang pelajar boleh membawa mereka mencapai kejayaan dalam pembelajaran. Segala aturan pembelajaran digunakan untuk membangkitkan minat dan kecenderungan pelajar. Konsep sikap juga berkait rapat dengan pencapaian seseorang pelajar. Kajian ini juga diakui oleh Hendry Murray (1938), seorang pakar psikologi dalam kajian Mahmood Nazar Mohammad (1992) yang mentakrifkan pencapaian sebagai satu keinginan atau kecenderungan untuk mengatasi halangan, beraksi tegas serta menggunakan kuasa untuk cuba melakukan sesuatu yang sukar dengan seberapa segera dan baik. Oleh itu, pencapaian bukan hanya melakukan sesuatu yang baik malah melakukan sesuatu yang lebih mencabar dengan kadar yang lebih baik. Keinginan dan kehendak ini memberikan motivasi untuk bekerja dengan lebih tekun supaya dapat mencapai kehendak yang diinginkan. Oleh itu, penyelidik mendapati bahawa kesedaran masyarakat Malaysia amat perlu untuk menguasai BMSt. Dengan kata lain, kejayaan pelajar dalam penguasaan bahasa bukan seratus peratus bergantung pada kaedah pengajaran guru atau persekitaran, malahan juga berpunca daripada sikap

pelajar itu sendiri. Sekiranya pelajar bersikap positif, minat untuk belajar dan bertutur bahasa Melayu, bermotivasi, rajin membuat ulang kaji dan perbincangan dalam kumpulan membantu pelajar berjaya dalam pelajaran, termasuk dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor diri pelajar itu sendiri dapat menentukan sama ada dia akan berjaya dalam pelajaran ataupun sebaliknya. Oleh itu, penyelidik mendapati bahawa sikap baik hati dan berkawan dengan orang yang mengenali penutur bahasa Melayu mempercepat penguasaan bahasa Melayu.

Penyelidik turut mendapati bahawa sampel kajian yang mengutamakan status 'prestij' dan budaya masyarakat bahasa Melayu kelihatan disenangi oleh penutur BI dan penutur DMS. Sokongan komuniti bahasa sasaran penting dalam membantu seseorang pelajar itu mempelajari dan menguasai bahasa kedua dengan baik. Harapan pelajar terhadap sokongan daripada komuniti bahasa sasaran juga menjadi faktor yang signifikan dalam menentukan tahap pencapaian mereka. Sokongan yang dimaksudkan adalah dari segi kesediaan komuniti untuk berinteraksi dalam bahasa sasaran guru pelatih dan bersedia untuk memberikan tunjuk ajar.

Motivasi Integratif

Gardner dan Lamber (1972) menjeniskan motivasi sebagai motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif membawa maksud pelajar mempelajari bahasa kedua kerana mereka berminat terhadap masyarakat dan budaya bahasa sasaran. Gardner (1985) telah mereka bentuk bateri ujian yang dikenali sebagai *Attitude and Motivation Test Battery* (AMTB), yang dalam bahasa Melayu dikenali sebagai Bateri Ujian Sikap dan Motivasi (AMTB). Ujian tersebut termasuk beberapa item mengukur semua faktor yang mempengaruhi sikap dan motivasi. Konsep sikap digabungkan dalam motivasi, yang bererti bahawa sikap positif meningkatkan motivasi.

Motivasi Instrumental

Gardner dan Lambert (1972) menerangkan jika seseorang belajar bahasa untuk tujuan mendapat pekerjaan atau memenuhi satu keperluan akademik, individu itu dipengaruhi oleh motivasi instrumental. Dalam erti kata lain, motivasi memainkan peranan penting sebagai cara mencapai matlamat seperti menggalakkan kerjaya atau pekerjaan atau membaca teks teknikal. Sehubungan itu, dapatan kajian yang berkaitan dengan motivasi instrumental menunjukkan kenyataan pertama, berkaitan dengan mempelajari BMSt, amat penting untuk memenuhi keperluan kerjaya. Pernyataan ini dipersetujui oleh sebanyak 216 sampel kajian atau 92%. Motivasi yang ditunjukkan oleh sampel kajian adalah BMSt penting untuk memenuhi kerjaya mereka pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana BMSt menjadi bahasa rasmi negara, semua urusan dan syarat utama pekerjaan wajib lulus dengan kepujian dalam BMSt. Motivasi instrumental yang tinggi turut digambarkan oleh sampel kajian melalui jawapan mereka pada item 2 dan 3. Sama seperti respons pada item 1, sebanyak 216 sampel kajian atau 92% bersetuju bahawa dengan menguasai BMST akan menjadikan mereka lebih terpelajar.

Persetujuan ini jelas kerana penguasaan yang baik dalam mata pelajaran BMSt adalah penting untuk lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Mereka tahu bahawa pemilihan jurusan di institut pendidikan tinggi awam atau swasta menitikberatkan pencapaian BMSt pada peringkat SPM.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, dalam penyelidikan ini, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan penutur BIb dan DMS bersikap positif terhadap BMSt. Mereka yang bersikap positif terhadap BMSt menunjukkan motivasi untuk mempelajari BMSt yang tinggi. Dapatan kajian penyelidik ini ada persamaan dengan data Gardner (1985) bahawa sikap positif terhadap bahasa kedua meningkatkan motivasi untuk mempelajari bahasa kedua, yang seterusnya menyebabkan kejayaan penguasaan bahasa kedua. Walau bagaimanapun, Gardner (1985) mempercayai tahap motivasi yang tinggi tidak semestinya menjamin pencapaian yang tinggi dalam bahasa kedua (B2). Guru pelatih menjelaskan bahawa hanya dalam kes-kes tertentu, pemboleh ubah motivasi yang digabungkan dengan sikap menyukai masyarakat penutur B2 dan sedar akan kepentingan B2, maka tahap pencapaian B2 lebih tinggi. Kelebihan data daripada kajian penyelidik jika dibandingkan dengan Gardner (1985) ialah selain pemboleh ubah sikap, penerimaan sampel kajian dalam kalangan BIb dan DMS terhadap BMSt sebagai bahasa sumber meliputi aspek jati diri dan rasa bangga, bukan berfokus pada sikap untuk meningkatkan pencapaian dalam BMSt oleh penutur dwibahasa.

Penerangan turut menunjukkan majoriti sampel kajian bersikap positif terhadap BMST. Kecenderungan sampel kajian didapati sejajar dengan Weinreich (1953) bahawa sikap penutur bahasa penerima terhadap bahasa sumber adalah kerana status 'prestij', di samping sikap terhadap budaya masyarakatnya. Dalam konteks kajian ini, status 'prestij' dan budaya masyarakat bahasa Melayu kelihatan disenangi oleh penutur BIb dan penutur DMS. Sebagai kesimpulan, sikap positif meningkatkan motivasi. Sebanyak 246 sampel kajian atau 92% bersetuju bahawa dengan pembelajaran BMSt membolehkan mereka memahami dan menghargai cara hidup orang Melayu.

Ringkasnya, didapati terdapat kelebihan data daripada kajian penyelidik jika dibandingkan dengan Gardner (1985) berhubung dengan pemboleh ubah sikap, penerimaan sampel kajian dalam kalangan BIb dan DMS terhadap BMSt sebagai bahasa sumber. Perkara ini meliputi aspek jati diri dan rasa bangga yang berfokus pada sikap untuk meningkatkan pencapaian dalam BMSt oleh penutur dwibahasa.

RUJUKAN

- Chaer, Abdul dan Leoni Agustina. (1995). *Sosiolinguistik Perkenalan Awal*. Jakarta: RinekaCipta
- Hayi, Abdul Dkk. (1985). *Interferensi Gramatika Bahasa Indonesia dalam Bahasa Jawa*. Jakarta. Pusat pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Jendra.I Wayan. (1991). *Dasar-dasar Sosiolinguistik*. Denpasar: Ikayana.
- Gardner, R.C. (1980). *On the Validity of Affective Variables In Second Language Acquisition: Conceptual And Statistical Considerations*. *Language Learning*, 30 (2), 255-270.
- Gardner, R.C. (1985). *Social Psychology and Language Learning. The Role Of Attitudes and Motivation*. London: Edward Arnold (P.10).
- Mohd Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Thinker's Library Sdn. Bhd, Selangor.
- Weinreich, U. (1953). *Language in Contact: Findings and Problems*. New York. Linguistic Circle Of New York.
- Weinreich, U. (1972). *Explorations in Semantic Theory*. The Hague. Mouton.

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN SISWA PENDIDIK
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC)
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)**

*Rashinawati Abd Rashid
sush71@yahoo.com*

*Noor Azzam Abdul Rahim
norazzam@yahoo.com*

*Shasitharan Raman Kutty
rshash@hotmail.com*

*Zakri Abdullah
su_prak2009@yahoo.com*

IPG Kampus Raja Melewar, Seremban

ABSTRAK

Sastera merupakan hasil ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Wahana bahasa menjadikan karya sastera difahami segala isi yang dilakarkan (Marohaini, 1999). Kajian ini bertujuan menjelaskan dengan kritis seni bahasa dan sastera dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid-murid pemulihan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Responden terdiri daripada 15 orang siswa pendidik kaum Cina dan mengikuti Program PISMP (Unit Pendidikan Pemulihan). Melalui temu bual awal, didapati 85% responden tidak memahami dan menghayati karya-karya sastera Melayu baik puisi atau prosa walaupun pendedahan telah diperolehi pada peringkat sekolah menengah. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah kualitatif. Instrumen kajian pemerhatian, senarai semak dan temu bual digunakan dalam kajian ini. Fokus kajian adalah pada genre sastera prosa (cerita binatang Sang Kancil) dan puisi (pantun). Teknik pengajaran seperti aktiviti bercerita, lakonan, nyanyian dan MESTAMU didapati mampu mengubah suasana pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan siswa pendidik dapat menghasilkan aktiviti PdP dan karya yang sangat menarik dan kreatif dengan menggunakan bahan sastera Melayu. Aktiviti yang dijemakan melibatkan unsur didik hiburan yang sangat sesuai diaplikasikan kepada siswa pendidikan pemulihan bahasa Melayu. Dapatan temu bual juga menunjukkan siswa pendidik sangat selesa dengan penggunaan bahan sastera Melayu dalam PdP di dalam bilik darjah dan dapat menimbulkan minat untuk mereka berkarya. Dapatan ini juga membuktikan perkaitan yang signifikan bahan sastera dalam penguasaan Bahasa Melayu dalam PdP.

Kata kunci: Seni bahasa sastera Melayu, Siswa Pendidik, SJKC, murid Pendidikan Pemulihan

PENGENALAN

Pendidikan sekolah rendah di Malaysia merupakan proses asas pembelajaran yang sistematik jika diukur daripada perancangan dan kurikulum yang diterapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Cadangan terhadap pelaksanaan pendekatan seni bahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu bermula apabila keputusan kabinet pada 8 Julai 2009 memutuskan bahawa bahasa Melayu perlu menjadi tunjang penting dalam sistem pendidikan negara. Maka bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menerapkan elemen seni bahasa dalam memperkasakan pembelajaran Bahasa Melayu.

Menurut Arbak (2005), sastera merupakan bahasa yang dicirikan oleh keindahan kata-kata sama ada melalui lisan atau tulisan. Bahasa dan sastera tidak harus dipisahkan kerana kedua-duanya diibaratkan irama dan lagu. Shamsudin (2004) dalam kajiannya merumuskan pelaksanaan elemen sastera dalam PdP bahasa Melayu membawa satu transformasi yang baik selari dengan arus perdana transformasi pendidikan negara.

Pendekatan didik hiburan ditekankan dalam persekitaran pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah (Shamsudin, 2004). Oleh itu, seni bahasa ini merujuk keupayaan murid untuk memahami, mengungkapkan dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara

didik hiburan. Didik hiburan dilihat dapat mengupayakan dan membolehkan bahasa yang indah ini diperoleh secara mudah. Melalui teknik nyanyian, bercerita, berlakon, mendeklamasi atau berpuisi, pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih santai dan bermakna.

TUJUAN KAJIAN

Institut Pendidikan Guru (IPG) berperanan melahirkan bakal pendidik sekolah rendah yang kompeten dalam PdP di sekolah rendah. Salah satu opsyen kursus yang ditawarkan kepada siswa pendidik ialah Pendidikan Pemulihan (Pendidikan Rendah). Mata pelajaran PKP3173 Seni Bahasa dan Sastera dalam Pendidikan Pemulihan Bahasa Melayu merupakan kursus wajib diikuti oleh siswa pendidik.

Namun begitu, siswa pendidik di IPG Kampus Raja Melewar dalam pengkhususan pemulihan SJKC tidak mempunyai kemahiran dalam pengajaran dengan menggunakan bahan sastera. Melalui pencerapan amalan praktikum sebanyak tiga kali, didapati siswa pendidik kurang berjaya mengimplementasikan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu terhadap murid-murid pemulihan.

Maka kajian ini dijalankan untuk membantu siswa pendidik unit Pendidikan Pemulihan untuk menggunakan bahan sastera dengan teknik pengajaran yang sesuai bagi murid-murid di SJKC. Hal ini penting kerana bakal-bakal guru ini harus bersedia dengan sikap yang proaktif dan mengambil inisiatif untuk berusaha meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan murid Cina dan menghasilkan teknik pengajaran berbantuan bahan sastera. Bahan sastera dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih menyeronokkan. Menurut Rajendran (2000), bahan sastera mempunyai kepentingan tersendiri untuk menanam minat berbahasa kepada murid. Integrasi bahan sastera ke dalam pengajaran bahasa akan menjadikan PdP lebih bermutu.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Membantu siswa pendidik SJKC untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran dengan menggunakan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu; dan
2. Mengenal pasti masalah-masalah siswa pendidik SJKC dalam penggunaan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu.

SOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah siswa pendidik SJKC dapat mempelbagaikan aktiviti pengajaran dengan menggunakan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu?
2. Apakah masalah-masalah siswa pendidik SJKC untuk menggunakan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini melibatkan siswa pendidik dari unit Pendidikan Pemulihan (SJKC) Ambilan Januari 2013. Skop genre sastera melibatkan prosa bagi cerita binatang Sang Kancil dan puisi pantun. Kajian ini melibatkan 15 orang siswa pendidik Cina yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dalam pengkhususan Pendidikan Pemulihan (SJKC). Kesemua siswa pendidik mempunyai latar belakang pencapaian Bahasa Malaysia yang baik dan mahir dalam penulisan bahasa Melayu.

Data kajian dikumpulkan melalui dua kaedah, iaitu pemerhatian berstruktur dan temu bual berprotokol. Proses pemerhatian dijalankan sepanjang sesi PdP (kuliah, tutorial dan pengajaran mikro). Proses pemerhatian ini dicatatkan melalui borang senarai semak. Temu bual secara berkumpulan dijalankan bagi mendapatkan reaksi responden terhadap bahan sastera serta masalah-masalah terhadap penggunaan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu. Temu bual dijalankan secara berprotokol dan semua data temu bual telah ditranskripsikan. Data dan maklum balas dikodkan dan ditemakan. Analisis data temu bual dilakukan berasaskan tema. Strauss & Corbin (1998) menyatakan *coding* terbuka digunakan untuk mendapatkan segmen data bagi membantu penyelidik untuk mendapatkan jawapan soalan kajian. Segmen data membantu penyelidik mengenal pasti tema yang relevan.

DAPATAN KAJIAN

Soalan Kajian 1

Membantu responden mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan sastera

Melalui kursus PKP3173, pendedahan teknik PdP Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan sastera (prosa dan puisi) kepada responden. Responden telah dibahagikan tiga kumpulan. Melalui pemerhatian berstruktur dengan menggunakan senarai semak terhadap pengaplikasian teknik pengajaran bahan sastera dalam pengajaran mikro didapati responden dapat melahirkan suasana hiburan dan keseronokan dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan sastera. Genre sastera yang dipilih ialah cerita binatang (Sang Kancil) dan pantun.

Responden kumpulan A bersetuju sekiranya cerita binatang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu di kelas pemulihan. Hal ini kerana jalan ceritanya yang dekat dengan pengalaman murid. Responden kumpulan A menyatakan:

Pada pandangan saya, bahan sastera yang mudah difahami seperti cerita binatang Sang Kancil dapat meningkatkan kebolehan bertutur dalam bahasa Melayu dengan lancar. Saya dapat memahami dan menuturkan perkataan-perkataan baharu yang boleh digunakan untuk murid pemulihan.

Responden kumpulan B pula menyatakan:

Cerita binatang sesuai kerana cerita Sang Kancil ini disertai gambar bersiri dan mempunyai watak yang memupuk integrasi di samping menyerupai kehidupan kanak-kanak yang suka menemani binatang. Saya berpandangan bahawa cerita binatang ini sesuai kerana jalan ceritanya yang mudah difahami dan ringkas.

Responden kumpulan C pula berpendapat:

Cerita binatang adalah lebih sesuai untuk murid pemulihan kerana lebih menghampiri alam pembelajaran mereka. Tetapi cerita binatang ini kena sesuai dengan tahap penguasaan kosa kata murid pemulihan. Saya merasakan murid pemulihan mungkin tidak memahami sesetengah kosa kata yang terdapat dalam cerita Sang Kancil. Huruf di dalam buku cerita Big Book agak besar dan berwarna-warni.

Responden juga mendapati bahawa penggunaan buku cerita (*Big Book*) dapat menambah pengalaman mengajar mereka. Dengan adanya *Big Book*, responden dapat mengajar dengan lebih yakin dan teratur. Responden kumpulan A menjelaskan:

Big book bukan sahaja kaya dengan gambar dan kosa kata yang dimudahkan mengikut keupayaan murid, malahan membantu saya untuk mengajar dengan lebih teratur. Saya dapat membantu murid untuk membaca, dan berbahasa. Keperluan saya untuk bersedia dalam pengajaran agak kurang dibandingkan dengan cara sebelum ini.

Responden juga berpendapat bahawa *Big Book* dapat membantu murid untuk berlakon mengikut watak yang terdapat dalam cerita. Menerusi penggunaan *Big Book*, banyak aktiviti lakonan digerakkan di dalam bilik darjah. Responden kumpulan A menyatakan:

Aktiviti Big Book yang utama ialah lakonan antara Kancil dengan buaya. Saya dapat membunyikan kemahiran komunikasi lisan di samping membetulkan sebutan dan intonasi watak dalam cerita. Saya fikir ini merupakan satu cara yang membantu kita menyebut suku kata dengan betul.

Responden juga bersetuju puisi pantun digunakan dalam PdP Bahasa Melayu untuk murid pemulihan. Pantun boleh dicipta oleh guru mengikut tema dan kosa kata yang mudah difahami oleh murid pemulihan. Teknik nyanyian dan MESTAMU dalam pelafazan pantun juga amat sesuai sebagai aktiviti untuk murid pemulihan kerana teknik ini menyeronokkan di samping diselitkan unsur didik hiburan dalam pembelajaran. Responden kumpulan B menambah:

Teknik nyanyian dan MESTAMU agak menyeronokkan kerana kelas akan lebih meriah. Kami boleh buat kerja dengan lebih cepat apabila ada teknik menyanyi. Kadang-kala kami bosan. Jadi dengan adanya teknik nyanyian, sekurang-kurangnya kami dapat berhibur mendengar rakan lain menyanyi.

Soalan Kajian 2

Masalah-masalah responden untuk menggunakan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas pemulihan

Jadual 1 : Masalah Pengajaran Bahasa Melayu dengan Menggunakan Bahan Sastera dalam Kelas Pemulihan di SJKC

Masalah	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R	R
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Penguasaan kosa kata	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Penguasaan berbahasa	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Bahasa dalam bahan sastera tersirat dan tidak difahami	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Kurang berpengetahuan tentang teknik PdP menggunakan bahan sastera	/	/	/			/	/	/	/		/		/	/	/
Sukar menyediakan aktiviti dan bahan pengajaran	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

Dapatan kajian menunjukkan tiga perkara utama yang menjadi kekangan kepada penggunaan bahan sastera dalam PdP Bahasa Melayu, yakni:

- i. penguasaan bahasa dan kosa kata yang belum mantap;
- ii. bahan sastera baik genre puisi atau prosa yang banyak mempunyai maksud tersirat menyebabkan murid sukar untuk memahaminya; dan
- iii. responden belum menguasai teknik PdP dan bahan pengajaran yang berkesan terhadap penggunaan bahan sastera kepada murid pemulihan SJKC.

Responden menyatakan bahawa masalah utama dalam penyediaan *Big Book* ialah faktor masa. Hampir kesemua responden bersetuju bahawa masa yang lebih lama diperlukan untuk menyediakan *Big Book* yang menarik. Responden turut menyentuh tentang faktor warna dan kualiti *Big Book* yang dihasilkan. Pemilihan gambar-gambar yang diletakkan dalam *Big Book* mestilah menarik. Responden A merumuskan:

Saya fikir walaupun Big Book menarik perhatian murid, tetapi banyak masa yang diperlukan untuk menghasilkannya, Saya memperuntukkan lebih kurang 10 jam untuk mencari dan susun bahan. Kerja kursus menghasilkan Big Book ini merupakan kerja kursus yang stres kerana memakan masa. Saya perlu memikirkan kualiti ketika hendak menghasilkan Big Book ini. Jadi saya fikir penghasilan Big Book merupakan tugas yang sukar untuk dilaksanakan.

Responden juga menyatakan bahawa proses menyediakan *Big Book* juga harus ditumpukan pada saiz huruf atau abjad yang digunakan. Bentuk tulisan dan kreativiti ketika menghasilkan *Big Book* juga menjadi isu dalam kalangan responden. Responden kumpulan B menyatakan:

Saya mendapati banyak gambar yang saya gunakan seolah-olah tidak menarik dan saya perlu mencari lebih banyak lagi gambar yang menarik. Saya bukannya jenis orang yang kreatif dan saya menggunakan masa yang lama untuk mencari gambar. Isunya di sini ialah Big Book mesti menarik minat murid.

Responden juga berpendapat bahawa kos penyediaan *Big Book* adalah tinggi. Banyak wang yang digunakan untuk membeli bahan-bahan penyediaan *Big Book* seperti gambar berwarna, *mounting board* dan peralatan warna yang lain.

PERBINCANGAN / IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini merumuskan bahawa seni dalam bahan sastera mampu membangkitkan perasaan ingin tahun terhadap elemen bahasa dalam kalangan siswa pendidik. Penggunaan bahan seni dan sastera mampu menjadikan pengajaran bahasa sangat menarik di samping memberikan nilai tambah dalam pengajaran (Ryskin, Brown-Schmidt, Canseco-Gonzalez, Yiu & Nguyen, 2014). Seni dan sastera sangat sesuai dipilih sebagai bahan rangsangan PdP bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah lagi tidak kira di sekolah kebangsaan atau di SJKC. Lebih baik bagi bakal-bakal pendidik untuk menelusuri kepentingan bahan sastera diaplikasikan kepada murid pemulihan di SJKC. Teknik-teknik seperti nyanyian, bercerita dan lakonan dapat meningkatkan keseronokan murid mempelajari kemahiran berbahasa Melayu (Shamsudin, 2004).

Melalui kajian ini juga, didapati siswa pendidik PISMP unit Pendidikan Pemulihan (SJKC) di IPGKRM mempunyai kreativiti dan inovatif dalam menghasilkan bahan bantu mengajar yang dapat meningkatkan keseronokan PdP dalam kalangan murid pemulihan. Antaranya, penghasilan buku cerita kanak-kanak, boneka (*puppet*), kad *pop-up* dan juga bait-bait pantun yang ringkas dan mudah yang sesuai dengan keperluan murid-murid pemulihan. Pendekatan sebegini mampu melonjakkan cara pengajaran baharu yang memberikan nafas kepada seni dan sastera dalam bahasa Melayu khususnya untuk murid-murid pemulihan.

RUJUKAN

- Arbak Othman (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Oxford: Kuala Lumpur.
- Ishak Ramly. (2003). *Teknik mengajar sastera*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Marohaini Yusof. (1999). *Strategi Pengajaran Kefahaman Membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kassim Ismail.(1996). "Pengajaran bahasa dalam sastera dan pengajaran sastera dalam bahasa". Kertas kerja yang dibenteng dalam Seminar Pengajaran Kesusasteraan KBSM, pada 9–10 Mac 1996, di Universiti Sains Malaysia.
- Rajendran, N. S. (2000). Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan & Pembangunan Dalam Pendidikan 2000, hlm. 201 – 211.
- Ryskin, R., Brown-Schmidt, S., Canseco-Gonzalez, E. Yiu L & Nguyen, E. (2014). Visuospatial perspective-taking in conversation and the role of bilingual experience. *Journal of Memory and Language*. Vol. 74. pp. 46-76
- Shamsudin Othman. (2004). "Seni Bahasa: Belajar sambil Berhibur atau Didik Hibur?" dlm. Kalam Bahasa. Kuala Lumpur: Sekolah Alam Shah. Ogos:10-14
- Strauss, A & Corbin, J. (1998). Open coding. *Basics of qualitative research*. pp. 101-121

SUMBANGAN BAHASA ARAB KEPADA BAHASA MELAYU DARIPADA ASPEK PENYERAPAN BAHASA DAN BUDAYA

Musliha Ismail

*Institut Pendidikan Guru, Kampus Tun Abdul Razak
musliha.ismail@ipgmktr.edu.my*

Nik Zul Azhar Nik Hassan

*Institut Pendidikan Guru, Kampus Tun Abdul Razak
nikzulazhar.hassan@ipgmktr.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat sumbangan dan peranan bahasa Arab terhadap bahasa Melayu daripada aspek pengembangan bahasa dan budaya. Data diambil daripada *Kamus Dewan* dan penelitian terhadap kandungan kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga aspek penting sumbangan bahasa Arab terhadap bahasa Melayu, iaitu penambahan kosa kata, pembentukan tatabahasa dan sumbangan terhadap budaya. Hasil kajian mendapati daripada aspek penambahan kosa kata, terdapat lebih kurang 2000-3000 perkataan Arab telah diserap ke dalam bahasa Melayu. Daripada aspek pembentukan tatabahasa, bahasa Melayu dipengaruhi daripada segi pembinaan perkataan dalam aspek jantina dan pembinaan kata sifat dari aspek budaya. Dapat diperhatikan juga pengaruh daripada sudut pemberian nama kepada individu, badan-badan kerajaan dan badan berkanun. Istilah-istilah bahasa Arab juga diguna pakai dalam ungkapan seharian seiring dengan penggunaan bahasa Melayu. Penggunaan ini sudah dianggap sebatu terutamanya bagi penganut agama Islam yang sudah membiasakan diri dalam amalan ibadah mereka.

Kata kunci: Sumbangan, pengembangan bahasa, budaya

PENGENALAN

Bahasa Arab adalah salah satu bahasa yang dipertuturkan oleh kebanyakan penduduk dunia terutamanya penduduk di Asia Timur seperti Mesir, Jordan, Syira dan lain-lain yang berdekatan dengan Bumi Syam. Ia adalah bahasa yang diguna pakai dalam sumber rujukan utama umat Islam, iaitu al-Quran. Kedatangan Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab pada abad ke-7 dan ke-8 memperlihatkan pengaruh bahasa Arab dalam banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, aksara Arab (huruf-huruf hijaiyyah) sudah mula diguna pakai sebagai tulisan perantaraan di nusantara sehinggalah Perang Dunia ke-2.

Istilah Melayu pula disandarkan pada suku bangsa yang bertutur dalam bahasa Melayu. Di Malaysia pula, kaum Melayu ialah kaum yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan cara hidup orang Melayu. Terdapat banyak pendapat tentang asal-usul bahasa ini. Ada yang berpendapat ia berasal dari Asia Tengah dan sesetengah pihak berpendapat bahawa bahasa ini sudah lama wujud di Kepulauan Melayu. Bahasa Melayu berkembang seiring dengan peredaran masa. Ia diklasifikasikan kepada dua, iaitu bahasa Melayu Moden dan bahasa Melayu Klasik. Setelah kedatangan agama Hindu, Islam dan penjajah Eropah ke Asia Tenggara, perkara ini menimbulkan masalah kepada penutur bahasa Melayu moden untuk bertutur dalam bahasa yang diguna pakai sebelumnya.

Bahasa Melayu mengalami perkembangan dalam tiga tahap utama. Menurut Jaimah Abdul Manaf dan Ramli Abu (2011), ahli bahasa menyifatkan setiap tahap ini mempunyai sifatnya yang tersendiri seperti bahasa Melayu Kuno mempunyai pengaruh Sanskrit dan Hindu yang kuat. Selain itu, bahasa Melayu klasik banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab dan agama Islam. Bagi bahasa Melayu Moden pula, didapati pengaruh penjajah barat terutama bahasa Inggeris yang jelas dari aspek serapan. Menurut Zaliza, Noor Asliza, Nurul Syazwani et.al (2012) dalam peranan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi, ia dituntut bersikap luwes dan terbuka terhadap pengaruh bahasa asing sesuai dengan zaman global dan tidak meruntuhkan kewibawaan dan rasa megah masyarakat Melayu semasa menggunakannya. Menurut Noor Eliza dan Mohd Shahrizal (2014), bahasa Melayu telah menerima unsur-unsur asing setelah berlaku pertembungan dengan pelbagai bangsa dan budaya.

Oleh itu, didapati perkembangan bahasa Melayu ini banyak melibatkan serapan daripada bahasa lain terutamanya yang mempunyai talian sejarah dengannya. Oleh itu, salah satu bahasa yang ditinjau sumbangannya kepada bahasa ini adalah bahasa Arab yang sudah dimaklumi bahawa ia mempunyai pengaruh yang besar dan berperanan dalam menambah kosa kata yang banyak digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu.

METODOLOGI

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.

Kajian ini berbentuk kualitatif melalui kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini dipilih kerana pengkaji melakukan beberapa aspek seperti membaca dan meneliti kosa kata-kosa kata yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Hal ini beerti data diperoleh daripada penelitian terhadap teks dan konteks.

SUMBANGAN BAHASA ARAB KEPADA BAHASA MELAYU

Pertembungan budaya dan bahasa menyebabkan berlakunya peminjaman dan penyerapan bahasa. Menurut Heah (1989), perubahan bahasa berlaku apabila terdapat pertembungan bahasa. Kata pinjaman bahasa Arab ini telah lama menguasai perbendaharaan kata bahasa Melayu sehingga penutur bahasa ini amat sukar membezakan antara kata asal dan kata pinjaman. Kata serapan ini bukanlah secara keseluruhannya diguna pakai mengikut makna asalnya, tetapi ia juga memperlihatkan perubahan dari segi perbezaan istilah dan makna. Apabila kata Arab terserap ke dalam bahasa Melayu, maka kelas katanya akan berubah dan tidak lagi sama seperti bahasa sumbernya. Menurut Mohd Zuhir dan Shamsul Jemili binYeop (2015) dalam kajiannya disebutkan bahawa bahasa Melayu begitu mudah dipengaruhi oleh bahasa Arab kerana ia merupakan bahasa al-Quran dan peranan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam penyebaran agama Islam, manakala masyarakat Melayu pula begitu sinonim dengan agama Islam.

Penyerapan bahasa Arab ini dalam aspek ilmu dan pendidikan boleh dilihat dari sudut penggunaan istilah-istilah dalam penamaan kursus-kursus yang diambil di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi. Sebagai contoh, Ulum Syariah, Pendidikan al-Quran dan As-sunnah diajarkan di sekolah-sekolah aliran agama. Bagi institut pengajian tinggi pula, penggunaan kosa kata bahasa Arab ini memonopoli kebanyakan kursus dalam pengkhususan Pendidikan Islam. Antaranya ialah Pengajian Fiqh, Aqidah, Akhlak, Sirah, Tarannum dan Hafazan serta Tafsir Al-Quran dan Ulum Hadis (sumber: Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian). Istilah-istilah lain dalam aspek ilmu adalah seperti *darab*, *falak*, *baki*, *hukum*, *fatwa*, *khat* dan lain-lain lagi. Penggunaan ini jelas menunjukkan bahawa peminjaman bahasa Arab ini ke dalam bahasa Melayu adalah disebabkan oleh penyebaran agama Islam ke Alam Melayu (Abdul Rahman Chik (2006) dalam Salsa Billa (2008)). Selain itu, dari segi tulisan, menurut Adi Yasran, Wan Muhammad, Muhd Zulkifli et.al (2016), pengguguran hamzah di bawah alif dan penggantian *ta marbutoh* dengan *ha* dilakukan dengan meluas dalam penulisan Jawi. Perkataan-perkataan ini berasal daripada bahasa Arab seperti *insan*- انسان digugurkan *alif* di bawah ta) dan perkataan *sedekah* صدقة (digantikan *ta marbutoh* kepada huruf *ha*).

Selain itu, kosa kata Arab ini juga memberikan sumbangan kepada aspek kebudayaan. Ia dapat diperhatikan dari aspek penggunaan istilah-istilah Arab yang telah diserapkan dalam kehidupan orang Melayu yang signifikannya beragama Islam. Jumlah kosa kata ini menurut Abdul Jabbar Beg dalam Pabiyah dan Kamariah (2010) adalah sebanyak 2,150 dan ia mencakupi pelbagai aspek seperti istilah agama, kata nama dan kata kerja. Oleh itu, didapati bahasa Arab banyak mempengaruhi aspek kebudayaan ini. Menurut Tajudin Nur (2014), sebagai bahasa kebudayaan, diperhatikan penggunaannya dalam bidang seni (seni suara, seni sastera, seni drama dan sebagainya) tidak kira tradisonal atau moden yang akhir-akhir ini berkembang pesat serta diadaptasi oleh masyarakat. Sebagai contoh, perkataan Arab yang membuktikan perkara ini adalah *nasyid*, *marhaban*, *syair*, *tarannum*, *qasidah* dan sebagainya.

Penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berlaku dengan mudah kerana terdapat hubungan yang akrab antara dua bahasa ini. Menurut Adi Yasran, Wan Muhammad, Muhd Zulkifli et.al (2016), kesemua 16 nama keturunan Melayu dalam surat perjanjian wakaf masyarakat Melayu-Mekah menggunakan nama Arab yang dibincang kepada bapa dan datuk serta dinisbahkan kepada bangsa dan tempat asal mereka. Oleh itu, didapati masyarakat Melayu sehingga kini masih dipengaruhi bahasa Arab dalam pemberian nama anak-anak mereka. Nama-nama islamik ini diambil daripada nama-nama nabi, malaikat, para sahabat nabi, isteri-isteri nabi, cendekiawan, pahlawan muslim, ulama salaf, nama daripada al-Quran, dan nama-nama Allah dalam Asmaul Husna yang berasal daripada bahasa Arab (Tajudin Nur, 2014). Nama-nama nabi yang diguna pakai dalam pemberian nama adalah seperti Muhammad, Musa, Isa, Harun dan lain-lain. Nama isteri-isteri nabi dan sahabat perempuan seperti Siti Khadijah, Aisyah, Hafsa, Fatimah dan sebagainya. Nama-nama para sahabat yang masyhur seperti Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Hamzah dan lain-lain juga diguna pakai oleh masyarakat Melayu sepertimana mereka juga menggunakan nama-nama daripada nama malaikat seperti *Malik, Ridwan dan Raqib*. Daripada aspek tatabahasa, didapati bahasa Melayu mengamalkan peminjaman imbuhan akhiran seperti *-ah* dan *-at* (merujuk perempuan) seperti *sultanah ustazah, muslimat* dan *hadirat*, akhiran *-in* (merujuk lelaki) seperti *muslimin* dan *hadirin*. Selain itu, terdapat juga peminjaman akhiran *-iah* dan *-wi* (bersifat) seperti *rohaniah, wataniah, duniawi* dan *ukhrawi* (Morshidi Muhammad, 2014). Selain itu, perkataan Arab yang sering diguna pakai dalam kehidupan masyarakat Melayu dan sudah sebatih seperti bahasa Melayu adalah *salam, maut, zikir, junub, kadi, kibrat, kufur, maksiat, baligh, warak, takziah, tahniah, tahlil* dan sebagainya. Terdapat ungkapan-ungkapan yang mengekalkan bahasa Arab sepenuhnya dan digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu. iaitu *Assalaamualaikum (السلام عليكم)*, *Subhanallah (سبحان الله)*, *Masyaallah (ما شاء الله)*, *Astaghfirullah (استغفر الله)*, *La haula wala quwwata illa billah (لا حول ولا قوة إلا بالله)* dan *Inna lillahi wa inna ilaihi rojiuun (إننا لله و إنا إليه رجعون)*.

Sumbangan bahasa Arab dari aspek pengembangan bahasa dapat diperhatikan daripada aspek keagamaan. Seperti kita sedia maklum bahawa agama Islam sangat berkait rapat dengan bahasa Arab. Oleh itu, apabila masyarakat Melayu menganuti agama ini sejak kedatangannya, maka kita dapati bahawa penggunaan bahasa Arab diguna pakai sepenuhnya dalam bacaan solat, syahadah, azan, iqamah dan wirid. Di samping itu, menurut Tajudin Nur (2014), istilah-istilah Arab banyak diguna pakai sebagai istilah keagamaan seperti *salat, syahadat, zakat, haji, umrah, rukun, syarat, doa, wahyu, sunat, wajib, makruh, haram, mubah, ijab, makbul, amal, rahmat, berkat, taufik, hidayah wakaf* dan banyak lagi. Pengembangan bahasa Melayu melalui bahasa Arab ini juga dapat diperhatikan dengan penggunaan istilah yang berkait rapat dengan pentadbiran dan perundangan agama Islam seperti *Mahkamah Syariah, Baitul Mal, Majlis Fatwa, Yayasan Wakaf Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah, Lembaga Tabung Haji, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Pejabat Mufti, hakim, qadi* dan lain-lain lagi.

KESIMPULAN

Bahasa Arab adalah satu bahasa yang banyak menyerap ke dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu-satunya bahasa asing yang membantu dalam penambahan kosa kata Melayu. Ia adalah salah satu bahasa yang dapat menyerap masuk ke dalam bahasa Melayu dengan mudah kerana ia mempunyai ikatan yang sangat rapat terhadap agama Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu. Agama ini melengkapi kehidupan penganutnya dan ia meliputi segala aspek yang diperlukan. Oleh sebab itu, penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan masyarakat Melayu bergerak seiring dan ia sukar dibezakan.

Sumbangan bahasa Arab dalam aspek penyerapan ke dalam bahasa Melayu yang dibincangkan dalam kajian ini kebanyakannya adalah kosa kata yang mempunyai makna yang sama dan pengejaan yang lebih kurang sama atau mungkin pengguguran atau penukaran satu huruf asal. Sebenarnya terdapat banyak lagi perkataan atau kosa kata Arab yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu tetapi memberikan makna yang berbeza dengan makna asalnya dalam bahasa Arab. Selain itu, kajian ini tidak menekankan secara terperinci tentang perubahan transliterasi terhadap sebahagian huruf yang tidak terdapat dalam huruf Latin. Oleh itu, banyak lagi sumbangan bahasa Arab yang masih boleh dibincangkan dalam aspek yang lebih luas. Daripada aspek kebudayaan pula, masyarakat Melayu masih mengekalkan kebudayaan yang sinonim dengan agama Islam itu sendiri.

RUJUKAN

- Adi Yasran, Wan Muhammad, Muhd Zulkifli et.al. (2016). Hubungan Bahasa Arab-Melayu Berdasarkan Surat Perjanjian Wakaf Masyarakat Melayu-Mekah. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (1). Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Razimi Husin. (2013). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Oxford Fajar Sdn.Bhd
- Mohd Zuhir dan Shamsul Jamili. (2015) Aplikasi Kata Pinjaman Arab Dalam Teks Pembelajaran Dan Kesannya Terhadap Penguasaan Bahasa Arab . *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*. 1 (1).
- Noor Eliza Mohd Shahrizal. (2014). Faktor kewujudan Sinonim Dalam Bahasa Melayu dan Arab : Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Melayu*, 12 (1). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noresah Baharom (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat) . Dewan Bahasa dan Pustaka
- Tajudin Nur. Sumbangan Bahasa Arab Terhadap Bahasa Indonesia Dalam Perspektif Pengembangan Bahasa Dan Budaya. *Humaniora*, Vol. 26, No 2 Juni 2014 (235-243) Program Studi Bahasa Arab, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Padjadjaran.
- Wan Salsa Billa Wan Norudin. (2008). Kata Pinjaman Bahasa Arab Di Dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu: Satu Kajian Makna. Tesis Sarjana Pengajian Islam. Tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia
- Zaharani Ahmad, Maizura Osman, Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 11 (1), 109-130.
- Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim, Nurul Syazwani Zulkifli, et.al. (2012). Bahasa Melayu Dalam Arus Globalisasi: Keutuhan Jati Diri dan Ketakatan Budaya Melayu *Journal of Human Development and Communication*. 1, 129–135.

PENGETAHUAN BERSAMA TENTANG UNSUR TABU DALAM BUDAYA MELAYU DAN BUDAYA CHINA BAGI MENJAMIN KECEKAPAN PRAGMATIK DALAM BERBAHASA.

*Hasmidar Hassan
Akademi Pengajian Melayu
hasmidar@usm.my*

ABSTRAK

Unsur tabu dalam sesuatu budaya bangsa merupakan aspek yang perlu dihindari semasa berkomunikasi. Menurut Trudgill (1984:35), unsur tabu ialah satu kecenderungan pada perlakuan yang ditegah atas dasar unsur supernatural atau dianggap tidak beradab serta tidak sesuai. Dalam konteks komunikasi silang budaya, unsur tabu ini perlu diberikan perhatian kerana dikhuatiri menyinggung perasaan dan dikatakan tidak sopan atau melanggar sistem dan nilai kepercayaan sesuatu masyarakat itu. Individu yang dapat mengelakkan unsur tabu semasa berkomunikasi bukan sahaja dapat mengekalkan kesantunan berbahasa malahan turut menggambarkan individu/penutur tersebut mempunyai kecekapan pragmatik dalam berbahasa. Oleh itu, bagi menjamin kecekapan pragmatik dan kesantunan dalam berbahasa, makalah ini mengetengahkan kepentingan pengetahuan bersama (*mutual knowledge*) tentang unsur tabu dalam budaya Melayu dan budaya China. Dari perspektif pragmatik, pengetahuan bersama yang merujuk sesuatu maklumat atau pengetahuan yang difikirkan benar atau betul dengan yakinnya oleh seseorang individu dan turut difikirkan benar atau betul dengan yakinnya oleh individu lawan tutur dalam sesuatu komunikasi akan dapat menjamin kelangsungan komunikasi dua hala. Dalam konteks unsur tabu dalam dua budaya yang berbeza, pengetahuan bersama tentang unsur tabu ini perlu jelas difahami dan diketahui oleh kedua-dua penutur dan lawan tutur agar komunikasinya tidak menyinggung perasaan (santun) atau melanggar sistem dan nilai budaya pihak yang terlibat dalam komunikasi tersebut.

Kata kunci: pengetahuan bersama, tabu, kecekapan pragmatik, kesantunan dan nilai budaya

PENGENALAN

Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan manusia untuk menyampaikan idea, pendapat, maklumat dan berinteraksi sesama manusia dalam lingkungan budaya dan sosial yang sama dan juga dalam lingkungan budaya dan sosial yang berbeza.

Apabila berkomunikasi dengan individu daripada lingkungan sosial dan budaya yang berbeza maka kita perlu berhati-hati dalam berbahasa kerana dikhuatiri menyinggung perasaan dan dikatakan tidak sopan serta melanggar norma-norma sosial dan agama sesuatu masyarakat. Ada beberapa kata dan perkara yang mesti dihindari kerana ia dianggap tabu oleh komuniti yang berbeza. Individu yang dapat mengelakkan unsur tabu semasa berkomunikasi bukan sahaja dapat mengekalkan kesantunan berbahasa malahan turut menggambarkan individu/penutur tersebut mempunyai kecekapan pragmatik dalam berbahasa. Oleh itu, bagi menjamin kecekapan pragmatik dan kesantunan dalam berbahasa, makalah ini mengetengahkan kepentingan pengetahuan bersama (*mutual knowledge*) tentang unsur tabu dalam budaya Melayu dan budaya China bagi menjamin kecekapan pragmatik dalam berbahasa.

DEFINISI TABU

Tabu ialah sesuatu yang dilarang, pantang larang, pemali; iaitu yang terlarang, yang diharamkan atau ditegah daripada (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2005). Larangan ini kebiasaannya merujuk sesuatu amalan, perbuatan, pakaian dan yang seumpamanya. Demikian juga terdapat larangan terhadap penggunaan bahasa yang dipertuturkan oleh masyarakat di negara ini. Apabila ada larangan dalam penggunaan bahasa, maka kata atau ungkapan yang digunakan dalam bahasa untuk merujuk sesuatu yang kurang manis, yang membawa unsur negatif, lucu dan yang tidak sopan terus tidak digunakan atau dielakkan dalam pertuturan.

Mircea Elida (1987:233) mendefinisikan tabu sebagai satu larangan atau batasan sosial yang dipersetujui oleh masyarakat keseluruhan. Tabu wujud sama ada dalam perhubungan sesama manusia atau daripada kuasa alam semesta. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa tabu ditentukan, sama ada oleh kuasa Tuhan atau daripada kepercayaan animisme. Mereka akan dihukum jika melanggar peraturan ini (mysugar.weebly.com/uploads/2/0/2/9/20291925/isi.docx).

Beattie John (1994:64) menyatakan bahawa perkataan tabu ini berasal daripada bahasa Polonesia yang bermaksud pantang larang. Sekiranya dilanggar sesuatu pantang larang itu, individu berkenaan akan menerima ‘isbat’, iaitu sejenis akibat yang dipercayai timbul semata-mata kerana melakukan perbuatan yang terlarang itu (mysugar.weebly.com/uploads/2/0/2/9/20291925/isi.docx).

Trudgill (1984:35) mengatakan bahawa tabu sebagai satu kecenderungan kepada perlakuan yang ditegah atas dasar unsur supernatural atau dianggap tidak beradab serta tidak sesuai. Beliau turut menyorot aspek kata tabu dan kesopanan berbahasa. Perlakuan bahasa dipengaruhi oleh pantang larang atau tabu yang banyak merujuk perkara yang tidak boleh disebut. Bahasa tabu digunakan dalam situasi yang terhad sahaja dan mempunyai batas yang tertentu. Jenis perkataan yang menjadi tabu dalam sesuatu bahasa memberikan gambaran tentang sistem dan nilai kepercayaan sesuatu masyarakat itu.

The Oxford Encyclopedia English Dictionary (1991:112), mendefinisikan tabu sebagai:
A system or act of setting a person or thing apart as sacred or accused.
A prohibition or restriction by social custom.

Kesimpulannya, tabu ini merujuk perbuatan dan bahasa yang terlarang, kata yang tidak sopan, ofensif, kesat atau kasar yang tidak disebut di hadapan khalayak ramai dan merupakan peraturan yang mesti dipatuhi dan seandainya dilanggar pasti akan mendapat musibah.

Walaupun zaman telah berubah seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, namun tabu yang diwarisi sejak turun-temurun ini haruslah dikekalkan kerana ia melambangkan pemikiran masyarakat dahulu yang kreatif dan imaginatif dalam merangka satu peraturan hidup dalam kalangan masyarakatnya.

TABU DALAM BUDAYA MELAYU

Pada zaman dahulu, masyarakat Melayu mempunyai kepercayaan animisme yang begitu kuat, malahan kepercayaan ini masih diamalkan oleh segelintir masyarakat. Masyarakat Melayu pada masa itu amat mempercayai larangan-larangan tersebut dan seandainya larangan atau tabu ini tidak dipatuhi, maka individu atau kelompok masyarakat akan menerima kesan yang buruk.

Unsur tabu dalam budaya Melayu kebanyakannya sangat berkait rapat dengan aspek kesopanan dan kehalusan berbahasa. Masyarakat Melayu sentiasa berhati-hati semasa bertutur dengan orang lain agar tutur kata atau percakapan tersebut tidak menyakiti atau menyinggung orang lain.

Tabu bahasa Melayu kebanyakannya merujuk sesuatu yang tidak manis apabila dituturkan, kata yang mempunyai unsur-unsur negatif, berbau lucu atau tidak sopan dalam pertuturan. Sekiranya dituturkan, sudah tentu individu yang mendengarnya akan berasa kecil hati atau berasa terhina.

Terdapat beberapa kata tabu dalam bahasa Melayu yang perlu direnung dan dikaji. Kata tabu yang dipertuturkan ini tidak sesuai dituturkan kerana konotasi yang kurang sesuai,terlalu lucu, berbahaya atau ada unsur negatif. Kata tabu ini boleh dibahagikan kepada kata luaran dan satu lagi tabu yang merujuk tubuh badan.

Antara kata tabu yang merujuk kata luaran atau kata biasa (bukan tubuh badan) ialah:

Bil	Kata Kasar (Kata yang kurang sopan)	Kata Halus (Kata yang lebih sopan)
1	Jamban	Tandas, bilik air
2	Mampus	Meninggal dunia
3	Gemuk	Orang yang sihat
4	Mati	Menghembuskan nafas terakhir
5	Janda	Ibu tunggal

Kata-kata ini menjadi tabu kerana konotasinya yang tidak sesuai, iaitu yang mempunyai unsur-unsur negatif dan merendahkan imej seseorang. Contohnya, kata *janda*, yang membawa maksud wanita yang tidak mempunyai suami akibat diceraikan. Apabila kata janda ini digunakan, pemikiran masyarakat sering menggambarkan kata janda lebih pada unsur-unsur negatif seperti miang, gatal dan perampas suami orang. Oleh itu, kata janda yang mempunyai konotasi negatif ini digantikan dengan kata ibu tunggal yang dikatakan lebih sopan dan konotasinya lebih sesuai bagi menggambarkan wanita tersebut hidup tanpa suami.

Antara perkataan tabu yang merujuk tubuh badan ialah:

Bil	Kata Kasar (Kata yang kurang sopan)	Kata Halus (Kata yang lebih sopan)
1	Tahi	Najis
2	Berak	Air besar
3	Kencing	Air kecil
4	Haid	Datang bulan atau uzur
5	Pantat	Punggung
6	Tetek	Buah dada
7	Kentut	Buang angin
8	Beranak	Bersalin
9	Pelacur	Pekerja seks

Perkataan tabu ini juga perlu digantikan dengan perkataan yang lebih sopan agar ia tidak menyinggung perasaan individu yang terlibat dalam komunikasi tersebut.

Menurut Teo Kok Seng (2007:121), beberapa eufemisme (bahasa halus) dalam bahasa Melayu digunakan untuk menggantikan perkataan tabu yang dianggap kasar, lucah dan mengganggu. Misalnya, berhubung dengan fungsi badan, kata sopan ialah buang angin, buang air kecil dan buang air besar digunakan untuk menggantikan kentut, kencing, dan berak yang sudah pun menjadi tabu.

Namun, terdapat satu fenomena yang menarik tentang tabu dalam bahasa Melayu. Penggunaan perkataan kencing dan berak misalnya, tidak pula dianggap kasar atau tidak sopan semasa menyebut ungkapan yang merujuk penyakit seperti kencing manis, kencing darah, kencing nanah, kencing malam, item perubatan seperti ujian air kencing dan peribahasa seperti guru kencing berdiri, murid kencing berlari. Begitu juga halnya dengan penggunaan perkataan berak pada ungkapan-ungkapan seperti berak darah, berak air dan sebagainya.

TABU DALAM BUDAYA CHINA

Sebaik sahaja kita berkomunikasi dengan individu atau komuniti daripada lingkungan budaya dan sosial yang berbeza, maka kita haruslah berhati-hati dengan kata-kata yang digunakan semasa berkomunikasi kerana setiap budaya mempunyai tabunya yang tersendiri berdasarkan amalan dan kepercayaan masyarakatnya. Masyarakat China di Tanah Besar China misalnya juga mempunyai pantang larang ataupun tabunya yang perlu dielakkan semasa berkomunikasi atau berinteraksi. Antara tabu yang dapat disenaraikan ialah :

i. Memakai topi hijau menandakan berita buruk

“Topi hijau” dalam bahasa China ialah 绿帽子 (lǜ màozi). Orang luar mungkin berpendapat bahawa topi hijau tidak bermaksud apa-apa seperti topi-topi lain. Akan tetapi, bagi penduduk China, “topi hijau” bermaksud isteri seorang lelaki telah berlaku curang terhadapnya.

Maksud 绿帽子(lǜ màozi) dikatakan berasal daripada satu peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu apabila seorang isteri pedagang telah berlaku curang terhadap suaminya dan mempunyai hubungan dengan seorang penjual kain. Isteri pedagang ini membuat topi hijau untuk dipakai oleh suaminya dan apabila suaminya memakai topi itu untuk urusan perniagaan, penjual kain tersebut akan melihat topi hijau yang dipakai pedagang ini sebagai tanda dia (penjual kain) itu dapat berjumpa kekasih hatinya. Sejak itu

绿帽子 (lǜ màozi) dikatakan sebagai simbol bagi seorang isteri yang curang pada suaminya (<http://www.echineselearning.com/blog/top-7-taboos-in-china-beginner>).

ii. Jangan bertanya “Kenapa anda memakai baju yang sama?”

Di China, tidak semua orang mandi atau menukarkan baju mereka setiap hari. Walaupun orang Barat juga tidak mandi setiap hari, ia tidak dianggap amalan biasa yang dapat diterima. Di China, hal ini berbeza kerana ramai yang menjadikan amalan memakai baju yang sama selama beberapa hari sebagai lumrah kehidupan. Sesuatu yang mustahil untuk mandi dan menukarkan pakaian setiap hari di China. Orang luar yang melihat rakannya memakai baju yang sama selama beberapa hari mungkin akan tertanya-tanya “Kenapa anda memakai baju yang sama seperti baju semalam?”. Maka harus diingat bahawa pertanyaan ini dianggap tidak sopan dan boleh menyinggung perasaan individu tersebut (<http://www.echineselearning.com/blog/top-7-taboos-in-china-beginner>).

iii. Jangan berikan ‘jam’ sebagai hadiah

Apabila anda dijemput ke satu majlis sosial di China, adalah sopan jika anda memberikan hadiah kepada tuan rumah yang menjemput anda ke rumahnya. Pilihan hadiah yang dapat diberikan tentunya sangat banyak. Walau bagaimanapun, sejenis alat yang harus dielakkan ialah memberikan jam 钟(zhōng) sebagai hadiah kepada tuan rumah tersebut. Dalam bahasa China, jam = 钟(zhōng) mempunyai sebutan yang sama dengan kematian 终(zhōng). Sebagai huraian tentang persamaannya, 送钟(sòng zhōng) bermaksud ‘memberikan jam sebagai hadiah dan 送终(sòngzhōng) bermaksud menghadiri acara pengebumian. Bagi penutur bahasa China, kedua-dua frasa ini berhomofon dan berhubungan secara semula jadi dalam fikiran penuturnya sebagai 送钟(sòng zhōng). Pada awalnya, penduduk China mengelakkan pemberian hadiah jam ini kepada golongan tua sahaja tetapi kini amalan ini telah menjadi amalan yang standard dalam kalangan semua orang China. Oleh itu, elakkan memberikan hadiah jam kepada rakan-rakan anda pada majlis hari lahirnya, majlis perkahwinan, rumah terbuka dan majlis keraian lain kerana perbuatan ini menjadi tanda rakan anda akan menerima kesan sumpahan (<http://www.echineselearning.com/blog/top-7-taboos-in-china-beginner>).

PENGETAHUAN BERSAMA TENTANG UNSUR TABU DALAM BUDAYA MELAYU DAN BUDAYA CHINA BAGI MENJAMIN KECEKAPAN PRAGMATIK DALAM BERBAHASA

Pengetahuan bersama atau pengetahuan am merupakan fenomena yang menjadi asas bagi kebanyakan kehidupan sosial. Untuk berkomunikasi dan bertingkah laku dengan jayanya, setiap individu memerlukan pengetahuan bersama atau pemahaman am atau pengetahuan latar belakang. Malahan jika interaksi yang tertentu menghasilkan kegagalan, penjelasan yang biasa bagi kegagalan ini ialah pelaku yang terlibat dalam interaksi ini tidak mempunyai pengetahuan bersama atau pemahaman am.

David Hume (1740) merupakan individu yang pertama menjadikan peranan pengetahuan bersama ini eksplisit dalam menyelaraskan interaksi. Hume menjelaskan bahawa syarat yang perlu bagi aktiviti tersusun dan berjaya ialah semua pelaku mengetahui tingkah laku yang bagaimanakah yang dijangkakan daripada individu lain. Tanpa prasyarat pengetahuan bersama, Hume menegaskan bahawa suatu konvensyen sosial yang menguntungkan secara bersama akan hilang (<https://plato.stanford.edu/entries/common-knowledge/>).

Untuk membina pemahaman bersama dalam interaksi atau komunikasi antara budaya, ia melibatkan satu proses yang mencabar. Dalam konteks tabu dalam dua budaya yang berbeza, penutur daripada kedua-dua latar budaya yang berbeza ini perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan antara budaya yang sama dan kemahiran berbahasa pada tahap yang sama dengan penutur jati.

Menurut Jankowicz dan Dobosz-Bourne (2003, p.123), “*To the extent that people in different cultures understand the world differently, they must expend deliberate effort in trying to come to terms with each other’s meanings, over and above their translated vocabularies, if they are to collaborate successfully.*” (dlm.http://www2.warwick.ac.uk/fac/cross_fac/globalpeople/resourcebank/researchpapers/mgtmutualunderstanding_v2.pdf)

Penutur bagi kedua-dua budaya yang berbeza dapat menyemak tahap pengetahuan dan pemahaman dengan bertanya untuk mendapatkan pengesahan sebelum memulakan perbualan atau komunikasi. Usaha untuk mencapai tahap pengetahuan bersama yang sama dengan penutur daripada latar budaya dan sosial yang berbeza memerlukan usaha yang tidak sedikit dan adakala memalukan. Namun, jika penutur mengambil sikap tidak ambil tahu, dikhuatiri komunikasi seterusnya akan menyebabkan kedua-dua pihak saling menyinggung, kecewa dan mengakibatkan ketidaksantunan dalam berbahasa antara kedua-dua pihak yang terlibat dalam komunikasi tersebut. Oleh itu, kedua-dua pihak haruslah mengambil tahu dan mengenal pasti persoalan tabu ini sebelum memulakan komunikasi untuk mengelakkan masalah kegagalan komunikasi.

Dalam hal mencapai tahap pengetahuan bersama yang sama dengan penutur jati sesuatu bahasa yang berbeza dan mencapai kecekapan pragmatik dalam berbahasa, terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan. Antaranya ialah meningkatkan kemahiran berbahasa sehingga mencapai tahap yang sama dengan kemahiran berbahasa penutur jati, mengenal pasti dan mendedahkan maklumat yang diperlukan bagi mencapai pemahaman yang sama, menyemak dan mendapatkan penjelasan dengan kerap tentang perkataan dan frasa yang penting untuk memastikan kedua-dua pihak mencapai maksud yang sama.

KESIMPULAN

Komunikasi silang budaya khususnya yang melibat unsur-unsur tabu atau lakuan bahasa yang terlarang perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat dalam komunikasi antara dua budaya yang berbeza ini. Hal ini kerana, kegagalan untuk mematuhi peraturan/ norma dan budaya yang didukung oleh komuniti yang berbeza ini akan menyebabkan ada pihak yang tersinggung, terguris hati dan akhirnya menyebabkan komunikasi tidak berjaya. Untuk memastikan penutur dapat mencapai kecekapan pragmatik dalam berbahasa dan santun dalam berbahasa dalam komunikasi silang budaya maka kedua-dua pihak harus memastikan tahap pengetahuan bersama ini adalah sama antara kedua-dua pihak.

RUJUKAN

- Hawkins, J. M. dan Allen, R.A. (Pyntg). (1991). *The Oxford Encyclopedic English Dictionary*. USA: Oxford University Press
- Kamus Dewan Edisi Ke-4. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kumaravadivelu, B. (2003). *Beyond Methods: Macrostrategies For Language Teaching*. New Haven, CT & London, UK: Yale University Press.
- S. Nathesan. (2008). *Makna Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Swettenham, Sir Frank (ptjmh Zubaidah Ibrahim). (2003). *Perihal Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Teo Kok Seong. 2007. *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Trudgill, P. (1984). *Applied Sociolinguistics*. London: Academic Press

Rujukan dalam Talian

Helen Spencer-Oatey. *Achieving Mutual Understanding for Effective Intercultural Management*. Dicapai daripada http://www2.warwick.ac.uk/fac/cross_fac/globalpeople/resourcebank/researchpapers/mgtmutualunderstanding_v2.pdf pada 18.03.2017

Top 7 Taboos in China. Dicapai daripada <http://www.echineselearning.com/blog/top-7-taboos-in-china-beginner>) pada 18.03.2017

Tanpa Tajuk. Dicapai daripada mysugar.weebly.com/uploads/2/0/2/9/20291925/isi.docx pada 18.03.2017.

Common Knowledge. 2001. Dicapai daripada <https://plato.stanford.edu/entries/common-knowledge/> pada 18.03.2017

ANALISIS KESILAPAN ASPEK MORFOLOGI DALAM PENULISAN PELAJAR CHINA

Rohaidah Haron
Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
eyda1826@um.edu.my

ABSTRAK

Peningkatan kemasukan pelajar dari universiti-universiti di China ke Universiti Malaya untuk mempelajari bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kedua membuktikan bahawa BM semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar asing. Perkembangan tersebut menandakan bahawa BM mempunyai kepentingan dalam kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat dunia. Menurut Ellis (1997), bahasa kedua boleh merujuk mana-mana bahasa yang dipelajari selepas bahasa ibunda. Sehubungan itu, kesilapan semasa proses pembelajaran bahasa kedua oleh pelajar asing sememangnya tidak dapat dielakkan. Pembelajaran BM sebagai bahasa kedua, sama ada tulisan ataupun lisan telah menimbulkan beberapa kesulitan kepada para pelajar asing. Analisis kesilapan (*error analysis*) merupakan kaedah penting untuk mengesan kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar. Kesilapan bahasa dalam penulisan dikenal pasti wujud dalam aspek morfologi dan sintaksis. Namun begitu, untuk keperluan kertas kerja ini, penelitian hanya ditumpukan terhadap aspek morfologi seperti imbuhan, kata sendi nama, kata ganti nama, kata hubung, kata penguat, dan sebagainya. Penekanan terhadap aspek morfologi penting memandangkan para pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang sewajarnya sebelum mereka dapat membina frasa dan ayat dengan makna yang betul. Sehubungan itu, kertas kerja ini berhasrat mengenal pasti dan menjelaskan kesilapan aspek morfologi dalam penulisan para pelajar dari beberapa universiti di China. Kajian ini diharap dapat memberikan manfaat dan membantu pengajar dalam usaha mengajarkan BM sebagai bahasa kedua kepada para pelajar asing, selanjutnya menyebarkan BM di persada dunia.

Kata kunci: analisis kesilapan, bahasa kedua, morfologi, imbuhan

PENGENALAN

Taraf antarabangsa dan potensi yang dimiliki oleh bahasa Melayu menyebabkan bahasa Melayu terus dipelajari oleh semua orang di serata dunia. Keperluan mempelajari bahasa Melayu lebih daripada sekadar berkomunikasi. Masyarakat dunia mempelajari bahasa Melayu bagi tujuan aktiviti ekonomi global, pelancongan, penyiaran, akademik, dan sebagainya. Menurut Awang Sariyan (2006:3), potensi besar bahasa Melayu yang menimbulkan keperluan perencananan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing ialah wujudnya pusat-pusat pengajian di seluruh dunia yang mengajarkan bahasa Melayu (dengan pengertian bahasa Indonesia juga). Bahasa Melayu diajarkan dan diteliti di puluhan universiti di Eropah, di Australia, di New Zealand, dan di Amerika Utara, di samping diajarkan dan diteliti di rantau Asia Tenggara, Asia Timur, dan Asia Utara.

Sejarah kedatangan pelajar-pelajar dari negara China untuk mengikuti pengajian di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya bermula sejak tahun 2009 lagi, iaitu bermula dengan kedatangan 19 orang pelajar dari Universiti Guangxi yang mengikuti pengajian satu semester di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Selepas Universiti Guangxi pelajar-pelajar dari Universiti Beijing pula datang mengikuti kursus dan diikuti oleh pelajar-pelajar dari Universiti Beihang dan Universiti Kebangsaan Yunnan pada tahun 2013 (Salinah & Rohaidah, 2016). Semasa para pelajar berada di Akademi Pengajian Melayu, khususnya di Jabatan Bahasa Melayu, mereka telah mengikuti kursus-kursus penting untuk memantapkan penguasaan dan kecekapan bahasa Melayu mereka, seperti *Tatabahasa Bahasa Melayu* dan *Penulisan Bahasa Melayu*. Selain itu, mereka juga berpeluang mengikuti kursus-kursus berkenaan pengajian Melayu dari jabatan-jabatan lain di Akademi Pengajian Melayu. Secara khusus, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti kesilapan aspek morfologi yang dilakukan dalam penulisan para pelajar dari beberapa universiti dari China, selanjutnya menjelaskan aspek tersebut.

MORFOLOGI

Para pelajar dari China mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh itu, dalam usaha mempelajari bahasa kedua, kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar merupakan satu kebiasaan. Menurut Ellis (1997), bahasa kedua boleh merujuk mana-mana bahasa yang dipelajari selepas bahasa ibunda. Menurut Gass dan Selinker (1994), pemerolehan bahasa kedua biasanya dirujuk kepada pembelajaran bahasa yang lain selain bahasa asli yang telah diperoleh (Puteri Roslina, 2004: 4). Di samping itu, Zulkifley Hamid (2006: 164) menyatakan perbezaan antara penutur bahasa pertama dengan bahasa kedua wujud kerana mereka bermula pada waktu yang berbeza dalam usaha menguasai pengetahuan sesuatu bahasa.

Aspek morfologi menjadi perbincangan kertas kerja ini kerana para pelajar banyak melakukan kesilapan dalam aspek tersebut. Nik Safiah Karim et. al (2015) mentakrifkan morfologi sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya. Bagi Asmah Hj. Omar (2015), morfologi sesuatu bahasa ialah pembentukan katanya. Bahasa-bahasa di dunia mempunyai persamaan dan juga perbezaan dalam cara membentuk kata. Ada yang menggunakan imbuhan atau gandaan, ada yang tidak.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Kesilapan aspek morfologi dalam penulisan para pelajar dari China terbahagi kepada beberapa aspek, iaitu imbuhan, kata ganti nama, kata sendi nama, kata hubung, dan kata pemer. Yang turut dibincangkan ialah pemilihan perkataan dalam binaan ayat. Berikut dibincangkan satu persatu kesilapan morfologi yang dilakukan oleh para pelajar, bermula dengan aspek imbuhan.

Pengimbuhan

Pengimbuhan merupakan satu daripada proses pembentukan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu. Secara mudah, pengimbuhan merupakan proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Menurut Nik Safiah Karim et. al (2015:68), pengimbuhan ini melahirkan bentuk perkataan yang disebut *kata terbitan*. Imbuhan ialah bentuk morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dalam ayat, iaitu harus diimbuhkan pada bentuk yang lain yang merupakan kata dasar. Berdasarkan kedudukannya pada kata dasar, imbuhan dapat dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:

- i) Awalan, yang hadir sebelum kata dasar.
- ii) Akhiran, yang hadir sesudah kata dasar.
- iii) Apitan, yang hadir secara mengapit kata dasar, iaitu dua bahagian imbuhan hadir serentak pada awal dan pada akhir kata dasar.
- iv) Sisipan, yang hadir pada celah kata dasar.

Menurut Asmah Hj. Omar (2015), dalam pembentukan kata, bahasa Melayu banyak menggunakan imbuhan untuk menerbitkan kata baharu daripada satu kata akar. Misalnya, daripada kata *tulis*, kita dapat menerbitkan kata-kata lain seperti *bertulis*, *menulis*, *ditulis*, *menuliskan*, *penulis*, *tulisan*, dan *penulisan*. Berdasarkan ciri penggunaan imbuhan yang begitu banyak, bahasa Melayu digolongkan sebagai bahasa aglutinatif. Kata *aglutinatif* bermakna melekatkan. Apabila kita menggunakan kaedah pengimbuhan atau penggandaan, yang kita lakukan ialah melekatkan imbuhan atau unsur gandaan pada kata akar (Asmah Hj. Omar, 2015).

Pengimbuhan merupakan aspek yang sering mendatangkan kesulitan dan masalah kepada para pelajar bahasa kedua. Kurang faham, keliru, dan sukar memahami sistem imbuhan ditambah lagi dengan ketiadaan sistem imbuhan dalam bahasa ibunda mereka menyebabkan mereka kurang dapat menguasai dan menggunakan imbuhan dengan tepat. Kesilapan dalam penggunaan imbuhan menjejaskan makna sesuatu perkataan dan makna ayat. JADUAL 1 memaparkan contoh-contoh kesilapan aspek imbuhan yang dilakukan oleh para pelajar.

JADUAL 1 Contoh Kesilapan Pengimbuhan

Awalan		
penjalan	sepatutnya	pejalan
berlahan		perlahan
mencakap		bercakap
bermain		memainkan
memain		bermain
menimbul		timbul
bersejarah		mempunyai sejarah
Akhiran		
terbitan	sepatutnya	penerbitan
jalan		jalan
kemalang		kemalangan
Apitan		
memperbaiki	sepatutnya	membaiki
memperbaiki		membaiki
kemabukan		mabuk
menyelidikan		penyelidikan
melakukan		berlaku
kebahayaan		bahaya
mempersatukan		menyatukan
pendudukan		kedudukan
keubatan		perubatan
pemajuan		kemajuan
mementingkan		mementingkan
ditinggikan		tinggi
kecuaian		cuai

Kata Ganti Nama

Kata ganti nama dibahagikan kepada dua subgolongan kecil, iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Dalam aspek penulisan, kesilapan kata ganti nama diri sering disalahgunakan oleh para pelajar dibandingkan dengan kata ganti nama tunjuk. Dibandingkan dengan kata ganti tunjuk, kata ganti nama diri lebih kompleks. Menurut Nik Safiah Karim et. al (2015: 86), kata ganti nama diri dipecahkan kepada kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang. Kata ganti nama diri orang terdiri daripada kata ganti nama diri orang pertama, kata ganti nama diri orang kedua, dan kata ganti nama diri orang ketiga. Berdasarkan penulisan, para pelajar sukar membezakan antara kata ganti nama diri *kita* dengan *kami*. Kata ganti nama diri *kita* dan *kami* berada dalam kelompok yang sama, iaitu kata ganti nama diri orang pertama. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa para pelajar menganggap penggunaan *kita* dan *kami* boleh digunakan secara silih berganti kerana mendukung maksud yang sama. Berikut contoh yang dipetik dalam data:

... maka *kami* mesti memandu kereta ... → ... maka *kita* mesti memandu kereta ...

Kata Sendi Nama

Kata sendi nama terangkum bawah kelompok kata tugas. Kata sendi nama itu sendiri terbahagi kepada 17 subkategori. Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama. Antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu ialah *di*, *ke*, *dari*, *daripada*, *kepada*, *pada*, *bagi*, dan sebagainya. Kesilapan dalam penggunaan kata sendi nama berlaku disebabkan para pelajar kurang jelas makna dan penggunaan kata sendi nama dalam ayat yang dibina oleh mereka. Tambahan pula, tiap-tiap satu kata tugas mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan yang khusus (Nik Safiah Karim et. al, 2015: 265).

Kata sendi nama *di* digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat. Contoh 1 hingga Contoh 3 memperlihatkan contoh penggunaan kata sendi *di* oleh para pelajar. Kata sendi nama *di* seharusnya ditukar kepada kata sendi nama *dalam*, iaitu digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan *lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak* (Nik Safiah Karim et. al, 2015: 285).

1. *di* surat khabar → *dalam* surat khabar
2. *di* keadaan rasmi → *dalam* keadaan rasmi
3. *di* masyarakat Malaysia → *dalam* kalangan masyarakat Malaysia

Selain kata sendi nama *di*, para pelajar juga berhadapan dengan masalah menggunakan kata sendi nama *dari*, *pada*, dan *ke*. Kata sendi nama *dari* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan arah, tempat, atau waktu. Ciri ini membezakannya daripada kata nama *daripada* yang hanya digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, atau benda, asal kejadian dan sumber, atau unsur perbandingan atau perbezaan (Nik Safiah Karim, 2015: 268). Kata sendi nama *pada* pula digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk menunjukkan keterangan waktu dan tempat, dan digunakan dalam ungkapan *ada + pada* (manusia dan haiwan) dalam beberapa situasi tertentu. Di samping itu, kata sendi nama *ke* digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat atau arah yang dituju, dan digunakan juga di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan waktu atau masa. Sebagai kata sendi nama atau kata depan (*preposition*), bentuk *ke* ditulis terpisah atau dijarakkan daripada kata nama yang mengikutinya (Ismail, 2002:36). Contoh 4 hingga Contoh 6 merupakan contoh kata sendi nama yang diambil daripada penulisan para pelajar.

4. *daripada* masa yang lalu → *dari* masa yang lalu
5. *pada* hujan lebat → *dalam* hujan lebat
6. datang Malaysia → datang *ke* Malaysia

Kata Hubung

Kata hubung ialah sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk. Terdapat dua jenis ayat majmuk yang terbentuk, iaitu ayat majmuk gabungan (*cth; dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil, dan kemudian*) dan ayat majmuk pancangan. Ayat majmuk pancangan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu (1) kata hubung pancangan relatif (*yang*), (2) kata hubung pancangan komplemen (*bahawa dan untuk*), dan (3) kata hubung pancangan keterangan (*kerana, sekiranya, kalau, hingga dll.*). Berikut beberapa contoh kata hubung yang secara jelas tidak mematuhi konsep penggunaan kata hubung dalam tatabahasa bahasa Melayu. Kebanyakan pelajar memulakan ayat dengan kata hubung, iaitu *tetapi, untuk, dan dan*.

1. *Tetapi*, pada masa kini...
2. *Untuk* supaya bahasa Melayu perkembangan
3. *Tetapi* bukan semua orang boleh faham..
4. *Dan* sebab bahasa Melayu ialah bahasa ilmu Malaysia.
5. *Dan* juga menjelaskn negara Malaysia mempunyai kebudayaan...

Kata Pemerih

Kata pemerih ialah unsur yang menjadi pemerih kepada predikat atau perangkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Pemerihalan itu dapat dilakukan melalui dua cara, iaitu: 1. secara persamaan antara subjek dengan predikat, dengan penggunaan kata pemerih *ialah*, 2. secara huraian tentang subjek oleh predikat, dengan penggunaan kata pemerih *adalah*. Kata pemerih *ialah* hadir di hadapan frasa nama, manakala kata pemerih *adalah* hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Walaupun kata pemerih kurang digalakkan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu, namun para pelajar seharusnya mampu menggunakan kata pemerih dengan betul dalam ayat. Berikut dinyatakan contoh penggunaan kata pemerih yang terdapat dalam ayat para pelajar, iaitu:

1. Bahasa Melayu *adalah* sejenis bahasa yang semakin berkembang...
2. Bahasa Melayu *adalah* satu bahasa berasal pada masa dahulu.
3. Malaysia *adalah* sebuah negara demikian.

Pemilihan Perkataan dan Rangkai Kata

Kertas kerja ini turut membincangkan pemilihan perkataan dan rangkai kata yang dilakukan oleh para pelajar dalam membina ayat. Berikut dipaparkan beberapa contoh pemilihan perkataan yang ternyata kurang tepat dan kurang sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan dalam ayat. JADUAL 2 memaparkan contoh-contoh pemilihan perkataan dan rangkai kata yang dihasilkan oleh para pelajar dalam penulisan masing-masing.

JADUAL 2 Pemilihan Perkataan / Rangkai Kata

Perkataan / rangkai kata	Maksud Sebenar
orang asli	penduduk asal
orang asing	pelajar asing
bahasa campur	bahasa rojak
orang moden	masyarakat moden
bergotong-royong	bekerjasama
padat	Rapat
bahasa bangsa / bahasa sendiri	bahasa kebangsaan
bahasa ibu	bahasa ibunda
orang-orang	masyarakat / rakyat
pihak baik	kesan baik

KESIMPULAN

Kemahiran menulis satu kemahiran yang agak sukar kepada pelajar bahasa kedua sekiranya mereka tidak benar-benar memahami dan menguasai aspek morfologi bahasa Melayu. Morfologi merupakan satu aspek yang paling penting kepada para pelajar yang ingin mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sebelum pelajar dapat membina ayat, mereka perlu memahami aspek-aspek yang terkandung dalam morfologi seperti proses pembentukan perkataan (pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan), penggunaan kata tugas, kata pemerih, kata hubung, kata sendi nama, dan kata ganti nama dengan betul. Kegagalan para pelajar memahami dan mempraktikkan aspek morfologi akan menjejaskan makna ayat, iaitu unit yang lebih besar dalam tatabahasa. Sehubungan itu, para pelajar bahasa kedua wajib memahami aspek-aspek yang terkandung dalam morfologi.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2006). Pengajaran Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing: matlamat dan Pertimbangan Strategi. *Jurnal Persatuan Linguistik*. Jilid 7, 1-15.
- Ellis, R. (1997). *Second Language Acquisition*. New York. Oxford University Press.
- Ismail bin Dahaman (2002). *Bahasa Kita*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood (2015). *Tatabahasa Dewan*. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron (2016). Kesilapan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan Di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*. Bil. 15(2).
- Zulkifley Hamid (2006). Pendidikan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama dan Kedua: Memanfaatkan Pandangan daripada Disiplin Psikolinguistik. *Jurnal Persatuan Linguistik*. Jilid 7, 161-171.

KATA PINJAMAN BAHASA HAN DALAM BAHASA MELAYU

Zhao Dan
Universiti Bangsa-bangsa Guangxi
176404754@qq.com

ABSTRAK

Tanah Melayu merupakan tempat kediaman utama orang Cina di Asia Tenggara. Mengikuti rekod buku-buku kuno China, sudah terdapat pedagang-pedagang China pergi ke Semenanjung Tanah Melayu untuk berniaga pada dinasti Tang. Sejak dinasti Ming dan dinasti Qing, orang China yang kaum Han di kawasan tenggara China berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu secara besar-besaran. Kemudian, orang Cina menjadi kaum yang kedua terbesar di Malaysia. Bahasa Melayu pun telah menerima banyak kata pinjaman bahasa Han dalam proses perkembangan dan interaksi dalam jangka panjang tersebut. Oleh itu, melalui kajian kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu, kita dapat menyelidiki sejarah perkembangan dan interaksi bahasa bahkan tamadun antara China dan Tanah Melayu.

Kata kunci: Kata Pinjaman; Bahasa Han; Bahasa Melayu

PENDAHULUAN

Dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu, terdapat banyak kata pinjaman daripada pelbagai bahasa asing seperti bahasa Inggeris, bahasa Belanda, bahasa Portugis, bahasa Sanskrit bahasa Arab. Selain itu, kata pinjaman daripada bahasa Han juga merupakan sebahagian yang penting.

Orang China kaum Han yang populasinya 1.3 bilion ini merupakan kelompok manusia yang terbesar di seluruh dunia. Bahasa Han yang juga dinamakan sebagai bahasa Cina atau bahasa China oleh orang asing merupakan bahasa ibunda orang China kaum Han dan juga bahasa rasmi di China. Bahasa tersebut juga digunakan secara meluas di China dan komuniti orang Cina dengan satu perenam jumlah manusia di seluruh dunia seperti Malaysia, Singapura, Myanmar, Thailand, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Jepun dan lain-lain. Bahasa Han dengan jumlah 20959 aksara Han dan 52 juta perkataan dalam Kamus Xinhua berasaskan bahasa Mandarin dan terdiri daripada jumlah tujuh golongan utama, iaitu bahasa Mandarin, dialek Hokkien, dialek Kantonis, dialek Hakka, dialek Gan, dialek Wu dan dialek Xiang.

Sejak abad pertama, Semenanjung Tanah Melayu sudah menjadi laluan dan tempat persinggahan di jalan maritim antara China dan India, wujudlah interaksi antara China dan Tanah Melayu. Seramik dinasti Qin (221 SM-206 SM) dan Dinasti Han (206 SM-220) China yang ditemui di Lembah Sungai Johor ialah bukti jelas tentang hubungan China dengan Tanah Melayu sekitar abad pertama. Di samping itu, pada zaman Dinasti Qing (1636 - 1912), disebabkan kekacauan masyarakat, banyak orang China mengunjungi Semenanjung Melayu untuk mencari rezeki dan menjadi rakyat di Tanah Melayu. Nenek moyang orang Cina rajin bekerja dan banyak berinteraksi dengan orang Melayu dari segi ekonomi, sosial dan budaya. Dalam proses interaksi tersebut timbullah banyak kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu dan kata pinjaman ini merupakan bukti penting dan jelas terhadap hubungan antara tamadun China dan tamadun Melayu dari segi bahasa.

Statistik dan Penggolongan Kata Pinjaman Bahasa Han dalam Bahasa Melayu

Mengikuti statistik penulis terhadap *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007), terdapat sejumlah 156 kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu. Selain itu, pada pendapat penulis, masih tertinggal sebahagian kata pinjaman bahasa Han yang dimasukkan ke dalam *Kamus Dewan* tetapi belum digolongkan sebagai kata pinjaman bahasa Han dengan tanda **【C】** seperti yang berikutnya.

Jadual 1: Senarai Tambahan Kata Pinjaman Bahasa Han dalam Bahasa Melayu

along	amah	Baktau	barongsai	batau	beng	bohjan
cabo	cawan	ceki	cempiang	cengli	ci I	cikok
dim sum	feng syui	Foochow	ginseng	Hakka	Henghua	Hokchia
Hokkien	inci II	jong I	kicap II	kekwa	keluyuk	kemoceng
kemucin g	kia-kia	kolesom	kongkaliku ng	kongko	kongsi	kung fu
Kwongsa i	langkan	lengkeng	loa	lobak	loktong	longan
loteng	macuk	mahjung	Mahua	mi	mihun	misoa,misoi
nia	nyolo	pangsit	pecai	pisau	renminbi	sampan
sekoteng	sempoa	siya	soak	such	such	teh
taikun	tangsi	Taoisme	tekua	teng	teng	Tionghua
Toe Chew	tokcan	tokong IV	toko	tolol	tolol	tong
top II	wangkang	wusyu	yuan			

Menurut statistik tersebut, terdapat sejumlah 237 kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu. Antaranya, termasuk 156 kata pinjaman bahasa Cina yang ditandai dalam kamus dan 81 kata pinjaman yang belum ditandai tetapi didapati oleh penulis. Kata-kata pinjaman boleh digolongkan mengikut pelbagai bidang seperti jenis dialek dalam bahasa Han dan erti kata.

Penggolongan dari segi Jenis Dialek dalam bahasa Han

Dari segi jenis dialek dalam bahasa Han, kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu boleh digolongkan kepada empat jenis, iaitu kata pinjaman dialek Hokkien, kata pinjaman dialek Hakka, kata pinjaman dialek Kantonis dan kata pinjaman dialek Mandarin.

Menurut penggolongan, daripada 237 kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu, kata pinjaman dialek Hokkien sebagai kelompok kata pinjaman bahasa Han yang terbesar dalam bahasa Melayu dengan jumlah 206 perkataan membentuk 86.9 peratus daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu seperti yang berikutnya.

Jadual 2: Senarai Kata Pinjaman Dialek Hokkien dalam Bahasa Melayu

aboi	along	ancoa	ancung	anhun	angkin	anglo	anglung
angpau	apek	bak	bakiak	bakmi	baktau	bangpak	banji
barongsai	batau	bihun	bohjan	bohsia	boksu	bolui	bong
cabo	cakoi	calui	camca	capcai	capgome	capjiki	catang
cawan	ceki	cembeng	cempiang	ceng	cengkau	cengli	ci I
ciak I	ciak II	ciang	cikok	cincai	cincau	cingge	compoh
congki	cun	ebi	empek	encit	engkah	engko	engkong
Foochow	ginseng	Henghua	gua	hio	Hokchia	Hokkien	hongkoe
hun	hunjin	inci II	imlek	incim	injin	jicing	jinsom
jong I	jose	kamsia	kangsin	kecap	kekwa	kemoceng	kemucing
kenceng	kengwa	kia-kia	kiaupau	kicap II	kimlo	kipsiau	koa
kolesom	kongkalikung	kongkalikung	kongko	kongkoan	konyan	kopitian	koyok
kuaci	kuetiau	kung fu	kuntau	kuntuan	lai	laici	langkan
lecun	lengkeng	lio	liong	lisong	loa	loak	lokcuang
loki	lokio	loksun	loktong	loleng	lu	makau-po	mi
mihun	misoa	miso	mopit	nia	nyolo	ong	ongji
pakau	pangking	panglong	pangsai	pangsi	pangsit	pappui	pecai
pehong	pi I	pi II	pisau	pisip	pit	po	potehi
potia	puatang	punsu	rimpai	sampan	samsu	sekoteng	sempoa
sentiong	sikak	singse	sioca	siya	soak	soja	sueh
suhian	sun	suun	taci	taijin	taiko	taikong	taikun
tan	tangkue	tangsi	tapau	tauci	taucu	tauge	tauhu
tauke	taukua	teh	teko	tekong	tekpi	tekpo	tekte
tekua	tengkoh	tiam	tiap	tikpi	Tionghua	Tionggok	toaha
tocang	Toecheu	tojin	tokcan	toko	tokong IV	tolol	tongkang
top II,	toya,	tui	uncue	ungti	wangkang		

Sebagai kelompok kedua terbesar, terdapat 16 kata pinjaman dialek Kantonis dalam bahasa Melayu dan membentuk 6.7 peratus daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu seperti yang berikut.

Jadual 3: Senarai Kata Pinjaman bahasa Kantonis dalam bahasa Melayu

amah	beng	ceongsam	dim sum	keluyuk	Kwongsai	lobak	longan
loteng	macuk	mahjung	samseng I	samseng II	siongka	tanglung	tongsan

Selain itu, terdapat 10 kata pinjaman bahasa Mandarin membentuk 4.2 peratus daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu, iaitu *feng syui*, *kongsi*, *liai*, *Mahua*, *renminbi*, *Taoisme*, *teng*, *tong*, *wusyu* dan *yuan*. Juga terdapat 6 kata pinjaman dialek Hakka membentuk 2.7 peratus daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu, iaitu *amoi*, *Hakka*, *opau*, *pau I*, *pau II* dan *upau*.

Penggolongan dari segi Erti Kata

Dari segi erti kata, kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu boleh diklasifikasikan kepada tujuh bidang, iaitu bidang makanan dan minuman, bidang gelaran dan panggilan, bidang benda dan tempat dalam kehidupan harian, bidang pakaian dan perhiasan, bidang agama, bidang hiburan dan lain-lain.

Antara penggolongan tersebut, terdapat 46 kata pinjaman bidang makanan dan minuman dalam 237 buah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu dan membentuk 19.4% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu yang disenaraikan seperti yang berikutny.

Jadual 4: Senarai Kata Pinjaman bahasa Han Makanan dan Minuman

bakmi	beng	bihun	cakoi	capcai	ceng	cincau	dim sum
ebi	ginseng	hongkoe	jinsom	kecap	kekwa	kicap II	keluyuk
kimlo	kolesom	kuaci	kuetiau	lai	laici	lengkeng	lobak
lokio	longan	mi	mihun	misoa	pangsit	pau I	pecai
pi II	samsu	sekoteng	suun	tauci	tangkue	taucu	tauge
tauhu	taukua	teh	teh	tongsan			

Selain itu terdapat 11 patah perkataan tentang tempat atau alat untuk memasak atau bekas makanan dan minuman, iaitu *ancung, anglo, camca, catang, cawan, cikok, kenceng, kipsiau, kopitiam, siya, dan teko/tekoan*.

Mengikut penggolongan, terdapat 46 kata pinjaman gelaran dan panggilan yang membentuk 19.4% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu yang disenaraikan seperti yang berikutny.

Jadual 5: Senarai Kata Pinjaman bahasa Han Gelaran dan Panggilan

aboi	along	amah	amoi	apeh/apek	baktau	batau	bohjan
bohsia	boksu	cabo	cempiang	cengkau	ciak II	compho	empek
engko	engkong	Foochow	gua	Hakka	Henghua	Hokchia	Hokkien
incim	injin	kangsin	kiaupau	Kwongsai	loki	Mahua	loktong
lu	makau-po	potia	samseng	singse	sioca	taci	taikong
taikun	tauke	tekong	Tionghua	Toecheu	tolol		

Mengikut penggolongan, terdapat 41 kata pinjaman benda dan kehidupan harian yang membentuk 17.2% daripada jumlah 237 kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu yang disenaraikan seperti yang berikutny.

Jadual 6: Senarai Kata Pinjaman bahasa Han Benda dan Kehidupan Harian

anglung	bak	banji	engkah	hunjin	jong I	kemoceng	kemucing
kongkoan	kongsi	langkan	lio	loa/loak	loleng	loteng	mopit
ongji	pangking	panglong	pisau	pisai	pit	renminbi	rimpai
sampan	sempoa	siongka	suhian	tanglung	tangsi	tekpi	tekte
teng	Tiongkok	toko	tokong	tong	tongkang	uncue	wangkang
yuan							

Selain itu, terdapat 17 kata pinjaman pakaian dan penghiasan yang membentuk 7.2% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu, iaitu *angkin, bakiak, ceongsam, encit, inci II, jose, kuntuan, lokcuan, nia, opau, pangsai, pau II, paupau, punsu, taijin, tekua* dan *tocang*.

Mengikut penggolongan, terdapat 23 kata pinjaman bidang agama yang membentuk 9.7% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu yang disenaraikan seperti yang berikut.

Jadual 7: Senarai Kata Pinjaman bahasa Han Bidang Agama

angpau	barongsai	bong	capgome	cembeng	cingge
feng syui	hio	imlek	konyan	koyok	liong
nyolo	ong	pappui	samseng I	soja	sentiuang
toaha	Taoisme	ungti			

Akhirnya, terdapat 24 kata pinjaman bidang hiburan yang membentuk 10.1% daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu yang disenaraikan seperti yang berikut.

Jadual 8: Senarai Kata Pinjaman bahasa Han Bidang Agama

anghun	capjiki	ceki	congki	jicing	kia-kia
koa	kung fu	kuntau	lisong	macuk	mahjung
pakau	pi I	po	potehi	sun	tan
tengkoh	tekpo	tokcan	top II	tui	wusyu

Ciri-ciri Kata Pinjaman Bahasa Han dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat dua ciri utama yang ditunjukkan oleh kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu.

Ciri yang pertama adalah dialek Hokkien merupakan kelompok kata pinjaman yang terbesar dalam kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu dan menduduki tempat yang dominan. Daripada jumlah 237 kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu, terdapat 205 kata pinjaman daripada dialek Hokkien yang membentuk 86.4 peratus daripada jumlah kata pinjaman bahasa Han tersebut. Ciri tersebut mencerminkan kepentingan orang China yang berbahasa Hokkien dalam interaksi tamadun dan kebudayaan antara China dengan Tanah Melayu, juga memperlihatkan sejarah penghijrahan orang China, terutamanya yang berbahasa Hokkien ke tanah Melayu.

Ciri yang kedua adalah kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu telah meliputi banyak bidang secara amat luas dalam kehidupan harian dan kegiatan masyarakat orang Melayu, seperti bidang makanan dan minuman, bidang gelaran dan panggilan, bidang benda dan tempat dalam kehidupan harian, bidang pakaian dan perhiasan, bidang agama, bidang hiburan dan permainan dan lain-lain. Ciri tersebut mencerminkan interaksi tamadun dan kebudayaan antara China dan tanah Melayu telah wujud lama dan meliputi banyak bidang dalam gerakan dan perkembangan masyarakat secara meluas dan mendalam.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kata pinjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu telah dikaji daripada bidang penggolongan dari segi jenis dialek dalam bahasa Han dan dari segi erti kata. Didapati dua ciri yang dicerminkan dalam kajian. Penulis akan membuat kajian selanjutnya terhadap sejarah proses peminjaman bahasa Han dalam bahasa Melayu mengikut peringkat-peringkat sejarah untuk mengetahui sejarah interaksi antara China dan Tanah Melayu dari segi yang berbeza dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

- Keok Choon Leong (2000). *Kata Pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu : Satu Kajian Semantik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kong Yuanzhi (1986). *Bukti Sejarah terhadap Interaksi Budaya – Perhubungan Baik antara Orang Hokkien dengan Orang Indonesia dan Malaysia dari Segi Kata Pinjaman Bahasa Hokkien*. Beijing: Institusi Pengajian Sejarah Orang Cina.
- Kong Yuanzhi (1987). *Pengajian Kata Pinjaman Bahasa Han (Terutamanya bahasa Hokkien) dalam bahasa Melayu dan Indonesia*. Beijing: Institusi Pengajian Sejarah Orang Cina.
- Kong Yuanzhi (1987). *Kata Pinjaman Bahasa Han dalam Bahasa Melayu*. Beijing: Institusi Pengajian Sejarah Orang Cina.
- Lim Ser Yen (2000). *Kata Pinjaman Bahasa Hokkien dalam Bahasa Melayu : Satu Analisis Perubahan Bunyi dan Makna*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yang Quee Yee (2000). *Bahasa Hokkien dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Cina.

颜色在汉语与马来语中的运用及联想

李冰玲 曹文富 马来西亚理科大学

leepl@usm.my

摘要：汉语和马来语中有不少颜色词能够反映出这两种语言包含的文化内涵及感情色彩。颜色是客观存在的物体，但是即使是同一种颜色，其蕴涵的意义也会因历史文化、地域风俗等因素的不同而各异。因此，各种颜色词在语言中的运用、联想也不尽相同。本文以汉语及马来语中的颜色词为例，浅谈白、黑、红、黄、绿（青）色在汉语及马来语中的运用及联想，并试图窥探汉语及马来语颜色词中的语义特征，包括其文化性、情感性。

关键词：颜色词；汉语；马来语；文化性；情感性

一、前言

颜色（色彩）本是无生命的东西，但当它与有情感的人类发生关系时，它即表现了人的心理活动的一种符号。当人们看到不同的色彩时，色彩在人们的心理世界会产生不同的感情。由此可见，色彩其实也跟人类的语言一样有表达情感的作用。然而，色彩本身原本是没有感情的，它是在与人类及各种社会现象接触后才会产生种种的联想，而这种种的联想会因历史文化、地域风俗等因素的不同而各异。

Leech、Palmer、Halliday认为词汇意义包括指称意义、内涵意义和文化意义。内涵意义表示人们对该词所指的事物所怀的感情和所抱的态度；文化意义指特定的社会文化背景赋予词汇的附加意义（孙智慧，2002）。范晓民、崔凤娟（2007）分析了颜色词的语义特征，认为颜色词语义特征有五项，其中两项为文化性及情感性。范、崔（2007）认为，语言是文化的载体，语言的使用离不开文化而存在。就颜色词而言由于不同的文化环境，不同民族对颜色的偏爱也不同。此乃颜色词的文化性。至于颜色词的情感性：人们表现喜怒哀乐，往往会通过面部表情的变化，包括面部器官和肌肉动作以及脸色的变化来表现。情绪的波动会导致脸色的变化，从而产生了像“面红耳赤”这样的颜色词。

本文将以汉语及马来语中的颜色词为例，浅谈白、黑、红、黄、绿（青）色在汉语及马来语中的运用及联想，并探讨汉语及马来语颜色词中的文化性及情感性。

二、各颜色在汉语与马来语中的运用及联想

（一）白色（putih）

在中国文化中，白色是一个令人忌讳的颜色。白色让人联想到枯竭无色、无生命，象征死亡、凶兆。中国人自古以来服丧期间穿白色孝服、办白事、打白幡。徒劳无功叫“白费力气”、“白干”、“白忙”。被鄙视叫遭人“白眼”。此外，白色还会让人联想到阴险、凶邪、失败、愚蠢：“白脸奸臣”、“白骨精”、升“白旗”、“白痴”。马来语中同样有“白旗”（bendera putih）及“白眼”（putih mata），而且其意义也一样，惟马来语中“白眼”还有因思念而痛苦及受辱的意思。马来人称欧洲人/白种人为“orang putih”（白人），并由此引申为白人的血“darah putih”（白血），指白种人/贵族的后裔。“putih hati”（白心肝）用汉语来理解意似不知恩、没心肝，但在马来语中“白心肝”却是个褒义词，其意为忠直、诚实、善良。“putih tulang”（白骨）比喻去世；“berhidung putih”（白鼻子）指喜欢跟女孩子搭讪的男人；“putih di luar kuning di dalam”（外表白色，内里黄色），意思是表里不一；“putih kapas boleh dilihat, putih hati berkeadaan”（棉花的白色看得到，心肝的白色见得着）比喻相由心生，或一个人的忠实可以从举止品行看出来；“lebih baik putih tulang daripada putih mata”（与其遭人白眼，不如死去），跟汉语的“与其跪着活，不如站着死”有异曲同工之意。综观上述汉语与马来语中的白色词，汉语中的白色词意义偏向于贬义；而马来语中的白色词较富褒义色彩；汉语中的白色联想倾向于死亡、凶险，马来语的白色则让人联想到纯白、洁净，乃至高贵。

(二) 黑色 (hitam)

在中国文化里，黑色是丧事、不祥的象征，故丧事俗话叫叫“黑白事”。黑色也表示狠毒、黑暗、凶煞、邪恶、违法的：“黑心”、“黑市”、“黑货”、“黑枪”、“黑钱”、“黑店”、“黑道”、“黑帮”等等。此外，“黑色”有秘密、不公开之意：“黑信”、“黑市夫人”。同样的，黑色在马来语也有黑暗/不能公开、危险之意：“senarai hitam”（黑名单）、“daerah hitam”（黑区）。马来成语“hitam muka”（脸黑）形容一个人因生气而发怒的脸色；“hitam manis”（又黑又甜）形容健美的古铜色；“hitam putih”（黑白），意即白纸黑字或契约；“hitam dikatakan putih, putih dikatakan hitam”（黑的说成白的，白的讲成黑的），意思是颠倒是非、歪曲事实；“rambut sama hitam hati masing-masing”（人的头发一样是白的，但心肝不同），意思是每个人都有不同的见解、也有人心如面的意思；“hitam mata itu takkan boleh bercerai dengan putihnya”（眼睛的黑眼珠是不能与眼白分开的），比喻热恋中的情人爱到难舍难分。可见，黑色在汉语和马来语中的联想与运用皆倾向于贬义。

(三) 红色 (merah)

在中国文化中，红与黑白正好相反，中国人视红色为吉祥、喜庆、神圣之色。红色也表示胜利、健康、成功、名利、利益：“满堂红”、“红光满面”、“走红”、“红人”、“红利”、“花红”。红色和其它颜色联合起来组词，有“多姿多彩”之意：“红男绿女”。红色也让人联想到美人、美好姻缘：“红颜”、“红娘”、“红线”。汉语和马来语中有一些红色词的运用与联想颇为相似，譬如汉语的“面红耳赤”、“脸红”和马来语的“merah muka”（脸红）、“telinga merah”（耳红）。“面红耳赤”和“merah muka”（脸红）、“telinga merah”（耳红）意思一样，即发怒；马来语的“merah muka”（脸红）跟汉语的“脸红”同意，表示不好意思、难为情、困窘。汉语的“眼红”和马来语的“mata merah”（红眼）的意义则不同，前者有羡慕、嫉妒之意；后者则指眼睛红了，即哭泣的意思。此外，马来语成语有“anak merah”（红孩子），指刚出世的婴儿；“merah telur”（蛋红）指蛋黄；“di luar merah, di dalam pahit”（外表红色，内里却是苦的），与汉语的“美言不信”、“口蜜腹剑”、“金玉其外，败絮其中”意义相符。从上述汉语和马来语红色词的运用和联想可见，红色作为表现“脸色”的联想的词语颇为一致。

(四) 黄色 (kuning)

除了红色，黄色也是倍受华人推崇的颜色。对华人而言，黄色是“至尊之色”，对马来人而言也是如此。中国古代皇帝穿黄袍，隋唐以后，黄色更成为了皇家的专属颜色。黄色之于马来文化，也有同样象征意义。马来西亚最高元首（国王）在登基典礼及各重大庆典穿用的衣着、服饰、“龙椅”等一概黄色。对中国人来说，黄色也带有跟红色一样的“吉祥”的象征：“黄道吉日”，但同样也有一些黄色词有不祥意义的：“赴黄泉”、“命丧黄泉”。汉语中还有“黄花女儿”：即处女的俗称；“面黄肌瘦”：形容人面色蜡黄，身体瘦弱；“明日黄花”：指已经过去的事物；“人比黄花瘦”：形容女人容颜憔悴。由于受到西方文化的冲击，“黄色”进入现代后也有格调低下、带有色情、淫秽的意思：“黄色书刊”、“黄色文学”、“黄色电影”、“扫黄行动”等。黄色在马来语中的运用和联想相对少。对马来人而言，黄色就是“黄姜”及“金黄色的香蕉”的颜色。马来语中有一成语“sirih kuning”（黄“佬叶”），比喻“漂亮的女孩儿”。

(五) 绿/青色 (hijau)

先谈谈马来语中的“hijau”。青色/绿色在马来文化中的地位，就好比华人文化中红色的分量。绿色是穆斯林最崇尚的颜色，绿色代表穆斯林。对于穆斯林来说，绿色是和平、公正、生命、健康、茂盛的象征。因此，绿色作为马来人宗教的颜色在马来西亚民间延伸、发展成“幸福”及“节庆”的象征。在马来西亚，各族同胞有节庆时华人农历新年发红包、马来人新年发“青包”、印度人过屠妖节则发“紫包”，这是马来西亚特有的民间文化色彩。另外，青色/绿色在马来语中也引申为“年纪尚轻、经验不足”的意思：马来谚语“naik kuda hijau”（骑青马），即骑着青涩没有经验的马横冲直撞、酩酊大醉的样子。马来成语“lalat hijau”（绿头蝇）被喻为“品行恶劣”的人。在汉语中，青色及绿色让人联想到草木之色：“青山绿水”、“绿意盎然”、“青葱翠绿”。青、绿也有嫩、年轻的意思：青春、青年、青梅竹马。汉语中还有成语“青黄不接”（比喻人才或物力前

后接不上)、“青出于蓝”(比喻后人胜过前人)。此外,汉语“青色”也指“黑色”,例如“一缕青丝”(指女子的头发)。

三、结语

从上述各种颜色在汉语及马来语中的运用及联想,可以一窥这两个语言的文化与感情色彩。白、黑、红、黄、绿(青)这五种颜色在这两个语言中不同的运用及联想,反映出了这两种语言的文化性,也凸显了这两种语言的情感性。就白色词而言,汉语白色词的文化性相当强烈,白色是中国人忌讳的颜色;对于马来人而言,白色词充满褒义色彩。黑色:以“黑白事”为例,对于中国人来说,黑色词有其文化性;除此之外,对于中国人、马来人而言,黑色都有险恶、黑暗的意思。红色:在五种颜色的颜色词中,红色词的情感性最为丰富,马来语和汉语中的红色词将中国人和马来人的喜怒之色刻画得淋漓尽致;此外,对于中国人而言,红色词的文化性之醇厚是不言而喻的。黄色:黄色对于中国人和马来人而言,都有其浓厚的文化性,黄色是至尊之色。绿色:绿色对于马来人而言,具有丰富的文化性,对于中国人而言则没有太大的文化意义。简而言之,就颜色词的情感性来说,无论在汉语还是马来语红色词都是最为突出的。至于文化性方面,汉语中的红、黄、黑、白颜色词都有其文化性;就马来语颜色词而言,最能凸显文化性的颜色词是绿色词。白、黑、红、黄、绿都是客观存在的颜色,但由其运用、联想所呈现出来的意义却因两国地域、文化、宗教、风俗等因素的不同而各放异彩,可见世间语言之美更胜于颜色之美。

参考文献

汉语:

- [1]苏新城等编著(1998)《辞海》(合订本),香港:中华书局香港有限公司出版。
- [2]吴泽炎等编纂(2002)《辞源》(修订本下册),北京:商务印书馆。
- [3]《现代汉语词典》(1990)上海:上海书局(私人)有限公司。
- [4]邓炎昌、刘润清著(2001)《语言与文化—英汉语言文化对比》,北京:外语教学与研究出版社。
- [5]吴东平著(2000)《色彩与中国人的生活》,北京:团结出版社。
- [6]许慎(汉代)《说文解字》,北京:中国书局出版社。

马来语:

- [1] Abdullah Hassan Ainon Mohd. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- [2] Abdullah Hussain. (1989). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [3] Abdullah Hussain. (1990). *Kamus Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [4] *Kamus Dewan Edisi Baru*. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [5] *Peribahasa Dan Sinonim Malaysiana*. (1994). Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn Bhd.
- [6] Zulkifilee Yazid. (2000). *Kamus Mega Peribahasa*. Selangor, Albaz Publishing and Distribution Sdn Bhd.

网上资源:

- [1]范晓民、崔凤娟：“英汉颜色词的语义特征分析”《辽宁工学院学报》，2007年2月第9卷第1期，（2017/01/12）file:///C:/Users/780x64/Downloads/1674-327X(2007)01-0049-03.pdf
- [2]冶慧颖：“论马来语颜色词中的隐喻和转喻”《现代语文（语言研究）》，2016年第12期，（2017/02/15）<http://qk.laicar.com/M/Content/2477836>
- [3]Achmad Sopandi Hasan: Nilai-nilai Perwatakan Melayu dalam Imej Warna: Satu Penelitian Etnografi Seni.（2017/02/10）<http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/356/>

汉马习语文化内涵对比

刘佳荣 云南民族大学

57630238@qq.com

摘要: 本文首先对两国语言学家对习语的内涵外延分类功能做深入阐述, 然后从汉马习语从物质文化和精神文化两个方面进行对比, 最后得出汉马习语相似性大于差异性的结论。在诸多影响因素中选取地理因素和宗教因素作为影响文化内涵的主要原因进行深入阐述分析。虽然两国习语不尽相同, 但其蕴含的哲理和思想殊途同归。通过价值观对比, 马来语习语和汉语习语中所推崇的价值观也有很多相似之处如提倡勤俭、谦虚、忍耐; 反对懒惰浪费、骄傲、争执等。因此, 可以清晰得看到两国人民在很多基本思想和生活经验方面都有共同点和相似之处, 但是他们的表现形式和风格又有各自的民族特色, 更让我们从中窥见习语语言艺术的瑰丽多彩和无穷魅力。对习语的学习掌握是对马来语言学习者更高要求。同时, 通过习语的学习、翻译和研究, 可以促进两国人民的互相理解, 真正做到民心相通。

关键词: 习语; 马来语习语; 汉语习语; 文化内涵

一、习语的定义、种类和功能

任何一个语言都存在习惯用语, 即习语。习语既是一个语言单位, 也是一种特殊的语言形式。自上世纪起, 各国的辞典中都对习语做出了定义。如辞海中习语的定义为“习语是语言中固定的词组或句子。使用时一般不能任意改变其组织, 且要以其整体来理解语义。它包括成语、谚语、格言、惯用语、歇后语等。”大英百科全书中是如此定义习语的, 即“习语是广泛采用的, 用于表达普遍想法、观念和信仰的简洁精练的说法”。中马学者倾向于认为习语对应的马来语为peribahasa, 在马来语大辞典Kamus Dewan 2013版中peribahasa意为“有固定语序、固定语义的句子或词组, 包括谚语、格言、俗语等。”

语言学家们也对习语的定义、结构、语义和功能等做了大量深入的研究。这些学者当中有的对定义习语持肯定态度, 并从习语的不可拆分性、可分析性、隐喻的不可推导性等做出明确的定义, 如Dundes Alan采用结构主义语言学理论定义习语, “由至少包括一个话题和评论描述性因素的传统说法, 也就是说习语至少有两个单词组成”; 也有学者悲观地认为习语是无法被准确定义的, 如词汇学家Archer Taylor(1996)在他的经典著作《习语》中说到, 一种只可意会不可言传的特性告诉我们如何分辨哪些句子是习语, 哪些句子不是习语。因此, 没有一个定义可以帮助我们确切的判断一个句子是否是习语。因为人们只能模糊的感知而不能定义和量化这种感知。虽然很多学者同意Archer的说法, 认为定义习语非常困难, 但大家都认可习语的存在并且认为习语是语言的精华, 文化的载体, 正确理解和使用习语可以使表达更加精炼、生动、形象, 收到言简意赅的效果。

习语的运用能力被看作语言习得水平的重要标志。在跨文化交流中, 习语语义所包含的厚重的文化烙印成为了不同文化沟通交流的双刃剑, 理解习语往往有助于理解文化, 但在交流中错误的使用和理解习语也会导致失误甚至引起重大的误解。因此习语研究一直在各国语言学家的研究中占有非常特殊而重要的位置。笔者作为马来语教学工作者, 在慨叹马来习语文化内涵丰富精深的同时也发现了其中许多与汉语习语异曲同工之妙, 但基于两国文化背景也发现了二者在文化内涵中所体现出来的差异。

习语一词在汉语里也做熟语。张永言在《词汇学简论》提出: “熟语有人也称‘习语’, 是语言中定型的词组或句子, 使用时一般不能任意改变其组织, 包括成语、谚语、格言、歇后语等。”崔希亮认为熟语就是加工提炼过的语言形式, 具有固定的说法。虽然长短不一, 内容不同, 适用范围不同, 但都是人们在长期习用中慢慢地固定下来的。每一个熟语都表达一个特定的意思, 往往不能望文生义。在结构上也有自己的特点, 不能随意改动。熟语既包括成语也包括句子, 如 成语(例: 睚眦必报、罄竹难书等)、惯用语(例: 走后门、拍马屁等)、俗语(例: 好汉不吃眼前亏、饱汉不知饿汉饥等)、谚语(例: 早下不出门, 晚霞行千里等)、歇后语(例: 十五个吊桶打水——七上八下等)。中马两国云语言都同意习语的固定性以及内涵及形式的多样性。

马来西亚的学者们对习语也有着自己的理解，他们对习语的定义、范围、功能各抒己见。马来西亚文学家Za'ba对习语的定义为：

Segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya- dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran.

译为一切长久以来被人们交口相传，因其琅琅上口、用词精妙、充满智慧而被广泛地应用于比较、譬喻和教诲的话语结构。

马来西亚当代语言学家Indirawati Zahid (1993)肯定了习语存在的普遍性，并且从习语的结构、意义和目的出发做出如下定义：

Peribahasa merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa dan merupakan satu ungkapan yang di dalamnya tersirat makna yang cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi.

译为习语是每个语言都有的结构，是一种具有深刻的内涵并且使沟通更为流畅的表述。

关于马来语习语中究竟包含哪些语言形式种类，不同的语言学家有着不同的理解。迄今为止，马来语习语的分类标准尚未统一。虽然用词不同，但马来语习语种类中的pepatah、petitih、peribahasa、perumpamaan、ibarat和bidalan几乎一样，如表1所示。

表1. 马来西亚语言学家对习语形式的界定（/表示包括，空白表示不包括）

种类	马来西亚语言学家						
	Za'ba	Md. Said Suleiman	Abdullah Hassan & Aion Mohd.	Husny, T. M.	Tham Seong Chee	Arifin Nur	Abdullah Hussain
Simpulan bahasa	/	/	/	/		/	/
Bidalan	/	/	/	/	/	/	/
Pepatah	/	/	/	/	/	/	/
Perbilangan	/	/	/	/		/	
Perumpamaan	/	/	/	/	/	/	/
Lidah pendeta	/	/	/	/			
Kiasan	/	/			/	/	/
Tamsil	/	/					
Ibarat	/	/					
Pantun				/			
Ungkapan							/

从习语所包含的语言形式的种类说，无论是汉语习语还是马来语习语都很丰富，二者既有相同点，也有不同点。如歇后语就是一种汉语习语所特有的习语种类，而马来语当中的班顿也是马来语独有的。马来语言学家Za'ba认为几乎所有马来习语里的词汇都是马来语本身的词汇，外来语词汇很少能够形成习语，只有极少在马来词汇里已经根深蒂固的外来词才有可能形成马来语习语。

除了语言形式，习语也可根据其内容分为动物习语、数字习语、颜色习语等。动物习语就是语言学家研究习语的一个重要研究对象。无论如何分类，习语的文化内涵都是习语研究者关注的重点，本文也会对汉马习语中文化内涵进行分析对比。

习语取材于人类身边的事物和生活的经验还有典故经文等，体现了特定民族特定的思想和观念。习语有以下五个功能：（1）马来习语和汉语习语记录展现了两国人民从古至今的物质世界，包括植物、动物、生产工具、生产方式、自然环境等，有助于后人和语言学习者加深对两国的了解；（2）追溯两国精神文明的发展，有利于加深对文学、历史、社会、宗教等的理解；（3）习语因其特殊的形式，深刻的内涵，成为辩论中佐证的利器，往往能达到事半功倍的效果；（4）习语是人民智慧的结晶，引导现在的人解决复杂的问题，处理人与人、人与自然、人与社会之间出现的矛盾；（5）习语还有教化人心的功能。

二、汉马习语文化内涵的不同以及其影响因素

（一）物质文化内涵的不同

由于习语中所体现的文化内涵，无论是马来语习语，还是汉语习语，其文化内涵都涉及到了物质文化和精神文化两个方面。汉马习语文化内涵的不同，本质上可以说是两国文化区别的延伸。两国文化的不同又可以从地理、历史、经济、政治等方面一一详述。从物质文化说起，所谓一方水土养一方人，笔者认为以上影响文化的因素中对物质文化其决定作用的因素是地理因素。

中马两国地理位置有较大差异，因此所养育人民的生长环境、所进行的活动以及视野均有较大不同，所以根植于生活的文化的习语也就差异巨大了。

中国是以一个内陆为主的国家，虽有绵长的海岸线，但是绝大部分的百姓是生活在内陆地区，且历史上主要的文化、商业和政治中心均相对远离海岸线，即使是商贸和战争也主要是在内陆地区进行。唐朝和明朝虽有鉴真东渡和郑和下西洋这样依托于航海技术的文化、商业乃至政治交流活动，但在中国的历史长河中并非主流且可以说是昙花一现。直到鸦片战争之后，上海、广州等沿海城市才得以发展并具有辐射全国的文化和商业影响力。因此大量的习语基于对中国内陆辽阔环境的描述，如“一马平川、三山五岳、跋山涉水”等。中国经度、纬度和海拔的巨大跨度塑造了众多的气候带，在大量“四季分明”的地区，形成了用“春秋”来形容一年的说法；而北方和高海拔地区的极寒气候特点则孕育了“滴水成冰”、“风虐雪饕”等成语，还有反映西北干热特点的“焦金流石”，以及新疆沙漠地区由于温差巨大，需要“早穿皮袄午穿纱，抱着火炉吃西瓜”。

而马来西亚内陆面积相对较小，四周全为海洋环抱。马来民族根据他们对待自然现象如下雨，恶劣的天气和闪电等的经验建立起某些概念。例如其习语“Air pasang（涨潮）”，“Air surut（退潮）”均反映了自然现象即海水的升和降，这通常是以海为生的渔民社会群体的关注点。马来西亚地处赤道地区，纬度仅跨7度，无明显的四季之分，属于热带雨林气候和热带季风气候。一年之中的温差变化极小，全年雨量充沛，植被茂密。因此如“hujan（雨）”、“bumi（土地）”、“pohon（树木）”和“panas（热）”常被马来民族用于熟语的创作。例如“Hujan menimpa bumi（雨打大地）”，“Hujan berpohon; panas berasal（下雨有因，天热有缘）”，以及“Hujan jatuh ke pasir（大雨落在荒地里）”。虽然这些习语都是其是针对事物缘由和人情世故的，但其中也透露着马来西亚的气候特点。

地理位置的差异还决定自然环境的不同。在汉马习语中经常出现的植物、动物等的不同等都体现了地理位置的差异对汉马习语物质文化内涵差异的影响。如：Akar terjumbai tempat siamang berpegang, dahan menganjur tempat tupai menegun. 直译为垂吊的树根是长臂猿悬挂的地方，深处的枝杈是松鼠栖身的场所。比喻万事都是有迹可循，只要做过就会留下痕迹。在这个习语中所出现的垂吊的树根、长臂猿就是热带常见的植物的形态和动物。再比如：Amra disangka kedondong.直译为把芒果看作是人面子果，比喻不要通过表象轻易做判断。芒果、人面子果都是热带季雨林才有的水果，也就不会出现在汉语习语里。同样，在一马平川的内陆地区，马是中国传统的运输工具，马的重要性不言而喻。

喻。因此关于马的习语数不胜数，例如马到成功、有财同享，有马同骑、老马识途等等，而马来西亚则更多用水牛等动物用来运输货物、耕田，因此马来语中用水牛Kerbau的习语特别多。如Kerbau punya susu,sapi dapat nama.意为水牛出奶，黄牛得名。再如：Kerbau Dipegang pada talinya;manusia dipegang janjinya.意为牵水牛靠牛绳，抓人看人说过的话。

(二) 精神文化内涵的不同

文化是塑造和区分民族的重要标志。对大多数的民族而言，其民族文化的形成，常常以宗教为其核心或基础的；民族文化的演化过程，也总是同宗教的发展密切相关或者以宗教的变迁为线索。宗教在民族文化的形成中起到决定性的因素。汉马习语的精神文化内涵的区别很多是由于宗教的不同而产生的。

佛教在中国具有极深远的影响力，一般认为从汉代传入中国，从魏晋南北朝即开始繁盛，一致延续至今，可以说从整体影响力上看其地位几乎从未被其他宗教所动摇过。所以人们生活中也充满与佛教相关的词汇，如时间紧急时才努力做某事被称为“临时抱佛脚”，劝诫某人弃恶从善称为“放下屠刀、立地成佛”，形容某人善良为“菩萨心肠”。源于中国本土宗教道教的一些成语也在生活中常用，如“胡说八道”、“不三不四”、“来龙去脉”等，但由于这些成语中并没有明显的道教相关词汇，因此民众在使用过程中并不完全知晓其与宗教的关系。基督教从唐朝之后逐渐传入中国，但是其一直以自身语言和较为生硬的翻译来传播其思想，其文化与中国民众的生活交融程度还不够，因此源自基督教的描述中国事物的习语较难觅踪迹。

马来人的宗教历史可以主要分为三个阶段，即以巫师为象征符号的时代，以湿婆教徒为代表的印度教时代，和以苏菲派为代表的伊斯兰教时代。虽然基督教随着葡萄牙、荷兰以及英国的殖民进入了马来西亚，但是伴随基督教而来的侵略使得马来人开始缺乏自信，进而改变了他们的一些思维模式和世界观。但值得注意的是，也许是因为基督教在殖民时代难以平等的融入到马来社会中，或者说那个时代的马来民众并不能用平等的心态接纳基督教，所以来自于基督教文化的马来习语几乎难以找到。从马来习语中涉及到宗教的数量和内容看，可以发现马来人对伊斯兰教的顺从及该宗教的力量之强大。例如：Tuhan bersifat kadim,manusia bersifat gawal.意为真主能预知和决定未来，人类免不了要犯错误。表达了真主的绝对正确性。再如：Adat yang menurun, syarak yang mendaki.比喻习俗的层次较低，只可以应用在日常事务上，却应付不了时代的动荡；教规的层次较高，有助于应付一切矛盾和反势力。表达了教规是一种高层次的指导思想。还有Alim biasa menghukum syarak.意为只有学者才能制定教规，也表达了对宗教的崇敬。

以上，从地理因素和宗教因素分别说明了汉马习语在物质文化和精神文化两个方面的不同。值得注意的是，虽然由于地理因素和宗教因素导致了不同，但汉马习语从本质上发挥的功能和作用还是一样的。甚至，在很多时候，虽然习语比喻的本体由于地理环境的不同所以选择不同，但喻意很多时候却是相同的。当然，也有取材相同，但意义却不同的习语。

三、汉马习语文化内涵相同之处。

习语的一个重要特点是往往不能望文生义，字面的意思和整个习语真正所表达的意思相差甚远。研究习语本体、喻体和喻意之间的关系，是对比汉语习语和马来语习语内涵的重要方法。通过大量汉语习语和马来语习语对比发现，如Nida Eugene A曾经说过的那样：“不同文化的人们所具有的共性远远大于将他们区分开的个性。”尽管中马两国地理环境、宗教信仰、风俗习惯和历史制度渊源等方面迥然有异。但汉马习语中采取相同喻体喻意的例子比比皆是。言语表达字里行间里显示出的逻辑与情感亦或是理性和感性的微妙统一是一致的。在许友年编著的马来-汉语谚语词典中，收录了7745条马来语谚语，让人吃惊的是，这些词条竟然大部分都能在中国谚语中找到相对应的词条，甚至出现了一条马来语谚语对应多个中文谚语，因为除了汉族，许友年教授还将部分少数民族谚语编入其中。

中国和马来西亚历史上都有至高无上的统治者，因此在中央集权体制下的语言形式上也不约而同的呈现出了对权威的服从以及避免冲突和避免挑战权威的特点。中国习语中擅长使用隐喻和讽刺，马来习语中则同样避免直接批评而是使用类比的方法暗喻苏丹或高职位的人的失德。大部分时候，二者都体现出了含蓄、内敛缺乏批判性的特点。在中国和马来西亚的家庭当中，父亲和年长者是权威的化身，所以不难看见父母之命不可违或者马来语当中 *Jangan mencampuri urusan orang tua* 译为不要插手老人做的决定之类的习语。类似的还有，普天之下莫非王土对应马来语习语 *Hujan menimpa bumi*。

综上，可以清楚地看出汉马习语中体现了两国人民在很多基本思想、生活经验的很多共同点和相似之处。

四、结论

本文通过汉马习语文化内涵的对比，可以得出这样的结论：虽然汉马习语体现了各自的民族特色，但是从其功能作用还是内在逻辑的本质属性上，都是相似性超过差异性。汉马习语中体现的价值观，包括对自然的态度、对神的态度、对权威的态度，在很多时候都非常一致。

汉马习语文化博大精深，本文仅能起抛砖引玉之效。对两国习语的深入研究，不仅可以帮助马来语学习者更深入地学好马来语掌握马来文化。更重要之处则在于可提高马来语学习者，特别是马来语作为第二外语学习者的跨文化沟通能力。但要真正践行一带一路倡议中的民心相通，还需要大量了解两国文化的学者为两国人民搭起沟通的桥梁。

参考文献：

- [1] 夏征农，辞海[M]，上海辞书出版社，1999。
- [2] 许友年，《马来-汉语》谚语词典，Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001。
- [3] 张永言，《词汇学简论》，复旦大学出版社，2015。
- [4] Archer Taylor. 1962. *The proverb and an index to the proverb*. Hatboro, Pennsylvania: Folklore Associates. First published in 1931.
- [5] Dundes Alan. 1975. On the structure of the proverb. *Proverbium* 25:961-973.
- [6] Moran, R. Metaphor [A] .In B.Hale & C.Wright (ed.). *A Companion to the Philosophy of Language* [C] . Oxford :Basil Blackwel,1999.
- [7] winstedt,the malay magician being shaman,saiva and sufi (1982)
- [8] Za'ba. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1965:165

BAHAGIAN BUDAYA

NARATIF SAKRAL IBADAH HAJI DARIPADA PERSPEKTIF ORANG MELAYU

*Aiza Maslan @ Baharudin
Universiti Sains Malaysia
aizamaslan@usm.my*

ABSTRAK

Salah satu aspek terpenting dalam amalan beragama adalah perasaan dan penghayatan yang mendalam terhadap Yang Sakral. Setiap agama yang dianuti oleh manusia mempunyai aturan dan ritual tertentu dalam memberikan deskripsi kepada penganutnya dalam menghayati dan mengagungkan Yang Sakral. Selain ritual, simbol juga menjadi salah satu unsur terpenting dalam amalan beragama. Bagi masyarakat Muslim, khususnya orang Melayu ibadah haji merupakan antara amalan yang sangat dititikberatkan dalam usaha mereka memenuhi tuntutan kehidupan beragama. Secara tidak langsung, Kaabah sebuah bangunan di kota Makkah menjadi simbol yang sangat dihormati oleh ratusan ribu bahkan jutaan manusia yang mengunjungi Tanah Haram tersebut. Di depan Kaabah seseorang mungkin merasakan suatu pengalaman beragama yang tidak dirasai oleh orang lain atau mungkin berbeza dengan orang lain. Memandangkan perjalanan haji merupakan perjalanan mengabdikan diri dan bertemu dengan Yang Sakral, maka tidak hairanlah sebilangan jemaah haji Melayu terinspirasi untuk merekodkan pengalaman berharga mereka menunaikan ibadah haji, sekali gus memelihara memori yang dianggap peristiwa yang sangat bersejarah dalam kehidupan mereka. Kertas kerja ini bertujuan melihat naratif sakral berkaitan ibadah haji yang terdapat dalam pelbagai bentuk genre yang dirakamkan oleh orang Melayu.

Kata kunci: Yang Sakral, naratif sakral, ibadah haji, orang Melayu, Makkah

PENGENALAN

Perasaan dan penghayatan yang mendalam terhadap Yang Sakral merupakan elemen terpenting dalam amalan beragama. Dalam mengagungkan Yang Sakral sudah pasti setiap agama mempunyai aturan, amalan dan ritual tertentu. Panggilan menunaikan fardu haji sentiasa menjadi tuntutan sanubari dalam kalangan orang Melayu yang cinta akan agamanya. Kebanyakan mereka merasa belum sempurna iman mereka jika belum menjejakkan kaki ke Makkah sebelum mereka menutup mata. Mereka meyakini bahawa tahap keimanan mereka hanya akan sampai ke kemuncaknya apabila berjaya melaksanakan semua Rukun Islam, sekali gus meletakkan mereka sebagai umat Islam yang sempurna.

Oleh itu, Kaabah yang terletak di Makkah sering menjadi sasaran tempelakan sarjana Barat yang mewujudkan polemik dengan mendakwa bahawa umat Islam menyembah sebuah bangunan hitam empat segi. Tohmahan itu menunjukkan bahawa orang Barat gagal menyelami konsep beribadah dalam Islam dan membuat tafsiran berdasarkan pengamatan secara fizikal semata-mata. Islam sememangnya tidak pernah mengarahkan umatnya menyembah Kaabah, sebaliknya memerintahkan mereka mengarahkan kiblat solat ke sana dan merupakan tempat yang wajib diziarahi semasa mengerjakan umrah dan haji sebagai lambang perpaduan keimanan dan keagungan Allah s.w.t.

Oleh sebab perjalanan haji sering dikaitkan dengan perjalanan spiritual bertemu Yang Sakral, iaitu Allah s.w.t., sebilangan orang Melayu terinspirasi untuk merakam dan memelihara memori dan pengalaman mereka mengerjakan ibadah haji, suatu peristiwa bersejarah dalam kehidupan mereka. Antara penulisan yang memberikan tumpuan secara eksklusif terhadap pelaksanaan ibadah haji orang Melayu ialah *Syair Fi Kaiyyat al-Hajj* dan *Satu Perjalanan Pendek Yang Mengesankan*. Kedua-dua tulisan berkenaan memberikan kefahaman yang mendalam tentang pelaksanaan ibadah haji, pengalaman di Tanah Suci, pernyataan perasaan dalaman yang dilalui oleh penulis hasil pengalaman mengerjakan ibadah haji, sekali gus meneroka perspektif orang Melayu tentang ibadah haji yang dikaitkan dengan perjalanan mengabdikan diri dan bertemu dengan Yang Sakral, iaitu Allah s.w.t.

SYAIR FI KAIFIYAT AL-HAJJ

Salah sebuah naratif yang berkait rapat dengan amalan berhaji orang Melayu adalah *Syair Mekah dan Madinah* yang dikarang oleh Syeikh Daud Sunur, seorang tokoh pengembang Tarekat Naqshabandiyah berbangsa Melayu Minangkabau pada sekitar tahun 1832 di Makkah. Beliau merantau ke Makkah untuk menimba ilmu (Suryadi, 2005: 90-91). Syair ini telah dijual kepada beberapa buah syarikat penerbitan di Singapura pada separuh masa kedua abad ke-19 dan diterbitkan sebagai buku panduan ibadah haji untuk bakal-bakal haji dari seluruh Nusantara.

Syair Fi Kaifiyat al-Hajj merupakan salinan daripada naskhah *Syair Mekah Madinah* dan dianggap sebagai versi pendek. *Syair Fi Kaifiyat al-Hajj* atau *Syair Mekah Madinah* yang merupakan sebuah manuskrip perjalanan haji bersifat memoir. Dalam syair berkenaan, Syeikh Daud menggambarkan suasana di kota Makkah dan Madinah, proses pelaksanaan ibadah haji, keutamaan dan keistimewaan Makkah dan usaha pembaharuan Islam yang dipelopori oleh golongan Wahhabi yang rancak berlaku di Semenanjung Tanah Arab pada ketika itu. Makkah digambarkan sebagai sebuah pusat kosmik dan interaksi global yang menjadi tumpuan masyarakat Muslim seluruh dunia beribadah, menuntut ilmu dan berdagang (Rizqi Handayani, 2013: 95). Keistimewaan Makkah sebagaimana yang tercatat dalam syair berkenaan adalah seperti yang berikut:

*Asal dunia ini negeri Mekah
Lebih mulianya sebab ka'bah
Nabi Adam dijadikan Allah
Dua ribu tahun ka'bah lah sudah*

*Di mana negeri yang tuan lihat
Kebanyakan Nabi sana bertempat
Keliling ka'bah tempat keramat
Tiga ratus nabi sana dapat*

Kedudukan dan keistimewaan Makkah kepada umat Islam umumnya, dan kepada orang Melayu khususnya memperlihatkan kota tersebut menjadi tumpuan utama bagi masyarakat Alam Melayu. Hamzah Fansuri dalam syairnya pernah menyebut bahawa ibadah haji merupakan sarana untuk menemukan tuhan, Allah s.w.t. Beliau turut menekankan bahawa ibadah haji bukan perjalanan lahir semata-mata, bahkan ia merupakan sebuah perjalanan kerohanian (Rizqi Handayani, 2013: 98-99). *Syair Fi Kaifiyat al-Hajj* secara tidak langsung turut mengingatkan tentang syair yang dimuatkan oleh Abdullah Mushi dalam *Kisah Pelayaran Abdullah ka-Judah* yang mengungkap perasaan kerinduan beliau yang amat sangat terhadap rumah Allah s.w.t. dan memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana beliau diberi kesempatan menjejakkan kaki ke Tanah Suci umat Islam. Kerinduan yang mendesak itu mendorong beliau melupakan segala bentuk penderitaan dan kesulitan yang telah diharunginya sepanjang perjalanan menuju ke rumah Allah s.w.t. Syair beliau berbunyi:

Serta masuklah aku ke dalam negeri yang mulia, Maka terlupalah aku akan nikmat dan kesukaan dunia, Seperti mendapat syurga dengan isinya sedia, Mengucaplah aku seribu-ribu syukur akan Tuhan yang Maha mulia, Terlupalah aku beberapa kesusahan dan siksa di jalan, Oleh sebab berahi dan rindu akan bait Allah beberapa bulan (Kassim Ahmad, 1960 : 154).

Syair tersebut turut memuatkan perasaan dan kesan dalaman yang dirasai oleh penulis syair terhadap kota Makkah. Kedudukan Makkah yang sangat penting kepada umat Islam, khususnya orang Melayu diperincikan dalam bait-bait syair berikut:

*Tempat mustajab aku khabarkan
Lima belas pada bilangan
Tidak tertolak doa di sanan*

*Mula pertama di dalam ka'bah
Tempat yang suci terlalu indah
Di dalam tirai surat kalimah
Doa di sana dikabulkan Tuhan*

*Tempat yang kedua telaga zamzam
Yang ketiga tempat pada multazam
Keempat bilangan di sisi makam
Yang kelima antar rukun dan makam*

*Di dalam hajar tempat yang keenam
Ketujuh di hatim tempat yang karam
Kedelapan tempat pada masjid al-haram
Tempat yang mustajab siang dan malam*

*Yang kesembilan turun rukun iman
Kesepuluh di Safa Jabal al-Rahman
Kesebelas di raddah kubur di sana
Kedua belas di Mas'a tempat berjalan*

*Ketiga belas tuan di Muzdalifah
Keempat belas di Mina tempat yang indah
Kelima belas tempat di bumi Arafah
Tempat mustajab pada Jabal al-Rahmah*

Melalui bait-bait syair tersebut, penulis menggambarkan Makkah sebagai pusat peribadatan terpenting bagi umat Islam kerana adanya Kaabah yang merupakan kiblat bagi umat Islam dari seluruh pelosok dunia. Makkah turut diperlihatkan sebagai sebuah kota yang dikaitkan dengan keberkahan dan pahala, selain terdapat banyak lokasi yang dianggap sebagai keramat dan dipercayai sebagai tempat yang mustajab untuk berdoa (Rizqi Handayani, 2013: 108-109).

SATU PERJALANAN PENDEK YANG MENGESANKAN

Fokus utama penulis, H. M. Jajuli adalah pengalaman peribadi dan perasaan dalaman mengerjakan ibadah haji yang dipersembahkan dalam bentuk monolog. Catatan beliau bermula dengan gema bacaan talbiah yang dilaungkan oleh jemaah haji di dalam bas yang sedang menuju ke Makkah. Penulis merakamkan perasaan hatinya yang meronta-ronta untuk sampai ke Makkah dan menyelesaikan ibadah haji dengan secepat mungkin. Penulis menggambarkan konflik dalaman yang dialami oleh beliau apabila merasakan diri terlalu dekat dengan Tuhannya. Beliau turut melahirkan kebimbangan yang membelenggu dirinya terhadap kemurkaan Allah s.w.t. atas segala dosa dan keegoan beliau pada masa lalu. Penulis terkenang kembali sikapnya yang tidak pernah menyesali perbuatan dosa yang dilakukan selama ini. Air mata penyesalannya tumpah lantaran kebimbangan bahawa kehadirannya ke Tanah Suci tidak diterima oleh Allah s.w.t.. Lafaz istighfar disebut bertalu-talu merayu keampunan Allah dengan penuh pengharapan, "Aku datang kepada-Mu dari negeri yang jauh, membawa dosa begitu banyak dan kerja-kerja kotor" (Jajuli, 1979: 6-7).

Naratif Jajuli turut mengetengahkan kegentaran hatinya tatkala melihat Kaabah dengan matanya sendiri sehingga beliau berasa lemah-longlai untuk menyusun langkah. Dalam menggambarkan perasaan dalaman mengerjakan haji, Jajuli tenggelam dengan dunianya sendiri dan beliau menggambarkan keasyikan dan kenikmatan yang dirasainya apabila berada di sisi Kaabah:

Aku dakap dindingnya di sebelah selatan. Aku lepapkan tubuh di situ. Aku cuba rasai nikmatnya berada di sisi rumah Allah. Berjam-jam tiada siapa yang mengganggu aku di situ. Aku puas. Aku ingin mencium Hajar Aswad...Berjam-jam aku melihat Baitullah. Aku lupa, lupa segala-galanya, rumah, kampung halaman, anak, saudara mara, kawan-kawan sepejabat, dan lain-lain. Setiap kali aku berdoa, aku rasa benar-benar mengadap Allah. Aku rukuk dan sujud terus kepadanya. Aku tahu Allah tidak di situ, tetapi aku yakin Dia melihatku, dari dekat di situ. Dapatkah aku kekal dengan kebahagiaan ini selama-lamanya? (Jajuli, 1979: 11).

Naratif pengalaman haji beliau turut memaparkan hubungan secara langsung antara Allah s.w.t. dengan hamba-Nya yang tidak memerlukan sebarang bentuk perantara. Dirinya dirasakan terlalu hampir dengan Penciptanya seolah-olah tiada tirai yang menutupi hatinya. Perasaan dalaman yang dialaminya menjelaskan ekspresi yang pernah diutarakan oleh Grunebaum, iaitu 'kemuncak pengalaman beragama seorang yang beragama' (Matheson & Milner, 1984: 34). Naratif beliau disudahi dengan persoalan sama ada kebahagiaan yang hadir hasil pengalaman haji tersebut akan berkekalan atau sebaliknya, menunjukkan kebimbangan beliau akan kehilangan kenikmatan tersebut apabila meninggalkan Tanah Suci. Perspektif beliau terhadap ibadah haji tidak terarah kepada penilaian keduniaan, iaitu gelaran dan martabat, sebaliknya lebih menjurus pada kepuasan, kenikmatan dan kebahagiaan dalaman yang dirasai. Beliau turut mengutarakan permintaan dan pengharapan ke hadrat Allah s.w.t. agar mengurniainya dengan haji yang makbul dan mabrur.

Perkara kematian juga sudah menjadi rutin harian yang disaksikan oleh Jajuli saban waktu di Makkah. Namun begitu, urusan kematian tidak menggusarkan jemaah haji kerana masing-masing sibuk dengan urusan mereka dengan Allah s.w.t. yang belum selesai. Fokus dalam fikiran mereka hanyalah ingin menyempurnakan Rukun Islam kelima itu sebaik-baiknya. Kesakitan dan kematian disifatkan sebagai tebusan terhadap pengampunan dosa-dosa lalu.

Barangkali sakitku ini akan sembuh sebaik saja dosa yang kulakukan telah dilebur. Kalau tidak, apakan daya, aku rela juga untuk meninggalkan segala-galanya di dunia ini, asalkan di akhirat nanti aku bebas. Kalau Allah memanggilku datang ke Mekah dengan maksud untuk tinggal selama-lamanya di situ, alangkah bahagianya (Jajuli, 1979: 8).

Sememangnya menjadi cita-cita orang Melayu yang kuat pegangan agamanya untuk meninggal dalam keadaan sedang menunaikan ibadah haji dan disemadikan di Makkah atas kepercayaan bahawa meninggal dunia di Tanah Suci merupakan suatu kemuliaan dan anugerah yang tidak ternilai (Moshe Yegar, 1979: 222). Pada tahun 1928, Konsul British di Jeddah pernah mengemukakan syor agar golongan tua yang uzur dan tidak berdaya dilarang daripada menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci. Berikutan itu, satu fatwa telah dikeluarkan oleh Mufti Johor, Syed Abdul Kadir bin Muhsin bahawa golongan berkenaan tidak boleh dihalang untuk ke Tanah Suci dan berniat untuk mati di sana adalah sunat hukumnya (Menteri Besar Johor 1915-1928: Report on the 1927 Pilgrimage to Mecca). Perkara tersebut pernah diutarakan oleh Jerry Allen (1967:126):

The pilgrimage is one of the highest acts of Mussulman devotion and as death on the way is believed to give perfect assurance of immediate admission into Paradise, one can understand the stolid indifference with which the pilgrim risks the perils and privations of such a voyage as that from Singapore to Jeddah.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, keyakinan terhadap keberkatan ibadah haji menyebabkan orang Melayu memberikan perhatian yang sangat istimewa terhadap pemergian ke Makkah. Perjalanan haji disifatkan sebagai perjalanan mengabdikan diri dan mencari Yang Sakral, iaitu Allah s.w.t.. Kepentingan haji bagi orang Melayu menjadikan peluang mengerjakan ibadah berkenaan suatu kenangan yang sukar dilupakan dan sentiasa terpahat dalam hati mereka sehingga mendorong segelintir mereka mencatatkan pengalaman berkenaan dalam bentuk naratif.

RUJUKAN

Allen, J. (1967). *The Sea Years of Joseph Conrad*. Methuan.

H. M. Jajuli. (Oktober 1979). Satu Perjalanan Pendek yang Mengesankan. *Dewan Masyarakat*. 6.

Kassim Ahmad (ed.). (1960). *Kisah Pelayaran Abdullah ka-Kelantan dan ka-Judah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Matheson, V. & Milner, A.C. (1984). *Perceptions of The Haj Five Malay Texts*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Menteri Besar Johor. (1915-1928). MB 108/28. Jeddah Despatch to the Foreign Office, Report on the 1927 Pilgrimage to Mecca.

Rizqi Handayani. (2013). *Syair Fi Kaifiyat al-Hajj*: Perjalanan Haji Sebagai Bentuk Migrasi Muslim Minangkabau. *Jumantara*. 4(1), 85-112.

Suryadi. (2005). *Syair Sunur*: Autobiografi Seorang Dagang Minangkabau. *Sari*. 23, 83-104.

Yegar, M. (1979). *Islam and Islamic Institutions in British Malaya Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press.

MALAYSIA DAN CHINA: KAITAN POPULASI MASYARAKAT ISLAM DENGAN FIQH KONTEMPORARI

Mohd Akram Dahaman@Dahlan
Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia (UUM).
akram@uum.edu.my

Mohd Nizho Abdul Rahman
Solahuddin Abdul Hamid
Mohamad Khadafi Hj. Rofie
Syukri Ahmad

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai populasi masyarakat Islam sebanyak 61.3% daripada seramai 31.7 juta jumlah penduduk. Manakala negara China pula, populasi masyarakat Islam adalah dalam kadar 1.7% daripada seramai 1.3 bilion keseluruhan jumlah penduduk. Maklumat statistik ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat Islam majoriti berbeza dengan negara China yang masyarakat Islamnya adalah minoriti. Secara asas senario kehidupan masyarakat Islam majoriti dan minoriti adalah berbeza di dalam beberapa aspek meliputi aspek sosial, politik dan juga perundangan. Dalam konteks Malaysia dan China, senario perbezaan tersebut jelas wujud. Perkara ini secara langsung memberikan kesan pada amalan beragama dalam kalangan komuniti Islam di kedua-dua buah negara khususnya yang melibatkan permasalahan fiqh terhadap isu ibadat dan muamalat. Berasaskan pemakaian kaedah uruf yang berbeza, aspek majoriti dan minoriti masyarakat Islam ini jelas diambil kira dalam pembikinan sesuatu hukum syarak. Melalui analisis terhadap beberapa contoh praktikal sepanjang perkembangan fiqh Islam, didapati bahawa unsur populasi masyarakat Islam di sesuatu tempat telah diambil kira. Hal ini menjadi asas yang kukuh dalam meletakkan majoriti dan minoriti muslim sebagai faktor yang menjadi tunjang pada bentuk fiqh kontemporari yang mampu menyelesaikan isu-isu semasa dan setempat masyarakat Islam.

Kata kunci: Malaysia, China, majoriti muslim, minoriti muslim, fiqh kontemporari


PENDAHULUAN

Fiqh kontemporari adalah satu pendekatan penetapan hukum syarak yang mengambil kira nilai lingkungan semasa dan setempat, antaranya ialah aspek populasi. Pengambilkiraan ini telah dijelaskan Mehmet Erdoğan (1994): “Sepatutnya sebarang penetapan hukum-hukum syarak perlu bersesuaian dengan hal sesebuah negara dari sudut demografi dan geografi...”


MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA DAN CHINA

Berdasarkan bancian penduduk tahun 2010, Islam merupakan agama majoriti masyarakat Malaysia, iaitu 61.3%, Buddha 19.8%, Kristian 9.2%, Hindu 6.3%, Agama Tradisi Cina 1.3% dan lain-lain 2.1% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

RAJAH 1: Agama-agama di Malaysia



Manakala negara China, agama terbesar adalah agama tradisi masyarakat China, iaitu 56.2%, Taoist 12.9, Buddha 13.8%, Kristian 2.4%, diikuti Islam sebagai minoriti 1.7% dan agama-agama lain (Katharina Wenzel-Teuber, David Strait, 2012).



MAJORITI DAN MINORITI MUSLIM DALAM FIQH KONTEMPORARI

Menurut al-Qaradawi (2001), masalah yang dihadapi umat Islam meliputi semua tempat sama ada di dalam negara Islam mahupun di negara-negara bukan Islam. Namun begitu, status majoriti dan minoriti memberikan kesan pada sebarang tindakan lebih khusus lagi apabila melibatkan ajaran Islam. Menurut Taha Jabir al-‘Alwani (2000), masing-masing mempunyai ciri tersendiri mengikut realiti dan lokaliti.

Ciri-ciri masyarakat muslim majoriti:

i. Lanskap masyarakat lebih *Islami*

Sifat majoriti masyarakat Islam kini yang berada di “*al-Bilad al-Islamiyyah*” telah membentuk satu lanskap kehidupan sosial yang berteraskan ajaran Islam, memiliki roh *Islami*, menzahirkan suasana yang mempamerkan syiar Islam (Shams al-Din Muhammad al-Dasuqi, t.t). Kewujudan syiar Islam adalah antara perkara yang ditekankan oleh sebahagian ulama Maliki dan Shafi‘i ketika membezakan antara negara yang didominasi oleh ummat Islam seperti azan, solat, puasa, pembacaan al-Quran, pembinaan masjid, kebenaran dan kemudahan menunaikan haji dengan negara yang didominasi oleh masyarakat bukan Islam (Sulayman Muhammad Tubuliyak, 1997; al-Qaradawi, 2001). Lanskap masyarakat seperti ini tidak terdapat pada komuniti Islam minoriti di barat mahupun di timur kecuali di kawasan tertentu yang bermajoritikan komuniti muslim atau di institusi milik masyarakat Islam.

ii. Corak hidup dipengaruhi oleh masyarakat majoriti muslim

Sifat majoriti sangat sinonim dengan perkataan dominasi, mempunyai sifat mempengaruhi manakala minoriti pula sebaliknya (James W. Vander Zanden, 1966; Melvin L. DeFleur *et al.*, 1971). Ketika umat Islam memimpin sepertiga dunia, masyarakat bukan muslim telah berjaya dibawa bersama mengubah corak hidup mereka seiring dengan kehendak Islam (Abu al-Hasan al-Nadawi, 1981). Sekitar kurun ke-3 dan ke-4 di Andalus yang bermajoritikan masyarakat Islam terdapat gerakan menghapuskan patung dan gambar keagamaan “*iconoclasts*” oleh sekumpulan masyarakat Kristian yang dipimpin oleh Claadius, pembesar mazhab Katolik. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di bumi *al-Andalus* (Ahmad Amin, t.t; Thomas F. Glick, 2005). Begitu juga di alam Melayu, kenduri arwah biasa diadakan untuk tujuan menjamu roh si mati yang konon pulang ke rumah pada hari-hari tertentu (A. Aziz Deraman *et al.*, 1995). Namun selepas penerimaan Islam, ia digantikan dengan jamuan dengan niat sedekah bagi pihak si mati agar pahala diperoleh oleh si mati dengan dibacakan surah-surah penting seperti Yasin bersertakan doa (A. Aziz Deraman *et al.*, 1995; Siddiq Fadzil, 2006; Cesar Adib Majul, 1964).

- iii. Tatasusila, nilai, akhlak masyarakat setempat dipengaruhi oleh komuniti majoriti muslim.

Tatasusila, nilai dan akhlak sesuatu tempat akan dipengaruhi oleh sistem nilai dan akhlak masyarakat majoriti (al-Qaradawi, 2008). Sejarah Islam di India Utara dan India Barat adalah contoh jelas dalam hal ini (al-Nadawi, 1981) yang menjelaskan bahawa perkara ini telah memberikan pengaruh terhadap sistem akhlak dan nilai masyarakat bukan muslim. Pengaruh itu dapat dilihat dalam nilai-nilai ketuhanan mereka, terkesan dengan aqidah Islam yang mengesakan Allah S.W.T. seperti dalam ajaran agama “*Bhagti*” dan seruan “*Kabir*” yang lahir ketika itu (Tara Chand, 1954; K. M Panikkar, 1956). Jawaharlal Nehru (1961) ada berkata: “...sesungguhnya sistem nilai persaudaraan Islam dan kesamarataan hak yang diyakini oleh masyarakat Islam seterusnya mereka hidup dengan nilai-nilai ini telah memberikan kesan yang mendalam pada pemikiran masyarakat India yang beragama hindu...”.

- iv. Ajaran Islam mudah dipraktikkan dalam keadaan “*‘azimah*”

Apabila sesebuah negara yang bermajoritikan masyarakat Islam, memiliki lanskap kehidupan sosial yang berteraskan ajaran Islam, mempunyai roh *Islami* dan menzahirkan suasana yang mempamerkan syiar Islam dalam pelbagai bentuk dan rupa, sudah tentu akan membantu masyarakat Islam melaksanakan tuntutan syariat dalam bentuk yang asal. Sebagai contoh ibadah solat, bermula dengan proses bersuci, kemudian kemudahan menunaikan solat seperti surau dan masjid di merata tempat tanpa had, azan dilaungkan tanpa sebarang sekatan, dan bacaan ketika solat diperdengarkan dengan pembesar suara tanpa halangan. Keadaan kemudahan infrastruktur dan pengetahuan dalam melaksanakan tuntutan syarak ini membuatkan ulama Islam menjatuhkan hukum kufur kepada pengingkar perkara-perkara “*Ma ‘lum Min al-Din bi al-Darurah*”. Hukum ini adalah berlainan dengan pengecualian yang diberikan kepada masyarakat minoriti Islam (Yusuf al-Qaradawi, 2008).

Ciri-ciri masyarakat muslim minoriti:

- i. Tiada kemudahan melaksanakan tuntutan Islam secara biasa

Masyarakat Islam minoriti berada dalam keadaan tiada kemudahan untuk melaksanakan tuntutan Islam secara biasa (al-Qaradawi, 2008; Ibrahim Muhammad al-Hariri, 1998). Banyak ajaran Islam yang tidak boleh dilakukan secara biasa sebagaimana masyarakat majoriti muslim (‘Ali Ibn ‘Abbas al-Hakami, 2001; Alexandre Caeiro, 2008). Terdapat banyak contoh daripada beberapa fatwa yang menjelaskan perkara ini. Antaranya ialah fatwa isu pengebumian mayat muslim di perkuburan bukan Islam, pembelian rumah menggunakan perbankan konvensional di negara bukan Islam dan isu menunaikan solat Jumaat pada luar waktu. Semua ini menunjukkan keadaan dan ciri ketiadaan kemudahan untuk melaksanakan ajaran Islam secara biasa yang dilalui oleh minoriti muslim di negara-negara bukan Islam (‘Ali Ibn ‘Abbas al-Hakami, 2001; ‘Abd Allah Ibn al-Bayyah, 2007; Yusuf al-Qaradawi, 2008).

- ii. Kehidupan penuh dengan dugaan

Sulayman Tubuliyak (1997) menyatakan bahawa “pelbagai masalah yang dihadapi menggambarkan seolah-olah tiada jalan keluar di hadapan kelompok minoriti muslim untuk mengatasi segala masalah ini”. Dugaan yang dihadapi oleh masyarakat minoriti muslim tidak memungkinkan mereka melaksanakan tuntutan Islam sebagaimana keadaan masyarakat Islam yang tinggal di negara-negara Islam. Banyak ajaran Islam tidak boleh dilakukan ataupun perlu dilakukan dalam bentuk yang berbeza meliputi aspek ekonomi, sosial, pendidikan dan politik.

- iii. Suasana tidak membantu melakukan perkara wajib, hindar perkara haram

Masyarakat Islam di negara-negara bermajoritikan bukan Islam sudah pasti terdedah dengan suasana yang bukan Islam. Dalam masyarakat majoriti muslim, jika berlaku sesuatu perkara yang melanggar batas syarak akan mendapat reaksi sikap masyarakat mahupun reaksi perundangan. Sebagai contoh, perbuatan berkesedudukan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram menjadi perkara biasa dalam kehidupan masyarakat bukan muslim. Malah tiada sebarang peruntukan undang-undang yang membolehkan tindakan diambil terhadap pasangan terbabit. Namun begitu, di negara-negara bermajoritikan masyarakat Islam, perkara

sedemikian melahirkan reaksi sikap yang tidak senang dalam kalangan masyarakat sekeliling. Malah pihak berkuasa agama mempunyai peruntukan undang-undang untuk membolehkan mereka membuat penangkapan dan hukuman (Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995; Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964).

- iv. Pengiktirafan perkara dilarang Islam dan menutup peluang kebaikan dalam Islam
Dalam konteks masyarakat majoriti bukan Islam di negara bukan Islam ketika berhadapan dengan masyarakat Islam minoriti, mereka jahil akan hakikat Islam kerana tiada maklumat yang cukup mengenai Islam sampai kepada mereka (Jamal al-Din 'Atiyyah Muhammad, 2003; Yusuf al-Qaradawi, 2001). Atas kenyataan ini, sudah tentu apabila kedatangan kelompok muslim yang disifatkan minoriti, suasana yang wujud akan menyalahi gaya hidup yang ada dalam Islam. Perkara yang dilarang Islam diberikan tempat seluas-luas, manakala segala kebaikan Islam ditutup peluang (Yusuf al-Qaradawi, 2008). Hal ini jelas apabila kita merujuk peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada masyarakat Islam minoriti yang berada di negara majoriti bukan Islam seperti isu hijab, makanan dan minuman serta lain-lain lagi.

Berasaskan perbezaan ini didapati muncul satu bentuk ilmu fiqh kontemporari yang membincangkan permasalahan hukum syarak bagi masyarakat Islam minoriti yang dikenali sebagai "*Fiqh Aqalliyyat*" ('Abd Allah Ibn al-Bayyah, 2007). Banyak permasalahan yang timbul akibat daripada perbezaan keadaan dan realiti ini melibatkan isu akidah, ibadah, kekeluargaan, dan permasalahan makanan serta minuman (Yusuf al-Qaradawi, 2001).

Berdasarkan maklumat dan data yang telah dikemukakan, dipaparkan dengan jelas bahawa perbezaan yang wujud antara Malaysia dan China berhubung dengan populasi masyarakat antara majoriti muslim dan minoriti muslim merupakan aspek yang memberikan kesan dan berpengaruh kepada fiqh kontemporari. Sudah tentu hukum fiqh yang diberikan di Malaysia mengambil kira ciri majoriti muslim ini dan begitu juga sebaliknya (Mohammad Hanif Hassan, 2007).

KESIMPULAN

Kedudukan dan realiti umat Islam sama ada sebagai majoriti atau minoriti secara dekat dapat dilihat di Malaysia dan China. Populasi umat Islam di Malaysia adalah majoriti, manakala di China pula ialah minoriti. Kehidupan masyarakat Islam dalam dua realiti ini adalah sesuatu yang berbeza dalam banyak perkara. Ciri-ciri kedua-dua keadaan ini adalah sangat berbeza apabila berdepan dengan kedudukan masyarakat Islam dalam melaksanakan hukum syarak. Hal dan realiti ini sebenarnya telah diambil kira oleh ulama sehingga wujud bentuk fiqh yang lebih memberikan penekanan pada realiti yang dihadapi oleh kelompok minoriti muslim ini, iaitu *Fiqh Aqalliyyat* berasaskan penelitian fakta-fakta hukum syarak di sepanjang sejarah hukum Islam. Aspek ini merupakan satu keperluan yang mesti diberikan pertimbangan dalam membentuk fiqh kontemporari yang lebih berdaya untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat Islam kontemporari.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman et al. (1995). *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- A. Aziz Deraman et al. (1995). *Perayaan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- 'Abd Allah Ibn al-Bayyah (2007). *Sina'ah al-Fatwa wa Fiqh al-Aqalliyyat*. Beirut: Dar la-Minhaj.
- Abu al-Hasan 'Ali al-Husayni al-Nadawi (1981). *Madha Khasir al-'Alam bi Inhitat al-Muslimin*. Kuwait: al-Ittihad al-Islami al-'Alami li al-Munazzamat al-Tullabiyyah.
- Ahmad Amin (t.t). *Duha al-Islam*. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.

- ‘Ali Ibn ‘Abbas al- Hakami (2001). *Usul al-Fatwa wa Tatbiq al-Ahkam al-Shar‘iyyah fi Bilad Ghayr al-Muslimin*. Mekah: al-Maktabah al-Makkiyah.
- Alexandre C. (2008). Transnational ‘Ulama, European Fatwas, and Islamic Authority: A Case Study of the European Council for Fatwa and Research. Dlm. Van Bruinessen, M. and Allievi, S. (Eds.): *Production and Dissemination of Islamic Knowledge in Western Europe*. London: Routledge, hlm.120.
- Cesar Adib Majul (1964). “Theories of the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia”, *Silliman Journal*, Jil. 11, Bil. 4, 367-368.
- Enakmen Jenayah Syariah Selangor (1995), Seksyen 17, 21, 25, 26 & 29.
- Ibrahim Muhammad al-Hariri (1998). *al-Madkhal ila al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. Amman: Dar ‘Ammar.
- Jamal al-Din ‘Atiyyah Muhammad (2003). *Nahw Fiqh Jadid li Aqalliyat*. Kaherah: Dar al-Salam.
- James W. V. Z. (1966). *American Minority Relations*. New York: The Ronald Press Company.
- Jawaharlal N. (1961). *The Discovery of India*. Bombay: Asia Publishing House.
- Katharina W.T. & David S. (2012) “People’s Republic of China: Religions and Churches Statistical Overview 2011”. *Religions & Christianity in Today's China*. No. 3, Vol. II , 29-54.
- Mehmet E. (1994). *İslâm Hukukunda Ahkâmın Değişmesi*. Istanbul: Marmara Üniversitesi.
- Melvin L. D. *et al.* (1971). *Sociology: Man in Society*. Glanview: Scott, Foresman and Company.
- Muhammad Haniff Hassan (2008). *Fiqh Minoriti Muslim Dari Perspektif Dua Ulama' Kontemporari: Yusuf al-Qaradawi & Sulaiman Tubuliyak*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Panikkar K.M. (1956). *A Survey of Indian History*. London: Asia Publishing House.
- Shams al-Din Muhammad al-Dasuqi (t.t). *Hashiyyah al-Dasuqi ‘ala Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Siddiq Fadzil (2006). Pertembungan Islam Dengan Budaya Peribumi: Pengalaman Alam Melayu. Dlm. Md. Saleh Hj. Md.@ Hj. Ahmad *et.al.* (Ed.), *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 142.
- Sulayman Muhammad Tubuliyak (1997). *al-Ahkam al-Siyasiyyah li al-Aqalliyat al-Muslimah fi Fiqh al-Islami*. Amman: Dar al-Nafa’is.
- Taha Jabir al-‘Alwani (2000). *Fi Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah*. Kaherah: Nahdah Misr.
- Tara C. (1954). *Influence of Islam on Indian Culture*. Allahabad: Indian Press.
- Thomas F. G. (2005). *Islamic and Christian Spain in the Early Middle Ages*. Leiden [Netherlands]; Boston: Brill.
- Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis (1964), Seksyen 112, 115 & 117.
- Yusuf al-Qaradawi (2001). *Fi Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Yusuf al-Qaradawi (2008). *Mujibat Taghayyur al-Fatwa fi ‘Asrina*. Kaherah: Dar al-Shuruq.

Laman sesawang

Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWtk1SjFzTzNkRXYzcVZjdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TlhUUT09, 21 Mac 2017.

National Bureau of Statistics of China, <http://www.stats.gov.cn/tjsj/ndsj/2016/indexeh.htm>, 21 Mac 2017.

TAHAP KESEPADUAN BUDAYA MELAYU DALAM KEHIDUPAN KOMUNITI CINA MUSLIM DI NEGERI TERENGGANU

*Azarudin Awang
Azman Che Mat,
Wahairi Mahmud*

*UiTM Terengganu, Kampus Dungun
azaru154@tganu.uitm.edu.my*

*Muallim Al-Bakri
UiTM Terengganu, Kampus Seremban*

ABSTRAK

Hubungan masyarakat Cina dan Melayu di negeri Terengganu telah terjalin sebelum kedatangan penjajah Barat lagi. Tempoh hubungan lama telah melahirkan kelompok Cina yang berakulturasi budaya Melayu dan ada dalam kalangan mereka yang melakukan penukaran agama. Dalam konteks semasa, komuniti Cina Muslim merujuk kelompok yang telah melakukan pemelukan agama Islam dan mereka melakukan penyesuaian semula kehidupan berdasarkan kerangka ajaran agama Islam dan budaya masyarakat Muslim yang dominan. Mengambil kira masyarakat Melayu Muslim merupakan kelompok yang dominan di negeri Terengganu, pengaruh budaya Melayu berperanan dalam membentuk dimensi baharu sosiobudaya kehidupan masyarakat Cina Muslim. Kajian ini meneliti tahap kesepaduan budaya Melayu dalam kehidupan komuniti Cina setelah melakukan penukaran agama. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif pensampelan bertujuan dengan orang responden adalah seramai 86 orang. Analisis statistik dengan ujian min (purata) dan peratus digunakan bagi mengukur tahap, persepsi dan aplikasi masyarakat Cina Muslim terhadap penglibatan dan pengamalan komuniti Cina Muslim terhadap budaya-budaya lazim masyarakat Melayu di negeri Terengganu. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden berada pada tahap yang tinggi dalam melibatkan diri degan aktiviti-aktiviti budaya masyarakat Melayu di negeri Terengganu. Kajian ini menjelaskan bahawa faktor persamaan agama mempercepatkan proses kesepaduan budaya dalam sesebuah masyarakat.

Kata kunci: tahap, kesepaduan, budaya, Cina Muslim, Terengganu

PENDAHULUAN

Perkataan ‘budaya’ berasal daripada perkataan Sankrit, iaitu *buddayah-buddi* yang bermaksud budi pekerti atau akal. Dalam bahasa Inggeris, budaya dirujuk sebagai ‘*culture*’ manakala Latin disebut sebagai ‘*colere*’ yang memberikan makna mengerjakan atau menanam (Rajagopal, 2016). Jelasnya, budaya dapatlah dikatakan sebagai sesuatu yang dikerjakan oleh manusia berdasarkan kreativiti akal pemikirannya. Edward (1974) melihat budaya sebagai satu konsep menyeluruh yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, adat resam, kebiasaan yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Secara keseluruhannya, Marvin (1984) berpandangan budaya merupakan satu sistem yang kompleks dan lengkap yang dilahirkan melalui proses pertukaran dari satu bentuk ke bentuk yang lain dalam sesebuah masyarakat. Biarpun begitu, terdapat perbezaan takrifan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Muslim. Malik Bennabi misalnya menyatakan kebudayaan sebagai kompilasi nilai akhlak dan nilai sosial yang memberikan kesan dalam kehidupan individu sama ada secara sedar atau tidak (Ali al-Qurayshi, 1996). Dengan demikian, kebudayaan menjadi tali yang mengikat tingkah laku seseorang individu dengan sistem hidup di kawasan yang didiami. Selain pembangunan material, kebudayaan dalam perspektif Islam merangkumi aspek idea, pemikiran, tingkah laku dan adab (Sa’id, 1988).

MASYARAKAT CINA DI NEGERI TERENGGANU

Berdasarkan bancian penduduk 2015 bagi negeri Terengganu, jumlah komuniti Cina di negeri ini ialah seramai 28,800 orang atau 2.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015). Sejarah awal komuniti Cina di negeri Terengganu dapat dilihat daripada catatan Wang Ta Yuan, seorang ahli peniaga China ketika melawat Temasik pada tahun 1349. Wang Ta Yuan telah singgah di Kuala Terengganu dan beliau mendapati bahawa telah ada penempatan masyarakat Cina di negeri tersebut (Purcell, 1965). Nyata sekali, penempatan masyarakat Cina di negeri Terengganu telah wujud

sejak abad ke-14. Pada abad ke-18, masyarakat Cina memainkan peranan yang penting dalam urusan perniagaan di Terengganu apabila pihak kerajaan memperuntukkan ruang perniagaan yang khusus kepada masyarakat Cina (Abdullah, 1965). Tan (2002) juga menjelaskan bahawa pengaruh budaya Melayu yang boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat Cina Terengganu khususnya kelompok Hokien (Cina Peranakan) ialah dalam aspek bahasa, pemakanan, seni bina rumah dan pakaian. Bertitik tolak daripada tinggal di kampung-kampung seperti di kampung Tirok, Jeram, Pulau Bahagia, sebahagian besar masyarakat Cina Peranakan telah berhijrah ke bandar utama di negeri Terengganu dan bercampur dengan kelompok Cina yang tinggal di bandar. Kelompok Cina bandar yang juga dikenali sebagai Cina Jati terdiri daripada etnik Hainan, Kantonis, Hakka dan Toe Chew. Biarpun berbeza agama, suasana dan iklim pembentukan budaya, masyarakat Cina di negeri Terengganu memperlihatkan wujudnya korelasi dengan budaya masyarakat Melayu tempatan. Penerimaan budaya Melayu yang terserlah dalam kehidupan seharian mencerminkan cara hidup masyarakat Cina di negeri Terengganu yang agak fleksibel, mudah berakulturasi dan bersifat terbuka terhadap pengaruh persekitaran. Menurut Norhana (2012), pengalaman pergaulan di kampung atau di sekolah membuka ruang kepada masyarakat Cina untuk mengenal lebih dekat budaya hidup dan agama masyarakat Melayu Muslim. Berdasarkan data dari Pejabat Agama Negeri Terengganu (2012), seramai 2043 orang telah memeluk agama Islam di negeri ini dari tempoh 1990 hingga 2011. Jumlah 523 orang daripadanya adalah terdiri daripada masyarakat Cina.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Populasi sebenar sampel ialah seramai 92 orang dan jumlah sampel yang diperolehi seramai 86 orang. Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, sekiranya populasi kajian adalah 95 maka sampel yang terbaik ialah 76 orang (Ahmad, 2009). Item soal selidik diukur menggunakan skala *likert* 1 hingga 5 sebagaimana yang disarankan oleh Mohd Najib (2003), iaitu 1 bagi Sangat Tidak Bersetuju (STB), 2 bagi Tidak Bersetuju (TB), 3 bagi Tidak Pasti (TP), 4 bagi Setuju (S) dan 5 bagi Sangat Setuju (SS). Apabila skor min dibahagikan kepada 3 tahap, ia memberikan petunjuk, iaitu 1.00 hingga 2.33 adalah **Rendah**, 2.34 hingga 3.67 adalah **Sederhana dan** 3.68 hingga 5.00 adalah **Tinggi**. Data kuantitatif yang diperolehi ini diproses menggunakan perisian komputer '*Statistical package For Science*' (*SPSS 20.0 For Windows*) untuk menganalisis data deskriptif. Analisis statistik dengan ujian min (purata) dan peratus digunakan bagi melihat interpretasi responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Ujian rintis telah dilaksanakan dan perolehan nilai *alpha* pada bacaan 0.8 menunjukkan dapatan ini berada dalam *reability* yang tinggi (Ahmad, 2009).

DAPATAN KAJIAN

Responden adalah terdiri daripada 86 orang Cina yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu, iaitu 44 orang lelaki dan 42 orang perempuan. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden telah berkahwin dengan pasangan Melayu Muslim yang merangkumi 72.1% atau seramai 62 orang. Seramai 11 orang masih belum berkahwin, 8 orang berstatus duda atau janda, manakala hanya 5 orang sahaja daripada responden yang memilih bukan Melayu sebagai pasangan hidup.

Suasana pengalaman hubungan komuniti Cina Muslim dan Melayu memperlihatkan lukisan dan corak kehidupan sebenar komuniti Cina dalam beragama dan menyesuaikan diri dengan budaya hidup serta adat resam masyarakat Melayu. Proses menerpa nilai-nilai Islam melalui perkongsian budaya masyarakat Melayu boleh diperhatikan dalam adat resam masyarakat Melayu Muslim, sambutan perayaan dan perkongsian aktiviti agama.

JADUAL 1: Pengaruh Budaya Melayu

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	Kehidupan saya banyak dipengaruhi oleh budaya hidup masyarakat Melayu Muslim.	1 1.2%	3 3.5%	4 4.7%	62 72.1%	16 18.6%	4.04

Dalam konteks hubungan pascakonversi masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu Muslim, didapati budaya masyarakat Melayu Muslim banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Berdasarkan Jadual 1, dapatan skor min 4.04 menunjukkan pengaruh budaya masyarakat Melayu Muslim terhadap kehidupan komuniti Cina Muslim adalah tinggi. Sebanyak 72.1% memilih untuk bersetuju dan 18.6% menyatakan sangat bersetuju dengan kenyataan ini.

JADUAL 2: Penglibatan Dalam Kenduri Tetangga

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
2.	Saya terlibat dalam majlis kenduri yang dianjurkan oleh jiran Melayu Muslim.	0 0%	0 0%	4 4.7%	56 65.1%	26 30.2%	4.26

Penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam aktiviti budaya bersifat majlis keraian seperti kenduri yang dianjurkan oleh jiran tetangga masyarakat Melayu Muslim sangat tinggi apabila dapatan menunjukkan skor min 4.26 mata. Jadual 2 menunjukkan 65.1% responden bersetuju dan 30.2% sangat bersetuju terhadap soalan yang dikemukakan.

JADUAL 3: Penglibatan Dalam Gotong Royong

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
3.	Saya mengikuti aktiviti gotong royong, majlis perkahwinan atau kenduri yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu Muslim.	0 0%	4 4.7%	2 2.3%	56 65.1%	24 27.9%	4.16

Begitu juga penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti gotong-royong, majlis perkahwinan dan kenduri-kendara yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu Muslim adalah tinggi apabila skor min menunjukkan 4.16 mata.

JADUAL 4: Tahap Kesselesaian

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
4.	Saya merasa selesa melibatkan diri aktiviti bersama masyarakat Melayu Muslim.	2 2.3%	10 11.6%	6 7.0%	47 54.7%	21 24.4%	3.87

Mengambil kira penglibatan masyarakat Cina dalam budaya komuniti Melayu begitu tinggi, kebanyakan masyarakat Cina Muslim berasa selesa melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim. Berdasarkan Jadual 4, hasil dapatan skor min 3.87 menunjukkan ia masih berada pada skala yang tinggi.

JADUAL 5: Berkunjung ke rumah rakan Melayu

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
5.	Saya berkunjung ke rumah masyarakat Melayu Muslim pada Hari Raya Idul Fitri.	0 0%	1 1.2%	2 2.3%	44 51.2%	39 45.3%	4.41

Selanjutnya, pengalaman hubungan antara etnik masyarakat Cina Muslim juga dapat dilihat dalam perkongsian sambutan Hari Raya. Dapatan berdasarkan Jadual 5 menunjukkan masyarakat Cina pascakonversi mengunjungi rumah masyarakat Melayu Muslim pada Hari Raya Aidil-Fitri berada pada tahap paling tinggi apabila skor min memperoleh 4.41 mata. Sebanyak 51.2% berpendirian bersetuju dan 45.3% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan.

JADUAL 6: Tradisi Melayu Dalam Aidil-Fitri

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
6.	Saya menyambut Hari Raya mengikut tradisi masyarakat Melayu.	0 0%	7 8.1%	10 11.6 %	51 59.3 %	18 20.9 %	3.93

Lantaran itu, perkongsian ini amat mendedahkan komuniti Cina Muslim terhadap tradisi-tradisi yang biasa dilakukan oleh masyarakat Melayu Muslim ketika menyambut Hari Raya. Skor min 3.93 mata menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

JADUAL 7: Mengadakan Rumah Terbuka

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
7.	Saya melakukan rumah terbuka sempena Hari Raya Idil Fitri dan menjemput rakan/keluarga dari masyarakat Melayu Muslim.	0 0%	7 8.1%	5 5.8%	57 66.3 %	17 19.8 %	3.98

Hasil dapatan seterusnya menunjukkan bahawa komuniti Cina Muslim turut sama melakukan 'rumah terbuka' sempena Hari Raya dengan menjemput rakan dan keluarga dari masyarakat Melayu berada pada tahap yang tinggi apabila skor min menunjukkan 3.98. Hasil dapatan menunjukkan 66.3% bersetuju dan 19.8% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan.

JADUAL 8: Penggunaan Bahasa Melayu Terengganu

Jadual	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
8.	Saya dapat menggunakan bahasa Melayu Terengganu dengan baik ketika berinteraksi.	4 4.7%	14 16.3 %	5 5.8%	46 53.5 %	17 19.8 %	3.67

Berdasarkan Jadual 8, hasil dapatan menunjukkan kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa mereka dapat berinteraksi dengan menggunakan bahasa Melayu Terengganu dengan baik ketika melibatkan diri dalam aktiviti. Walaupun begitu, sebanyak 16.7% yang tidak bersetuju dan 4.7% sangat tidak bersetuju terhadap soalan yang dikemukakan. Perolehan skor min 3.65 darjah persetujuan menunjukkan keupayaan komuniti Cina Muslim menggunakan bahasa Melayu berada pada skala yang sederhana.

KESIMPULAN

Tahap kesepaduan budaya dalam kalangan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu memaparkan ia berada pada tahap yang tinggi. Mengambil kira budaya hidup dan adat resam masyarakat Melayu Muslim yang banyak berbaur dengan nilai-nilai keagamaan Islam, sekali gus pembelajaran tentang amalan Islam mendedahkan juga nilai budaya masyarakat tersebut. Memandangkan sebahagian besar responden berkahwin dengan masyarakat Melayu Muslim, proses kesepaduan budaya Melayu tidak dapat dielakkan.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/DANA/ 5/3/ARAS (0110/2016) di bawah Universiti Teknologi Mara kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

RUJUKAN

- Abdullah Munsyi. (1960). *Kisah Pelayaran Abdullah*, ed. Kassim Ahmad, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ali al-Quraysyi. (1996). *Al-Taghyir al-Ijtima-I 'Ind Malik Bennabi*. (terj.) Mohd Sofwan Amrullah, Malik Bin Nabi dan Pergolakan Sosial. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu. (2012).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Demografi Penduduk Mengikut Etnik*.
- Marvin Harris. (1984). *The Rise of Anthropological Theory*. (terj.) Norazit Selat, Kemunculan Teori Antropologi: Sejarah Teori-teori Kebudayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003) *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhana Ng Abdullah. (2012) (Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA Terengganu), dalam temu bual dengan penulis pada 12. Mac 2012.
- Purcell, V. (1965). *The Chinese in Southeast Asia*. London: OUP.
- S Rajagobal, S. (2016). *Kajian Semantik Penggunaan Frasa Nama Bahasa Tamil Berunsurkan Budaya Dalam Blog Thirutamil/Sumadi A/P S. Rajagobal*. Tesis Kedoktoran Universiti Malaya.
- Sa'id Hawwa. (1988). *Kay La 'amdi Ba'I dan 'an Ihtiyajat al-'Asr* . Kaherah: Mu'assasah al-Khalij al-'Arabi.
- Tan Chee Beng. (2002). *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Tylor, E.B. (1974). *Primitive Culture: Researches Into The Development Of Mythology, Philosophy, Religion, Art, And Custom*. New York: Gordon Press.

FENOMENA PERTUKARAN IDENTITI MELANAU: SUATU HIPOTESIS DAN FAKTA

Chong Shin
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
chongshin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membahaskan satu fenomena yang teoritis tentang asal-usul suku Melanau di Sarawak. Secara linguistik dan etnografi, mereka bukan digolong sebagai Dayak dan Melayu. Oleh sebab tiada keempunyaan etnisiti yang jelas, wujud perdebatan tentang asal-usul mereka. Kebanyakan teori mengenainya menyebut bahawa Melanau berasal dari pedalaman Borneo kerana tradisi, adat dan bahasa mempunyai persamaan dengan “Orang Ulu” iaitu suku Kayan, Kenyah dan Kajang. Makalah ini menilai hubungan mereka dengan “Orang Ulu” dan mendapati mereka berhubung dengan suku Kajang. Hasil perbincangan menemukan bahawa komuniti Melanau telah dua kali menukar identiti. Pertukaran kali pertama membabitkan identiti kebudayaan, iaitu selepas berpindah ke persisir pantai. Setelah identiti telah mantap terbentuk pada fasa pertama, wujud pertukaran identiti untuk kali kedua akibat Islamisasi, khususnya aspek etnisiti. Pertukaran etnisiti tersebut telah melenyapkan etnisiti sesetengah suku Melanau.

Kata kunci: Melanau, tanah asal, identiti, budaya, agama

PENGENALAN

Suku Melanau secara linguistik dan etnografi tidak tergolong sebagai Dayak atau Melayu. Menurut Babcock (1974), dulu tiada istilah “Melanau” sepertimana yang kita kenali sekarang. Istilah ini diperkenalkan oleh orang Brunei dan pelayar barat, dan mula digunakan secara meluas semasa pentadbiran Rajah Brooke. Makalah ini bertujuan membahaskan asal-usul dan identiti suku Melanau di Sarawak.¹ Jika berdasarkan sumber sekunder, suku Melanau dikatakan berkerabat dengan “Orang Ulu”² di pedalaman Borneo, misalnya dengan: Kayan dan Kenyah (Babcock 1974); Kajang (Morris 1989 dan, Rousseau 1988).

HUBUNGAN MELANAU-ORANG ULU

Berdasarkan huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa suku Melanau berkerabat dengan (1) Kayan dan Kenyah dan (2) Kajang. Namun sejauh manakah hubungan Melanau dengan “Orang Ulu” ini?

Hubungan Linguistik

Dari aspek linguistik sejarawi, Soriente (2013) mengatakan bahasa Melanau-Kajang menduduki cabang tersendiri dalam salasilah bahasa utara Sarawak sedangkan bahasa Kayan dan Kenyah menduduki subkelompok bahasa Sarawakan Utara:

¹Makalah ini dihasilkan di bawah projek FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8 yang berjudul *Menerokai Konsep Baru “Masuk Melayu” Melalui Etnolinguistik Suku Penan Muslim dan Melayu-Melanau Sarawak*.

²*Orang Ulu* adalah gelaran kumulatif untuk suku-suku seperti Bukitans, Bisaya, Kayan, Kajang, Kelabit, Kenyah, Lugat, Lisum, Murut (Lun Bawang), Penan, Sian, Tabun, Ukit, Saban dan sebagainya (Seling & Langub 1989)

RAJAH 1 Salasilah Bahasa di Utara Sarawak

-
- (1) Melanau-Kajang
 Kajang
 Bukitan (Indonesia (Kalimantan))
 Kajaman
 Lahanan
 Sekapan
 Sian
 Ukit
 Melanau
- (2) North Sarawakan
 Berawan-Lower Baram
 Berawan
 Lower Baram
 Kiput
 Bintulu
 Dayic
 Kelabitic
 Kayan-Kenyah
 Kayanic
 Kayan Proper
 Kenyah
 Kayanic Kenyah
 Kenyah,
 Penan
 Punan Tubu
-

Hubungan Etnografi

Menurut Metcalf (1975), suku Kajang juga digelar mereka sebagai *inland Melanau* dan berkerabat dengan Melanau Tanjong (di Kapit) dan Kanowit (di Kanowit); lihat Peta 1. Dalam pemakanan, sagu adalah makanan ruji mereka. Suku Kajang menguasai teknik memproses sagu darat (Nicholaisen 1986), begitu juga dengan suku Melanau (Chong & Collins 2015). Dari segi adat pengebumian, ketua suku Kajang dan Melanau dikebumikan di kubur yang berbentuk tiang (Seling & Langub 1989); lihat Gambar 1. Menurut de Martinoir (1974), suku Kajang dan Melanau mengandungi lapisan sosial yang hampir sama—suku Kajang mempunyai lapisan *linau laja* (bangsawan), *panyin* (rakyat biasa) dan *dipen* (hamba abdi) manakala Melanau mengandungi lapisan *Bangsa Pangeran* (Bangsawan dari Brunei), *Bangsa Sembilan Pikul* atau *a-metahei* (bangsawan), *Bangsa Tuju' Pikul* (rakyat biasa), *Bangsa Tuju' Betirih* (hamba yang dibebaskan) dan *Dipen* (hamba abdi); lihat Yasir (1987).

GAMBAR 1 *Jerunei* Suku Melanau



Ekologi dan Kebudayaan Umum *Orang Ulu*

Secara tradisi, *Orang Ulu* menjalankan kehidupan nomad untuk kelangsungan hidup. Mereka bergantung pada hutan untuk sumber makanan dan ekonomi. Meskipun demikian, mereka memakan sagu darat sebagai makanan ruji. Di pedalaman, mereka memburu haiwan liar seperti babi hutan, rusa, burung, monyet dan sebagainya. Mereka juga tidak menguasai teknik menangkap ikan. Ikan biasanya ditangkap dengan menggunakan panah, *tuba* (sejenis racun ikan dari tumbuhan) atau dengan tangan. Oleh sebab sistem hulu sungai yang cetak, mereka bahkan tidak tahu berenang. Secara tradisi, budaya material suku nomad tidak banyak. Mereka hanya dilengkapi dengan bakul, tikar dan alat muatan yang diperbuat daripada buluh. Senjata untuk memburu juga diperbuat daripada kayu dan buluh. Dari segi budaya, mereka mengandungi tradisi lisan seperti lagu, mitos, legenda dan sebagainya. Kelompok ini juga mengandungi peralatan muzik yang ringkas. Dari segi amalan tradisi atau kosmologi, mereka percaya pada semangat ghaib dan roh, dunia selepas kematian dan sebagainya. Secara ringkas, suku nomad ini tiada amalan tradisi yang rumit seperti suku Iban di hilir; lihat Sellato & Serombe (2007).


Suku Kajang

Nama “Kajang” dipercayai berasal dari nama sebatang sungai yang berhampiran dengan sungai Linau dan Bahau di pedalaman Sarawak. Suku Kajang dibentuk dari subsuku Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan Bah, Seping dan Bah Mali. Dari segi pemilihan nama “Kajang”, de Martinoir (1974) menjelaskan bahawa “...these small group which gave themselves the collective name of “Kajang”, in parallel to the name of their powerful neighbors (Kayan, Kenyah, Iban...)”. Sesungguhnya, hubungan Kajang-Kenyah-Kayan (juga dengan Penan, Punan dan suku lain) di bahagian hulu amat rumit dari segi terminologi suku, bahasa dan budaya. Mereka sering mempunyai salasilah keturunan yang bercampur-gaul akibat perkahwinan campur.


HIPOTESIS MIGRASI SUKU MELANAU

Sejarah migrasi suku Melanau juga dinyatakan dalam De Martinoir (1974). Menurut beliau, lembah Balui (pedalaman Sarawak) pada asalnya didiami oleh suku Kenyah dan beberapa suku kecil yang mirip dari segi budaya. Akibat pengembangan suku Kayan, sesetengah daripada mereka telah hilang atau berpindah ke kawasan lain. Di antaranya suku Melanau telah berpindah ke kawasan persisir pantai. Sungai Mukah dan Oya yang berhulu di hulu Rejang mungkin menjadi laluan perpindahan ke hilir (dan sungai Rejang) kerana kini masih terdapat jejak Melanau di hulu sungai berkenaan. Dari situ mereka bergerak ke pantai di hilir kerana ekologiinya ditumbuhi dengan pohon rumbia yang boleh dijadikan makanan ruji.

PETA 1 Persebaran Melanau Berdasarkan Variasi Bahasa (Rensch 2012)



PETA 2 Jalur Perpindahan Melanau dari Bahagian Hulu³



³Diubah suai dari Peta Rensch (2012) dengan merujuk kepada Google Map.

FENONEMA DUA KALI TUKAR IDENTITI

Di persisir pantai, suku Melanau telah mengalami dua kali perubahan identiti, iaitu identiti kebudayaan dan etnisiti.

Perubahan Kali Pertama: Kebudayaan

Setelah berpindah ke kawasan hilir, suku Melanau terpaksa menyesuaikan diri dengan persekitaran baru untuk kelangsungan hidup. Oleh sebab suku nomad di hulu tiada teknologi perikanan, mereka setelah berpindah ke persisir pantai, mula menyerap teknologi perikanan dari suku lain dan menjadikannya sebagai ekonomi tradisional. Setelah berkecimpung dengan laut, amalan seperti membaca mantera dan mengikat patung *dakan* (patung berwajahkan *semangat laut*) di jaring dilakukan semasa menangkap ikan (Morris (1991).

GAMBAR 2: *Dakan* dalam perikanan Melanau (Sumber: Galloway 2010)



Suku Melanau juga mencipta kalendar khusus yang berkaitan dengan laut. Jadual 1 merupakan perbandingan antara kalendar Melanau dengan kalendar Gregorian.

JADUAL 1 Kalendar Melanau dibandingkan dengan Kalendar Gregorian

Bulan (Gregorian)	Bulan (Melanau)	Bulan (Gregorian)	Bulan (Melanau)
Mac	Pengejin	September	Pegalan
April	Pengelawah Ume'	Oktober	Suwah
Mei	Pengelawah Ayeng	November	Pidai
Jun	Paka Ume'	Disember	Penangaih
Julai	Paka Ayeng	Januari	Pemalei
Ogos	Pelepa'	Februari	Pengesiseng

Menurut Morris (1991), kalendar Melanau mengandungi versi yang banyak. Contohnya, Buck (1933) dan Saliman (1963) mengatakan bahawa kalendar Melanau bermula dengan bulan *Pemalei* (Januari) dan berakhir dengan *Penangeh*; Manakala Sporah (1949) dan Munan (1969) mengatakan *Pengasisi* adalah bulan pertama dalam kalendar Melanau. Sebagai renungan, adakah kerana tamadun mereka sebagai penghuni persisir laut belum utuh sehinggakan wujud banyak versi kalendar? Pada bulan April setiap tahun, suku Melanau persisir pantai juga mengadakan upacara memuja laut (*kaul*) dan meminta semangat laut memberkati rezeki mereka. Upacara ini mirip dengan *semah* Melayu di pantai Sarawak; lihat Skeat (1949). Wujudnya persamaan amalan ini dengan suku Melayu menunjukkan berlakunya peralihan budaya dari yang hulu ke budaya hilir.

Kesemua kebudayaan yang diterangkan di atas hanya diamalkan oleh Melanau di persisir pantai dan sebaliknya oleh “Melanau hulu”; lihat Nor Hisham (2000) dan di delta Rejang. Amalan kebudayaan yang tidak sejagat adalah disebabkan oleh destinasi migrasi yang berbeza-beza. Dalam erti kata lain, kelompok yang berhijrah ke pantai berkembang dengan budaya “laut” manakala sebaliknya untuk mereka yang jauh dari persisir.

Perubahan Kali Kedua: Identiti Etnisiti

Setelah bertapak di tempat “baharu”, Islamisasi telah menyebabkan pertukaran identiti untuk kali kedua. Suku Melanau pada asalnya adalah animisme. Sejarah mereka memeluk agama Islam berkait rapat dengan kesultanan Brunei dan pedagang Melayu yang berurus niaga sago di persisir pantai Sarawak. Menurut Morris (1953 dlm Babcock 1974), seratus tahun kemudian, daripada 35,000 orang Melanau, 26,000 orang adalah Melanau yang beragama Islam. Kesan Islamisasi, mereka mengamalkan budaya “Melayu” dan berbahasa Melayu Sarawak. Secara ringkas, Islamisasi dan diikuti dengan perkahwinan campur mewujudkan fenomena “Melanau masuk Melayu”. Pertukaran ini telah melenyapkan identiti etnisi asal Melanau. Kenyataan Harrison (1970) merupakan buktinya: “...say I am a Melanau...My father was a Melanau, who married (as many do) a Sea Dayak. I am old now—and still a Melanau; but my twin brother, born seventeen minutes later than me and identical, is a Malay. He married (as many Melanau do) a Malay girl, and in so doing become a Mohammedan. His children are all Malays, as well—in Sarawak”. Sesungguhnya, suku Melayu di Sarawak pada hari ini kebanyakan memiliki identiti etnisi yang rumit kerana secara genealogi, keturunan mereka terdiri daripada pelbagai suku etnik yang memeluk agama Islam. Harisson (1970) pernah mengatakan bahawa kita jarang berjumpa dengan “Melayu Sarawak sejati”. Mereka mempunyai keturunan dari suku lain, misalnya Iban, Bidayuh, Jawa, Bugis dan sebagainya.

KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan fenomena dua kali perubahan identiti suku Melanau di Sarawak. Berdasarkan sumber yang sedia ada, dirungkaikan bahawa suku Melanau berasal dari hulu Rejang dan berkerabat dengan suku Kajang. Sejak bertapak di tempat baharu sehingga kini, suku Melanau telah mengalami dua kali perubahan identiti. Perubahan kali pertama berlaku pada aspek kebudayaan supaya sesuai dengan persekitaran di pantai. Perubahan identiti kali kedua berlaku kerana Islamisasi dan melibatkan etnisiti. Sesungguhnya, hipotesis asal-usul Melanau masih teoritikal dan perlu dilengkapi dengan bukti narasi lisan baik dari pihak Kajang mahupun Melanau. Narasi lisan diperlukan kerana suku etnik di Borneo adalah komuniti tanpa rekod tulisan. Kejayaan Sandin (1956) menelusuri migrasi Iban dari Kapuas Hulu melalui narasi lisan adalah contoh yang terbaik. Namun pada abad yang ke-21 ini, masih adakah golongan berusia yang mampu bernarasi tentang asal-usul suku mereka?

RUJUKAN

- Babcock, T.G. (1974). Indigenous identity in Sarawak. *Sarawak Museum Journal*. XXII (43), 191-202.
- Chong Shin & Collins, J.T. (2015). The sago terminology among the Melanau of Sarawak (Malaysia). *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(6), 136-144.
- Claire, L. (1971). Punan Ba’: Melanau link with the Ulu Rejang. *Sarawak Gazette*. 98, 23-25.
- De Martinoir, B.L. (1974). Notes on Kajang. *Sarawak Museum Journal*. XXII(43), 267-273.
- Galloway, C. (2010). Small and potent – Fishing charms and the Melanau of Borneo. *TASSA Review*. 19 (2): 13.
- Harrison, T. (1970). *The Malays of south-west Sarawak before Malaysia: A socio-ecological survey*. East Lansing: Michigan State University Press.
- Leach, E.R. (1949). A Melanau (Sarawak) Twine-Making Device, with Notes on Related Apparatus from N. E. Malaya. *The Journal of the Royal Anthropological Institute of Great Britain and Ireland*. 79 (1/2 - 1949): 79-85.

- Metcalf, P. (1975). The distribution of secondary treatment of the dead in central Borneo. *Borneo Research Bulletin*. 7(2), 54-59.
- Morris, H.S. (1991). *The Oya Melanau*. Kuching: Malaysian Historical Association (Sarawak Branch).
- Morris, S.H. (1989). The Melanau: An ethnographic overview. *Sarawak Museum Journal*. 40, 181-188.
- Nicholaisen, I. (1986). Pride and progress: Kajang response to economy change. *Sarawak Museum Journal*. 36, 75-116.
- Nor Hisham Osman. (2000). Pemerliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan suku kaum minority di Sarawak. Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference. 10-14 Julai, Kuching.
- Rensch, C.R. (2012). *Melanau and the languages of central Sarawak*. SIL International (<https://www.sil.org/resources/publications/entry/47763>).
- Rousseau, J. (1988). The people of central Borneo. *Sarawak Museum Journal*. XL(61), 7-18.
- Sandin, B. (1956). The westward migration of the Sea Dayaks. *Sarawak Museum Journal*. VII(7), 54-81.
- Seling, Ding & Langub, J. (1989). The Orang Ulu: An overview. *The Sarawak Museum Journal*. XL (61), 19-36.
- Sellato, B. & Sercombe, P.G. (2007). Introduction: Borneo, hunter-gatherers, and change. Dlm. Sellato, B. & Sercombe, P.G. (ed.). *Beyond the green myth: Hunter-gatherers of the Borneo in the twenty-first century* (hlm 1-49). Copenhagen: NIAS Press.
- Skeat, W.S. (1949). Semah (Menyemah). *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. XXII (Part I), 181-182.
- Soriente, A. (2013). Undergoer voices in Borneo: Penan, Punan, Kayan and Kenyah languages. Dlm. Adelaar, K.A. (ed.). *Voice variation in Austronesian languages of Indonesia* (hlm 175-203). Jakarta: NUSA.
- Yasir, A.R. (1987). *Melanau Mukah: Satu kajian budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

AMALAN MASYARAKAT MELAYU DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA WANITA: ANTARA SUNNAH DAN AMALAN KEBIASAAN

Roshimah Shamsudin
Universiti Sains Malaysia
roshimah@usm.my

ABSTRAK

Tradisi masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka wanita yang dipraktikkan melalui beberapa bentuk perwarisan seperti berasaskan undang undang adat, muafakat dan *hibah* selain kaedah faraid jelas menunjukkan kepelbagaian amalan sekali gus memperlihatkan bahawa amalan ini bertitik tolak daripada dua elemen utama, iaitu agama dan sosiobudaya masyarakat. Hal ini bermakna agama dan adat resam memainkan peranan tersendiri dalam mencorakkan amalan pembahagian tersebut. Penulisan kertas kerja ini mengkaji amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka wanita dengan menganalisisnya daripada perspektif Sunnah Nabi s.a.w. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian yang berbentuk kualitatif ini menjalankan kaedah pengumpulan data yang dilaksanakan melalui kajian kepustakaan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan amalan masyarakat Melayu. Seterusnya data tersebut akan dianalisis melalui kaedah induktif dan deduktif dengan bersandarkan kitab-kitab hadith induk seperti *al-Kutub al-Sittah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hak harta pusaka yang diberikan kepada kaum wanita sebanyak satu perdua, satu pertiga dan satu perempat serta satu perenam atau satu perlapan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu berteraskan konsep faraid adalah selaras dengan nas-nas yang terdapat dalam Sunnah Nabi s.a.w. Begitu juga dengan amalan pembahagian harta pusaka wanita secara muafakat, *hibah* dan wasiat, namun ada sesetengahnya berdasarkan hadith-hadith yang daif. Di samping itu, penemuan kajian turut menunjukkan bahawa sesetengah amalan kebiasaan yang bercirikan adat lebih diutamakan dibandingkan nas daripada hadith dalam persoalan pembahagian harta pusaka wanita.

Kata kunci: amalan kebiasaan, harta pusaka, masyarakat Melayu, Sunnah, wanita

PENGENALAN

Selain nas al-Quran dalam Surah al-Nisa', penetapan bahagian pusaka wanita juga terdapat dalam hadith-hadith Nabi S.A.W. yang memperlihatkan enam kategori waris wanita yang berhak mendapat harta pusaka, iaitu anak perempuan bagi anak lelaki, nenek, saudara perempuan kandung dan sebapa, ibu saudara sebua dan wanita yang memerdekakan hamba (Jasni Sulong 2012:227). Penetapan bahagian pusaka untuk waris wanita yang berasaskan nas al-Qur'an dan al-hadith dilaksanakan melalui mekanisme yang diistilahkan sebagai faraid yang merupakan ketetapan Allah kepada setiap hambanya yang dapat bertindak untuk mengurus dan menyelesaikan solusi bagi masalah agihan harta pusaka. Selain kaedah faraid, terdapat juga cara lain yang turut diguna pakai dalam amalan pembahagian harta pusaka yang diberikan nama sebagai mekanisme permuafakan atau lebih dikenali dengan istilah kaedah *takharuj* yang disifatkan turut melibatkan elemen *sulh* sesama ahli waris atas asas prinsip redha-meredhai dan toleransi (Mohamad Arif Sabtu & Siti Mashitoh Mahamood 2017: 22).

Kertas kerja ini membincangkan amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka wanita dengan menganalisisnya daripada perspektif Sunnah Nabi S.A.W.

AMALAN MASYARAKAT MELAYU DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Menurut Jasni Sulong, meskipun peruntukan harta pusaka wanita sudah jelas dan terperinci dari segi teorinya dengan adanya nas-nas dari al-Quran dan al-hadith, namun amalan secara praktikalnya masih menimbulkan konflik khususnya dalam kes pembahagian harta tidak alih seperti tanah yang sekali gus memberikan indikasi bahawa hanya kaum lelaki sahaja yang berhak mewarisi hartanah (Jasni Sulong 2012:232). Dalam kes harta tidak alih seperti tanah, menurut Wazir Jahan Karim, lazimnya dibahagikan berdasarkan kecenderungan peribadi ibu bapa sebelum meninggal dunia dengan mengambil kira faktor anak yang lebih mengambil berat kebajikan ibu bapa atau menguruskan kebun atau ladang (Wazir Jahan Karim 1992: 122). Dalam konteks ini, menurut Charles Hirschman, ibu bapa lazimnya mempunyai kecenderungan untuk lebih mengutamakan anak lelaki terutamanya daripada kelahiran yang pertama.

Keutamaan kepada anak lelaki disifatkan oleh beliau sebagai fenomena biasa dalam kalangan masyarakat Melayu yang dapat dilihat dari sudut hak lelaki dalam perwarisan dan tanggungjawab mereka untuk menyara keluarga. Kaedah pembahagian harta pusaka ini, menurut beliau lagi, memberikan maksud anak lelaki sulung akan mewarisi semua harta pusaka (Charles Hirschman 2016:36).

Wazir Jahan Karim ketika menyuarakan pandangannya dalam isu pembahagian harta pusaka tidak alih seperti tanah walau bagaimanapun tidak menafikan bahawa secara umumnya masih lagi wujud pembahagian secara sama rata antara anak-anak lelaki dan perempuan. Walaupun demikian, terdapat juga situasi yang memberikan hak kepada anak perempuan mewarisi harta ibu dan anak lelaki mewarisi harta ayah, iaitu dalam kes kedua ibu bapa adalah pemilik tanah. Bagi pembahagian dalam kes tersebut, nilai tanah tidak menjadi asas perkiraan namun berdasarkan jumlah bidang tanah yang diberikan. Hal ini bermakna setiap waris akan mendapat jumlah bidang tanah yang sama rata meskipun dalam kuantiti yang sedikit. Selain itu, terdapat juga kaum lelaki atau wanita didapati memberikan semua hartanya kepada anaknya sahaja seperti yang dapat dilihat dalam kes wanita yang merupakan isteri kedua yang kemudiannya ingin berkahwin lain selepas kematian suami pertamanya. Begitu juga dengan kes suami yang hanya memberikan hak tersebut kepada anak-anak daripada perkahwinan terdahulu sahaja. Amalan pembahagian harta pusaka seumpama ini kebiasaannya dikaitkan dengan dokumen hitam putih secara rasmi yang dimeterai di Pejabat Tanah selain dilaksanakan kadangkala berdasarkan kaedah janji yang menuntut anak-anak bersetuju dengan keputusan ibu bapa selepas kematian mereka (Wazir Jahan Karim 1992: 122).

Bagi harta boleh alih, waris wanita masih mendapat hak mereka khususnya harta yang berbentuk barangan perhiasan (Jasni Sulong 227-232). Kenyataan beliau ini selaras dengan pandangan Mahani Musa yang menyatakan bahawa kaum wanita mempunyai peluang yang tinggi untuk mendapat harta boleh alih seperti barang kemas yang kelazimannya diwarisi oleh mereka namun kaum lelaki juga boleh mengambil haknya dengan menyerahkannya kepada anak isteri mereka (Mahani Musa 2005:81).

Secara lebih spesifik, amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka lelaki mahupun wanita dibahagikan oleh Janet Carsten kepada dua, iaitu secara rasmi melalui faraid dan secara tidak rasmi melalui adat (Janet Carsten 1988: 270). Menurut Mahani Musa kelazimannya cara pembahagian harta pusaka masyarakat Melayu adalah berteraskan hukum syarak yang berlandaskan nas al-Quran yang termaktub dalam surah al-Nisa' yang merujuk kaedah faraid di samping pemakaian beberapa kaedah lain seperti berdasarkan hukum adat, wasiat dan secara hebahan. Beliau berpandangan bahawa pembahagian harta pusaka secara faraid dari satu segi tidak membolehkan wanita memiliki harta yang banyak. Perkara ini bertitik tolak daripada kedudukan anak perempuan dalam pembahagian harta yang diletakkan sebagai waris gantian yang mendapat baki harta bersama-sama anak lelaki yang merupakan waris utama berasaskan nisbah dua bahagian untuk anak lelaki dan satu bahagian untuk anak perempuan. Manakala cara pembahagian berdasarkan hebahan pula memberikan ruang kepada sesiapa yang masih hidup membuat pembahagian kepada waris tertentu dengan cara mengumumkannya di hadapan beberapa orang saksi. Kaedah pembahagian harta pusaka secara hukum adat menjadi pertimbangan penting masyarakat Melayu dilihat dari aspek kedudukan adat Melayu itu sendiri. Pembahagian secara hukum adat ditafsirkan sebagai cara pembahagian berasaskan permuafakatan dalam erti kata mendapat persetujuan semua waris tanpa mengambil kira cara mana sekali pun selain cara syarak. Pelaksanaan berdasarkan cara ini disifatkan lebih mudah dan cepat kerana tidak melibatkan karenah birokrasi. Meskipun demikian, kaedah ini juga belum tentu memberikan jaminan bahawa kaum wanita akan mendapat faedah. Hal ini kerana ia bergantung pada budi bicara waris lelaki dalam sesebuah keluarga yang lazimnya diberikan tanggungjawab untuk mengetuai pembahagian tersebut. Selain itu, pembahagian harta pusaka secara wasiat meskipun kurang popular turut dijalankan dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya kaum wanita yang memperlihatkan mereka menggunakannya sebagai jalan terakhir untuk mengelakkan perebutan harta pusaka dan penipuan dalam segala urusan yang melibatkan pemindahan harta atau jual beli serta pembahagian tidak sama rata antara waris. Pembahagian harta pusaka secara wasiat meskipun kurang popular turut dijalankan dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya kaum wanita yang memperlihatkan mereka menggunakannya sebagai jalan terakhir untuk mengelakkan perebutan harta pusaka dan penipuan dalam segala urusan yang melibatkan pemindahan harta atau jual beli serta pembahagian tidak sama rata antara waris (Mahani Musa 2005:81,89).

Amalan pembahagian harta pusaka wanita antara berteraskan hukum syarak dan adat menurut Janet Carsten berupaya mencetuskan perdebatan yang berterusan akibat wujud percanggahan yang jelas antara hukum syarak dan adat (Janet Carsten 1988: 270). Dalam hal ini juga, Jasni Sulong berpandangan konflik yang timbul ini berpunca daripada amalan masyarakat yang mengutamakan adat dan tradisi yang menyeleweng. Implikasinya, hak waris wanita akan sentiasa terabai (Jasni Sulong 212: 238). Secara kasarnya, berdasarkan pembahagian melalui kaedah faraid, hukum adat dan wasiat, kaum wanita dilihat sukar untuk memiliki harta yang banyak. Namun bagi sesetengah situasi, kaum wanita Kedah umpamanya didapati meninggalkan harta pusaka yang banyak seperti yang dapat dibuktikan melalui rekod Pejabat Setem Kedah. Perkara ini memberi petanda bahawa selain kaedah perwarisan, kaum wanita memiliki harta melalui mekanisme lain seperti usahasama suami isteri atau usaha sendiri apatah lagi kaum wanita Melayu juga tidak kurang hebatnya dari segi kedudukan sosial mereka contohnya sebagai isteri kerabat diraja, pembesar dan penghulu (Mahani Musa 2005:81).

ANALISIS AMALAN MASYARAKAT MELAYU DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA WANITA DARI PERSPEKTIF SUNNAH NABI S.A.W.

Amalan pembahagian harta pusaka untuk anak lelaki mahupun wanita yang dilaksanakan sebelum kematian adalah selaras dengan hadith riwayat al-Bukhari yang bermaksud:

Jabir bin Abdullah berkata: aku pernah sakit lalu Nabi S.A.W datang menziarahiku dan aku pengsan ketika itu. Beliau datang bersama Abu Bakr dan Umar dengan berjalan kaki. Kemudian Nabi S.A.W mengambil wuduk dan memercikkan air wuduknya kepadaku lalu aku tersedar. Kemudian aku bertanya, wahai Rasulullah S.A.W. apa yang harus aku lakukan dengan hartaku? Atau apa yang harus aku buat dengan hartaku? Namun Nabi S.A.W. belum menjawab pertanyaanku. Beliau memiliki sembilan saudara perempuan, sehingga turun ayat *mirath* daripada surah al-Nisa' yang bermaksud, mereka meminta fatwa darimu tentang *kalalah*, Jabir berkata ayat itu turun berkaitan masalahku (Al-Bukhari 1422H: 1671).

Selain itu, amalan pembahagian harta pusaka yang mengetepikan hak wanita sama sekali ternyata bercanggah dengan Sunnah Nabi S.A.W. seperti yang dapat dilihat daripada sebuah hadith riwayat al-Tirmidhi yang menceritakan seorang perempuan dari kaum Ansar yang mengadu kepada Nabi S.A.W. mengenai hak pusaka bagi dua orang anak perempuan Saad bin Rabi 'yang telah dirampas kesemuanya oleh bapa saudara mereka setelah kematian Saad. Setelah turun wahyu, Nabi S.A.W. memanggil wanita tersebut dan pakcik kepada dua anak perempuan Saad lalu berkata "berikan kepada dua-duanya sebanyak dua pertiga, berikan satu perempat kepada ibu mereka dan bakinya adalah untukmu (Al-Tirmidhi t.th: 599). Berdasarkan riwayat tersebut yang dinilai *sanadnya* sebagai *hasan* oleh al-Albani (Al-Albani t.th:92) ternyata bahawa perbuatan mengambil hak harta pusaka wanita adalah tidak bertepatan dengan Sunnah Nabi S.A.W.

Penelitian terhadap hadith Nabi S.A.W. mendapati bahawa kaum wanita diberi hak pusaka sebanyak satu perdua daripada harta peninggalan dalam situasi beliau tidak mempunyai saudara lelaki yang menandakan bahawa kaum wanita juga turut mendapat hak yang banyak, iaitu sebanyak separuh daripada harta pusaka berdasarkan kaedah faraid. Perkara ini dapat dilihat dalam sebuah hadith riwayat al-Bukhari yang menunjukkan anak perempuan diberi satu perdua, cucu perempuan daripada anak lelaki mendapat satu perenam dan bakinya adalah untuk saudara perempuan (Al-Bukhari 1422H:1669). Hadith ini menunjukkan bahawa waris wanita mendapat hak mereka yang sewajarnya.

KESIMPULAN

Amalan masyarakat Melayu dalam pembahagian harta pusaka wanita memperlihatkan bahawa pelaksanaannya dilakukan melalui beberapa mekanisme dan antara yang paling menyerlah adalah melalui faraid dan secara muafakat. Sesetengah amalan ini berlandaskan Sunnah Nabi S.A.W. khususnya yang dilaksanakan melalui kaedah faraid. Berdasarkan kaedah faraid juga anak perempuan mendapat satu perdua daripada harta pusaka dalam situasi tidak mempunyai anak lelaki. Terdapat juga amalan yang bercanggah dengan Sunnah Nabi S.A.W., iaitu apabila kaum wanita tidak diberi hak langsung dalam harta pusaka.

RUJUKAN

- Al-Albani, Muhammad Nasir (t.th). *Sahih wa Da'if Sunan al-Tirmidhi*, Iskandariyah : Markaz Nur al-Islam.
- Al-Bukhari, Muhammad b. Ismail (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zahir b. Nasir (Ed.). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Tirmidhi, Abu Isa Muhammad (t.th). *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Carsten, J. (1988). Women, Men, and the Long and Short Term of Inheritance in Pulau Langkawi, Malaysia. Workshop on Islamic Family Law and Practise, Januari 1988. University of Cambridge.
- Hirschman, C. (2016). Gender, the Status of Women, and family Structure in Malaysia. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1), 33-50.
- Jasni Sulong (2012). Hak Wanita Ke Atas Harta Dan Pembahagian Harta Pusaka. Dlm. Alzizan Mat Enh & Rohani Abdul Ghani (Ed.). *Wanita dan Masyarakat* (hlm. 219-250). Johor: Penerbit UTHM.
- Mahani Musa (2005). *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. (Edisi pertama). Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammad Arif Sabtu & Siti Mashitoh Mahamood (2017). Kaedah Muafakat dalam Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam: Kajian di Mahkamah Tinggi Syariah Negara Brunei Darussalam. *Journal of Shariah Law Research*. 2(1), 21-34.
- Mohammad Khairy Kamarudin et al. (2015). Pembahagian Harta Pusaka di Kalangan Waris: Pendekatan AHP. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam 2015. Sintok: UUM, Mei.
- Wazir Jahan Karim (1992). *Women and Culture Between Malay Adat and Islam*. San Francisco: Westview Press.

KOMITMEN DALAM ETIKA KERJA ISLAM DAN BUDAYA CINA: SATU ANALISIS AWAL

Mohamad Khadafi Hj Rofie
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
Khadafi@uum.edu.my

Shukri Ahmad
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
shuk494@uum.edu.my

Akram Dahaman
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
akram@uum.edu.my

Zainal Md Zan
Pusat Pengajian Kerajaan Tempatan
Universiti Utara Malaysia
Zainal@uum.edu.my

ABSTRAK

Komitmen adalah satu bahan penting dalam apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan kualiti kerja. Sikap komitmen memainkan peranan penting dalam kejayaan mana-mana orang atau organisasi berdasarkan pekerjaan nilai-nilai murni. Para pekerja yang komited akan dapat memastikan kejayaan apa juga pekerjaan dengan berkesan. Islam telah menggariskan etika kerja melalui konsep komitmen dalam masyarakat untuk memberi penumpuan kepada Allah dan kepada masyarakat. Kertas kerja ini akan membincangkan konsep etika kerja Islam dari segi komitmen dan bagaimana sangat bergunanya konsep komitmen ini di dalam perkembangan budaya kerja masyarakat Islam dan masyarakat Cina. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Kajian ini berpendapat bahawa, komitmen memainkan peranan penting dalam membina masyarakat yang berjaya dan maju. Adalah diharapkan bahawa analisis komitmen dalam etika kerja Islam yang melibatkan masyarakat Islam dan budaya masyarakat Cina ini akan ditonjolkan dalam kajian ini berdasarkan bahan-bahan dan pemakaian etika kerja di rantau ini.

Kata kunci: etika, etika Islam kerja, komitmen, budaya Cina

PENDAHULUAN

Perkataan kerja dalam bahasa Arab dinamakan sebagai *'amal* dan *al-kasb*, merujuk kepada aktiviti kerohanian atau segala bentuk tingkah laku dan aktiviti ekonomi. Perkataan *'amal* atau kerja telah disebut dalam al-Quran sebanyak 371 kali melalui 86 surah. Kerja secara umum bermaksud setiap perbuatan yang dilakukan dengan zahir pada anggota tubuh badan sama ada dengan kehendak ataupun tidak (Furnham, 1997). Yusof al-Qardhawi (2001) pula telah memperincikan definisi terhadap istilah kerja ini sebagai satu usaha manusia secara sedar, sama ada secara berseorangan atau berkelompok, bagi menghasilkan sesuatu barangan atau memberikan perkhidmatan. Selain itu, ia juga adalah mekanisme untuk mengurangkan kemiskinan, ia juga merupakan elemen utama sebagai amalan yang membantu manusia melaksanakan tugas sebagai khalifah di muka bumi.

Islam telah meletakkan kerja sebagai satu asas utama dan wajib bagi setiap individu dalam kehidupan manusia untuk mendapatkan keperluannya seharian seperti makan, minum dan pakai. selain itu ia juga adalah untuk memenuhi keperluan individu dan masyarakat. Ukuran minimum tidak ditentukan, tetapi kesederhanaan dalam memenuhi keperluan ini menjadi keutamaan (Barjoyai Bardai, 2002). Namun, masih terdapat kelompok dalam masyarakat yang masih menganggap bahawa perbuatan yang berhubungan

dengan agama adalah amal, sementara yang berhubung dengan kehidupan merupakan pekerjaan (Wan Mohd Nor Daud, 1990). Ini adalah satu tanggapan yang salah. Secara jelasnya, sebarang perkara yang wujud dalam kehidupan ini umpamanya rezeki, amalan, kematian, ketentuan yang baik atau buruk dalam hidup telah ditentukan oleh Allah SWT.

KOMITMEN

Komitmen adalah satu sikap (pendirian atau perbuatan) memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dan sebagainya atau menunjukkan sokongan dan azam yg sepenuhnya kpd sesuatu. Komitmen juga boleh diertikan dengan perjanjian (persetujuan, kata putus, dan sebagainya) untuk melakukan sesuatu yang menjadikan sesuatu pihak itu terikat untuk melaksanakannya ataupun keterlibatan secara bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Komitmen kerja yang dimaksudkan ialah kebertanggungjawaban individu kepada pekerjaannya atau organisasinya yang menunjukkan sikap seseorang berasaskan nilai-nilai yang dimiliki dan diwujudkan melalui perilaku pada organisasi (Abd. Aziz Yusof, 2008). Penilaian komitmen akan diperlihatkan oleh seseorang melalui keterlibatannya dalam pekerjaan atau organisasi. Keyakinan atau kepercayaan terhadap tujuan dan nilai kerja serta organisasinya lebih tinggi. Ia mampu untuk membantu usaha dan tugas dalam organisasi bagi mencapai tujuan juga akan mempertahankan dirinya untuk menjadi salah seorang daripada pekerja dalam organisasi tersebut secara tetap (Kamal Hassan, 1992).

ETIKA KERJA ISLAM

Manakala etika kerja Islam pula adalah merujuk kepada suatu set nilai atau sistem kepercayaan yang dititip daripada al-Quran dan sunah mengenai kerja (Shukri & Razali, 2001). Sememangnya budaya kerja Islam menuntut hubungan secara *multi-dimentional* dengan pelbagai aspek kehidupan termasuk aspek sosial, politik dan ekonomi. Terdapat sekurang-kurangnya lapan perkara melibatkan sikap (*attitudes*) dan perangai (*behaviours*) pekerja terhadap kerja. Sayyid Hussein Nasr (1989) menjelaskan bahawa etika kerja Islam itu mesti dibina melalui al-Quran dan al-Sunnah kerana di dalamnya terdapat pelbagai prinsip asas dalam kehidupan.

Secara umumnya terdapat lapan prinsip etika kerja yang dapat dikeluarkan melalui al-Quran dan hadis. Prinsip-prinsip tersebut ialah; *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'ruf* dan *Itqan*. Keseluruhan prinsip-prinsip tersebut memberi satu pernyataan bahawa al-Quran dan hadis adalah merangkumi pelbagai aspek ilmu pengetahuan termasuk aspek etika yang dapat menjadi panduan dalam kehidupan umat manusia. Secara jelasnya, prinsip-prinsip etika kerja yang terbina melalui al-Quran dan hadis ini mempunyai hubungan dengan aspek komitmen.

KOMITMEN DALAM ETIKA KERJA ISLAM

Para pekerja Muslim bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang cemerlang dengan menggunakan berbagai-bagai angkubah pengurusan dan program bagi meningkatkan mutu kerja (al-Qardhawi, 1995). Islam bukan agama yang memisahkan dirinya daripada realiti sosial, politik, ekonomi dan lain-lain. Sebaliknya Islam ialah agama yang praktikal dan mempunyai keprihatinan yang menyeluruh (Nor Azzah, 2002).

Komitmen dalam etika kerja Islam lahir daripada keinginan untuk mendapatkan ganjaran di dunia dan akhirat. Keinginan ini memberikan satu semangat kepada pekerja atau pelakunya. Islam amat menekankan agar komitmen atau kesungguhan dalam bekerja ini hendaklah didasari kepada prinsip etika kerja Islam yang terdiri daripada *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan* dalam kerja yang dilakukan. Komitmen yang mengikut prinsip-prinsip ini akan lebih kukuh dari sudut kehambaannya kepada Allah SWT. Komitmen dalam kerja akan menurun jika tidak bersandarkan kepada prinsip yang jelas.

Komitmen dan kesungguhan bekerja memerlukan kepada input dan output. Input bagi komitmen kerja berkait rapat dengan keyakinan terhadap kebenaran sesuatu kerja. Jika seseorang itu berpegang dengan keimanan kepada Allah, pasti dia akan berpegang dengan prinsip-prinsip dan ajaran yang bersumberkan wahyu Allah. Jika seseorang itu berpegang dengan kepercayaan terhadap kerja akan melaksanakan kerja mengikut keyakinan tersebut. Sementara output bagi komitmen kerja pula dapat difahami sebagai hasil pelaksanaan yang dilakukan iaitu melaksanakan kerja dengan cemerlang hingga pekerja itu mendapat kepuasan maksimum terhadap kerjanya.

KOMITMEN KERJA MASYARAKAT CINA

Secara tradisi, orang Cina memang terkenal dengan komitmen dan daya usaha yang tinggi. Mereka sering disebut sebagai golongan buruh yang ideal dan boleh dipercayai. Purcell, menyebut bahawa orang-orang Cina adalah golongan yang lebih cenderung untuk mendapatkan imbuhan upah mengikut kadar pengeluaran mereka. Mereka juga boleh menghasilkan lebih banyak keluaran berbanding golongan etnik lain dalam keadaan dan masa yang sama di samping mereka berkebolehan untuk melakukan tugas yang lebih berat dan rumit (Victor Parcel, 1965: 342).

Etika kerja Cina juga mempunyai rangsangan-rangsangan ketaatan dalam budaya mereka sebagai pemangkin kerja yang kuat umpamanya seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

JADUAL 1: Peribahasa Cina

Peribahasa	Makna
Po fu cen zhou	umpama memecahkan periuk dan menenggelamkan sampan
Pi xing dai yue	seperti keluar pada waktu subuh bersama bintang, kembali pada malam bawa buku
Jiao ta syi di	ibarat kaki memijak tanah yang keras
Syi ban gong bei	menggunakan tenaga yang sedikit untuk memperolehi hasil yang berlipat ganda
Yi si bu gou.	sekecil kelalaian pun tidak diizinkan) ertinya, buatlah sesuatu kerja itu dengan serius, teliti dan kemas
You syi you zhong	ada mula ada akhir
Tian xia wu nan syi, zhi pa you xin ren	bagi yang kuat berazam tiada perkara yang sukar dilakukan
Min syeng zai qin	jika masyarakat hendak hidup mewah, perlulah bekerja dengan tekun dan gigih
Jing jing you tiao	ibarat tenaga yang tersusun dengan baik
Qin neng bu zhuo	ketekunan dapat mengatasi kelembapan

PERBINCANGAN

Hasil analisis awal menunjukkan bahawa komitmen dalam etika kerja Islam dan budaya Cina lahir daripada keyakinan dan prinsip. Komitmen lahir dalam etika kerja Islam melalui keinginan dan keyakinan untuk mendapatkan ganjaran di dunia dan akhirat. Sementara komitmen kerja dalam budaya Cina lahir daripada keinginan untuk kehidupan yang baik di dunia. Keinginan ini memberikan satu semangat kepada pekerja atau pelakunya. Islam amat menekankan agar komitmen atau kesungguhan dalam bekerja ini hendaklah didasari kepada prinsip yang terdiri daripada *Taqwa*, *Amal Saleh*, *al-Birr*, *al-Qist*, *Ihsan*, *Masuliyah*, *Ma'aruf* dan *Itqan* dalam kerja yang dilakukan. Manakala bagi budaya Cina komitmen datang daripada konsep "Woo Lun" yang membawa maksud 'Lima Hubungan Asas Manusia'. Lima hubungan ini adalah 'ayah dan anak', 'suami dan isteri', 'abang dan adik', serta 'kawan dan kawan' 'raja dan pembesar'. Nilai dalam etika kerja Cina ini memujudkan komitmen dalam budaya kerja Cina.

Menurut Salleh al-Fahdi (t.th), semangat dan komitmen bekerja hendaklah didasarkan kepada pegangan atau prinsip yang utuh. Prinsip etika kerja Islam berpaksikan asas yang kukuh kerana bersumberkan kepada al-Quran dan hadis begitu juga budaya kerja Cina mendasari fahaman Konfusius. Ganjaran semata-mata tidak dapat memberikan jaminan terhadap komitmen kerja yang dilakukan secara berterusan. Oleh itu, prinsip etika kerja yang dikeluarkan melalui saluran al-Quran dan hadis dapat memenuhi kehendak manusia sebagai hamba Allah SWT kerana nilai-nilai ini memenuhi dan berkaitan dengan hidup manusia seluruhnya. Begitu juga dalam budaya Cina, nilai yang sama telah menjadi rangsangan kepada masyarakat Cina seperti ketaatan, ketekunan, ikhlas.

Komitmen dalam bekerja memerlukan kepada input dan output. Input bagi komitmen kerja berkait rapat dengan keyakinan terhadap kebenaran sesuatu kerja. Jika seseorang itu berpegang dengan keimanan kepada Allah, pasti dia akan berpegang dengan prinsip-prinsip dan ajaran yang bersumberkan wahyu Allah. Jika seseorang itu berpegang dengan kepercayaan terhadap kerja akan melaksanakan kerja mengikut keyakinan tersebut. Sementara output bagi komitmen kerja pula dapat difahami sebagai hasil pelaksanaan yang dilakukan iaitu melaksanakan kerja dengan cemerlang hingga pekerja itu mendapat kepuasan maksimum terhadap kerjanya.

Walaupun Confucius merupakan bapa kepada pemikiran falsafah Cina kuno tetapi ajaran beliau bukan berupa kepercayaan agama sebaliknya ia merupakan ajaran etika sahaja. Masyarakat Cina adalah masyarakat berbentuk hierarki. Kejayaan seseorang individu adalah suatu kejayaan bagi sesebuah keluarga. Manakala kejayaan keluarga yang lain menjadi pendorong semangat seluruh komuniti dan masyarakat itu.

KESIMPULAN

Jelaslah bahawa komitmen yang lahir dalam etika kerja Islam dan budaya Cina adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip nilai yang bersamaan. Prinsip-prinsip nilai ini telah membentuk kehidupan manusia yang bertanggungjawab dan memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugas yang dilakukan sejajar dengan penghidupan manusia yang dilantik sebagai pemakmur muka bumi.

Nilai-nilai ini telah mewujudkan pegangan yang membuatkan manusia terangsang untuk memberikan komitmen mereka terhadap sesuatu tugas dan kerja. Melalui pegangan ini ia melahirkan ketaatan dan kepatuhan dalam struktur organisasinya. Atas asas ini masyarakat Islam dan masyarakat Cina membentuk budaya dan etika kerja mereka. Komitmen dalam etika kerja yang dikembangkan oleh Islam dan budaya masyarakat Cina dalam ekonomi, sosial dan pendidikan ini tidak bersandar kepada sistem hukuman malahan dikembangkan ia melalui pembentukan akhlak dan moral. Pemupukan dan kewujudan komitmen dalam etika kerja ini benar-benar wujud disebabkan pembudayaan etika ini yang diamalkan dari generasi ke generasi. Seolah-olah etika sedemikian sudah menjadi suatu budaya sama seperti penerimaan masyarakat Cina kepada tatacara Islam yang menyerupai dengan ajaran moral daripada Konfusius.

RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahan rasm Uthmani*. (1418H). Madinah al-Munawarrh: Majma' Malik al-Fahd.
- Ahmad, K. (1976). *Islam: Its meaning and message*. Islamic Council of Europe. London.
- Arthur, W. (1964). *The Analects of Confucius*. George Allen and Unwin.
- Barbash, J. (1983). *The Work Ethic - A Critical Analysis (Industrial Relation Research Association services)*
- Bush, R. (1982). *Five Relation Confucius's Teaching*. U.S.A.: Time-Life Publications
- Carmody, D.L. and Carmody, J.T. (1983). *Eastern Ways To The Center: An Introduction To Asian Religions*. Belmont CA : Wadsworth.
- Idris Zakaria (1987, 13 Januari). "Falsafah Ilmu dan Pendidikan Mesti Berlandaskan Agama". *Utusan Malaysia*, m.s. 8.
- Kamal Hassan. (2008). *Keutuhan budaya dan moral. Siri penerbitan pendekatan Islam Hadhari*. JAKIM. Jabatan Perdana Menteri
- Kearney, R. P. (1991). *The Warrior Worker; The Challenge of The Korean Way of Working Henry Holt and Company*. New York.
- Limlingan, V.S. (1986). *The Overseas Chinese In Asian, Business Stratigies and Management Practices*. Manila: Vita Development Corporation
- Macoby, M. (1983). "The Managerial Ethic In America". *The Work Ethic - A Critical_Analysis (Industrial Relations Research ASC. Series)*
- Muhammad Ahmad Bayyumi. (1978). *The Islamic Ethic of Socil Justice And the Spirit of Apl'ication of Weber's Thesis To The Relationship Between Religious Values And Socil Change In Modern Egypt*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan.
- Mohd Nasir Omar 1986. *Falsafah etika: perbandingan Islam dan barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ogden, S. (1989). *China's Unresolved Issues: Politics, Development and Culture*. Prentice Hall Printing.
- Parcel, V. (1965). *The Chinese in Southeast Asia*. Oxford University Press.
- Razali Mat Zin (1986, Mac). "Motivasi Terhadap Pekerja Bawahan". *Dewan Masyarakat*. 25, Bil. 3, ms. 46. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Redding, G.S. (1990). *The Spirit of Chinese Capatilism, Walter De Gruyter*. New York.
- Robinson, R. (1986). *Indonesia : The Rise of Capatalism*. Sydney: Allen and Unwin
- Siti Nor Akidah Samsudin. (2006). *Hubungan etika kerja Islam dan komitmen organisasi satu kajian di kalangan kakitangan akademik Kolej Matrikulasi Arau, Perlis*. Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Weber, M. (1958). *The Protestont Ethic And The Spirit of Capatalism*. New York. Charles Scribner's Sons.
- Yusof Al-Qardhawi. (1987). *Al-iman wa al-hayah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

DARI PEMBINAAN MASJID SENI BINA CHINA (MASJID BEIJING) KE PENGANJURAN EKSPLO PERDAGANGAN CHENG HO : LAMBANG INTERAKSI TAMADUN CINA DALAM MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN, MALAYSIA

*Norazlan Hadi Yaacob
Universiti Pendidikan Sultan Idris
norazlanhadi@gmail.com*

ABSTRAK

Hubungan negara China dengan Semenanjung Tanah Melayu telah bermula semenjak zaman kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka lagi terutamanya pada abad yang ke-15. Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, masyarakat Cina telah diterima sebagai sebahagian daripada warganegara Malaysia. Perkembangan masyarakat Cina begitu drastik dalam pembinaan dan turut membentuk masyarakat Malaysia moden. Proses interaksi berlaku sama ada dalam bentuk positif dan negatif. Walaupun masyarakat Cina sebahagian daripada komuniti masyarakat Malaysia moden, taburan penduduknya hanyalah tertumpu pada negeri di bahagian Barat, Selatan dan Utara semenanjung dan agak sedikit di kawasan Pantai Timur. Kelantan merupakan negeri di bahagian Pantai Timur semenanjung yang didiami oleh sebahagian besar majoriti masyarakat Melayu. Walaupun begitu, masyarakat Cina yang mendiami di sini hidup dalam harmoni dengan masyarakat Melayu. Pada tahun 1990, parti pembangkang yang berasaskan agama, iaitu PAS (Parti Islam SeMalaysia) berjaya memerintah Kelantan sehingga kini. Melalui dasar agama Islam yang universal, mereka meletakkan kepentingan agama lebih besar daripada kepentingan bangsa. Oleh itu, mulai tahun 2000, mereka mulai membina masjid yang beridentiti Cina dalam komuniti Melayu dan menganjurkan eksplo perdagangan Cheng Ho, iaitu melibatkan peniaga komuniti China yang beragama Islam dari negara China untuk menunjukkan bahawa keagungan Tamadun China yang bersumberkan Islam. Pembinaan masjid ini serta penganjuran Eksplo Perdagangan Cheng Ho berjaya memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu tentang keagungan Tamadun China yang bersumberkan Islam. Oleh itu, kajian ini menghuraikan bagaimana pembinaan masjid dan penganjuran eksplo ini berjaya memberikan kefahaman masyarakat Melayu terhadap kebudayaan masyarakat China Islam.

Kata kunci: Masjid Beijing, Cheng Ho, Kelantan, interaksi tamadun

PENGENALAN

Hubungan masyarakat Melayu dengan masyarakat China bermula semenjak zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka lagi, iaitu pada abad yang ke-15. Digambarkan ketika itu hubungan perdagangan antara kerajaan Melayu Melaka dengan kerajaan China berjalan dengan baik. Interaksi ini berlaku berabad-abad lamanya sehingga meninggalkan kesan budaya pada ketika itu. Hubungan dengan Melaka juga dikukuhkan dengan kisah Laksamana Cheng Ho dan puteri Hang Li Po yang menggambarkan hubungan akrab antara kedua-dua kerajaan ketika itu. Menjelang abad ke-19, terutamanya zaman pemerintahan British, kemasukan orang China semakin bertambah akibat daripada dasar British ketika itu yang membawa masuk pekerja daripada China untuk bekerja di lombong bijih timah yang merupakan sumber pendapatan baharu bagi Malaya. Pada ketika itu, interaksi masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina berlaku dalam kadar yang sedikit akibat daripada dasar pecah dan perintah pihak British yang mengasingkan penduduk Malaya ketika itu berdasarkan kaum dan pekerjaan. Interaksi yang kurang inilah juga berterusan sehingga Malaya mencapai kemerdekaan pada 1957. Masyarakat Cina mendapat warganegara Malaysia (Wan Norhasniah Wan Hussin, 2012).

MASYARAKAT MELAYU-ISLAM KELANTAN

Kelantan adalah sebahagian daripada negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai jumlah penduduk Melayu tertinggi, iaitu 98%. Hal ini menjadikan negeri ini dikenali sebagai negeri Melayu tradisional. Dari sudut politik, Kelantan semenjak merdeka diperintah oleh parti yang tidak sama dengan perintah pusat. Mereka memilih parti yang bersifat agama (Parti Islam SeMalaysia PAS) berbanding parti nasionalis Melayu UMNO. UMNO hanya memerintah Kelantan pada 1978 sehingga 1990 (Mohammad Agus Yusuf, 2006). Hal ini menjadikan kehidupan politik di sini berbeza dengan negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung (Amer Saifude Ghazali, 2015).

Kemuncaknya pada tahun 1990, melalui pilihan raya umum 1990, PAS mengukuhkan kedudukannya di Kelantan apabila mengalahkan UMNO untuk semua kerusi yang dipertandingkan (Mohammad Agus Yusuf, 2006). Mulai tahun 1990 juga, PAS mulai memerintah Kelantan dengan melantik seorang tokoh agama yang mempunyai latar belakang pendidikan tradisional keagamaan, iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat. Beliau menggunakan pendekatan agama Islam yang universal, iaitu melihat Islam bukan berdasarkan warna kulit semata-mata tetapi lebih melihat kepada persaudaraan iman antara sesama umat Islam tanpa mengira warna kulit dan bangsa (Ismail Yusuf, 2014).

Pendekatan beliau yang meletakkan Islam bukan berdasarkan sentimen Melayu menjadikan polemik politik yang kontroversial ketika itu. Di Malaysia, dari sudut sosiopolitik dan realiti politik semasa ialah Melayu disinonimkan dengan Islam kerana pada keseluruhannya orang Melayu dikaitkan menganut agama Islam. Hal ini diperkukuh lagi dari sudut perlembagaan. Yang dimaksudkan Melayu ialah beragama Islam, bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu (Abdul Aziz Bari, 2016). Dalam ceramah serta penulisan beliau, sering ditekankan bahawa Islam bukan hanya milik masyarakat Melayu semata-mata tetapi milik semua kaum kerana Islam bukan hanya diturunkan pada orang Melayu, tetapi juga pada orang Arab, Parsi, India, Cina dan sebagainya (Kamarul Zaman Yusuf, 2014). Sebahagian pengkaji melihat bahawa pemikiran beliau yang universal ini juga disumbangkan daripada latar belakang pendidikan beliau yang sempat belajar di Deoband, India sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti al Azhar, Mesir (Ismail Yusuf, 2014). Berdasarkan latar belakang tersebut, dapat difahami kenapa beliau bertegas untuk membuat sebuah masjid yang beridentiti seni bina China dalam sebuah negeri yang majoriti Melayu dan menganjurkan ekspo perdagangan yang melibatkan pedagang China yang beragama Islam seperti ekspo Perdagangan Cheng Ho.

MEMBINA MASJID SENI BINA CHINA (MASJID BEIJING)

Menurut Nik Aziz Nik Mat, agama Islam agama yang syumul untuk semua bangsa. Tidak kira apa-apa sahaja adat dan budaya asalkan ia pada jalan yang ditentukan Tuhan, maka hasilnya adalah kebaikan. Kerana prinsip inilah lahirnya idea bagi cadangan pembinaan masjid yang bersenjanbina China oleh Menteri Besar Kelantan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri kali pertama 1997 pada 30 September 1997 (Buku Cenderamata Perasmian Masjid, 2013).

Sehubungan dengan itu, sebuah jawatankuasa yang dipengerusi oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan telah dibentuk bagi mengenal pasti reka bentuk dan tapak yang sesuai bagi tujuan pembinaan masjid tersebut. Pada awalnya beberapa tapak telah dikenal pasti di sekitar bandar Kota Bharu dan Pasir Pekan. Walau bagaimanapun, setelah diteliti, didapati semua tapak tersebut tidak sesuai kerana keluasannya kurang mencukupi apatah lagi sebahagiannya adalah tanah milik yang memerlukan pengambilan balik tanah dengan kos yang agak tinggi. Akhirnya, pada 14 November 2002, Jawatankuasa telah mengenal pasti tapak baharu seluas 3.7 ekar di tepi lebuhraya Pasir Mas-Rantau Panjang. Cadangan tapak ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri dan telah mendapat persetujuan Menteri Besar. Setelah berbincang, jawatankuasa bersetuju supaya konsep masjid yang dicadangkan adalah bercirikan seni bina China (Buku Cenderamata Perasmian Masjid, 2013).

Masjid ini mempunyai seni bina yang amat unik menggabungkan seni bina China Islam dan menyerupai Masjid Niujie di Beijing, China yang berusia lebih daripada 1,000 tahun. Seperti masjid yang lain, Masjid ini direka bentuk dengan menggabungkan kombinasi beberapa komponen. Pertama ialah bangunan utama yang merupakan komponen yang terbesar dan mempunyai dua tingkat. Tingkat atas adalah ruang sembahyang utama yang dapat menempatkan 1,000 orang jemaah dalam satu-satu masa dan tingkat-tingkat bawah pula mempunyai ruang sokongan untuk kemudahan awam, iaitu Dewan Serbaguna

yang dapat memuatkan 200 orang, dewan makan, perpustakaan, klinik dan perpustakaan masjid. Terdapat 4 pintu masuk ke bangunan masjid untuk mengelakkan kesesakan serta memudahkan orang ramai yang datang dari arah yang berlainan. Bahagian hadapan merupakan pintu masuk utama masjid melalui anjung pertama (Buku Cenderamata Perasmian Masjid, 2013).

Di antara bangunan utama dan anjung utama terdapat sebuah halaman terbuka yang boleh juga digunakan sebagai tempat bersembahyang apabila keadaan memerlukan. Kawasan ini dianggarkan memuatkan kira-kira 1,000 orang. Tangga naik ke bangunan utama direka bentuk dengan lebih lebar bagi membolehkan jemaah bersembahyang di atas tangga dalam suasana yang sesak. Di sebelah kiri ruang terbuka disediakan petak-petak bazar. Aktiviti-aktiviti berbentuk sosial dan ekonomi dapat dijalankan, termasuklah untuk mewujudkan sebuah bank Islam. Di sebelah kanan halaman terbuka pula terdapat sebuah bangunan yang menempatkan sebuah kelas tadika dan sebuah kelas fardhu ain yang boleh menempatkan 30 orang pelajar. Sebelah kiri dan kanan bangunan utama masjid merupakan pintu masuk alternatif, melalui anjung kiri dan anjung kanan. Pintu masuk ini memberi orang-orang yang datang melalui arah tempat letak kereta dan kawasan perumahan berhampiran (Buku Cenderamata Perasmian Masjid, 2013).

Manakala anjung kanan masjid pula merupakan pintu masuk ke bangunan utama masjid dari sebelah kanan, iaitu dari arah tempat letak kereta. Di sini juga disediakan tempat wuduk dan tempat menyimpan kasut bagi kemudahan orang yang melalui pintu ini. Masuk di bahagian belakang adalah melalui anjung belakang. Bahagian dalam masjid dihiasi dengan ukiran-ukiran berbentuk geometri yang halus bermotif Islam seperti yang terdapat di masjid-masjid di timur tengah. Keunikan masjid ini juga terletak pada sebuah menara berbentuk serban disokong oleh lilitan unik pada bahagian bawah (Buku Cenderamata Perasmian Masjid, 2013).

Masjid yang unik ini menjadi salah satu tarikan pelancong ke Kelantan, apatah lagi kedudukan masjid yang strategik di tepi jalan dan berada di kawasan pelancongan bebas cukai Rantau Panjang.

MENGANJURKAN EKSPLO PERDAGANGAN CHENG HO

Kerajaan Negeri Kelantan menganjurkan eksplo perdagangan yang melibatkan hubungan antara masyarakat Melayu-Islam dan masyarakat China dari negara China. Eksplo ini mengambil nama Cheng Ho sempena nama Laksamana China yang beragama Islam yang datang ke Melaka pada abad yang ke-15 (Buku Cenderamata Eksplo Perdagangan Cheng Ho, 2010). Menurut pihak penganjur, Cheng Ho perlu dikenang sebagai ikon penting dalam sejarah manusia yang menjadikan perjuangan untuk keamanan dan kemakmuran bersama jauh mengatasi kepentingan puak dan bangsa. Semasa Eksplo Cheng Ho yang berlangsung di Kota Bharu, Datuk Husam Musa berkata watak besar dari China ini pasti dikenang kerana jasanya dalam memperkenalkan nilai persahabatan dan kebajikan yang membelakangkan persoalan puak, agama dan keturunan dalam membangunkan tamadun (Harakah, 20 November 2010).

Eksplo Perdagangan yang melibatkan peniaga dari China dan seluruh Malaysia ini berlangsung dengan meriah dan sangat berjaya. Selain itu, diadakan seminar Cheng Ho. Dalam merasmikan seminar tersebut, pihak penganjur yang diwakili oleh Eksplo Perancangan Ekonomi, Kelantan, Dato' Husam mengatakan:

Cheng Ho yang mewakili kerajaan China yang amat berkuasa pada zamannya sentiasa merendah diri dengan memberikan hadiah, membawa khidmat perubatan dan mengajak berkongsi teknologi baharu dengan raja-raja dan rakyat yang dilawatinya di seluruh dunia (Buku Cenderamata Seminar Cheng Ho Dan Penyebaran Islam Di Asia Tenggara, 2010).

Seminar sehari itu menampilkan Prof Tan Ta Sen (Singapura), Prof. Hum Sin Hoon dan Mr. Zheng Zi Hai yang membentangkan kertas kerja masing-masing, manakala Prof. Madya Obaidillah Mohamad dari Universiti Malaya bertindak sebagai moderator.

Menurut Husam, semangat Cheng Ho perlu disuburkan semula dalam situasi masyarakat Malaysia yang dibina dengan kecurigaan perkauman selama berpuluh-puluh tahun.

Kita mahu membina masyarakat baru, yang bersatu atas nilai-nilai tinggi, mengutamakan kebenaran, kebajikan, perkongsian dan semangat tolong menolong dan meninggalkan konsep mengapi-apikan perkauman sempit (Buku Cenderamata Seminar, 2010).

Bangsa memang sesuatu yang tidak mungkin hapus, namun asas persahabatan perlu dibina dengan asas yang lebih kukuh sebagaimana ditunjukkan oleh Cheng Ho.

Cheng Ho beragama Islam, dia boleh berkhidmat memimpin armada milik maharaja China yang bukan Islam dan mengendalikan puluhan ribu angkatan laut yang memiliki pelbagai latar belakang. Situasi ini tidak mungkin terjadi jika kita terbawa-bawa dengan pemikiran sempit perkauman dan tidak mengutamakan persahabatan dan kepentingan bersama (Buku Cenderamata Seminar, 2010).

Dalam program tersebut pihak penganjur turut mengumumkan beberapa pihak di negara China telah bersetuju untuk mengadakan program pertukaran pelajar dengan Kelantan. Program ekspo dan seminar ini dibuat untuk menunjukkan bahawa Islam itu sangat universal dan perlu dilihat dengan lebih luas, selain itu juga untuk menghilangkan serba sedikit semangat perkauman melampau yang diamalkan oleh sesetengah pihak ketika itu.

Selain ekspo perdagangan, ekspo yang melibatkan jualan masakan halal dari China juga telah diadakan dan mendapat sambutan daripada masyarakat. Selain itu, pertunjukan seni bela diri dari China seperti pertunjukan *wushu* yang diadakan di Stadium Sultan Muhammad IV turut diadakan. Kehadiran pengunjung yang ramai menunjukkan bahawa sambutan masyarakat Kelantan yang sebahagian besarnya berbangsa Melayu telah memberikan kefahaman baharu berkaitan masyarakat China yang beragama Islam.

KESIMPULAN

Pembinaan masjid yang bercirikan seni bina China ini dibuat oleh kerajaan Kelantan ketika itu sebagai salah satu daripada dakwah. Suasana politik Malaysia pada awal tahun 2000 melibatkan sentimen politik perkauman yang hampir mencetuskan perbalahan antara kaum. Pembinaan masjid ini dapat memberikan kefahaman baharu kepada masyarakat Melayu bahawa Islam itu universal, bukan hanya dimiliki oleh orang Melayu tetapi juga oleh masyarakat China. Pada waktu yang sama, masyarakat Cina di Kelantan dan di Malaysia faham bahawa terdapat orang China yang menganut Islam di negara China yang lebih ramai daripada Islamnya di Malaysia. Manakala penganjuran ekspo perdagangan Cheng Ho berjaya memupuk kesedaran bagi masyarakat Melayu dan Cina bahawa hubungan antara mereka telah dimulai pada abad yang ke-15 lagi. Ekspo ini juga dapat mewujudkan peluang perniagaan yang lebih besar antara dua buah negara khususnya dalam kalangan umat Islam.

RUJUKAN

- Amer Saifudee Ghazali. (2015). *Geografi Politik Dan Pilihanraya Kelantan*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Abdul Aziz Bari. (2016). *Perlembagaan Malaysia: Satu Pengenalan*. Ilham: Kuala Lumpur
- Buku Cenderamata Perasmian Masjid. (2013). *Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan*: Kota Bharu
- Buku Program Perasmian Seminar Cheng Ho Dan Penyebaran Islam di Asia Tenggara. (2010). *Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan*: Kota Bharu
- Mohammad Agus Yusuf. (2006). *Malaysia Federalisme: Conflict or Consensus*. UKM: Bangi
- Ismail Yusuf. (?). *Perjuangan Dan Pemikiran Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Universiti Utara Malaysia: Sintok
- Kamarul Zaman Yusuf. (?). *PAS di Bawah Kepimpinan Ulama, 1982-2004*. Tesis Ph.D. Tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Wan Hasniah Wan Hussin. (2012). *Peradaban Dan Perkauman Di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu Cina*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

LAMPIRAN

Masjid Seni Bina China di Kelantan

Gambar 1: Gambar Masjid Dari Bahagian Depan



Gambar 2: Gambar Pintu Depan Halaman Masjid



Gambar 3: Gambar Tepi Masjid



Gambar 4: Gambar Halaman Dalam



Gambar 5: Gambar Tepi



Gambar 6: Gambar Ruang Solat



Gambar 7: Gambar Mimbar



LAMPIRAN

Ekspo Perdagangan Cheng Ho

Gambar 1: Pemandangan Ekspo Dari Luar



Gambar 2: Pameran Kaligrafi Al Qur'an dari Cina



Gambar 3: Gambar Pameran Kapal Cheng Ho



Gambar 4: Gambar Syarikat China



Gambar 5: Gambar Terapi Perubatan Tradisional Dari China



Gambar 6: Gambar Ruang Dalam Ekspo



Gambar 7: Gambar Perubatan Tradisional Dari China



Gambar 8: Gambar Pameran Masakan Dari China



LAMPIRAN

Ekspo Perdagangan Cheng Ho

Gambar 9: Gambar Poster Program



Gambar 10: Gambar Persembahan Bela Diri Tradisional China



Gambar 11: Gambar Persembahan Bela Diri Tradisional China



PERBANDINGAN BUDAYA MELAYU DAN CINA DI MALAYSIA

*Hajah Siti Khariah Mohd Zubir
Mohd Ra'in Shaari
Zarima Mohd Zakaria
Universiti Pendidikan Sultan Idris
khariah@fbk.upsi.edu.my*

ABSTRAK

Budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki oleh sebuah kelompok orang atau manusia yang diwarisi dari generasi ke generasi. Banyak aspek budaya turut menentukan perilaku komunikatif. Unsur-unsur sosiobudaya ini tersebar dan meliputi kegiatan sosial manusia. Terdapat dua objekif penting dalam kajian ini. Pertama untuk mengenal pasti budaya kaum Melayu dan kaum Cina di Malaysia. Kedua, menjelaskan persamaan dan perbezaan budaya kaum Melayu dan kaum Cina. Kajian ini menggunakan teori sosiologi yang diperkenalkan oleh Auguste Comte untuk analisis. Daripada kajian ini terdapat enam dapatan kajian iaitu, adat resam, adat istiadat perkahwinan, kelahiran, kematian, pakaian dan makanan. Sekiranya masyarakat kurang kefahaman mengenai budaya kaum lain, hal ini akan menjadi penghalang kepada usaha untuk memupuk perpaduan pelbagai kaum di Malaysia. Hal ini kerana kebudayaan yang terdapat di Malaysia mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Kata kunci: budaya, kaum Melayu, kaum Cina, sosiologi, komunikatif

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Menurut buku Pengajian Melayu 5 dan 6 hasil nukilan Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1998), budaya Melayu boleh ditakrifkan sebagai cara hidup kumpulan manusia atau masyarakat khususnya Melayu. Antara budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu adalah cukur rambut, bersunat, amalan berpantang sebelum dan selepas bersalin dan sebagainya.

Kebudayaan Cina pula dapat ditakrifkan sebagai masyarakat Cina mempunyai adat resam atau pantang larang yang agak unik. Kehidupan seharian mereka yang dipengaruhi oleh persekitaran dan alam sekeliling menyebabkan mereka banyak bergantung pada nasib. Dalam pelbagai perkara, tukang tilik mempunyai peranan yang besar sebagai pakar rujuk dalam hal-hal kelahiran, perkahwinan dan kematian.

Perbandingan dalam kedua-dua budaya, iaitu budaya Melayu dan budaya Cina dapat dilihat dari segi perbezaan serta persamaannya dari aspek perkahwinan, perayaan, kelahiran, kematian pakaian dan makanan.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif kajian, iaitu:

- i. Mengetahui mengenai budaya kaum Melayu dan kaum Cina di Malaysia.
- ii. Menjelaskan persamaan dan perbezaan budaya kaum Melayu dan kaum Cina di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan. Teori yang menjadi sandaran kajian ini ialah teori sosiologi yang diperkenalkan oleh Auguste Comte. Sosiologi melibatkan pelbagai perkara yang melihat latar sosial masyarakat. Aspek-aspek yang menjadi teras kemanusiaan dan kemasyarakatan seperti ekonomi, politik, budaya dan etika sosial turut dilihat sebagai unsur penting yang mempengaruhi aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Setiap unsur ini boleh diperluas atau diringkaskan menurut keperluan dan urusannya. Sepucuk surat antara dua raja besar mengenai perkara yang sangat penting mengandungi puji-pujian yang berbunga-bunga dan yang panjang lebar, dan mungkin juga dihias dengan secantik-cantiknya. Surat berkenaan dibungkus dengan kain sutera berwarna kuning dan dihantar dan diterima dengan iringan penuh istiadat. Sepucuk surat lain daripada dua raja yang sama, mengenai perkara biasa pula, mungkin ditulis pada secebis kertas yang dilipat dan ditutup sahaja, dan dikirim melalui nakhoda kapal yang belayar antara dua pelabuhan itu, untuk disampaikan kepada orang yang ditujuannya.

Gambar 2: Cap Melayu Asap Pelita dari Palembang, 1823



(Sumber: Cambridge University Library Or. 640)

CORAK DAN PENGARUH

Seni hiasan surat Melayu tidak terlepas daripada pengaruh 'negeri di atas angin' di barat, sama ada dari India, Turki, Parsi atau Eropah. Surat Sultan Iskandar Muda mengandungi corak bunga popi yang bukannya terdapat di dunia Melayu tetapi merupakan salah satu motif khas reka bentuk Ottoman. Kemungkinan besar juruhias Ottoman berkhidmat di istana kerajaan Aceh yang agung itu.

Satu sumber pengaruh yang paling nyata bagi hiasan surat Melayu ini ialah hiasan pada surat yang diterima oleh raja Melayu. Sudahpun diketahui bahawa kertas-kertas yang sedia terhias diimport ke Asia Tenggara untuk kegunaan orang Eropah. Abdullah menyatakan bahawa apabila Raffles tiba di Melaka pada bulan Disember 1810, beliau membawa bersamanya 'kertas membuat surat kepada raja-raja Melayu yang telah tertulis dengan bunga emas dan perak' (Abdullah 1932:58). Pada tahun 1808, Gabenor Belanda di Pantai Timur, Laut Jawa melaporkan bahawa raja-raja Jawa sering kali meminta kertas yang bertepi emas, dari daerah Surat di India barat, untuk arahan rasmi yang penting (Carey 1980: 2). Kertas seperti ini digunakan oleh Gabenor Jeneral Belanda setidak-tidaknya sejak 1726 sehingga 1785 dalam perutusan mereka sejauh Ternate dan Palembang. Kertas jenis ini nampaknya menjadi inspirasi kepada tiga pucuk surat yang dihias indah yang dihantar kepada Raffles oleh Sultan Syariff Kasim dari Pontianak. Di sini, kertas Inggeris sezaman itu dihias dengan bunga bertaburan dan bingkai berisi rangkaian bunga yang menunjukkan corak kemelayuan, tetapi reka bentuk pada keseluruhannya mengingatkan kita tentang kertas India yang bersalut emas. Pada pertengahan abad ke-19, surat Gabenor Jeneral Belanda masih lagi dihiasi, tetapi ditulis pada kertas Eropah yang mungkin dilukis satu persatu oleh jurutulis pemerintah di Batavia.

Seringkali terdapat pada surat berhias raja dan pembesar Melayu ialah motif atau corak berciri daun dan tangkai, corak geometrik serta corak awan larat, yang juga terdapat pada bentuk kesenian Melayu yang lain. Menjelang abad ke-19, pengaruh kesenian Eropah muncul dalam gambaran bunga-bunga dan penggunaan warna yang amat terang, iaitu satu kecenderungan yang terutama sekali nyata dalam surat-surat dari Pulau Madura berhampiran pantai utara Jawa.


Kajian rapi mengenai surat-surat ini telah mendedahkan bahawa dalam sesetengah surat, corak yang dilukis berulang, setiap satu corak diwarnai emas dengan tangan berdasarkan lukisan awal pensil atau dakwat. Pada surat lain, corak tertentu begitu sering digunakan sehinggakan ia seakan-akan dihasilkan dengan memakai stensil atau cap. Seperti yang disebutkan, warna utama ialah warna emas, dan warna perak walaupun diguna juga tetapi jarang-jarang ditemui mungkin kerana ia mudah pudar. Dari segi kertas surat Melayu ini ditulis di atas kertas yang sudah pun dihias lebih dahulu. Di bahagian lain pula, teks, cap dan hiasan begitu seimbang sekali sehingga menunjukkan bahawa surat itu sudah dihias semasa ditulis.

CAP MOHOR PADA SURAT-SURAT MELAYU DAN HUBUNGAN CHINA-MELAKA PADA ABAD KE-15

Dalam warkah Melayu kepada Maharaja China, cara mengatur tulisan pada kertas dipertimbangkan dari segi diplomasi dan keindahan bentuknya. Jika diteliti pada hampir semua surat Melayu kepada Maharaja China yang ditulis di atas selembar kertas, surat yang lebih panjang ditulis pada dua lembar kertas ataupun lebih, tetapi tidak dibiarkan begitu sahaja. Kebanyakan surat Melayu ditulis menggunakan dakwat hitam yang pekat. Baris pertama dan terakhir seringkali ditulis dengan rapi, kadangkala dalam bentuk seni kat yang besar. Gaya dan kepakaran seni khat berbeza di seluruh dunia Melayu. Yang menentukan bentuk khat setiap surat ialah kepakaran seseorang jurutulis. Salah satu contoh seni khat Melayu ialah surat Sultan Mahmud Syah dari Melaka. Bagaimanapun surat Melayu dari Johor dan Pahang kepada Raffles paling indah. Selain seni khat pada surat Melayu, terdapat unsur paling penting yang dapat dikesan pada surat Melayu terutama dalam konteks hubungan dengan China-Melaka pada abad ke-15. Bukan itu sahaja, terdapat banyak juga surat-surat pemberian cap Maharaja China kepada Sultan-sultan Melaka dan Padai pada abad ke-15. Semua cap Melayu tergolong dalam kumpulan cap Islam yang lebih luas, dan cap terawal yang masih ada ialah cap Sultan Alauddin Riayat Syah dari Aceh yang memerintah dari tahun 1589-1604) yang terdapat pada dokumen yang bertarikh sekitar 1602. Namun demikian, tulisan pada bingkainya, "Ia yang mantap dalam kedaulatan, Ia yang terpilih (oleh Tuhan) untuk menaklukkan kerajaan. Semoga (Tuhan) melanjutkan kemuliaannya dan memberi kejayaan kepada tenteranya." Boleh dikatakan bahawa semua pembesar dan orang kenamaan Melayu ada mempunyai cap mereka sendiri. Cap pada surat Melayu yang dikirim oleh bukan Melayu mencerminkan perbezaan latarbelakang agama dan kebudayaan mereka seperti cap Thai yang bergambar yang terdapat dalam sepucuk surat berbahasa Melayu kiriman Raja Ligor dari Siam. Alat cap Melayu biasanya dibuat daripada perak, mungkin untuk meniru cap Nabi

Muhammad s.a.w., yang menurut Taj ai-Salatin, memakai cincin perak bercap yang diukir dengan kalimah syahadat. Di samping perak, cap juga diperbuat daripada tembaga atau juga batu. Cincin bercap pula sering kali diperbuat daripada batu permata yang diikat dengan logam. Boleh dikatakan bahawa semua pembesar dan orang kenamaan Melayu mempunyai cap mereka sendiri. Cap adalah bahagian yang sangat penting dalam surat Melayu kerana sering kali cap mengandungi maklumat penting yang tidak terdapat dalam surat itu sendiri. Dari segi tulisan cap Melayu biasanya bahasa Arab, dan Melayu dalam tulisan jawi. Gambar-gambar berikut adalah beberapa contoh cap mohor yang ada pada surat Melayu.

Gambar 4: Cap mohor keagamaan



(Sumber: Cambridge University Library Or. 640)

Gambar 5: Cap Mohor Temenggung Johor




(Sumber: Cambridge University Library Or. 640)

Gambar 6: Cap mohor dari Perak



(Sumber: School of Oriental and African Studies, Ms 40320/11, f.111)

Gambar 7: Surat dari Tengku Pengiran, Melaka



(Sumber: Ahmat (1971: Appendix, p.2). British Library, MSS.Eur.D742/1.f.150A)

KESIMPULAN

Berdasarkan surat Melayu dalam konteks hubungan Melaka-China jelas menunjukkan bahawa surat Melayu memainkan peranan penting terutama dari aspek hubungan diplomatik. Dalam kes pengiriman surat Melayu dari Melaka ke Maharaja China boleh ditafsir dari pelbagai aspek seperti rekabentuk dan hiasan, cap mohor, kepala surat, puji-pujian, isi kandungan dan penutup. Menurut adat, surat Melayu diakhiri dengan termaktud, iaitu satu kenyataan penutup yang menunjukkan tarikh dan tempat. Kadang-kadang mengandungi doa. Baris ini biasanya dipisahkan dengan bahagian utama naskah itu oleh suatu ruang kosong dan ditulis dalam tulisan khat yang rapi dan teliti. Kandungan maklumat yang disampaikan dalam satu-satu surat ini berbeza, tetapi biasanya ia mengandungi nama tempat surat itu ditulis, tahun hijrah, bulan, nama hari, masa surat itu ditulis dan tahun Melayu dalam daur kecil (jangka masa lapan tahun) dan kadangkala nama jurutulis. Satu perkara yang menarik ialah perkataan “likur” yang amat sering digunakan sebagai kata gantian untuk dua puluh untuk menunjukkan nombor 21 hingga 29. Secara keseluruhannya, surat Melayu amat penting untuk dikaji dan ditafsir untuk dijadikan sumber kajian penulisan sejarah.

RUJUKAN

- Ahmat Adam (1971). “A Descriptive account of the Malay letters sent to Thomas Raffles in Malacca in 1810 and 1811 by rullers of the Indigenous states of the Malay Archipelago,” M.A Thesis, SOAS, University of London.
- Abdullah Hassan (1970). *Pembimbing Surat-menyurat*, Johor Bharu:Panamas.
- Andaya, Barbara Watson (1978). “The Indian Saudagar Raja (The King’s Merchant) in Traditional Malay Courts,” *JMBRAS*, 51 (1) : 13-35.
- Asma Ahmat (1990). “Malay Manuscripts and Printed Books in The Library of Congress,” *SEALG Newsletter*, 54-35 : 4-8.
- Boxer, C.R (1969). *The Portuguese Seaborn Empire 1415-1825*. Harmondsworth: Penguin.
- Rony, A Kohar (1991). *Malay Manuscripts and Early Printed Books*. Indonesia.

SEJARAH INTERAKSI DALAM HUBUNGAN SOSIOBUDAYA CHINA SELATAN DENGAN ALAM MELAYU: KAJIAN KES CINA PERANAKAN KELANTAN, MALAYSIA

*Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
isqserratta@gmail.com*

ABSTRAK

Interaksi China Selatan dengan Alam Melayu sudahpun lama wujud sejak adanya hubungan maritim dan hubungan kerajaan Melayu lama dengan Tanah Besar China. Sumber sejarah China yang terawal mencatatkan hubungan China dengan Alam Melayu sudah wujud sejak zaman Dinasti Han sebelum tahun Masihi lagi. *Han Shu – Di Li Zhi* atau Kepustakaan Buku Dinasti Han (Edisi: 28), karya Ban Gu (32-92), iaitu catatan yang memerihalkan pelayaran utusan Maharaja Wu Di (140 S.M – 87 S.M) ke India melalui Semenanjung Tanah Melayu. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa bermula abad ke-3 lagi sudah pun ada orang Cina di Kelantan. Walaupun sejauh ini tidak ada bukti-bukti yang diperolehi, tetapi kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu itu sendiri dipengaruhi oleh faktor musim, iaitu mereka datang pada tempoh bulan November hingga April apabila angin Timur Laut bertiup dari Laut China Selatan. Kelantan mungkin telah menjadi pangkalan persinggahan awal mereka. Oleh sebab itu jelas bahawa pertapakan orang Cina di Kelantan berlaku lebih awal daripada pertapakan di Pantai Barat Semenanjung. Migrasi awal orang China Selatan ke Alam Melayu untuk berniaga dan mencari kehidupan baharu telah lama berlaku. Bilangan mereka yang migrasi menjadi signifikan pada abad ke-18, khasnya semasa penjajahan British. Ketika itu mereka dianggap sebagai *sojourner* atau *hua-qiao* dan selepas itu menetap di Alam Melayu sehingga hari ini. Dalam proses migrasi dan interaksi tersebut, identifikasi mereka telah mengalami perubahan besar. Perubahan sosiobudaya khususnya perlu difahami demi kepentingan pembinaan bangsa dan tamadun demi kelangsungan hubungan harmoni antara kedua-dua bangsa dalam peradaban Melayu-China.

Kata kunci: Interaksi sosial, sosiobudaya Cina Peranakan Kelantan, keharmonian hidup.

PENGENALAN

Alam Melayu sudah lama berada dalam pengetahuan dan perhatian orang China. Sumber sejarah China yang terawal mencatatkan hubungan China dengan Alam Melayu sudah terjalin sejak zaman Dinasti Han sebelum tahun Masihi lagi. *Han Shu – Di Li Zhi* atau Kepustakaan Buku Dinasti Han (Edisi: 28), karya Ban Gu (32-92) memerihalkan pelayaran utusan Maharaja Wu Di (140 S.M – 87 S.M) ke India melalui Semenanjung Tanah Melayu dan sambil itu melakukan perniagaan barter dengan negeri-negeri di Asia Tenggara dan Asia Selatan (Liang Liji, 1996: 13-15).

Hubungan China dengan Alam Melayu melonjak lagi ke peringkat yang lebih tinggi sesudah munculnya Dinasti Tang (618-907 M) dan Empayar Sriwijaya di Alam Melayu pada abad ke-7 (Liang Liji, 1996: 25-26). Seterusnya zaman kegemilangan hubungan tamadun Melayu-China terjalin dengan teraturnya semasa zaman Dinasti Ming pada abad ke-15. Hubungan dan interaksi antara dua alam ini telah mewujudkan jambatan besar kepada hubungan diplomatik, perdagangan dan kebudayaan serantau. Kegemilangan Melaka bawah kekuasaan Raja Parameswara pada tahun 1403 telah mewujudkan kesinambungan yang berterusan dalam hubungan Alam Melayu-China. Kemungkinan orang Cina yang datang ke Tanah Melayu lebih awal daripada catatan itu, memang tidak dapat dinafikan kerana terdapat kenyataan bahawa golongan pendakwah China (Purcell, 1967: 16) telah lebih awal melawat ke Asia Tenggara. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa bermula abad ke-3 lagi sudah pun ada orang Cina di Kelantan. Walaupun sejauh ini tidak ada bukti-bukti yang diperolehi, tetapi kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu itu sendiri dipengaruhi oleh faktor musim, iaitu mereka datang pada tempoh bulan November hingga April apabila angin Timur Laut bertiup dari Laut China Selatan.

MIGRASI ORANG CINA KE ALAM MELAYU

Migrasi awal orang Cina ke Alam Melayu adalah untuk berniaga dan mencari kehidupan baharu. Bilangan mereka yang bermigrasi secara besar-besaran menjadi sangat signifikan pada abad ke-18, khasnya semasa penjajahan British yang mencari keperluan buruh perlombongan timah dan perdagangan. Ketika itu mereka dianggap sebagai *sojourner* atau *hua-qiao* dan menetap di Alam Melayu. *Hua-qiao* bermaksud tinggal sementara waktu di luar daerah asal mereka dan akan kembali semula suatu masa nanti. Istilah ini digunakan khususnya kepada orang Cina yang bermigrasi terutamanya ke *Nanyang* (Laut Selatan) yang kini dikenali sebagai Asia Tenggara.

Dari aspek sejarah, diaspora Cina bermula dengan kehadiran kumpulan suku dialek dari China Selatan iaitu Hokkien, Kantonis, Hakka, Khek, Hainan, Teochew, Kongsai, Henghua dan Hockchui yang bermigrasi ke Alam Melayu. Kewujudan komuniti ini sejak beratus-ratus tahun yang lalu menyebabkan berlakunya kahwin campur setelah proses berakulturasi, beramalgalamasi, berakomodasi dan berasimilasi yang membentuk kumpulan mereka sebagai komuniti Peranakan. Suku dialek Cina yang paling ramai berhijrah ialah suku dialek Hokkien. Hokkien ialah suku Cina atau Tionghua yang ramai ditemui di Wilayah Asia Tenggara. Orang Hokkien ini berasal dari daerah pesisir Provinsi Fujian, terletak kota-kota perdagangan seperti *Xiamen* (Amoy), *Quanzhou* (Choan-Chiu). Sebagai suku pesisir, orang Hokkien menjadi suku perantau, terutama ke wilayah Asia Tenggara. Budaya maritim inilah yang membuatkan orang Hokkien menjadi tersebar ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Indonesia dan Asia Tenggara.

SEJARAH CINA PERANAKAN KELANTAN

Walaupun tidak ada rekod bertulis tentang kedatangan awal orang Cina ke Kelantan, namun orang Cina peranakan mepercayai kedatangan awal nenek moyang mereka ke negeri Kelantan adalah lebih awal daripada kedatangan Cina pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Misalnya, rekod daripada pengembara Cina seperti buku Hailu (*Records of Sea*) yang merekodkan petempatan Cina. Dalam mengkaji sejarah petempatan orang Cina di Kelantan, satu perkara yang boleh diselidiki ialah migrasi orang Cina dari Thailand ke Kelantan. Sejumlah besar Cina peranakan yang dikaji secara rawak mendakwa bahawa datuk moyang mereka datang dari Thailand sepertimana yang dikaji oleh Hanapi (1986: 30–31) yang menyatakan bahawa orang Cina di Kampung Mata Ayer asalnya datang dari Pattani di Selatan Thailand dalam abad ke-17 dan ke-18. Pelabuhan-pelabuhan utama di Nakhon Si Thammarat, Pattani, dan Songkhla merupakan kawasan penempatan pedagang-pedagang tertua di wilayah Thailand Selatan dan Kelantan. Pelabuhan-pelabuhan ini menjadi pelabuhan terawal di Thailand yang menarik perhatian orang Cina dan pedagang asing yang lain. Pattani dan Nakhon Si Thammarat dilaporkan mempunyai jumlah penduduk yang ramai pada abad ke-16 dan ke-17. Cina Peranakan Pattani terhasil daripada perkahwinan campur antara orang Cina dengan orang Siam. Anak-anak mereka biasanya hanya boleh bertutur bahasa Thai seperti *luk chin* yang bermaksud "anak atau anak-anak Cina" dan membesar sebagai Thai-Cina bawah dominasi atau pengaruh ibunya yang berbangsa Thai (Teo, 2008). Cina Peranakan Pattani bermigrasi dalam jumlah yang cukup besar ke Kelantan melalui Legeh, iaitu berkemungkinan dari Tomoh, pekan utama di Legeh. Cina Peranakan Pattani memilih untuk menjadi petani. Hal ini bererti perjalanan mereka ke arah timur ke kawasan tanah subur sepanjang Sungai Kelantan. Mereka sampai di Kelantan dan mengambil keputusan untuk terlibat dalam aktiviti pertanian. Keadaan ini telah memperkukuh lagi kewujudan Cina Peranakan di negeri Kelantan (Teo, 2008). Faktor kewujudan Cina Peranakan Pattani dikukuhkan lagi melalui hasil kajian Hanapi (1986: 30–31) yang juga menyatakan bahawa orang Cina di Kampung Mata Air asalnya datang dari Pattani di Selatan Thailand di sekitar abad ke-17 dan ke-18. Mereka datang ke Kelantan melalui sempadan Legeh, dan diikuti Sungai Pergau dan sampai di Sungai Kelantan.

WARISAN BUDAYA DARI ASPEK CINA PERANAKAN KELANTAN

Kelantan yang terletak di pantai timur merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan seni budaya tradisi seperti wayang kulit, dikir barat, mak yong, menora, main puteri, bageh, kertuk, gasing, wau dan sebagainya. Kesenian ini turut mempengaruhi komuniti Cina Peranakan Kelantan yang meminati dan mewarisi seni warisan Kelantan sepertimana masyarakat tempatan lainnya. Wayang kulit Kelantan ialah sejenis seni persembahan yang masih ada di Kelantan. Kesenian ini telah berkurangan sejak akhir-akhir ini di negeri Kelantan setelah Kerajaan Kelantan bawah pimpinan Parti Islam Se-MALaysia (PAS) 'mengharamkan' kesenian ini setelah dikatakan wujudnya unsur syirik. Walaupun begitu, kesenian ini dapat diteruskan dengan munculnya seorang dalang wayang kulit berbangsa Cina Peranakan, iaitu Tok Dalang Eyo Hock Seng. Beliau dikenali juga dengan gelaran Pak Chu atau Tok Dalang di daerah Pasir

Mas, Kelantan. Beliau telah mengadakan persembahan wayang kulit Kelantan di merata daerah sekitar Kelantan, Malaysia dan luar negara. Selain menjadi tok dalang wayang kulit, beliau juga aktif menjadi tok joro dikir barat. Ketokohan dan pengalaman Tok Dalang Eyo @Pak Chu menjadi kebanggaan Cina Peranakan dan masyarakat Kelantan dalam meneruskan kesinambungan tradisi rakyat Kelantan. Jadi, interaksi sosial komuniti Cina Peranakan dengan masyarakat tempatan ini sedikit sebanyak telah menyelamatkan dan meneruskan seni budaya tradisi warisan Kelantan yang semakin menghilang.

KESIMPULAN

Fenomena interaksi yang dinyatakan di atas telah menyumbang pada akulturasi antara komuniti Cina Peranakan Kelantan dan masyarakat Melayu tempatan sehingga akhirnya berlaku amalgamasi budaya. Akhir sekali, interaksi dengan orang Melayu tempatan tidak mungkin terjalin tanpa didorong hubungan orang Cina Peranakan-Melayu yang akrab di Kelantan. Rata-ratanya, orang Cina Peranakan generasi tua di kampung kini tidak ada masalah berinteraksi dengan orang Melayu tempatan semasa membesar di kampung ini dan hal ini didapati kekal sehingga hari ini. Amalan saling menziarahi ini merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk Cina Peranakan Kelantan dan penduduk Melayu di kampung dan memantapkan lagi proses amalgamasi budaya dalam kalangan penduduk Cina Peranakan Kelantan. Didapati hubungan antara komuniti Melayu dengan Cina Peranakan Kelantan sangat berbeza dengan komuniti Cina Peranakan lain, terutamanya dalam majlis keramaian seperti kenduri kahwin, gotong-royong, kematian dan perayaan keagamaan seperti pesta *Tanglung*, *Chap Goh Mei* dan seumpamanya. Biasanya, majlis tersebut dimeriahkan dengan acara nyanyian, dikir barat dan joget lambak yang dianjurkan oleh komuniti Cina Peranakan Kelantan. Sejarah interaksi yang tercatat sekian lama sudah pasti membawa impak dan perubahan sosiobudaya khususnya perlulah difahami demi kepentingan dalam pembinaan bangsa dan tamadun demi kelangsungan hubungan harmoni antara kedua-dua bangsa dan tamadun dalam peradaban Melayu-China yang terpacat dari hubungan silam yang gemilang.

RUJUKAN

- Hanapi Dollah (1986). *Asimilasi Budaya: Kajian Kes Komuniti Cina Di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenny, C. S. C. (2004). "Sepintas lalu mengenai sejarah Kampung Pulau". *Dewan Bahasa*, jilid 36, bil. 1.
- Leo Suryadinata (2004). *Ethnic Relations And Nation-Building In Southeast Asia: The Case Of The Ethnic Chinese*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Liang Liji (1996). *Lembaran Sejarah Gemilang: Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit UKM.
- Middlebrook, S. M. (1999). "Pulai: An early Chinese settlement in Kelantan". Dalam *Kelantan Dalam Perspektif Arkeologi, Satu Kumpulan Esei. Kelantan*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Purcell, V. (1967). *The Chinese in Malaya*. Singapore: Oxford University Press.
- _____. (1965). *The Chinese in Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- Tan, C.-B. (2001). "Chinese in Southeast Asia and identities in a changing global context". In *Chinese Populations In Contemporary Southeast Asian Societies: Identities, Interdependence And International Influence*. M. J. Armstrong, R. W. Armstrong and K. Mulliner (eds.). Richmond, UK: Curzon.
- Teo, K. S. (2008). "Chinese-Malay-Thai interactions and the making of Kelantan peranakan Chinese ethnicity". In *Thai South And Malay North: Ethnic Interactions On A Plural Peninsula*. M. J. Montesano and P. Jory (eds.), 214–230. Singapore: National University of Singapore.

- _____. (2004). "Malay images in the languages and culture of Malaysia's peranakan Chinese: With special reference to Kelantan peranakan Chinese". *Jurnal Peradaban Melayu/Journal of Malay Civilization*, 2: 96–113.
- _____. (2003). *The Peranakan Chinese Of Kelantan: A Study Of The Culture, Language And Communication Of An Assimilated Group In Malaysia*. London: Asean Academic Press Ltd.
- _____. (1985). *The Peranakan Chinese of Kelantan*. London: ASEAN Academic Press.
- Tweedie, M. W. F. (1953). "An early Chinese account of Kelantan". *JMBRAS* XXVI, Part I.
- Vaughan, J. D. (1879). "The manners and customs of the Chinese of the Straits Settlements". In *Baba Beginings* by H. M. Lewis.
- Wang Gungwu. (1988). "The study of Chinese identities in Southeast Asia". In *Changing Identities Of The Southeast Asian Chinese Since World War II*. J. W. Cushman and Wang Gungwu (eds.), 1–22. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Wee, K. H. (2002). "Kelantan and the Chinese Kelantenese". In *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi Dan Sejarah*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar Kota Bharu.

DRAMA MELAYU SEBAGAI SARANA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNSUR IRONI DALAM BAHASA MELAYU

*Maizira Abdul Majid
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
maizira@um.edu.my*

*Hasmidar Hassan
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
hasmidar@um.edu.my*

ABSTRAK

Drama yang berbentuk audio visual merupakan sarana yang sangat berkesan dalam pengajaran bahasa dan budaya Melayu khususnya dalam kalangan penutur asing. Hal ini jelas berdasarkan kajian-kajian lepas yang membuktikan drama dapat merangsang dan menarik minat audiens/pelajar terhadap pembelajaran bahasa (Desialova, 2009). Penggunaan drama bukan sahaja dapat mengasah kemahiran bertutur dan kemahiran mendengar audiens/pelajar malahan membolehkan audiens/pelajar menghayati dan memahami sesuatu lakuan bahasa dengan mudah berdasarkan maklumat konteks yang melatari lakuan bahasa tersebut. Drama juga dapat memberikan pengalaman sebenar dan memperkaya pengalaman audiens/pelajar kerana penceritaan drama lazimnya berdasarkan pengalaman atau situasi sebenar yang berlaku dalam sesuatu masyarakat (Bowell & Heap, 2001 dan Soh, 1999). Memandangkan drama mempunyai kelebihan sebagai medium pengajaran yang berkesan khususnya dalam pengajaran bahasa maka penulisan ini mengetengahkan satu kajian yang menggunakan drama Melayu sebagai sarana pengajaran dan pembelajaran unsur ironi (bahasa terbalik) dalam bahasa Melayu. Penggunaan drama dianggap dapat meningkatkan kebolehfahaman maksud ironi dalam lakuan bahasa penutur Melayu kerana drama menyediakan maklumat konteks yang menyeluruh, iaitu maklumat latar tempat dan masa, maklumat penutur, maklumat peristiwa, maklumat hajat dan tujuan lakuan bahasa, nada dan mood (bahasa badan) secara visual, dan norma sosial yang melingkari lakuan bahasa penutur/watak. Input yang termuat dalam konteks ini dijangkakan membolehkan ironi yang mendukung makna terbalik dan maksud tersirat dapat difahami dengan mudah oleh audiens/pelajar khususnya pelajar asing.

Kata kunci: drama, ironi, bahasa terbalik, konteks, tersirat

PENGENALAN

Pengajaran bahasa dalam pendidikan memerlukan pelbagai kemahiran. Kaedah dan teknik pembelajarannya perlu dipelbagaikan supaya pelajarannya tidak jemu dan bosan. Kepelbagaian kaedah dan teknik ini secara tidak langsung akan memperkaya penggunaan bahasa, cara sebutan serta proses komunikasi antara individu, kelompok dan sebagainya. Menurut Jamaludin dan Zaidatun (2000), penggunaan teknologi dan media dalam bidang pendidikan dapat melahirkan satu konsep pembelajaran baharu gabungan daripada pendekatan pendidikan dan hiburan yang lebih mesra penggunaannya. Jelas Osborne, Bell dan Gilbert (1983), pembelajaran Bahasa Melayu yang abstrak tidak dapat membantu pelajar memahami konsep bahasa dengan mendalam. Oleh itu, penggunaan teknologi dan media merupakan salah satu kaedah yang dikenal pasti sebagai cara yang terbaik bagi membantu memotivasikan pelajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang tajuk yang diajarkan dibandingkan dengan cara lisan atau '*chalk and talk*'. Memandangkan penggunaan teknologi dan media merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, maka makalah ini mengetengahkan penggunaan drama dalam bentuk audio visual dalam pengajaran dan pembelajaran unsur ironi (bahasa terbalik) dalam bahasa Melayu kepada penutur asing. Menurut Bowell & Heap, 2001 dan Soh, 1999, drama dapat memberikan pengalaman sebenar dan memperkaya pengalaman audiens/pelajar kerana penceritaan drama lazimnya berdasarkan pengalaman atau situasi sebenar yang berlaku dalam sesuatu masyarakat.

DRAMA SEBAGAI SARANA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Drama berasal daripada perkataan “*dran*” (bahasa Greek Kuno) yang bermaksud “*to act*” atau melakonkan/melakukan aksi. Shakespeare mengistilahkan drama sebagai kehidupan manusia itu sendiri. Baginya dunia ini ialah pentas, manakala manusia ialah pelakonnya. Drama disampaikan dalam pelbagai medium melalui televisyen, radio, pentas iaitu teater dan layar perak iaitu filem.

Menurut Said Halim Said Nong (1988) drama ialah satu peniruan watak manusia dan gerak lakunya. Drama juga ialah cermin kehidupan. Apa juga yang terjadi dalam ruang lakon atau pentas menggambarkan sebahagian besar aspek kehidupan. Penonton melihat dan mendengar gerak laku manusia yang serupa seperti mereka; berpakaian yang sama, bergerak seperti biasa dan berkata-kata dalam bahasa mereka, malah kadang-kadang menggunakan dialek yang sama pula. Sesebuah drama boleh ditakrifkan sebagai satu refleksi atau imbasan kehidupan. Ia menggunakan elemen yang sama; lelaki, wanita, kanak-kanak; gerak-geri dan kata-kata; cahaya dan kegelapan; bunyi dan kesunyian. Pelakon-pelakon menampakkan kegembiraan, kebosanan, keletihan, kegelisahan, kecuaiian dan lain-lain lagi yang menyerupai perlakuan harian manusia biasa.

Drama dalam pendidikan telah bermula apabila anak-anak Queen Victoria dan Albert mementaskan *Athalia* dan beberapa cerita lain. Bermula dari sinilah dikatakan drama telah mula digunakan untuk membantu pengajian bahasa di sekolah-sekolah. Peranan drama dalam pendidikan begitu signifikan berlaku pada pertengahan abad kelapan belas (Zainal Abd. Latiff, 1996)

Menurut Mana Sikana (1985) para psikologi pendidikan telah bekerjasama dengan golongan aktivis sosio-budaya untuk meneliti, mengkaji dan mencipta teori hubungan antara drama dengan dunia pendidikan. Akhirnya mereka sampai pada suatu titik pertemuan, meskipun drama yang sifatnya sebagai suatu cabang seni selalunya bercorak eksklusif tetapi drama dapat digunakan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Jelas Mana Sikana (1988) lagi, berbicara tentang drama bererti berbicara mengenai dialog. Justeru, orang membezakan antara drama dengan novel dan cerpen ialah aplikasi dialog. Bahasa dalam drama ialah dialog. Dialog ialah bahasa pertuturan yang merujuk, mengkhusus dan memukau pendengaran. Tegasnya, bahasa drama bukan ditujukan untuk dibaca tetapi untuk didengar, jadi seharusnya ia sudah dilafaz, diucapkan atau dituturkan serta dapat menimbulkan keseronokan indera dengar di samping berhasrat menyampaikan persoalan dan pemikiran. Justeru, dialog sangatlah penting lagi signifikan, apatah lagi situasi perkembangan strukturnya bergantung semata-mata pada dialog.

Penggunaan aspek bahasa sebagai alat komunikasi dan penyampaian drama banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, psikologi, pendidikan dan dimensi-dimensi kebudayaan lain. Hai ini kerana bahasa drama atau dialog itu sangat akrab dan intim hubungannya dengan bahasa masyarakat dramatisnya. Drama menuntut seseorang berkomunikasi dengan berkesan secara bersuara atau tanpa suara yang juga melibatkan pertuturan, aksi dan ekspresi yang tepat bagi menyampaikan mesej kepada pendengar atau penonton.

IRONI DALAM BAHASA DAN BUDAYA MELAYU

Definisi Ironi

Menurut Rahman Shaari (1987: 44), ironi merupakan kata-kata yang bermaksud lain daripada maksud sebenar. Ironi dikenal juga sebagai “*bahasa terbalik*”. Ironi merupakan sesuatu yang menarik kerana kata-katanya membawa maksud yang bertentangan dengan makna literalnya. Perkataan ironi berasal daripada bahasa Yunani ‘*eiron*’ yang ertinya ‘penyembunyian’, ‘penipuan’, ‘pura-pura’ (Aminuddin, 1995: 246). Dalam ironi, penyampaian pengertian secara tidak langsung dinyatakan melalui penggunaan kata-kata yang dilihat daripada ciri semantikanya bertentangan atau acuan lain yang memiliki hubungan asosiatif. Kamus Dewan Edisi Keempat (2014: 588) mendefinisi ironi sebagai keadaan atau kejadian yang menunjukkan pertentangan atau kesan sebaliknya antara sesuatu yang dijangkakan dengan yang menjadi hakikat.

Keraf (1991: 143) menyatakan bahawa ironi ialah suatu acuan yang ingin menyatakan sesuatu dengan makna berlainan daripada apa yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Maksud berlainan dalam rangkaian kata-kata kadang kala tidak diketahui lawan penutur, sehingga muncul makna bertentangan yang ditangkap oleh lawan penutur. Hal ini seiring dengan pendapat Tarigan (1985: 61) yang menyatakan, “ironi ialah gaya bahasa yang menyatakan makna yang bertentangan dengan maksud mengolok-olok”.

Nor Hashimah Jalaluddin (1992: 27) menyatakan ironi membawa maksud sesuatu ujaran itu mengandungi unsur sindiran. Penutur akan cuba menyindir dengan menggunakan ujaran yang mengandungi maksud yang implisit. Perkara yang diujarkan secara eksplisit tidak boleh dianggap membawa makna sebenar hajat si penutur.

Ironi merupakan bentuk bahasa bukan literal yang mempunyai dua makna, iaitu makna literal dan makna bukan literal. Misalnya, kata “*cantik*” secara literal menyampaikan penilaian yang positif. Namun, penutur mungkin mempunyai penilaian sebaliknya. Bentuk ironi yang paling mudah adalah apabila sesuatu istilah diberi maksud yang berlawanan.

Berdasarkan pendapat tokoh-tokoh ini, dapat disimpulkan bahawa ironi ialah gaya bahasa yang mengandungi sindiran halus dan menyatakan maksud yang berlainan daripada hal yang terkandung dalam rangkaian kata-katanya. Kata-kata dalam ironi digunakan untuk menyatakan maksud yang berlawanan dengan maksud yang sebenarnya. Oleh sebab itu, ironi akan difahami jika pendengar juga sedar akan maksud yang disembunyikan. Selain itu, ironi merupakan cara yang ramah untuk menyinggung perasaan orang lain atau sopan santun yang mengejek (*mock politeness*).

DRAMA MELAYU SEBAGAI SARANA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNSUR IRONI DALAM BAHASA MELAYU

Memandangkan drama dapat memberikan pengalaman sebenar dan memperkaya pengalaman audiens/pelajar kerana penceritaan drama lazimnya berdasarkan pengalaman atau situasi sebenar yang berlaku dalam sesuatu masyarakat (Bowell & Heap, 2001 dan Soh, 1999), maka drama difikirkan mempunyai kelebihan sebagai medium pengajaran yang berkesan khususnya dalam pengajaran bahasa ironi kerana pemahaman maksud ironi menuntut maklumat konteks yang menyeluruh iaitu maklumat latar tempat dan masa, maklumat penutur, maklumat peristiwa, maklumat hajat dan tujuan lakuan bahasa, nada dan mood (bahasa badan) secara visual, dan norma sosial yang melingkari lakuan bahasa penutur/watak. Input yang termuat dalam konteks ini dijangkakan membolehkan ironi yang mendukung makna terbalik dan maksud tersirat dapat difahami dengan mudah oleh audiens/pelajar khususnya pelajar asing.

Untuk memperlihatkan keberkesanan penggunaan drama Melayu dalam pengajaran ironi terhadap penutur asing ataupun dalam pembelajaran bahasa kedua, dua contoh data ironi yang dipetik daripada drama *Bibah Bebel* (2016) terbitan Zeel Production dan *Kampung Girl Raya* (2014) terbitan produksi Luqsar Kreatif Sdn. Bhd telah dipilih. Dua drama ini dipilih kerana penceritaan dan wataknya sarat dengan watak Melayu, budaya seharian, nilai, dan pandangan hidup Melayu. Dengan kata lain, maklumat yang melatari drama ini dapat dijadikan input bagi membolehkan penonton memahami maksud ironi yang diujarkan oleh watak tersebut.

i. Unsur Ironi dalam Drama Bibah Bebel

Babak Minit: 00:02:12

BIBAH : Aduh, sakit nenek!

NENEK : Dah urut dah memanglah sakit. Bawak lain kali laju-laju ya basikal tu. Besar besok nak jadi minah remput agaknya?

BIBAH : Minah rempit la nenek, bukan minah remput.

NENEK : Menjawab sahaja!

Dalam babak tersebut, nenek memarahi Bibah sambil mengurut kaki Bibah yang sakit. Kata-kata nenek, “bawak lain kali laju-laju ya basikal tu. Besar besok nak jadi minah remput agaknya?”.

Secara literal, “bawak lain kali laju-laju ya basikal tu” mengkod maksud yang sama seperti bentuk ayat yang diujarkan iaitu “bawa basikal tu laju-laju ya lain kali”. Tiada maksud tersirat yang mungkin dienkod oleh bentuk ujaran tersebut melainkan itulah maksudnya. Bagi penonton yang tidak dapat memahami maksud ironi ini tentunya akan menganggap bahawa ujaran yang dituturkan nenek Bibah iaitu “bawa basikal tu laju-laju ya lain kali” seolah-olah menyuruh Bibah membawa basikal laju-laju lagi lain kali. Namun apabila ujaran ini dikaitkan dengan ujaran seterusnya iaitu “Besar besok nak jadi minah remput agaknya?” penonton akan dapat mengagak bahawa ujaran sebelumnya itu tidak bermaksud menyuruh Bibah membawa basikal laju-laju lagi lain kali sebaliknya bermaksud sebaliknya dan merupakan sindiran dan larangan. Hal ini menjadi bertambah jelas dengan adanya nada dan intonasi pertanyaan ayat tanya tersebut yang dapat menyangkal maksud literal ujaran “bawa basikal tu laju-laju ya lain kali” tersebut di samping bahasa badan dan mimik muka nenek Bibah.

Sebagai guru/ pengajar, ujaran ironi dalam babak ini dapat dimanfaatkan bagi memahamkan penutur asing tentang gaya bahasa penutur Melayu yang suka berkias dan menyatakan sesuatu dengan cara yang tersirat untuk menegur dan mengkritik agar pihak yang dikritik atau ditegur itu tidak terguris hatinya. Dalam konteks ironi, maksud yang didukung oleh ujaran ini sebenarnya terbalik bukannya bermaksud literal seperti yang dienkod oleh ujaran tersebut.

Dalam babak tersebut, sebagai cucu yang disayangi, Bibah tidak dimarahi secara kasar, sebaliknya ‘ditegur’ dengan menggunakan bahasa terbalik yang turut membawa mesej atau peringatan kepada Bibah.

ii. Unsur Ironi dalam Drama Kampung Girl Raya

Minit: 00:32:25

ASYRAF :sayang nak tahu tak? tadi masa sembahyang terawih abang duduk betul-betul belakang imam. Power tak? Power tak?

AIN :Eh, lain macam je tu? Bunyi macam riak je, jangan riak ya!

ASYRAF :mana ada riak, kita beritahu isteri kita saja.

AIN :lain kali kalau nak bagi tahu sangat, *tweet* je terus, letak dekat *facebook*, satu dunia tahu abang sembahyang. Ish apalah!

ASYRAF : Amboi, perli nampak?

Ujaran Ain “lain kali kalau nak bagi tahu sangat, *tweet* je terus, letak dekat *facebook*, satu dunia tahu abang sembahyang” merupakan unsur ironi yang harus difahami dalam konteks yang menyeluruh. Input tentang nada suara Ain yang tinggi seolah-olah menyuruh suaminya memberitahu bahawa dia bersembahyang terawih betul-betul di belakang imam menerusi laman sosial agar satu dunia tahu mengenai hal tersebut sebenarnya harus diinterpretasikan sebagai satu sindiran dan bukannya bermaksud literal seperti yang dienkod oleh bentuk logik ujaran tersebut.

Data ini bagaimanapun lebih mudah ditelah oleh penonton kerana adanya ujaran oleh Ain iaitu “ish apalah! dan ujaran balas oleh Asyraf iaitu “Amboi, perli nampak” yang jelas menunjukkan bahawa ujaran terdahulu iaitu “lain kali kalau nak bagi tahu sangat, *tweet* je terus, letak dekat *facebook*, satu dunia tahu abang sembahyang” tidak bermaksud literal seperti yang dienkod oleh ujaran tersebut.

Dengan kata lain, Ain hanya menyindir dan tidak mengharapkan suaminya betul-betul melakukan seperti yang diujarkan itu. Ujaran Ain akan lebih difahami sebagai suatu sindiran atau ironi apabila maklumat seperti nada dan intonasi serta ekspresi wajah ataupun bahasa badan dimanfaatkan oleh penonton untuk menginterpretasi maksud sebenar unsur ironi tersebut.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran unsur ironi melalui drama melayu, pihak guru harus dapat memahami penutur asing khususnya tentang maksud terbalik atau maksud tersirat yang didukung oleh unsur ironi dengan memanfaatkan maklumat konteks yang melatari drama tersebut. Maklumat konteks yang dimaksudkan ialah segala maklumat yang hadir bersama-sama ujaran tersebut seperti latar masa, latar tempat, watak, peristiwa, nada dan intonasi serta bahasa badan watak. Kesemua maklumat ini merupakan input bukan linguistik yang membolehkan audiens/penonton memahami ujaran khususnya ironi dengan lebih tepat.

RUMUSAN

Pengajaran dan pembelajaran unsur ironi dalam bahasa Melayu melalui drama merupakan kaedah yang pragmatik bagi membolehkan audiens/penonton khususnya penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memahami unsur ironi ini. Hal ini kerana drama berbentuk audio visual dapat memberikan maklumat konteks yang lengkap tentang latar masa, latar tempat, maklumat watak, urutan peristiwa dan tingkah laku langsung seperti budaya persekitaran, nilai dan proses-proses sosio budaya yang dibangkitkan oleh drama tersebut. Maklumat konteks ini harus dapat dimanfaatkan oleh guru/pengajar dalam memahami pelajarannya tentang maksud ironi ini. Memandangkan ironi mendukung makna terbalik ataupun makna tersirat dan bukannya bermaksud literal maka unsur ironi ini harus ditanggap secara pragmatik iaitu dengan bantuan maklumat konteks. Selain ironi, diyakini bahawa drama juga dapat dijadikan sarana dalam pengajaran bahasa kiasan lain yang memerlukan maklumat konteks yang lengkap bagi memahami maksudnya yang tersirat.

RUJUKAN

- Aminuddin. (1995). *Stilistika, Pengantar Memahami Bahasa dalam Karya Sastra*. Semarang: IKIP Semarang Press
- Bowell, P. and Brian, S. H. (2001). *Planning Process Drama*. London: David Fulton.
- Courtney, R. (1965). *Teaching Drama. A Handbook for Teachers in Schools*. London: Cassell.
- Courtney, R. (1974). *Play, drama & Thought: The Intellectual background to drama in education*. New York: Drama Book Specialists Publisher.
- Dale, E. (1969). *Audio Visual Methods in Teaching*. New York. Dryden Press.
- Desiatova, L. (2009). Using different forms of Drama in EFL. Classroom. *Humanizing Language Teaching*, 4, ISSN 1755-9715
- Gorys Keraf. (1991). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Gorys Keraf. (2007). *Diksi dan gaya bahasa: komposisi lanjutan 1*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Henry Guntur Taringan. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Jamaluddin Harun dan Zaidatun Tasir, (2000). *Pengenalan Kepada Multimedia*. Selangor Darul Ehsan: Venton Publishing Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1985). *Kaedah Kajian Drama*. Kuala Lumpur. Karya Bistari.
- Mana Sikana. (1988). *Menulis Skrip Drama. Pentas-Radio-TV*. Selangor. Penerbit Karyawan.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osborne, R. J., Bell, B. F. dan Gilbert, J. K. (1983). Science teaching and children's views of the world. *The European Journal of Science Education*. 5 (1), 1 - 4.

Rahman Shaari. (1987). *Persediaan Menulis Sajak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh Yaakob. (2000, 8 Mac). Drama dalam pengajaran bahasa. Utusan Melayu. Dicapai daripada <http://ww1.utusan.com.my/utusan>

R. Kunjana Rahardi. (2003). *Berkenalan dengan Ilmu Bahasa Pragmatik*. Malang: Penerbit DIOMA.

Rahmah Bujang. (1991). *Lakon Drama dan Pemikiran*. Latar belakang Intelektual Drama dalam Pendidikan. Terjemahan Richard Courtney. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Said Halim Said Nong. (1988). Drama Melayu Televisyen Malaysia. Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Whiting, F. M. (1954). *An Introduction To The Theatre*. New York: Harper and Row Publisher.

Zainal Abdul Latiff. (1996). Peningkatan kecekapan berbahasa dan pembinaan sahsiah_melalui aktiviti drama. Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Ke-VII, 25-27 November, Kuala Lumpur: Paper 4 (20p.).

PEMIKIRAN PATRIOTISME DAN NASIONALISME DALAM KARYA LIM LIAN GEOK DAN USMAN AWANG

Chong Fah Hing
Universiti Putra Malaysia
fhchong@upm.edu.mu

ABSTRAK

Senario sosial dan politik di Malaya yang berubah secara mendadak pada tahun-tahun kemerdekaan diakibatkan oleh kesedaran yang tercetis oleh pendudukan Jepun pada zaman perang. Berikutan itu, kesedaran nasionalisme dan patriotisme mula memutik dalam pelbagai kaum di Malaya pada ketika itu. Walaupun masih terdapat jurang yang agak ketara terutamanya tentang persoalan hala tuju Malaya serta isu bahasa dan pendidikan dalam konteks negara merdeka, namun isu-isu itu dapat diketepikan untuk sementara waktu demi memberikan laluan kepada tuntutan kemerdekaan yang dianggap lebih mendesak. Semangat antipenjajahan dan seterusnya tuntutan berkerajaan sendiri adalah hasrat dan perkiraan utama seluruh rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan kelompok sosial pada masa itu. Makalah ini cuba mengamati pemikiran nasionalisme dan patriotisme Lim Lian Geok dan Usman Awang, dua orang tokoh budayawan yang kental semangat nasionalisme dan patriotismenya. Makalah ini juga meneliti pemikiran nasionalisme dan patriotisme yang tercermin melalui tindakan dan karya kedua-dua orang tokoh, sama ada karya sastera mahupun rencana umum. Tumpuan diberikan pada bentuk pemikiran nasionalisme dan patriotisme serta gagasan yang terselit dalam anjuran berkenaan, dan bagaimana mereka menyesuaikan gagasan masing-masing dalam sebuah persekitaran sosial yang rencam dan majmuk.

Kata kunci: Lim Lian Geok, Usman Awang, nasionalisme berhemah, patriotisme pragmatik

PENGENALAN

Makalah ini menggandingkan Usman Awang dengan Lim Lian Geok atas pertimbangan tentang nilai-nilai yang diperjuangkan sepanjang penglibatan mereka dalam kehidupan sosial, budaya dan politik di negara ini. Lim dianggap sebagai “Zu Hun” (Jiwa Kaum Cina), tidak setakat sebagai pejuang bahasa sahaja, malah sebagai satu ikon budaya yang penting untuk pembinaan jati diri kaum Cina. Usman pula adalah penghubung antara budaya tradisional dengan budaya baharu. Antara pemikiran yang terpancar melalui karyanya ialah semangat patriotisme dan nasionalisme yang agak progresif namun cukup sederhana.

LIM LIAN GEOK DAN PEMIKIRAN PATRIOTISME PRAGMATIK

Lim Lian Geok mula memainkan peranan yang aktif dalam persada pendidikan Cina mulai tahun 1945 apabila beliau dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemulihan Sekolah Konfusian Kuala Lumpur sehinggalah permit mengajar beliau dirampas pada tahun 1961 dan hak kerakyatan beliau dilucutkan pada tahun 1964.

Keterlibatan Lim Lian Geok dalam gerakan pendidikan Cina sering kali disalah-fahamkan. Perjuangan bahasa dan pendidikan cenderung dilihat dari perspektif kaum semata-mata, bukannya hak yang perlu dihormati. Dalam situasi sedemikian, Lim Lian Geok dituduh sebagai chauvinis, dan pengkhianat.

Dalam situasi yang amat getir, Lim tetap menjaga hubungan baik dengan Perikatan melalui perantaraan Tan Cheng Lock. Dalam kalangan pemimpin MCA, Tan Cheng Locklah yang paling dipercayainya kerana Tan dilihat sebagai ahli politik yang jujur dan sanggup membantu Jiao Zong dalam pelbagai isu pendidikan. Pada tahun 1953, dengan kerjasama rapat antara Tan Cheng Lock, Lim Lian Geok dan *San Da Jigou* (Tiga Pertubuhan Utama), sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Jiao Zong, Dong Zong dan Biro Pendidikan MCA telah ditubuhkan bagi menangani isu dan masalah pendidikan Cina. Begitu juga Jiao Zong dan MCA berganding menggerakkan kempen memohon status kerakyatan untuk pemastautin Cina yang berkeelayakan. Malah beliau sendiri telah memohon kerakyatan Malaya sejak tahun 1951 lagi. Jelas bahawa Lim memang menganggap Malaya sebagai tanah tumpah darah.

Sikap patriotik Lim Lian Geok juga dapat dilihat dalam komitmen beliau terhadap pelan dan strategi Perikatan menghadapi pilihan raya pertama pada tahun 1955. Perikatan yang diketuai oleh Tunku bimbangi Jiao Zong akan mengemukakan isu bahasa Cina sebagaimana yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952 menjelang pilihan raya tersebut, maka suatu rundingan telah diatitkan oleh Tun Tan Cheng Lock di kediamannya di Melaka. Dalam rombongan yang diwakili oleh Lim Lian Geok bagi pihak Jiao Zong, dan Tunku bagi pihak Perikatan, Tunku telah meminta Jiao Zong menanggung tuntutannya untuk sementara waktu dan berjanji akan berbincang untuk mencari penyelesaian selepas pilihan raya. Hal ini adalah untuk menjamin kemenangan Perikatan dalam pilihan raya tersebut. Lim Lian Geok akur dengan saranan Tunku demi menjamin kemenangan Perikatan. Insiden tersebut menunjukkan Lim bukan sahaja seorang patriot yang mudah diajak berunding malahan boleh bertolak ansur demi memelihara kepentingan awam.

Walaupun Tunku mengetepikan perjanjian dengan Jiao Zong dalam Rundingan Melaka, namun Lim Lian Geok tidak berasa keberatan mengalu-alukan kemenangan Perikatan dalam pilihan raya umum tersebut. Ketika menjawab pertanyaan wartawan akhbar Sin Chew Jit Poh berkenaan perkara tersebut, terlebih dahulu Lim melahirkan perasaan gembira dan telah mengutus surat mengucapkan tahniah kepada Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock. Menurut perkiraan beliau, kemenangan Perikatan adalah disebabkan manifesto yang menepati kehendak rakyat, iaitu menafirkan slogan merdeka. Kedua, Perikatan dilihat sebagai parti politik yang menjangkau rasisme dan mampu membawa Malaya menuju ke hala yang diestui (rujuk Tay Lian Soo [penyelenggara], 2003: 155-157).

Pemikiran Lim juga dapat dihayati dalam perutusan Hari Raya tahun 1956 yang berjudul "Pembinaan Jiwa". Perutusan diterjemahkan ke dalam skrip Jawi dan diserahkan kepada Said Zahari, Pengarang Utusan Melayu pada ketika itu, kemudian disiarkan pada 5 Mei 1956. Lim telah mengemukakan pandangan dan wawasan beliau tentang masa depan Malaya serta persoalan hubungan kaum dalam sebuah negara yang akan mencapai kemerdekaan. Antara lain, perutusan berkenaan menggariskan dua perkara penting yang perlu diberikan perhatian dalam persoalan pembinaan jiwa:

Dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan pembentukan negara Malaya, perkara yang menjadi perhitungan terpenting ialah persoalan pembinaan jiwa.

Pertama, kita harus memupuk gagasan Hidup Bersama Makmur Bersama. Kita sedia maklum bahawa Malaya adalah negeri yang didiami oleh pelbagai kaum. Setiap kaum yang terlibat dalam meneroka dan membangunkan tanah bertuah ini mempunyai sumbangan masing-masing yang wajar dihargai. Semua kaum harus dilayan sebagai anggota-anggota dalam sebuah keluarga, lantaran itu mempunyai hak dan kewajipan yang sama agar semua pihak yakin bahawa rahmat boleh dinikmati bersama, dan tanggungjawab juga wajib dipikul bersama dalam saat-saat yang genting demi membina sebuah negara yang utuh dan kukuh.

Kedua, memupuk keyakinan menjadikan Malaya sebagai Kampung Halaman yang Pertama. Peringatan ini khusus ditujukan kepada golongan kaum pendatang. Harus diperingatkan bahawa walaupun Saudara mempunyai negara asal, tetapi keturunan Saudara kini sudah menjadi anak Malaya. Malayalah satu-satu Tanah Pertiwi dan Kampung Halaman buat selama-lamanya. Hanya kepentingan Malaya sahajalah perhitungan utama Saudara. Dan negara selain dari Malaya tak lebih sebagai negara tetangga sahaja.

Perutusan ini membayangkan hasrat dan wawasan Lim Lian Geok terhadap sebuah negara baharu yang akan dibangunkan. Semangat patriotisme ditonjolkan dengan penuh sedar, bertimbang rasa dan perasaan rendah diri. Oleh itu, bentuk pemikiran dan semangat yang ditunjukkan oleh Lim sesuai dinamai sebagai patriotisme pragmatik. Gagasan "Hidup Bersama Makmur Bersama" yang dianjurkan oleh Lim juga masih relevan pada hari ini.

USMAN AWANG DAN PEMIKIRAN NASIONALISME BERHEMAH

Pengalaman Usman Awang ketika menyertai pasukan polis pada tahun 1947 telah menanam kesedaran nasionalisme pada diri Usman. Beliau dikatakan berkesempatan mengikuti ucapan beberapa orang pemimpin dalam sebuah kongres anjuran Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

Orang yang berpidato dan memberikan semangat kepada anak-anak muda polis tidak lain tidak bukan ialah Dr. Burhanuddin Al-Helmi. Dan pantun yang terlekat dalam kepala itu benar-benar membakar semangat anak-anak muda polis yang secara diam-diam mengikuti ucapannya. Daripada bait-bait pantun yang berbunyi "Di atas robohan kota Melaka, kita bangunkan jiwa merdeka", membawa kepada puisi "Semangat Merdeka" (lihat Usman Awang 2006: 104) nukilan Anuar dan kata-kata Cikgu Alimin tentang persoalan "gugur sebagai bunga bangsa" benar-benar menggoncang pemikiran Usman.

Adunan antara sejarah hidup beliau yang luar biasa dengan sejarah objektif yang dikatakan sebagai pembuka tirai Perang Dingin membentuk diri Usman yang matang menghadapi gelombang, bijak mengatur langkah serta simpatik menangani situasi. Oleh demikian, kita dapat lihat bahawa semangat patriotik dan nasionalisme Usman tidak meluap tanpa sebab, sebaliknya amat sederhana sifatnya sehingga pengkritik terlepas pandang sentimen Usman yang teranyam lewat karyanya. Sifat yang dimiliki Usman itu sesuai dinamai sebagai nasionalisme berhemah.

Usman umumnya merakamkan sejarah perjuangan kemerdekaan dan detik kemunculan sebuah negara baharu yang bernama Malaya melalui karya sastera beliau yang merangkumi sajak, cerpen dan novel. Namun, pemerhatian beliau terhadap perkembangan sejarah bermula lebih awal lagi, iaitu sejak zaman darurat. Oleh itu, tidak hairan beliau menaruh simpati terhadap pekebun sayur kaum Tionghua yang terpaksa menanggung penderitaan akibat perintah darurat kononnya untuk memerangi komunis, tetapi sebenarnya mencari helah untuk terus berkuasa di daerah ini. Dalam hal ini, Usman sering kali dilihat sebagai agak condong ke kiri dan sering kali pula mengundang semacam kecaman, sama ada daripada rakan penulis atau kritikawan lain.

Usman seolah-olah dari awal lagi sudah menjangka semua itu dan segala salah tanggapan daripada kalangan pengkritik cuba dijawab oleh beliau dalam karya. Misalnya, dalam novel yang sama, Usman melahirkan kesangsian terhadap perkara yang dilakukan oleh anggota keselamatan pada zaman darurat, langsung memberikan tamparan kepada golongan penjajah. Dalam bab 11 berkaitan pasukan hutan mengerah pemindahan besar-besaran, pekebun-pekebun sayur "ke suatu tempat yang telah dikhas untuk mereka dan siap dipagar dengan kawat-kawat berduri yang berlapis", pengarang melalui naratornya melahirkan bantahannya secara halus tentang kerja sia-sia anggota pasukan hutan:

Mereka mara terus mencari buruannya. Mereka mencari orang-orang yang tidak mereka kenali, mereka mencari orang-orang yang tidak mereka tahu bentuk wajahnya, tidak juga mereka tahu nama-namanya, malah tidak pernah mereka musuhi secara langsung. (Usman Awang 2006: 166)

Dengan kata lain, bagi Usman, perbezaan kelas sosial yang terlalu ketara akibat perangkap sistem ekonomi kapitalis yang dipasang oleh pihak penjajah di rantau ini amnya dan Malaya khususnya telah menonggeng-balikkan cara berekonomi dan berbudaya di daerah ini.

Sesudah itu, Usman memberikan tumpuan pada agenda perjuangan mencapai kemerdekaan negara. Bermula daripada cerpen berjudul "Menyambut Lawatan Ketua Tertinggi Barisan Pemuda" dan "Turunnya Sebuah Bendera", pembaca disuguhkan gelegak rasa rakyat Malaya ketika di ambang merdeka. Cerpen "Untuk Malaya Merdeka" pula jelas membayangkan gagasan Usman sendiri terhadap bentuk sebuah negara baharu yang akan ditubuhkan. Tidak ketinggalan dalam genre sajak juga, Usman turut memperlihatkan perjuangan kemerdekaan melalui pengorbanan. Antara sajak tersebut ialah "Lambaian Pertiwi", "Sinar Pagi" dan "Zaman Merdeka". Malah Usman mula melihat perjuangan tersebut dari perspektif yang lebih luas, yakni meletakkannya dalam lingkungan perjuangan dan kebangkitan warga dunia ketiga Afro-Asia yang lebih besar. Hal ini dapat dilihat dalam sajak "Khabar dari Asia".

KESIMPULAN

Lim Lian Geok dan Usman Awang ialah pejuang yang bersemangat kental dari awal hingga penghujung hayat mereka. Mereka berpegang pada perkara yang dianggap benar, lebih-lebih lagi tatkala berdepan dengan penindasan dan ketidakadilan. Kemunculan Lim Lian Geok sebagai pemimpin gerakan pendidikan Cina pada tahun-tahun kemerdekaan ialah manifestasi bantahan kepada dasar pembinaan negara yang eksklusif dan masih dibayangi kekuasaan penjajah. Pendidikan yang terdedah kepada kekasaran tangan-tangan kuasawan akhirnya menyebabkan rakyat jelata terpaksa mencari jalan keluar, sekali gus menjadikan semangat patriotik dan nasionalisme Lim Lian Geok semakin rencam.

Dalam kata pengantar untuk memoir Said Zahari yang berjudul *Meniti Lautan Gelora: Sebuah Memori Politik*, Usman membayangkan gagasan dan idealisme perjuangan beliau yang tidak pernah luntur. Kata beliau, "... karya Said Zahari ini mengembalikan kenang-kenangan manis dan pahit yang saya alami dalam era 50-an dan 60-an, bukan sebagai satu nostalgia tetapi sebagai satu penegasan semula kebenaran perjuangan kami pada zaman itu, khususnya dalam dunia kewartawanan dan persuratkhbaran. Perjuangan yang berteraskan agama, bangsa dan tanah air, kemerdekaan, demokrasi dan keadilan sosial." (Said Zahari, 2001: xxiv). Kata pengantar tersebut ditulis pada tahun 1999, dua tahun sebelum pemergian Usman. Hal ini sudah memadai membuktikan bahawa Usman tidak pernah menggadaikan cita-cita asalnya yang murni hinggalah akhir hayat. Dan inilah wajah-wajah nasionalis yang tulen.

RUJUKAN

- Adibah Amin. (1991). *Degup Jantung: Paduan Pengalaman, Pemikiran dan Kreativiti Usman Awang*. Dlm. Siti Aisah Murad *Kumpulan Esei Jalanan* (hlm. 121-143). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Ahmad. (1974). *Tema Sajak-Sajak Melayu 1933-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Fah Hing (Penyelenggara & Penterjemah). (2010). *Pelopor: Antologi Puisi untuk Memperingati Lim Lian Geok dan Usman Awang*. Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2006). *Key Concepts in Usman Awang's Short Stories: Developing A Critical Tradition*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh: Biografi Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Lian Geok. (1988/1990). *Fengyu shiba nian* (18 Tahun Ribut dan Hujan, Jilid 1 & 2). Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre Bhd.
- Tay Lian Soo (Penyelenggara). (2003). *Lin Lianyu xiansheng yanlunji* (Kumpulan ucapan Lim Lian Geok). Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre Bhd.
- Said Zahari. (2001). *Meniti Lautan Gelora: Sebuah Memoir Politik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Tunku Abdul Rahman Putra. (1977). *Looking Back: The Historic Years of Malaya and Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Tunku Abdul Rahman Putra. (1987). *Political Awakening* (2nd Edition). Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- UCSTAM (ed.) (1987). *Jiao Zong 33 Nian* (Terbitan Cenderamata Sempena Ulangtahun ke-33 Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah China Malaysia). Kuala Lumpur: UCSTAM
- Usman Awang. (1979). *Gelombang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. (1981). *Degup Jantung*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
- Usman Awang & Ismail Ahmad (1983). *Titian Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman Awang. (2006). *Tulang-Tulang Berserakan*. Kuala Lumpur: UA Enterprises.
- Usman Awang. (2007). *Turunnya Sebuah Bendera*. Kuala Lumpur: Petaling Jaya.
- Zurinah Hassan (2006). *Sasterawan Negara Usman Awang* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BUDAYA PERANCANGAN DALAM CERITA PENGLIPUR LARA: ANALISIS BERDASARKAN *HIKAYAT KHOJA MAIMUN*

Sara Beden
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak
sara.beden@ipgmkta.edu.my

ABSTRAK

Budaya merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia seperti idea, amalan, teknik, peraturan dan nilai serta norma yang dianggap sebagai warisan dan dikongsi oleh sekelompok masyarakat. Budaya kehidupan ini turut menyerlah dalam karya sastera tradisi seperti cerita penglipur lara kerana memaparkan cara atau gaya serta corak hidup yang dipraktikkan oleh sesuatu kelompok untuk berinteraksi dan bertindak dalam menyelesaikan sesuatu masalah menerusi watak manusia atau bukan manusia. Makalah ini menekuni budaya perancangan yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu, iaitu *Hikayat Khoja Maimun* dengan mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan, iaitu satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera di Malaysia. Makalah ini bertujuan menganalisis budaya perancangan dalam *Hikayat Khoja Maimun* berlandaskan Prinsip Perancangan yang merupakan salah satu prinsip dalam Pendekatan Pengurusan. Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis teks dan kepustakaan. Analisis memperlihatkan bahawa budaya perancangan menerusi strategi-strategi yang dirangka watak Bayan dalam hikayat ini dapat menangani isu atau persoalan yang hendak diselesaikan. Kejayaan Bayan dalam menyelamatkan rumah tangga tuannya menunjukkan penghayatan dan pembudayaan watak ini terhadap nilai-nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosialnya sebagai ahli masyarakat. Tuntasnya, *Hikayat Khoja Maimun* telah berjaya memanasifestasikan pengaplikasian Prinsip Perancangan dalam sastera tradisional. Perancangan bestari yang dilandaskan dengan dimensi-dimensi strategi yang efisien sudah pasti dapat menjamin kejayaan dan pencapaian objektif yang telah ditetapkan dalam menyelesaikan masalah kehidupan.

Kata kunci: Prinsip Perancangan, strategi, budaya, teknik

PENGENALAN

Karya sastera Melayu tradisional khususnya cerita-cerita rakyat Melayu lahir sebagai simbolik kreativiti pemikiran kritis dan kreatif masyarakat Melayu tradisi. Tradisi lisan berjaya membawakan transformasi keintelektualan dan anjakan paradigma dalam kesusasteraan di alam Melayu kerana telah berkembang dalam bentuk pendokumentasian. Mohamad Zuber Ismail et al. (2014b, 2) berpendapat bahawa nilai-nilai yang terungkap dalam cerita rakyat seperti cerita lipur lara mempunyai pertalian yang rapat dengan tradisi keilmuan, semangat spiritual serta roh kekuatan dan perlengkapan ikhtiar hidup bangsa Melayu. Hakikatnya, prosa tradisional amat kaya dengan unsur didaktik, etika dan nilai yang menjadi wahana untuk mengajar, mendidik, menyindir, menasihati dan menegur golongan tertentu. Walau bagaimanapun, di sebalik nilai moral, etika dan didaktik yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat tradisional terdapat satu aspek penting yang boleh diteliti, iaitu aspek pengurusan. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) dalam makalahnya yang bertajuk, "*Pendekatan Pengurusan : Satu Metode dalam Kritikan Sastera*" berpendapat bahawa sastera tradisional turut menampakkan pengaplikasian prinsip-prinsip pengurusan seperti Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan dan Prinsip Pengawalan.

Hikayat Khoja Maimun telah dipilih sebagai bahan KOMSAS dan mewakili prosa tradisional dalam *Antologi Harga Remaja* (2009). Prosa ini diterajui watak Bayan dan isteri Khoja Maimun. Walaupun Bayan hanyalah watak binatang namun telah diangkat sebagai watak utama yang memiliki daya keintelektualan yang tinggi dalam menangani masalah yang mempunyai keberkaitan dengan etika dan moral. Perincian perancangan ini dapat diteliti berdasarkan objektif, strategi dan teknik yang diaplikasi watak Bayan bagi mencapai visinya. Justeru, makalah ini bertujuan menganalisis budaya perancangan dalam *Hikayat Khoja Maimun* berlandaskan Prinsip Perancangan.

PENGURUSAN

Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) memperkenalkan dan mengetengahkan pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera, iaitu Pendekatan Pengurusan. Pendekatan ini mengandungi lima prinsip, iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan dan Prinsip Kawalan. Makalah ini mengaplikasikan Prinsip Perancangan sebagai landasan analisis. Prinsip perancangan dapat diteliti berdasarkan peringkat-peringkat perancangan, iaitu (i) menetapkan objektif, (ii) membentuk strategi, (iii) pilihan alternatif, (iv) menilai langkah-langkah alternatif, (v) memilih satu cara dan (vi) kajian semula. Peringkat-peringkat perancangan ini merupakan satu entiti yang sangat penting untuk merealisasikan matlamat sesuatu pemikiran dan tindakan. Mohd Zuber & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014a) mendapati bahawa Prinsip Perancangan diperlihatkan dengan terperinci dalam cerita binatang, iaitu Sang Kancil dan Buaya, Pak Belalang dan cerita Si Luncai.

Perbincangan kajian meneliti kemampuan dan keupayaan watak merealisasikan matlamat yang disasarkan berdasarkan dimensi-dimensi perancangan yang dipraktikkan. Perancangan diteliti berfokus pada watak utama, iaitu Bayan yang merupakan watak bukan manusia. Dalam melaksanakan perancangan ini, dimensi-dimensi dalam Prinsip Perancangan dijadikan suatu kriteria untuk menentukan tahap kecekapan dan kebijaksanaan daya fikir watak dalam merencanakan sesuatu perancangan dan seterusnya mencapai objektif secara sistematik dan efisien.

Perbincangan dalam makalah ini hanya menggunakan empat peringkat perancangan dalam Prinsip Perancangan sebagaimana dalam paparan berikut:



Dalam membuat perancangan, dimensi harus bermula dengan penetapan objektif, iaitu apa tujuan yang hendak dicapai, kemudian diteruskan dengan dimensi strategi-strategi yang digunakan untuk mencapai objektif sehinggalah dimensi kajian semula dibuat sama ada strategi tersebut berkesan atau tidak. Sekiranya strategi tersebut berkesan, maka strategi tersebut akan diguna pakai dan diperkukuh untuk mencapai objektif. Penilaian semula akan memastikan objektif akan dapat dicapai atau sebaliknya.

ANALISIS PRINSIP PERANCANGAN DALAM *HIKAYAT KHOJA MAIMUN*

Watak Bayan sebagai jurucakap selain watak utama dalam prosa ini bertindak menyelamatkan isteri Khoja Maimun yang merupakan tuannya dan seorang saudagar kaya dan ternama. Isterinya, iaitu Bibi Zainab telah jatuh cinta dengan seorang anak raja yang tampan semasa Khoja Maimun pergi berdagang sehingga mengikat pertemuan dengan anak raja tersebut. Bertitik tolak daripada kejadian ini, maka Bayan menggunakan kebijaksanaannya dalam membuat perancangan demi menyelamatkan Bibi Zainab daripada curang apatah lagi setelah Bayan menyaksikan Bibi Zainab membunuh Burung Tiung yang telah berterus-terang menuduh Bibi Zainab melakukan perbuatan berdosa dan salah disisi agama. Perbincangan budaya perancangan dalam hikayat ini diperlihatkan menerusi perancangan 1, 2 dan 3 yang dilaksanakan oleh watak Bayan selaku watak utama.

Perancangan 1

Bayan telah membuat perancangan yang sistematik seperti dalam Jadual 1 berikut apabila Bibi Zainab meminta pandangannya ketika hendak keluar bertemu anak raja.

Jadual 1: Perancangan 1

Dimensi Perancangan : Hari pertama	Tindakan
Menetapkan Objektif	Menghalang Bibi Zainab daripada berjumpa anak raja.
Strategi –strategi	1.Bayan memuji Bibi Zainab yang cantik rupawan (halaman 75) dan menyuruh Bibi Zainab pergi pada awalnya.
	2.Bayan mengumpam Bibi Zainab dengan memberikan analogi bahawa dirinya tidak mahu menjadi seperti Bayan dalam <i>Hikayat Bayan</i> . Bibi Zainab meminta Bayan bercerita.
	3. Bayan menghikayatkan <i>Hikayat Bayan</i> , iaitu kisah Bayan yang bulunya dicabut oleh isteri seorang saudagar Istanbul. Bibi Zainab terleka sehingga fajar pun terbit. Akhirnya, Bibi Zainab tidak jadi pergi berjumpa kekasihnya (halaman 80)
Kajian semula	Bayan mendapati strateginya berkesan kerana dapat menghalang Bibi Zainab. Strategi pujian dan bercerita diaplikasikan oleh Bayan bagi mencapai objektifnya.
Pencapaian objektif	Objektif Bayan tercapai pada hari pertama apabila Bibi Zainab membatalkan niatnya untuk berjumpa kekasihnya.

Berdasarkan Jadual 1, strategi-strategi yang ditetapkan oleh Bayan berkesan sehingga berjaya meleakakan Bibi Zainab daripada berjumpa kekasihnya, anak raja itu. Bayan menerapkan unsur pujian dan membuat analogi sebagai mekanisme yang halus supaya tidak menyinggung perasaan Bibi Zainab. Bayan menggunakan strategi dan teknik bercerita untuk menghalang Bibi Zainab daripada menemui kekasih hatinya.

Perancangan 2

Perancangan Bayan pada hari kedua pula dipaparkan sebagaimana dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Perancangan 2

Dimensi Perancangan : Hari kedua	Tindakan
Menetapkan Objektif	Meleakakan Bibi Zainab daripada berjumpa anak raja.
Strategi -strategi	1.Bayan memuji Bibi Zainab dengan kata-kata yang indah.
	2.Bayan meluahkan perasaan bersalahnya dan berpura-pura sedih kerana Bibi Zainab belum sempat bertemu kekasihnya itu akibat leka mendengar ceritanya.
	3.Bayan mengumpam Bibi Zainab dengan menyatakan dirinya mahu menjadi seperti Taif yang setia berkhidmat untuk Raja Tabristan dalam <i>Hikayat Taif</i> (halaman 81-83)
	4.Bayan bercerita, apabila hikayat tamat maka hari pun siang dan Bibi Zainab tidak jadi berjumpa kekasihnya.
Kajian semula	Bayan mendapati strateginya berkesan kerana dapat meleakakan Bibi Zainab buat kali kedua.
Pencapaian objektif	Objektif Bayan tercapai kerana Bibi Zainab terleka.

Berdasarkan Jadual 2, Bayan berjaya memasang strategi dengan menetapkan objektifnya. Dalam perancangan ini, Bayan menambah strategi yang ada dengan meluahkan perasaan bersalah dan kesedihannya kerana Bibi Zainab belum berjaya berjumpa kekasih hati. Kebijaksanaan Bayan menganalogikan dirinya dengan *Hikayat Taif* telah berjaya menarik minat Bibi Zainab. Strategi Bayan dengan bercerita tentang *Hikayat Taif* telah membuatkan Bibi Zainab leka dan alpa sehingga tidak sempat berjumpa kekasihnya untuk kali kedua.

Perancangan 3

Perancangan selanjutnya telah dilakukan oleh Bayan dalam misinya untuk menyelamatkan rumah tuannya sebagaimana dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Perancangan 3

Dimensi Perancangan : Hari Keempat	Tindakan
Menetapkan Objektif	Menyelamatkan Bibi Zainab daripada curang kepada suaminya Khoja Maimun.
Strategi -strategi	<p>1. Bayan menegur dan menasihati Bibi Zainab agar tidak berpakaian mahal dengan perhiasan emas.</p> <p>2. Bayan berpura-pura menyatakan pakaian mahal itu akan menjadi fitnah jika anak raja juga menginginkannya daripada Bibi Zainab.</p> <p>3. Bayan mereka cerita kononnya Bibi Zainab akan dibunuh jika Khoja Maimun melihat anak raja itu memakai perhiasan emas kepunyaannya (halaman 93)</p> <p>4. Bayan menghubungkan kait emas yang dipakai Bibi Zainab dengan <i>Hikayat Serimala dan Pandai Emas</i> sebagai umpan untuk melekakan Bibi Zainab. Bibi Zainab teruja dan meminta Bayan bercerita supaya dia mendapat ikhtibar daripada hikayat tersebut.</p> <p>5. Bayan bercerita kepada Bibi Zainab (halaman 94)</p>
Kajian semula	Bayan mendapati strateginya berkesan kerana dapat menghalang Bibi Zainab buat kali keempat daripada berjumpa kekasih hatinya.
Pencapaian objektif	Objektif Bayan tercapai untuk menyelamatkan Bibi Zainab daripada berlaku curang.

Bayan bukan sahaja mengukuhkan strategi berhikayatnya malahan menyelitkan teguran dan nasihat dengan menganalogikan emas yang dipakai oleh Bibi Zainab dengan perbuatan fitnah. Bayan juga mengaitkan situasi Bibi Zainab dengan hikayat *Serimala dan Pandai Emas* dengan motif untuk melekakan Bibi Zainab agar mendengar ceritanya yang sekali gus menyelamatkan Bibi Zainab daripada berlakunya perbuatan curang.

KESIMPULAN

Tuntasnya, *Hikayat Khoja Maimun* berjaya memantapkan pengaplikasian Prinsip Perancangan dalam sastera tradisional. Prinsip dan budaya perancangan ini dimanifestasikan oleh strategi dan teknik bercerita, pujian, luahan perasaan, membuat analogi dan menasihati. Walau bagaimanapun, strategi bercerita dan strategi pujian yang diaplikasikan oleh Bayan merupakan strategi yang penting untuk mencapai objektif dan matlamatnya. Pemugaran prinsip ini mendampakkan kekayaan khazanah sastera tradisional sebagai wadah untuk menyemai dan menanam bibit-bibit kecintaan generasi yang masih dalam bangku sekolah terhadap ketinggian nilai budaya dalam masyarakat tradisi. Daya keintelektualan dalam pemikiran masyarakat tradisi perlu dipugar dan dicungkil agar dapat mengangkasakan martabat sastera tradisional yang sarat dengan pemikiran yang bernas, cerdas lagi bernilai. Sara Beden (2015) menegaskan bahawa walaupun kita dimomokkan dengan mitos bahawa sastera tradisional tidak memiliki nilai komersial namun hakikatnya sastera ini bukan sahaja mampu berfungsi sebagai kaedah untuk mendidik dan menasihati malah turut memprojeksi aspek pengurusan yang popular dalam dunia moden, iaitu secara

dasarnya wujud dalam sesebuah organisasi. Daya pengurusan yang dipancarkan menerusi perancangan yang bestari oleh watak Bayan mendalilkan daya kepentingan sastera ini dalam denyutan dunia globalisasi yang menuntut daya pemikiran yang kritis, kreatif dan kemahiran yang tinggi.

Prinsip Perancangan yang diaplikasi sebagai landasan analisis menerusi strategi-strategi yang digunakan oleh Bayan menampakkan budaya perancangan bestari yang sistematik dan efisien kerana objektifnya tercapai, iaitu menghalang Bibi Zainab daripada berlakunya perbuatan curang. Bibi Zainab dapat melestarikan kesetiaan seorang isteri pada suami. Bayan telah berjaya menyelamatkan maruah seorang wanita yang terlalu menurut hawa nafsu ketika ketiadaan suami di rumah tanpa menyinggung dan menimbulkan konflik dengan watak sasarannya itu. Kejayaan Bayan juga bertitik tolak daripada keberkesanan dimensi-dimensi yang diaturnya bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan selain mengoptimumkan teknik bercerita. Kebijaksanaan dan kebestarian Bayan dalam hikayat ini memanasifestasikan pengamalan budaya ini dalam corak kehidupan masyarakat tradisi yang memiliki daya keintelektualan yang tinggi. Mohamad Zuber Ismail et al. (2015) menegaskan bahawa Prinsip Perancangan dapat memprojeksi kehidupan masyarakat Melayu tradisi.

RUJUKAN

Antologi Harga Remaja (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastera. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua, Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober.

Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014a). Prinsip perancangan: penelitian berdasarkan cerita-cerita rakyat. Bridging The Unbridgeable Proceeding, International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea, 14th -16th May, Korea Selatan

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hasan (2014b). Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara. *The Journal of Business and Social Development*, 3 (2), 1-16.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014c). Prinsip Kepimpinan: Analisis Berdasarkan Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Kertas kerja yang dibentangkan dalam 3rd International Language Conference (IIC), Centre For Languages And Pre-University Academic Development (Celpad), International Islamic University Malaysia (IIUM), 4th -6th Jun.

Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hasan (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 95-116.

Sara Beden (2015). Prinsip Perancangan dalam *Hikayat Khoja Maimun*. *Pelita Bahasa*. Bil 1 (Januari), 24 -27.

HUBUNGAN ANTARABANGSA DALAM NOVEL-NOVEL FAISAL TEHRANI DAN SEJARAH MELAYU

Wan Zaliha Wan Othman
wanzalihalim@yahoo.com.my
IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan

Amanah Mohd Noor
amanahnoor@gamil.com
IPG Kampus Raja Melewar, Seremban, Negeri Sembilan

ABSTRAK

Hubungan Diplomatik Malaysia - Republik Rakyat China telah berusia 35 tahun pada 31 Mei 2009 dan berterusan sehingga sekarang. Hubungan ini berjalan dalam pelbagai cara dan kaedah. Melalui kajian ini, pengkaji melihat hubungan yang berlaku dalam novel-novel Faisal Tehrani dan yang tercatat dalam *Sejarah Melayu*. Faisal Tehrani ialah seorang penulis prosa moden dan juga pengkritik sastera tanah air. Beliau menulis cerita yang menunjukkan hubungan Malaysia dengan negara-negara luar. Beliau menulis menerusi pengalaman, kajian, dan pembacaan dari semasa ke semasa. Dalam kertas kerja ini, hubungan antarabangsa yang wujud dalam novel-novel Faisal Tehrani dan catatan sejarah lampau oleh penulis-penulis lebih awal merangkumi hubungan dari segi perundangan/ekonomi, hubungan politik, hubungan keagamaan, hubungan kesenian, hubungan perubatan/dan hubungan akademik. Hubungan perdagangan membicarakan perdagangan yang berlaku antara Malaysia/Tanah Melayu dengan Negara-negara lain seperti China, India dan Sumatera. Hubungan diplomatik pula dikaitkan pengaruh pemikiran ataupun penjajahan. Hubungan diplomatik ini menunjukkan perkaitan antara negara yang terlibat dengan tanah air penulis sendiri. Hubungan politik memihak kepada cerita dengan corak pemerintahan yang menunjukkan kehebatan negara masing-masing dalam mentadbir negara. Hubungan yang turut dibincangkan ialah hubungan keagamaan dan hubungan perubatan/akademik. Peristiwa yang berlaku dalam setiap novel dan cerita sejarah dalam *Sejarah Melayu* yang ditulis menunjukkan pelbagai bentuk hubungan antara Malaysia dengan negara luar khususnya negara China. Hubungan ini menunjukkan sejak zaman berzaman Tanah Melayu sudah ada ikatan yang erat dengan negara lain dan hubungan ini dipupuk dalam bentuk pelbagai cara sama ada hubungan sebenar dan hubungan penulisan prosa kreatif.

Kata kunci: hubungan, pengaruh, pengalaman, kajian

PENGENALAN

Novel Faisal Tehrani menceritakan hubungan dengan negara Cina, Arab, dan negara-negara yang lain. Kebanyakan novelnya membicarakan bentuk hubungan antara Malaysia dengan negara lain dan hubungan ini dalam bentuk perdagangan/ekonomi, politik, keagamaan, kesenian, perubatan, dan akademik. *Sejarah Melayu* turut mencatatkan pelbagai peristiwa dan kejadian yang menunjukkan hubungan Tanah Melayu dengan Tanah Besar China.

HUBUNGAN PERDAGANGAN/EKONOMI

Hasil bumi Tanah Melayu membuatkan Inggeris dan Perancis berikhtiar menakluki Tanah Melayu. Melaka ditakluki Portugis tahun 1511 (Raja Haji Ahmad et.al: 1982) kerana kawasan Linggi yang dimiliki Johor, (Raja Kecil). Sultan dan pengikutnya membuka pelabuhan di Sungai Johor dan menarik pedagang-pedagang dari luar. Orang Melayu Melaka telah menyediakan entrepot bagi urusan saudagar China, India, Indonesia, dan orang-orang Eropah dan hubungan perdagangan telahpun wujud antara kepulauan Melayu dengan China.

Watak Ben Qortubi yang tinggal di Pulau Sukma (Terengganu) dalam *Bedar Sukma Bisu* menunjukkan hubungan Malaysia dengan China menguasai hampir keseluruhan Pulau. Meskipun perang sudah memasuki Selatan China, namun semangat Ben Qortubi makin kuat untuk terus berdagang kerana beliau berpendapat makanan adalah keperluan utama manusia. Perang tahun 1939 membuatkan Ben Qortubi dan isterinya, Fatimah diseksa sehingga dagangannya dihentikan seketika. Semangatnya pulih setelah Jepun kalah dan beliau membina semula kapal dagang dengan nama *Bedar Sukma Bisu* untuk digunakan semula.

Bedar Sukma Bisu menceritakan Muhammad Chen yang berketurunan China menetap di Labuan dan menyambung semula empayar perkapalan dan perniagaannya melebar pula ke Kota Kinabalu. Moyang Chen telah merantau ke Manila pada tahun 1800-an dan menguasai perniagaan di Labuan dan Cagayan, Sulu. Moyangnya berhijrah ke Brunei dan mengembangkan perniagaan eksport import kapas, tembakau, tebu, kopi, dan lada hitam. Pulau Labuan dijadikan pusat penyimpanan makanan dan kapal dagang dari serantau ceruk dunia datang berniaga di Labuan seperti Singapura, Hong Kong, Brunei, Manila, Syarikat Hindia Belanda, Perairan Sulu, Australia, Jepun, Vietnam, Kepulauan Caroline, dan China.

Menurut M. Rajantheran (1999: 72) hubungan Seriwijaya dengan China wujud kerana China kuasa perdagangan besar di samping India sejak Masihi lagi. Hubungan dikukuhkan lagi dengan pembinaan biara agama oleh Seriwijaya untuk memanjangkan usia Maharaja Cina. Bukti kesusasteraan menunjukkan hubungan perdagangan Alam Melayu dengan negara China (ibid: xi) dan China dikatakan pembekal utama beras kepada Tanah Melayu walaupun dibawa masuk secara haram oleh Ben Qortubi.

Hubungan China dengan Tanah Melayu menerusi watak Chen turut berhubung dengan Wefada dan mereka bercinta dan berkahwin apabila Chen menyambung pengajiannya di Amerika Syarikat. Ikatan perkahwinan memanjangkan silaturrahim antara Malaysia dengan China yang meluaskan lagi hubungan Malaysia dan China. Chen bercita-cita tinggi dalam membantu kepesatan ekonomi serantau iaitu Vietnam, Kemboja, Siam, Selatan China dan menganjur ke China dengan mendirikan pelabuhan di luar Kota Bharu.

Wefada meneruskan usaha suaminya untuk membangunkan Pelabuhan Pulau Sukma setara pelabuhan di Pantai Barat yang berkembang pesat iaitu Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Kepesatan ekonomi China akan membolehkan Pelabuhan Pulau Sukma menjana ekonomi Negara dan impian ini mewujudkan memudahkan hubungan Malaysia - China untuk memasarkan barangan dari kedua-dua buah negara.

HUBUNGAN KASIH SAYANG DAN PERSAUDARAAN

Perkahwinan Chen dengan Wefada dalam Bedar Sukma Bisu menghubungkan ikatan silaturrahim antara dua benua dan perkaitan hubungan persaudaraan berlaku kerana keturunan Raja Iskandar Zulkarnain pernah ke negeri China. Dakwaan Chen dibuktikan dengan mengikuti salahsilah keluarga. Menurut buku Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) karangan A. Samad Ahmad, Raja Suran berkahwin dengan Tuan Puteri Onang Kiu (anak Raja Chulan) dan anak mereka dinamakan Tuan Puteri Cendani Wasis dan kecantikannya membuatkan Raja China meminati beliau untuk digandingkan dengan anaknya yang bernama Raja Cu Lan. (hlm. 17-18).

Menurut buku Sulalatus Salatin (1986), hubungan China dengan kepulauan Melayu ini terbina apabila China menghantar barang-barang berikut kepada raja Melaka:

Jarum sarat sebuah pilau, ... sutera benang emas kimka dewangga, ... benda yang gharib-gharib. ... Setelah datang ke balairung, maka disambut oleh bentara, diberikan kepada khatib ... (ibid, hlm. 131)

Hubungan perkahwinan telah lama wujud Malaysia dengan China semenjak pemerintahan Raja Suran lagi. Masa itu, China terkenal dengan kuasa ekonomi dunia, namun kasih sayang tersebut dipanjangkan semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah yang menerima rombongan Maharaja China dengan membawa pelbagai hadiah tanda persahabatan.

HUBUNGAN POLITIK

Hubungan ekonomi dan hubungan politik turut akan memainkan peranan dan kedatangan rombongan Maharaja China ke Melaka menjadi daya penarik Maharaja China membina hubungan dengan Melaka. Kemasyhuran kepulauan Melayu yang menakluki banyak jajahan di bawah pentadbiran Raja Suran menyebabkan Maharaja China menghantar utusan lebih awal sebelum China diserang tentera Raja Suran.

Maharaja China menyatakan masa yang panjang untuk ke China sehinggakan orang muda menjadi tua, pokok kesmak ditanam berbuah dan besi yang besar bertukar menjadi jarum yang kecil. Raja Suran mempercayainya dan tidak jadi menyerang China. Peristiwa itu menyebabkan hubungan politik antara China dan Kepulauan Melayu terbina hasil perkahwinan anak Raja Suran dengan anak raja China.

Hubungan politik Malaysia – China ini bermula apabila Kepulauan Melayu yang kaya khazanah ekonomi menyebabkan pedagang berlayar sehingga ke negeri China. Hubungan itu menyebabkan berlaku perebutan sebahagian kekayaan semulajadi yang dimiliki Kepulauan Melayu. (Daniel Perret, etc: 2001). Persengketaan politik ini terjelma dalam novel 1515 dengan Watak Nyemah Mulya telah meyakinkan sultan mengumpulkan askar dari Jawa, Palembang, Siak, Inderagiri, Aceh, Champa, Kelantan, Kedah, Melaka dan orang-orang Bugis untuk membebaskan Goa dari cengkaman Portugis.

Persengketaan politik menyebabkan suami Nyemah Mulya (saudagar kaya dari Canton - China) menyumbangkan kewangan kepada angkatan perang untuk ke Sepanyol dan Portugal dalam mempertahankan kuasa politik mereka. Walaupun suami Nyemah Mulya (Samsuddin) banyak membantu dalam mempertahankan politik isterinya, Samsudin juga menggunakan isterinya untuk merampas ketuanan Melayu (hlm. 295).

Menurut Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu: 1986), hubungan politik China dengan kepulauan Melayu makin kukuh apabila Sultan Mansur Syah berkahwin dengan puteri Maharaja China. Hubungan makin utuh ekoran raja China dijangkiti gatal-gatal seluruh badan dan beliau sembuh apabila raja China disuruh minum, basuh muka, dan mandi air basuh kaki raja Melaka. Ekoran itu, Maharaja China bersumpah untuk tidak disembah oleh anak cucu raja Melaka dan menitahkan kedua-dua negara hidup dalam berkasih-kasihan (ibid: 137).

Hubungan ini berpanjangan juga disebabkan peristiwa makan kangkung rombongan raja Melaka. Rakyat China sendiri tidak berpeluang melihat dekat wajah raja dan permaisuri. Saranan Tun Perpatih Putih agar rombongan diberi makan kangkung rebus tanpa dipotong, membolehkan Maharaja China dilihat duduk di dalam mulut naga pada mungkur kacanya (ibid:133). Maharaja China juga mendapat idea bagaimana beras yang beliau makan itu perlu dikupas bukan lagi ditumbuk. Baginda juga menjadikan raja Melaka sebagai menantu yang menguatkan lagi hubungan politik antara negara China dan kepulauan Melayu.

HUBUNGAN KESENIAN

Hubungan kesenian kain songket kebanggaan masyarakat Melayu wujud sejak sebelum merdeka dan China pula terkenal dengan suteraanya. Peniaga-peniaga berulang-alik dari China mengambil sutera Cina untuk dipasarkan di Malaysia. Dalam Manikam Kalbu, hubungan kesenian pembuatan Busana Melayu dilihat ketika watak Dang Nurhalijah merekacipta busana Melayu untuk bertanding. Rekaan busana turut dikagumi sultan ialah penyertaan dari Tun Matin (Manikam Kalbu) dan dimenangi Manikam Kalbu. Dang Nurhalijah teruja untuk menang kerana berhajat menuntut ilmu busana ke negeri China, namun beliau kalah di tangan Manikam Kalbu.

Negara China mengkagumi busana orang Melayu yang terbukti dengan kekaguman maharaja China melihat persembahan dan menggunakan sapu tangan. Untuk membuktikan kebijaksanaan rombongan Sultan Muhammad Syah, Maharaja China menguji Manikam Kalbu dengan lima soalan tenunan. Manikam Kalbu menjawab soalan-soalan tersebut dan Maharaja China begitu teruja dan tergelak setiap kali jawapan dibacakan yang menyebabkan Melaka dan China makin erat kerana seni busana.

HUBUNGAN KEAGAMAAN

Hubungan keagamaan turut mempengaruhi proses sosial China/Malaysia. Dalam Bedar Sukma Bisu, Chen keturunan dari negara China telah memeluk Islam ekoran perkenalan dengan pemuda berbangsa Korea yang memeluk Islam setelah menjadi anak kapal milik saudagar Arab dari Qatar dan berkahwin dengan Wefada. Beliau mengkaji Islam apabila Imam Khomeini dapat mengalahkan kerajaan boneka Amerika di Iran. Di Kuala Lumpur dan Jakarta beliau mendalami ajaran Islam ini.

Chen juga memeluk Islam setelah meneliti pelayaran Laksamana Cheng Ho yang memeluk Islam dan kebangkitan Islam pada tahun 1980-an menjadikan minat terhadap Islam makin bersemarak. Ini dikukuhkan dengan ilmu sistem ekonomi Islam yang dipelajari berjaya meyakinkan dirinya untuk menjadi penganut Islam. Tambahan pula Chen menikahi Wefada yang menguatkan lagi hubungan dua benua ini.

Bangsa Melayu dan Cina jika beragama Islam adalah tidak tergambaran (1515:213) bermaksud hubungan ini akan menjadikan dua bangsa yang berbeza hidup dalam satu persefahaman yang baik dan hubungan ini wujud sejak pemerintahan Sultan Mansur Syah. Mengikut Sejarah Melayu (1986), setelah rombongan Maharaja China diterima baik oleh Sultan Melaka, maka rombongan Melaka dialu-alukan ke China dan akhirnya hubungan ini diikat melalui perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hang Liu dan memperoleh anak bernama Paduka Hamimat. Rombongan dari China telah diislamkan oleh Sultan Mansur Syah yang menguatkan lagi kekeluargaan ini.

Mengikut salasilah dalam Sejarah Melayu (ibid: 134), rombongan dari China tadi diberi penempatan di luar kota Melaka dan mereka telah menggali perigi dan dari situ wujudnya nama Bukit China di Melaka yang kekal sehinggalah sekarang. Hubungan keagamaan menunjukkan hubungan Cina dengan Alam Melayu terbukti apabila sami Buddha yang bernama I-Cing mengunjungi India pada tahun 671 Masihi. Mengikut catatan Wheatly, 1966, (M. Rajantheran: 1999) I-Cing belayar dari Canton sewaktu angin monsun timur laut selama 20 hari dan beliau sampai di Sriwijaya. Selepas enam bulan, beliau ke Mo-lo-yu (Melayu-Jambi) dan apabila angin barat laut bertiup beliau belayar ke Kedah. Dari situ pula I-Cing Ke India semula sebelum balik ke China.

Hubungan agama Buddha yang dibawa oleh I-Cing ini menunjukkan I-Cing juga menjadi orang penting dalam membawa pengaruh agama Buddha kepada orang Cina di Malaysia. Catatan dua orang sami Buddha yang dianggap penting dalam hubungan dengan Alam Melayu iaitu Fa-Hsien yang tiba di India tahun 399 Masihi dan kembali ke China tahun 413 – 414 masihi. Ini bermakna hubungan China/alam Melayu telah ada melalui sami Buddha yang berkunjung ke alam Melayu dan menuju ke India sebelum balik semula ke China.

KESIMPULAN

Hubungan Malaysia–China wujud sejak pemerintahan Raja Iskandar Zulkarnain lagi. Desakan kepentingan ekonomi menjadi daya tarikan utama untuk menjajah negeri yang mempunyai hasil bumi yang banyak seperti kepulauan Melayu. Hubungan sebegini menjadikan rakyatnya saling berhubungan untuk kepentingan bersama. Catatan sejarah lampau membuktikan Malaysia dengan negara China wujud dalam pelbagai dimensi seperti penjajahan, ekonomi, keagamaan, dan perkahwinan.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (1986), *Sulalatus salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2002). *1515*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2007). *Manikam Kalbu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal Tehrani. (2007). *Bedar sukma bisu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.Rajantheran. (1999). *Sejarah Melayu – kesan hubungan kebudayaan Melayu dan India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji. (1982). *Tuhfat al-nafis*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Daniel Perret, Puteri Rashidah Megat Ramli. (2001). *Hubungan budaya dalam sejarah dunia Melayu – artikel majalah archipel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BERBICARA MENGENAI PUISI MELAYU DAN CIRI-CIRI CIPTAANNYA

Bai Danni
Maktab Perguruan Minjiang
931652985@qq.com

ABSTRAK

Puisi membawa keistimewaan budaya bangsa dan maklumat kebudayaan. Puisi adalah intipati dalam bidang bahasa serta genre sastera yang khusus. Puisi dikenali oleh dunia kerana bahasanya ringkas dan indah, pemikirannya yang mendalam dan rimanya seperti lagu yang indah-indah. Puisi ialah bahasa yang paling cantik di seluruh dunia. Makalah ini memperkenalkan kemunculan dan perkembangan puisi Melayu, penulisan terkenal, bahasa, komposisi dan klasifikasinya dengan ringkas. Makalah ini juga memberikan tumpuan pada ciri-ciri ciptaannya supaya para sarjana berminat pada puisi Melayu dan mengkaji bidang ini dengan teliti.

Kata kunci: Melayu, puisi Melayu, ciri-ciri ciptaan

PENDAHULUAN

Setiap negara mempunyai konotasi budaya yang kaya dan ciri-ciri budaya yang unik. Kebudayaan ialah satu konsep yang sangat luas. Ia mengandungi agama, kepercayaan, adat-istiadat, moral, jiwa, pemikiran akademik, sastera, seni, sains dan teknologi, dan pelbagai sistem lain. Tambahan pula, kesusasteraan ialah sejenis seni tentang bahasa lisan dan bahasa tulisan. Ia menggunakan bahasa sebagai alat, dengan bantuan pelbagai retorik dan cara pengucapan untuk melahirkan fikiran atau perasaan dalaman dan muncul semula kehidupan sosial tempoh tertentu. Ia meliputi drama, puisi, novel, esei dan lain-lain. Ia juga sejenis bentuk ekspresi budaya yang penting.

Puisi ialah sejenis genre sastera yang terdapat fonologi dan nyanyian. Melalui bahasa, selain menyampaikan makna tulisan, ia juga berdasar dari citra seni yang kuat sentimen untuk meluahkan perasaan tentang perkara-perkara di luar dan menyatakan emosi dan rasa keindahan supaya membangkitkan perasaan simpati pembaca.

Sebagai sebuah karya ciptaan manusia, puisi tidak dapat lari daripada proses perubahan dan pematangan. Misalnya, perubahan dari satu tahap ke satu tahap, seperti dari tahap tradisional ke tahap moden. Makalah ini adalah laporan kajian tentang puisi Melayu dan ciri-ciri kreatifnya.

Kajian ini bertujuan:

- a. Mengetahui pasti ilmu asas tentang puisi Melayu seperti konsep, sejarah, komposisi, klasifikasi dan lain-lain.
- b. Menganalisis genre biasa puisi Melayu dari pelbagai aspek seperti jenis, komponen, suku kata, rima, kegunaan dan lain-lain.
- c. Menghuraikan daya batin dan isi hati yang disampaikan oleh puisi-puisi yang berasal dari sumber berkaitan supaya mendapat fahaman yang lebih mendalam tentang puisi Melayu.

